MELAYU, NASIONALISME RADIKAL DAN PEMBINAAN BANGSA

AHMAT ADAM

MELAYU, NASIONALISME RADIKAL DAN PEMBINAAN BANGSA

MELAYU, NASIONALISME RADIKAL DAN PEMBINAAN BANGSA

AHMAT ADAM

PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
www.umpress.com.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 2760

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. 196906
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Ahmat Adam 2013
Cetakan Kedua 2014

Semua hak terpelihara.
Tiada mana-mana bahagian jua
daripada penerbitan ini
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperoleh semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekali pun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau lain-lain tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ahmat Adam
Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa/Ahmat Adam.
Mengandungi indeks
Bibliografi: ms. 187
ISBN 978-967-488-027-9
1. Malay (Asian people)--Malaysia--Politics and government.
2. Nationalism--Malaysia I. Judul.
305.89923

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Kepada cucuku yang dikasihi,
Alanna Citra Raqiya Azam, dan Arif Qasim Azam,
semoga mereka nanti boleh mengerti.

Kandungan

Prakata *ix*
Senarai Singkatan *xiii*

1 **Identiti dan Citra Melayu dalam Lintasan Sejarah Bangsa Rumpun Melayu** **1**

2 **Mempertikaikan Kemelayuan: Identiti Melayu Menyeberang Sempadan** **14**

3 **Islam di Malaysia: Sedikit Latar Belakang Sejarahnya** **30**
Kedatangan Islam ke Asia Tenggara 30
Islam di Malaysia 31
Sejauh manakah Melaka berperanan sebagai sebuah pusat penyebaran Islam? 32
Antara Melaka dengan Aceh sebagai kerajaan Islam 33
Faktor Bugis dalam budaya politik Melayu 34
Inggeris Bertapak 34
Perkembangan Islam pada abad ke-19 35
Gerakan Kaum Muda dan Pan-Islam 35
Pers dan Pendidikan sebagai Pemangkin Kesedaran 36
Tumbuhanya Kesedaran Politik 37

4 **Perpaduan Umat Melayu: Satu Tafsiran Sejarah** **41**

5 **Pengaruh dari Indonesia dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan Melayu** **55**
Bilakah Istilah "Indonesia Raya" digunakan? 58

6 **'Melayu Raya' sebagai gagasan Politik Antikolonial dalam Sejarah Perjuangan Kemerdekaan** 69

7 **Kesedaran Politik Bumiputera Sabah** 93

8 **Perlembagaan Rakyat: Upaya Kaum Bukan Melayu dan Aliran Kiri Melayu Membina Nasion Malaya yang Berbilang Bangsa** 108

9 **Politik Melayu dan Semangat Kebangsaan** 126
Quo Vadis Nasionalisme Melayu? 134

10 **Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan: Sikap Orang Cina Malaysia Terhadapnya** 139

11 **Permasalahan Kebudayaan Kebangsaan: Menjenguk Kembali Isu-Isunya** 159

12 **Pembinaan Nasion dan Masalah-Masalahnya: Pengalaman Malaysia** 166

Glosari 185
Bibliografi 187
Indeks 195

Prakata

Himpunan 12 makalah ini merupakan kertas kerja yang telah dibentangkan di beberapa seminar dan persidangan sepanjang hampir dua dasawarsa, bermula dari tahun 1994 hinggalah ke tahun 2012. Makalah yang terakhir dibentangkan ialah kepada khalayak pelajar dalam seminar anjuran Persatuan Pelajar Malaysia di United Kingdom dan Eire yang diadakan di Universiti Warwick. Empat daripada makalah yang terkumpul ini telah pun diterbitkan, masing-masing di dalam jurnal *Manu*[1] dan *Historia*[2] dan majalah *Perpaduan*[3] dan satu esei lagi di dalam sebuah prosiding;[4] manakala lapan yang lain belum diterbitkan di mana-mana. Untuk memudahkan pembaca mengikuti dengan lebih selesa perbincangan di dalam makalah-makalah ini, penulis telah menyusunnya mengikut bab, dengan urutannya dibuat berasaskan kesinambungan tema dan mauduk yang disampaikan. Bab terakhir, yang ditulis dan dibentangkan dalam bahasa Indonesia di hadapan khalayak sarjana di Bandung, walau bagaimanapun, telah dikekalkan dalam bentuk aslinya.

Kepada pihak yang telah mengundang penulis untuk membentangkan kertas kerja dalam seminar dan persidangan yang dinyatakan, penulis ingin mengucapkan terima kasih. Penulis juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak yang menyelenggarakan jurnal-jurnal yang telah menerbitkan makalah-makalah berkaitan kerana sudi membenarkan penulis membuat penerbitan semula. Penulis juga telah mengedit semula dan membuat tambahan maklumat di sana sini, mengikut kewajarannya, pada makalah-makalah tersebut, dan pada makalah-makalah yang belum diterbitkan di mana-mana. Pada bahagian-bahagian tertentu di dalam beberapa makalah yang diterbitkan sekarang ini penulis telah membetulkan beberapa kesalahan atau kesilapan yang umumnya melibatkan ejaan, penggunaan istilah, tatabahasa, dan juga kesilapan tipografi.

Kendatipun demikian, sepatah kata peringatan, sekalipun penerbitan semula makalah-makalah ini dibukukan dalam bentuk sebuah koleksi, namun, lantaran sifat asalnya sebagai kertas kerja, maka tidak dapat dielakkan jika sekiranya terdapat ulangan beberapa fakta di dalam bab-bab yang telah disusun. Seyogia dimaklumi, sebagai makalah, pembentangan setiap satu daripadanya telah dibuat di seminar yang berbeza, hadirin yang umumnya berlainan, dan bahkan fokus perbincangannya juga berbeza – istimewanya perkara-perkara yang menyangkut asal usul pertumbuhan gerakan kiri[5] Melayu dan pengaruh semangat kebangsaan Indonesia dalam gerakan nasionalisme radikal Melayu.

Upaya untuk menerbitkan makalah-makalah ini dalam bentuk sebuah buku lebih didorong oleh hasrat untuk membolehkan lebih ramai pembaca mengikuti pandangan-pandangan yang telah penulis kemukakan sehingga kini mengenai orang Melayu dan gerakan kebangsaannya. Adalah diharapkan pandangan-pandangan dari sisi lain ini dapat memberikan sedikit sumbangan fikiran terhadap muzakarah intelektual mengenai orang Melayu dan perkembangan politik semasa yang kini sedang rancak berlaku dalam kalangan anggota masyarakat Malaysia melalui media massa dan blog-blog politik di internet yang mengulas hal-hal politik semasa yang melibatkan orang Melayu.

Diharapkan penerbitan buku ini akan setidak-tidaknya dapat mengisi kepustakaan pengetahuan umum mengenai orang Melayu dan aliran yang disebut 'kiri' yang dibawa dalam gerakan kebangsaan awal orang Melayu ketika menentang penjajahan. Juga menjadi harapan penulis agar mereka yang berbicara mengenai orang Melayu dan keperibumiannya di negara ini jangan melupai bahawa Melayu itu adalah sebahagian daripada bangsa rumpun Melayu yang mendiami gugusan kepulauan Melayu.

Akhir sekali penulis mengucapkan banyak terima kasih kepada Sdr. A. Halim Ali yang sebelum ini memegang jawatan Profesor di Pusat Pengajian Nusantara di Universiti Malaysia Sarawak kerana dengan sabar dan tekun telah membaca manuskrip asal serta memberikan teguran-teguran yang membina sebelum ia diterbitkan sebagai buku. Jika terdapat sebarang kesalahan atau kelemahan di dalam karya ini kepada penulislah harus dibebankan tanggungjawab memikul kesilapan itu.

Ahmat Adam
Taman Sekamat, Kajang

Nota

[1] Makalah yang berjudul 'Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan: Sikap Orang Cina Malaysia Terhadapnya' telah diterbitkan di dalam *Manu*, jurnal Pusat Penataran Ilmu Universiti Malaysia Sabah, vol. 1, no. 1, 1998.

[2] 'Perlembagaan Rakyat: upaya kaum bukan Melayu dan kelompok kiri Melayu membina nasion Malaya yang berbilang kaum' telah diterbitkan dalam versi bahasa Indonesia oleh *Historia*, jurnal pendidikan sejarah, Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung, vol. viii, no. 2, 2007.

[3] Makalah yang asalnya berjudul "Kesedaran Politik Peribumi Sabah" pernah diterbitkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di dalam majalah *Perpaduan* keluaran pertama tahun 2000.

[4] Makalah berjudul 'Pengaruh dari Indonesia dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan Melayu telah diterbitkan di dalam prosiding *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia* oleh Penerbit Universiti Malaya pada 1996.

[5] 'Kiri' adalah istilah politik yang umumnya merujuk kepada sebarang pendirian politik yang memperjuangkan kepentingan gologan yang miskin, atau tertindas dan mereka yang digolongkan sebagai tiada mempunyai hak istimewa (*underprivieged*). Gerakan kiri biasanya menentang kekuasaan, harta, dan keistimewaan kedudukan yang diberikan secara memilih kepada sesuatu golongan atas muslihat mengawal kepentingan kelas dan institusi ekonomi dan sosial yang telah bertapak. Lihat Simon Blackburn, *Oxford Dictionary of Philosophy*, Oxford University Press, Oxford, 1996, h. 215.

Senarai Singkatan

AMCJA	All Malaya Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BARIP	Barisan Pemuda
BPUPKI	Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia
CJA	Council of Joint Action
CLC	Communities Liaison Committee
CO	Colonial Office
DKA	Darah Keturunan Arab
DKK	Darah Keturunan Keling
GEMPAR	Gabungan Melayu Patani Raya
IMP	Independence of Malaya Party
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KRIS	Kesatuan Rakyat Istimewa [Indonesia] Semenanjung
MATA	Majlis Tertinggi Agama Islam
MBRAS	Malaysian Branch Royal Asiatic Society
MDU	Malayan Democratic Union
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MUP	Malaysian Unity Plan
PETA	Pembela Tanah Air
PIJ	Political Intelligence Journal
PKI	Partai Komunis Indonesia
PKMM	Partai Kebangsaan Melayu Malaya

PMCJA	Pan-Malayan Council of Joint Action
PMFTU	Pan-Malayan Federation of Trade Unions
PNI	Partai Nasional Indonesia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SCBA	Straits Chinese British Association
SITC	Sultan Idris Training College
SM	Sebelum Masihi
UCSCAM	United Chinese School Committees Association of Malaysia
UCSTA	United Chinese Schools Teachers Association
UMNO	United Malays National Organisation
UPKO	United Party Kadazan Organization
USNO	United Sabah Nationa Organization
r.	menjadi raja
w.	wafat

1

Identiti dan Citra Melayu dalam Lintasan Sejarah Bangsa Rumpun Melayu[1]

Seseorang yang mengkaji sejarah purbakala Malaysia, bahkan juga sejarah modennya tidak akan dapat menyisihkan kajian mengenai sejarah kepulauan Asia Tenggara secara keseluruhannya. Kawasan ini yang oleh ahli-ahli arkeologi disebut *Indo-Malaysian archipelago* atau oleh ahli-ahli sejarah dan antropologi sebagai Gugusan Kepulauan Melayu, dan oleh penulis-penulis Melayu sebagai "Nusantara" adalah jelas merupakan satu kawasan budaya yang mempunyai latar belakang ekologi dan geografi yang sama. Penduduknya terdiri daripada beberapa bangsa utama iaitu Melayu, Jawa, Sunda, Bugis, Bali, Dusun, Iban, Batak, dan beberapa suku bangsa yang serumpun yang mendiami kepulauan Melayu-Indonesia. Turut tergolong dalam rumpun 'Melayu' ini ialah suku-suku bangsa di Filipina, Singapura dan Brunei Darussalam. Para ahli arkeologi menganggap bangsa-bangsa peribumi di rantau ini tergolong di dalam kumpulan manusia yang disebut Mongoloid Selatan dan bahasa-bahasa mereka dianggap sekeluarga dengan kumpulan bahasa-bahasa yang disebut Austronesia.

Walaupun kewujudan persamaan pada latar belakang geografi dan ekologi wilayahnya memungkinkan kepulauan Indo-Malaysia itu disebut 'Alam Melayu', tidak pula boleh dinafikan bahawa di dalam rumpun yang disebut 'Melayu' itu pun terdapat banyak kelainan antara satu bangsa dengan yang lain, justeru kerana dicorakkan oleh perbezaan bahasa dan tempat atau wilayah kediaman masing-masing. Selain itu, di sebalik angka majoriti bangsa-bangsa rumpun Melayu itu, tidak pula semua kumpulan etnik di kepulauan Melayu itu dapat digolongkan di dalam satu rumpun. Hakikatnya ialah, penduduk alam Melayu itu sebenarnya terdiri daripada dua ras geografis manusia: Austro-Melanesian (atau Australoid) dan Mongoloid (atau lebih khusus lagi, Mongoloid Selatan). Dalam kumpulan manusia Mongoloid Selatan inilah tergolongnya bangsa-bangsa rumpun Melayu yang menuturkan bahasa-bahasa Austronesia. Ahli-ahli arkeologi menganggap

penutur bahasa-bahasa Austronesia ini telah menduduki Asia Tenggara sejak 5000 tahun yang lalu yakni sejak zaman *Pleistocene*.[2] Mereka ini, menurut sebahagian ahli arkeologi, adalah keturunan daripada penduduk yang asalnya telah berhijrah dari kawasan China selatan dan Taiwan. Pandangan bahawa penutur bahasa-bahasa Austronesia ini berasal dari wilayah-wilayah ini, walau bagaimanapun, telah disanggah kuat oleh sarjana Oxford, Stephen Oppenheimer, seorang ahli pediatrik, juga pakar dalam sintesis kajian DNA dengan berasaskan bukti-bukti arkeologi dan iklim.[3]

Kendatipun keturunan manusia Mongoloid Selatan ini ramai mendiami kepulauan Asia Tenggara pada masa ini, para ahli arkeologi dan antropologi linguistik secara umumnya bersependapat bahawa manusia terawal di gugusan kepulauan Melayu ialah dari kumpulan manusia yang dinamakan Australo-Melanesoid [atau Melanesia]. Mereka ini terdiri daripada kumpulan bangsa-bangsa seperti Negrito di Malaysia dan Filipina dan kaum Melanesia yang tersebar ke barat, dari wilayah pusatnya di sekitar New Guinea sampai ke bahagian timur kepulauan Indonesia. Kumpulan bangsa-bangsa Negrito ini diberi nama Australoid. Bangsa-bangsa Australoid ini terdapat di Semenanjung Malaysia, kepulauan Filipina dan kepulauan bahagian timur Indonesia.

Roger Blench, seorang ahli antropologi-linguistik, mengatakan bahawa bangsa Negrito telah mendiami Semenanjung Tanah Melayu sampai pada periode sekitar 4 - 5000 tahun dahulu.[4] Mereka mengamalkan kebudayaan Hoabinh. Tidak diketahui bahasa apa yang mereka tuturkan, tetapi besar kemungkinannya, menurut Blench, bahasa mereka ada kaitannya dengan bahasa-bahasa Andaman dan Austral. Kira-kira empat ribu tahun dahulu, kawasan tanah semenanjung telah didiami oleh bangsa yang menuturkan bahasa-bahasa Mon. Mereka itu dapat dikenali daripada tinggalan bekas kakitiga yang diperbuat mereka. Menurut Blench lagi, bangsa yang menyusul masuk ke Tanah Semenanjung selepas bangsa Negrito ialah bangsa yang pada hari ini dikenali sebagai bangsa Orang Asli. Mereka ini menuturkan bahasa Mon-Khmer. Kemasukan mereka pada sekitar periode itu telah menyaksikan berlakunya asimilasi antara bangsa Negrito dengan Orang Asli.

Sekitar 3500 tahun dahulu datang pula bangsa dari Borneo yang bertutur bahasa Austronesia, lalu masuk mendiami tanah Semenanjung. Mereka dikatakan membawa bahasa dari kumpulan *Malayic* atau *Malayic-Dayak* atau *Ibanic*. Ada juga antara mereka yang menuturkan bahasa Cham. Sebahagian mereka telah memasuki wilayah Vietnam dan kemudiannya kembali ke Tanah Semenanjung. Bahasa-bahasa dari Borneo ini pupus kemudiannya, tetapi kajian Blench menunjukkan bahawa pengaruh daripada bahasa-bahasa dari Borneo (iaitu dari keluarga bahasa Austronesia) ini terhadap Orang Asli telah menjadikan bahasa Orang Asli itu berunsurkan Austronesia lantaran terdapat perkataan-perkataan daripada bahasa tersebut di dalam bahasa Orang Asli. Bahkan budaya Orang Asli itu pun dipengaruhi oleh budaya Austronesia yang unsur-unsurnya masih terdapat di Borneo. Contoh yang diberikan oleh Blench ialah alat-alat muziknya seperti '*tube-zither*' (tongkungon orang Dusun Sabah), '*jews' harp*' (bungkau atau kecapi mulut orang Dusun Sabah) dan '*nose flute*' (seruling hidung atau selengut orang Kayan di Sarawak). Keberadaan bangsa Melayu-Proto yang berbahasa *Malayic*

ini di Semenanjung Tanah Melayu meyakinkan Blench bahawa antara bangsa itu dengan Orang Asli telah berlaku asimilasi. Hal ini jugalah yang menyebabkan bangsa Orang Asli itu pada zaman sekarang ini terbahagi kepada puak Austro-Melanesia yang terdiri daripada beberapa suku kaum, seperti Semai, Jah-hut, dan Semang dan kaum Melayu-Proto yang terdiri daripada Jakun, Temuan, Orang Seletar, dan lain-lainnya.

Hanya beberapa abad kemudiannya baru Orang Asli itu disusuli pula oleh kumpulan manusia yang dinamakan Mongoloid Selatan atau Mongoloid klasik atau yang disebut bangsa Austronesia. Dengan melalui beberapa zaman, telah berlaku percampuran darah antara kedua-dua jenis kumpulan manusia ini. Bangsa yang berketurunan Australo-Melanasoid mahupun bangsa yang berasal daripada kumpulan Mongoloid Selatan yang berbahasa Austronesia, adalah sebenarnya kacukan (*hybrid*) yang berasal daripada dua jenis kelompok manusia ini. Dan bangsa-bangsa rumpun Melayu masa kini adalah keturunan daripada *hybrid* ini.

Menurut ahli-ahli arkeologi umumnya, selepas kedatangan Melayu-Proto barulah masuk kaum Melayu Deutro iaitu kelompok Mongoloid Selatan yang secara relatif lebih maju; dan mereka pun mendiami kawasan-kawasan yang mudah diteroka sehingga mengasak Orang Asli ke pedalaman. Mereka yang datang pada gelombang yang terkemudian inilah yang terdedah kepada bangsa Mongoloid Asia yang lain.

Para penutur bahasa-bahasa dari keluarga bahasa Austronesia ini tersebar sampai ke kepulauan Pasifik bahkan sampai ke Amerika. Kumpulan inilah yang merupakan penduduk dominan di kepulauan Asia Tenggara. Kesemuanya berkongsi kesejenisan (kehomogenan) dari segi fizikalnya, budaya dan linguistik, walaupun mereka ini telah terdedah kepada 2,000 tahun pengaruh tamadun Hindu-Buddha, Cina, dan Islam.

Di Semenanjung Malaysia, kaum Negrito yang pada masa dahulu dinamakan Semang, terdapat di kawasan pergunungan dari Pahang menghala ke utara iaitu sampai ke perbatasan Thailand. Manakala Negrito di Filipina pula mendiami kawasan pesisir dan daerah pedalaman di beberapa tempat di Luzon, Palawan Utara, Panay, Negros dan Mindanao.

Secara tradisionalnya kaum Negrito yang dikatakan keturunan daripada kaum Australo-Melanesia itu adalah pemburu dan pengutip atau '*hunters and gatherers*' di hutan dan kawasan pesisir dan cara hidup mereka ini berbeza daripada kaum Mongoloid, walaupun kadang-kadang terdapat perkahwinan campur antara dua kumpulan ini. Dari segi jasmaninya tubuh mereka ini kecil. Bangsa-bangsa ini pun tergolong di dalam kumpulan penduduk asli Australia dan Melanesia[5] pada hari ini. Tetapi penduduk Australo-Melanesia zaman purbakala yang tinggal di gugusan kepulauan Asia Tenggara telah mengalami perubahan secara terpisah yakni berkembang sendiri-sendiri. walaupun bersaudara dengan penduduk asli Australia dan Melanesia, iaitu mereka merupakan 'pupu' kepada keturunan kumpulan-kumpulan yang telah mendiami Australia dan New Guinea sekitar 50,000 tahun dahulu,

Bahawa percampuran darah antara Mongoloid Selatan dengan Australoid telah berlaku dapat disaksikan daripada rupa bentuk orang Melayu-Proto.

Keturunan kumpulan yang dianggap mula-mula sekali berhijrah ke rantau ini, kini terdapat di kawasan pedalaman pulau-pulau besar Indonesia, Filipina dan pulau-pulau Indonesia Timur. Pada hari ini semua kaum Negrito di Filipina menuturkan bahasa Austronesia. Tetapi Negrito di Semenanjung Malaysia bercakap dalam bahasa Mon-Khmer iaitu cabang kepada bahasa *Austroasiatic*. Namun, seperti yang dikatakan oleh Belwood[6] juga, bukti-bukti menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk Mongoloid Selatan di Malaysia dan Indonesia mempunyai warisan *genetic* Australo-Melanesia.

Apabila kita berbicara mengenai sejarah pendudukan manusia di Malaysia, hakikat kewujudan kelompok-kelompok yang disebut Melayu, Melayu-Proto, Negrito (Semang) dan Senoi, perlu sekali difahami. Penemuan rangka manusia yang lengkap oleh Zuraina Majid (1994) di Perak yang dinamakannya "Perak Man" [manusia Perak] menunjukkan bahawa pengebumian manusia purba ini telah berusia antara 10,000 - 11,000 tahun yang lalu. Manusia Perak ini pun ada taliannya dengan manusia Australo-Melanesoid. Orang Wajak di Jawa (50,000 tahun) dan rangka manusia di gua Niah, di Sarawak (sekitar 43,000 - 44,000 tahun dahulu) (Oxenham & Tayles 2006: 9), yang ditemui oleh para ahli arkeologi, juga mempunyai unsur-unsur persamaan dengan manusia Australoid. Menurut Zuraina, penemuan alatan batu kerakal di Kota Tampan, di Lenggong, Perak, membuktikan bahawa Tanah Semenanjung telah pun didiami manusia sejak 74,000 tahun yang lalu.

Hanihara (1992, 1993, 1994), seorang pakar anatomi dan ahli bio-arkeologi Jepun, pula telah mengemukakan teori, dengan berasaskan kajian morfologi dental dan kranial (pergigian dan tengkorak), bahawa sumber asal penduduk moden Asia Tengara adalah manusia yang disebut sebagai Melayu-proto dan dia bahkan menyanggah kehadiran keturunan Austro-Melanesian dalam jenjang leluhur mereka. Katanya, kaum Melayu-Proto, seperti orang Dayak, sudah pun berada di Asia Tenggara pada zaman *Pleistocene* akhir (atau zaman air batu, - kira-kira 10,000 tahun yang lalu).[7] Pendapat Blench (2006), bahawa pendatang dari Borneo, iatu suku Austro-Asiatik, telah mendiami Tanah Semenanjung, walau bagaimanpun, nampaknya dipersetujui oleh Hanihara. Kaum inilah yang disebut oleh Blench sebagai penutur bahasa-bahasa *Malayic-Dayak* atau *Ibanic*.

Sehingga ke hari ini perbahasan mengenai asal usul orang "Melayu" masih menarik minat para sarjana. Tetapi sampai kini pun persoalan mengenai tanah asal atau tanah induk orang Melayu itu masih belum tuntas dijelaskan. Bahkan, menurut teori mutakhir setengah-setengah ahli linguistik sejarah, bahasa Melayu itu yang serumpun dengan bahasa-bahasa Austronesia atau Malayo-Polinesia,[8] berpangkal di pulau Borneo, yang memberi erti bahawa penutur bahasa Melayu itu mestilah pada asalnya tinggal di Borneo. Seyogia diingati, sebahagian besar daripada bahasa Austronesia (sekitar 95%) tergolong dalam apa yang disebut kelompok "Malayo-Polinesia barat". Ini termasuklah semua bahasa yang dituturkan di Filipina, Borneo dan dari pulau Jawa ke pulau Lombok dan meliputi pusat geografis pembubaran atau diaspora bangsa-bangsa Austronesia. Justeru dari satu segi, yang diertikan dengan "Melayu" adalah penutur bahasa Melayu. Dari sudut linguistik sejarah pula, bahasa Melayu purbakala seperti yang dirujuk

di dalam bab ini dengan istilah "Malayic" adalah rumpun bahasa yang berasal daripada keluarga bahasa-bahasa Malayo-Polinesia atau Austronesia, dan para penuturnya, yakni bangsa-bangsa Mongoloid Selatan atau Austronesia, adalah "rumpun bangsa" yang merupakan nenek-moyang bangsa-bangsa rumpun Melayu yang dewasa ini tersebar dari Champa, sebahagian Vietnam, wilayah-wilayah di selatan Thailand, dan Tanah Semenanjung Melayu sampai ke seluruh Kepulauan Melayu yang, sebahagian besar daripadanya pada hari ini, dikenali sebagai Kepulauan Indonesia.

Pada awal abad ke-19, John Crawfurd, yang menerbitkan karya tiga jilidnya, *A History of the Indian Archipelago*, pun menyatakan bahawa telaah tentang asal usul dan tanah induk bangsa Melayu hanyalah boleh dilakukan secara terkaan *(conjecture)* sahaja. Tetapi Crawfurd juga beranggapan bahawa memang munasabah jika kawasan yang paling ramai dihuni oleh orang Melayu di Nusantara ini dianggap sebagai tanah induk orang Melayu. Ada dua buah kawasan yang kedapatan ramai orang Melayu, iaitu Tanah Semenanjung Melayu dan Sumatera. Di pulau-pulau yang terletak di antara Tanah Semenanjung Melayu dengan pulau Sumatera, orang Melayu memang merupakan penduduk terbesarnya. Selain itu, pulau Bangka dan gugusan kepulauan Riau pun, secara historisnya, menjadi tanah air orang Melayu.

Di Sumatera, bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa wilayah persekitaran Palembang dan Jambi adalah daerah Melayu pada zaman purbakala.[9] Menurut kebanyakan para penelaah mengenai sejarah asal usul orang Melayu, istilah "Melayu" itu sendiri berasal daripada nama sungai di sebelah selatan atau tenggara Sumatera. Nama "Melayu" kemudiannya digunakan untuk merujuk kepada wilayah yang diairi oleh sungai tersebut.[10] Kemudiannya nama ini terus dipakai bagi merujuk kepada penduduk yang bermastautin di wilayah tersebut. Lantas nama ini juga diguna pakai untuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk Melayu. Lama-kelamaan, penggunaan istilah "Melayu" itu pun tersebar luas sehingga merangkumi beberapa kumpulan etnik yang sepangkal dan suku-suku luar yang bertutur dalam bahasa Melayu itu.

Menurut kajian semasa[11] (Belwood 1997), keberadaan bahasa Melayu dan penuturnya (yakni orang Melayu) di Tanah Semenanjung dan di pulau Sumatera justeru kerana penyebarannya yang berlaku akibat daripada penghijrahan suku Melayu-Proto sekitar awal tahun Masihi. Teori paling terkini mengenai tempat asal orang Melayu-Proto ialah teori migrasi yang berasaskan kajian linguistik historis dan arkeologi. Teori tersebut yang kini mendapat dukungan ramai ahli linguistik historis, khasnya Adelaar (1985), Blust (1988), Nothofer (1996) dan Collins (1998), mengatakan bahawa tanah induk Melayu-Proto, yakni nenek moyang orang Melayu, adalah Borneo, khasnya bahagian barat (Adelaar 1988; Collins 1998) atau barat dayanya (Blust 1988).

Peter Belwood menganggap penutur bahasa-bahasa Austronesia ini berasal dari Taiwan dan kemudian berhijrah ke Filipina sekitar 5,000 tahun yang lalu dan selepas itu ke Kalimantan dan kemudian ke Sumatera, Tanah Semenanjung dan pulau-pulau lain di Indonesia. Pandangan yang popular ini diperkukuhkan oleh Collins dan ramai ahli linguistik sejarah yang berpendapat bahawa kira-kira

seratus tahun sebelum masihi, penutur bahasa Melayu/Malayic-Proto dari sebelah barat Borneo telah menyeberangi laut China Selatan menghala ke barat menuju ke kepulauan Natuna, Timbalan (atau Tambelan), Riau, dan pulau Bangka dan kemudiannya ke Sumatera sebelum langsung ke Tanah Semenanjung. Menurut Collins juga, dari kawasan di selatan China atau pulau Taiwan, migrasi selanjutnya penutur bahasa-bahasa Melayu/Malayic-Proto itu ialah dari Borneo Barat dan dari situlah para penutur bahasa Melayu-Proto itu menyebar ke pesisir Borneo Utara dan lantas ke bahagian timur serta seterusnya ke selatan Borneo; migrasi ini kemudiannya menghala ke pantai barat semula sehinggalah seluruh kawasan utama muara dan sistem persungaian Borneo ditempati.[12] Dari petempatan pesisiran sebelah timur Borneo, orang Melayu-Proto itu menghala pula ke sebelah barat daya Luzon dan kemudiannya menuju ke timur iaitu kepulauan Moluku. Pandangan Collins menyanggah hujah Blust bahawa kira-kira pada tahun 1000 M. penghijrahan orang Melayu berlaku dari Johor-Riau atau mana-mana kawasan berdekatan, sama ada di Sumatera atau Tanah Semenanjung, menuju ke kawasan yang hari ini dikenali sebagai Jakarta, Ambon di Moluku, dan mungkin di tempat-tempat lain di bahagian Indonesia Tengah dan Timur.[13]

Teori yang mengatakan nenek moyang orang Melayu berasal dari Taiwan, walau bagaimanapun, disanggah oleh Stephen Oppenheimer (Oppenheimer 1999: 151). Sebaliknya dia mengatakan bahawa Asia Tenggaralah tanah asal orang Austronesia, termasuk Melayu. Tegas Oppenheimer, baik pada zaman sebelum, mahupun ketika berlakunya banjir besar akibat pencairan air batu,

> the original homeland of the Austronesian languages was somewhere on the east coast of Ice Age Sundaland [...] During the Ice Age the continent of Sundaland included three eastern coastal regions centred around the island of Borneo, which were joined but are now separate from the mainland... The first of these Sundaland coasts is now represented by the north and northwest coast of Borneo [...] The second region is the steep northeast coast of Borneo which hardly lost any land in the post glacial period. The third Sundaland coastline is the southwest coasts of Borneo facing Sulawesi and the north coast of Java, which again lost a considerable amount of land as the sea rose.

Menurut Oppenheimer, sekitar 14,000 tahun dahulu, sebelum berlakunya banjir besar pertama (ada tiga banjir besar), Taiwan dan pulau-pulau Hainan bertaup dengan tanah besar China. Laut China Selatan, Teluk Siam dan Laut Jawa semuanya merupakan tanah datar kering yang menghubungi Indo-China, Borneo, Sumatera dan Jawa hingga menjadi sebuah benua. Sebelum berlaku banjir besar yang kedua, kira-kira 11,500 tahun yang lalu, paras laut adalah 50 meter di bawah parasnya yang ada pada hari ini. Walaupun benua Sunda masih wujud tetapi telah wujud keretakan di antara Indo-China dengan Borneo, dan di antara Jawa dengan Borneo. Taiwan sudah pun terpisah dari tanah besar China. Banjir besar ketiga berlaku sekitar antara 7500 – 8000 tahun dahulu. Cairan air batu telah menyebabkan tanah daratan Asia Tenggara kehilangan 50 peratus daripada buminya lantaran dilitupi air. Peristiwa ini berlaku di kawasan yang dinamakan Pelantar Sunda atau *Sunda shelf* selepas Zaman Air Batu.

Oppenheimer cenderung untuk berhujah bahawa benua induk orang Melayu adalah kepulauan Asia Tenggara sendiri justeru disebabkan perluasan atau ekspansi nenek moyang orang Melayu ke wilayah-wilayah yang hari ini dikenali sebagai Gugusan Kepulauan Melayu diperbolehkan oleh keterampilan orang Malayo-Polinesia di bidang maritim. Pengetahuan dalam pembuatan perahu dan penguasaan nenek moyang orang Melayu itu terhadap ilmu pelayaran telah menyebabkan berlakunya penjarahan jalan laut itu. Argumen Oppenheimer ialah bahawa di Taiwan tidak ada kelompok bahasa Melayu-Polinesia walaupun terdapat bahasa-bahasa Austronesia yang lain. Tetapi bahasa-bahasa Austronesia di Taiwan itu berbeza antara satu dengan lain. Dia juga mengatakan induk bahasa-bahasa Austronesia berkemungkinan di Lautan Pasifik ataupun di kepulauan Asia Tenggara sendiri. Oppenheimer menolak teori Belwood berdasarkan hakikat bahawa 6,000 tahun dahulu telah ada manusia tinggal di kawasan gua Niah di Sarawak.

Asas teori yang mengatakan Borneo sebagai ibu kandung bahasa Melayu/ *Malayic*-Proto (yang menjadi induk kepada bahasa Melayu zaman kini) adalah berpijak pada hujah bahawa sampai ke hari ini masih terdapat cabang-cabang bahasa *Malayic*-Proto di kawasan pedalaman Borneo. Adelaar menyatakan istilah "barat laut" dan "timur laut" semestinyalah mengarah ke laut. Jika orang berada di Borneo Barat atau di Sumatera Selatan, maka utara tentulah merujuk kepada Laut China Selatan. Adelaar menandaskan Borneo Barat sebagai tanah asal bahasa-bahasa *Malayic* berdasarkan bukti linguistik. Keturunan bangsa *Malayic* purba ini pada hari ini masih tergolong dalam penutur bahasa-bahasa *Malayic* iaitu merangkumi suku Iban atau Dayak Laut, Kedayan dan Salako.[14] Kemungkinan pelayaran orang Melayu-Proto itu bermula dari bahagian sebelah barat Borneo sebenarnya munasabah juga; sememangnya terdapat satu pola yang konsisten dalam sejarah penghijrahan (atau sesetengah sarjana menamakannya "diaspora") kumpulan-kumpulan etnik yang mendiami pulau Borneo, kepulauan Filipina dan pulau-pulau di sebelah Indonesia Timur.

Pandangan terkini mengenai penutur-penutur bahasa Malayo-Polinesia cenderung mengatakan bahawa asal usul nenek moyang bangsa Melayu itu bukanlah dari Taiwan atau tanah besar Asia tetapi berpangkal di Asia Tenggara. Berdasarkan kajian linguistik juga arkeologi, para penelaah berhujah bahawa ketika Borneo bertaup dengan tanah semenanjung pada Zaman Air Batu yang membentuk apa yang disebut *Sundaland*, masyarakat yang menuturkan bahasa Austronesia telah berlayar dari Jawa dan Borneo melalui laut Sulawesi ke arah pulau-pulau Sunda kecil, Sulawesi dan Filipina. Mereka ini juga menjalin hubungan perdagangan dengan Melanesia sekitar 50,000 tahun dahulu. Dari kepulauan Sunda kecil dan Sulawesi mereka juga dapat berlayar ke barat daya Pasifik.

Stephen Oppenheimer, yang menolak teori bahawa nenek moyang orang Melayu berasal dari Taiwan, menegaskan bahawa berdasarkan kajian linguistik, bumi asal pertumbuhan bahasa-bahasa *Malayic* sebenarnya adalah di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa Barat dan Borneo Barat. Menurut Oppenheimer lagi, hanya di Tanah Semenanjung, khasnya di bahagian selatan, bahasa Melayu telah sama-sama wujud dengan bahasa-bahasa Austro-Asiatic. Menurutnya juga bahasa Austro-Asiatic iaitu bahasa suku kaum Orang Asli yang lebih awal mendiami kawasan hutan di pesisir Tanah Semenanjung.[15]

Menurut Wilhelm Solheim pula, periode antara 5,000 hingga 1,000 S.M. menandakan masa bermulanya pergerakan antar-pesisir penduduk di kepulauan Filipina dengan pulau-pulau Asia Tenggara. Proses penghijrahan ini berlaku terus-menerus walaupun tiada rekod tertulis yang dapat membuktikannya.[16] Penduduk di wilayah kepulauan Filipina dan Indonesia Timur oleh Solheim dinamakannya "Nusantao" yang bererti mereka yang menuturkan bahasa Austronesia (baca: rumpun Melayu). Di perairan Filipina, pada abad ke-10, Sulu menjadi tempat dagang yang mempertemukan para pedagang dari Sulawesi, Borneo dan Mindanao. Kawasan perairan yang menempatkan Borneo, kepulauan Filipina dan pulau-pulau Indonesia Timur, seperti Sulawesi, sesungguhnya telah menyaksikan selama zaman berzaman penghijrahan antar-pesisir dalam kalangan "pembajak laut", yang terdiri daripada Orang Laut, Orang Sama, Rawa, Bajau Laut, Samal, dan Samal Laut.[17] Bahkan menurut kajian terkini,[18] Orang Sama didapati memang secara tradisionalnya bergerak dan berhijrah di kepulauan Sulu, Sabah dan pulau-pulau di sebelah Indonesia Timur, seperti Sulawesi dan Kalimantan Timur. Turut tergolong di dalam kelompok penghijrah ini ialah suku Iranun dan Balagnini dari Mindanao; mereka ini sudah bertapak di Borneo Utara, Sulawesi dan Sumatera. Proses kahwin campur yang berlaku, seperti misalnya antara Orang Laut dari Sulawesi dengan penduduk Mindanao telah menyebabkan ada antara mereka yang menjadi petani atau separuh nelayan, separuh petani.

Fay-Cooper Cole (1945), yang mengutip maklumat Steiger (1936), menyatakan bahawa pada waktu kegemilangan kerajaan Sriwijaya, ia menguasai perdagangan kepulauan Melayu sejauh kepulauan Moluku di sebelah timur dan kepulauan Filipina di sebelah utara. Cole yang mengutip Beyer (1929) juga menyebut mengenai petempatan orang pelarian dari pesisir Brunei di pulau Panay pada pertengahan abad ke-13, dan penghijrahan mereka kemudiannya ke selatan Luzon.[19] Menurut Beyer juga, nama orang Bisaya adalah daripada kata "Sri Vishaya" (Sriwijaya), dan perkataan "Vishayan" merujuk kepada sebahagian besar penduduk Filipina Tengah. [20] Menurut beberapa sejarawan, sebelum Brunei menjadi kerajaan Islam, pemerintahan yang wujud adalah pemerintahan orang Bisaya yang beragama Buddha.[21]

Berdasarkan hujah-hujah di atas apakah kesimpulan yang dapat dibuat mengenai orang Melayu?

Kajian ahli-ahli arkeologi, lebih menjurus kepada pendapat bahawa penduduk asal kepulauan Asia Tenggara terdiri daripada manusia yang disebut Australo-Melanesia. Kumpulan manusia purbakala ini merangkumi kelompok Austronesia yakni nenek moyang bangsa-bangsa rumpun Melayu hari ini dan kelompok Melanesia yang merupakan nenek moyang bangsa Negrito dan Papua zaman sekarang. Kelompok Negrito di Tanah Semenanjung merangkumi bangsa-bangsa Semang atau Negrito di utara, Senoi di bahagian tengah dan Melayu-Proto di bahagian selatan. Suku Semang menuturkan bahasa Orang Asli utara yakni dari keluarga bahasa-bahasa Austro-Asiatic. Orang Senoi menuturkan sama ada bahasa Orang Asli tengah atau bahasa Orang Asli selatan dari keluarga bahasa-bahasa Austro-Asiatic. Seperti suku kaum Aeta di Filipina, mereka ini pun

mempunyai pertalian dengan kaum Negrito di pulau-pulau Andaman dan hutan Indo-China. Manakala suku kaum Melayu-Proto pula, yang antara lain terdiri daripada suku Temuan, Jakun, Orang Kanak, Orang Laut dan Orang Seletar, menuturkan bahasa-bahasa Orang Asli Austronesia.

Pada umumnya kalangan sarjana yang mengkaji tentang manusia purba di kepulauan Asia Tenggara cenderung mengatakan bahawa keberadaan bangsa-bangsa serumpun yang disebut "Melayu/Indonesia" di gugusan kepulauan Melayu merupakan hasil daripada beberapa siri gelombang migrasi dari benua Asia ke Asia Tenggara sebelum berlakunya penenggelaman pelantar Sunda yang membolehkan manusia prasejarah berhijrah ke Borneo, Sumatera dan Jawa. Setakat yang telah diketahui melalui penyelidikan sejarah, linguistik historis dan arkeologi, dapat dirumuskan bahawa penyebaran bahasa Melayu-Proto atau *Malayic-Proto* (yang menjadi induk kepada bahasa Melayu hari ini dan dialek-dialek serta cabang-cabangnya), yang dibawa oleh penuturnya ke merata tempat di gugusan kepulauan Melayu, hinggalah ke tanah daratan Asia Tenggara, telah meninggalkan kesan-kesan yang menampakkan beberapa ciri persamaan yang menandakan wujudnya suatu "rumpun Melayu" atau suatu entiti budaya keperibumian rumpun Melayu di Asia Tenggara. Di Filipina, misalnya, orang Bisaya, Tagalog, Ilocano, Bikol dan Pampangan sekitar tahun 100 M. adalah bernenek moyangkan orang Melayu-Deutro, yang memasuki wilayah kepulauan Filipina pada gelombang kedua penghijrahan. Demikian pula suku-suku Bontok, Ifugao dan Tinggian merupakan keturunan Melayu-Proto yang tiba di utara pulau Luzon sekitar 200 S.M.[22] Kesemua suku kaum yang tergolong dalam rumpun Melayu ini mempunyai ciri-ciri fizikal yang sepunya iaitu, berkulit sawo matang, sederhana tingginya, rambut lurus, warna matanya cokelat gelap, dan berhidung pesek. Penghijrahan di antara pulau-pulau dan proses kahwin campur dan akulturasi antara budaya telah melahirkan suku-suku atau kumpulan subetnik yang masih boleh menelusuri nenek moyangnya kepada "Melayu" seperti yang telah berlaku sejak dua ribu tahun yang lalu.

Apabila kita berbicara tentang "identiti" sesuatu kaum maka ia amat bergantung kepada persepsi kaum itu terhadap kelompoknya. Ini berbeza dengan "citra" atau imej yang lebih bergantung kepada pandangan luar terhadap kelompok kaum itu. Identiti atau jati diri sesuatu kumpulan etnik terbentuk apabila ada konsep kebangsaan atau *nationhood*. Konsep identiti berpijak atas dakwaan sesuatu kaum itu terhadap keterasingan kumpulannya dan autonomi yang diungkapkan melalui keanggotaan atau kewarganegaraan.[23] Oleh yang demikian, apabila suatu kumpulan masyarakat menganggap kelompoknya sebagai "Melayu" (ertinya beridentiti Melayu) seperti yang berlaku pada Melayu Sri Lanka pada penghujung abad ke-18, walaupun mereka itu asalnya terdiri daripada orang Madura, Bali, Bugis, Ambon, Minangkabau dan Melayu, mereka secara sedar telah membezakan komuniti mereka sebagai berlainan atau menganggap mereka terasing daripada komuniti Singhalese dan Tamil. Bahkan komuniti "Melayu" Sri Lanka itu menggunakan bahasa Melayu, dan pada separuh kedua abad ke-19 telah berjaya menerbitkan dua buah surat khabar Melayu, iaitu *Alamat Langkapuri* dan *Wajah Selong*.[24]

Hal yang serupa tidak berlaku di Sabah. Walaupun nama asal bangsa "Kadazan" itu sebenarnya ialah "Dusun Tenggara" dan justeru dari sudut antropologi, kaum Tenggara itu tergolong dalam kelompok etnik "Dusun", namun melalui dakyah politik yang berlaku sekitar akhir 1950-an, persepsi bangsa itu sendiri terhadap identitinya lebih cenderung untuk membezakannya daripada kelompok "Dusun" yang lebih besar jumlah anggotanya. Ketika isitilah "Kadazan" itu diuar-uarkan penggunaannya, ada kecenderungan dalam kalangan mereka yang ingin mempopularkan penggunaaan istilah itu meletakkannya dalam konteks *modernity*. Mereka berhujah bahawa "Dusun" membawa pengertian kemunduran kerana makna isitilah itu telah ditafsir secara harfiah dan sempit dengan mengandaikannya bahawa citra masyarakat pedalaman atau "dari dusun" membawa pengertian "kekampungan" atau kedusunan" ketimbang (*vis-a-vis*) "kebandaran" atau "kekotaan". Perbezaan yang cuba ditonjolkan ini walau bagaimanapun tidak menghakis identiti bangsa Dusun umumnya. Sebaliknya, dewasa ini, masyarakat Dusun lebih mudah menjadi "Melayu" melalui proses pengislaman dan perkahwinan sesama Muslim. Tempat kediaman mereka di pedalaman tidak menjejaskan upaya mereka untuk menjadi "moden".

Penggunaan bahasa Melayu yang semakin meluas dalam kalangan masyarakat Dusun memperkukuhkan lagi jati diri "Melayu" yang tampaknya semakin menyerlah dalam kalangan kelompok peribumi Sabah. Berbeza dengan suku kaum Kadazan, identiti dan citra Kadazan itu lebih merujuk kepada agama Kristian yang dianutinya, bermastautin di persekitaran daerah Penampang, dan beranggapan bahawa komuniti itu lebih moden dari segi pergaulannya dan latar belakang pendidikannya. Persepsi ini diperkukuh lagi dengan adanya unsur kecinaan dalam proses kahwin campur yang banyak berlaku antara orang Kadazan dengan Cina, yang seterusnya melahirkan kelompok "Sino-Kadazan", tetapi masih dianggap tergolong dalam kelompok Kadazan.[25]

Proses pembentukan identiti dan citra "Melayu" di Sabah sebenarnya amat kuat bergantung kepada proses Islamisasi, iaitu suatu proses yang berlaku terus-menerus sehingga kini dengan pesatnya. Jika pada zaman penjajahan kelompok etnik peribumi di Sabah diasing-asingkan identitinya mengikut klasifikasi suku kaum, misalnya, di dalam literatur karangan penulis-penulis Barat penduduk yang beragama Islam seperti Bajau, Bisaya, setengah-setengah suku Dusun, Idaan, Iranun, Orang Sungei, Orang Samal, Suluk, Tidong, Bugis dan Jawa tidak pernah dianggap "Melayu" (bahkan orang Melayu Brunei pun disebut orang Brunei), identiti "Melayu" dalam kalangan suku bangsa itu pada masa kini nampaknya semakin diterima oleh mereka. Hal ini berlaku mungkin kerana: 1) pengaruh keadaan yang berlaku di Semenanjung, dan 2) justeru sudah timbul kesedaran terhadap *notion* kebangsaan "Melayu" dalam kalangan mereka, dan dalam hal ini bahasa Melayu juga memainkan peranan.[26] Tambahan pula, dalam kalangan bangsa-bangsa rumpun Melayu di Sabah sehingga kini, proses kahwin campur antara suku kaum dan perpindahan agama (masuk Islam) amat lumrah berlaku. Seorang gadis Dusun yang animis, atau Kristian misalnya, bahkan ada juga yang daripada kalangan kaum Kadazan, akan mengamalkan adat dan budaya orang peribumi Islam selepas berkahwin dengan seorang pria Bajau yang beragama Islam.

Berasaskan dinamika agama Islam dan kekerapan berlakunya perpindahan agama, serta kurangnya prasangka perkauman berasaskan agama di Sabah, terutama dalam kalangan suku bangsa rumpun Melayu, maka dapat diramalkan bahawa pada suatu masa kelak pembentukan identiti dan citra "Melayu" yang kini berjalan secara berterusan, akan dapat melahirkan suatu identiti kemelayuan yang kukuh seperti yang sudah terjelma di Semenanjung. Di Tanah Semenanjung, pengkategorian kepada kumpulan-kumpulan subetnik rumpun Melayu tidaklah sebegitu menonjol berbanding dengan keadaan di Sabah selama ini. Bagi kebanyakan orang Melayu Semenanjung, suku Jawa, Bugis, Banjar, Rawa, Mandailing, dan Korinci, malahan mereka yang beketurunan "Mamak" pun, dianggap Melayu. Persepsi masing-masing golongan ini terhadap kelompok mereka menyebabkan mereka memakai identiti Melayu. Pengukuhan identiti "Melayu" berlaku justeru disebabkan idea "kebangsaan" telah terlebih dahulu lahir dan lama pula masanya, iaitu bersama-sama dengan tumbuhnya kesedaran politik Bumiputera di Semenanjung juga akibat daripada berkembangnya politik perkauman sejak tahun 1945, sebagai kesan daripada perlumbaan politik untuk mencitrakan *nationhood* Malaya selepas Perang Dunia Kedua. Jika kita lihat kewujudan kumpulan etnik yang disebut "Melayu" di Tanah Semenanjung, jelas kelihatan kumpulan itu juga merangkumi orang Jawa, Minangkabau, Mandailing, Korinci, Aceh, Bugis, Banjar dan lain-lain.

Lebih penting lagi, seperti pada masa-masa yang terdahulu di zaman purbakala, bahasa Melayu itu sendiri memainkan peranan yang amat besar dari segi pembentukan identiti Melayu.

Dalam bab ini penulis telah cuba membincangkan persoalan identiti dan citra bangsa Melayu dengan melihat kepada sejarah penyebaran bahasa Melayu. Sesungguhnya kesedaran mengenai identiti rumpun Melayu itu pun didorong oleh penggunaan bahasa Melayu. Sebagai sebuah rumpun bangsa yang bilangannya besar di rantau kepulauan Asia Tenggara ini, dan dari segi sejarahnya pula telah mencitrakan wilayah masing-masing menurut proses pembentukan imejnya, tentulah akan sampai ketikanya apabila rumpun bangsa Melayu akan sedar betapa perlunya identiti serumpun itu dipupuk dan seboleh mungkin diperkukuhkan, justeru mengingatkan bahawa cabaran-cabaran globalisasi dan perlumbaan kepentingan antara-etnik dalam pelbagai lapangan nampaknya semakin menjurus kepada merealisasikan perpaduan bangsa-bangsa serumpun.

Menyentuh soal identiti bangsa Melayu menghadapi cabaran itu, dan yang sering pula dipersoalkan, bab berikut adalah berupa sebuah ulasan terhadap sebuah karya yang ditulis oleh beberapa orang sarjana mengenai identiti kemelayuan yang sehinga kini hampir tiada dipedulikan oleh kaum literati dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Persidangan Dunia Melayu, Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur, pada 12 - 14 Oktober 2001.

[2] Zaman periode geologi ialah antara 1.8 juta tahun dan 10,000 tahun dahulu. Zaman ini juga dikenali sebagai "ice-age" atau zaman air batu kerana berlakunya turun-naik

suhu pada bumi sehingga menyebabkan tempoh masa yang sejuk akibat bergeraknya ais menuju khatulistiwa.

[3] Lihat Stephen Oppenheimer, *Eden in the East: the drowned continent of Southeast Asia*, Phoenix, London, 1999, *passim*.

[4] Lihat Roger Blench, "Why are Aslian-speakers Austronesian in culture?", makalah yang dibentangkan di ICAL-3 [International Conference on Austroasiatic Linguistics-3], EFEO [Ecole Francaise d'Extreme Orient], Siem Reap, 25 - 29 June 2006.

[5] Wilayah yang merupakan sebahagian daripada Oceania di Barat Daya Lautan Pasifik, yang merangkumi pulau-pulau gunung berapi dan karang di Timur Laut Australia: gugusan kepulauan Bismarck, Solomon, Vanuata, New Caledonia, Fiji dan lain-lain.

[6] Lihat Peter Belwood, *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago* (revised edition), University of Hawai'i Press, Honolulu, 1997

[7] Zaman *Pleistocene* merangkumi jangka masa dari 1.8 juta tahun hingga 10,000 tahun.

[8] Antara keluarga-keluarga bahasa Asia, bahasa-bahasa Austronesialah yang luas tersebar. Ia merupakan keluarga bahasa yang utama di Nusantara. Hampir seluruh kepulauan Asia Tenggara dan Pasifik (kecuali New Guinea) serta Madagascar di Lautan Hindia, didiami oleh penutur cabang-cabang bahasa ini.

[9] Sekalipun kebanyakan para sarjana menganggap Jambi sebagai tempat asal usul nama "Melayu", namun perbahasan mengenai tapak asal kerajaan Sriwijaya yang mempertikaikan Jambi atau Palembang sebagai ibu negeri kerajaan itu telah menyebabkan pada tahun 1936 Prof. Coedes rasa terpanggil untuk mengukuhkan pendapatnya (yang kemudiannya diterima umum), iaitu Palembanglah ibu negeri Sriwijaya. Prof. Wolters menambah bahawa sekitar tahun 700 M. Palembang adalah ibu kota kerajaan Sriwijaya. Lihat O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce a study of the origins of Srivijaya,* Cornell University Press, Ithaca, 1967, h. 22-23.

[10] Terdapat beberapa keterangan mengenai nama "Melayu". Menurut Coedes, Sejarah Baru [dinasti] Tang pernah menyebut tentang kunjungan utusan (kedutaan) pertama dari "Moloyu" pada tahun 644 –45. Coedes mengatakan nama ini merujuk kepada negeri yang terletak di kawasan Jambi. Rahib Buddhist, I Tsing, yang berada di Sriwijaya pada tahun 671-72 M. mencatatkan bahawa "Malayu" telah menjadi Sriwijaya pada waktu itu. Wolters, yang mengutip sumber I Tsing itu, juga menyatakan bahawa Malayu terletak di kawasan Jambi, yakni di bahagian tenggara Sumatera. Lihat G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia* (terjemahan edisi Perancis 1964 oleh Susan Brown Cowing dan disunting oleh Walter F. Vella), University Press of Hawaii, Honolulu, 1968, h.79-80; Wolters, *Early Indonesian Commerce*, h. 17.

[11] Lihat terutamanya karya Peter Belwood, *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago (revised edition)*, University of Hawaii Press, Honolulu, 1997.

[12] James T. Collins, *Malay World Language a short history*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, h. 3.

[13] Lihat Robert Blust, "Malay Historical Linguistics: A Progress Report" dalam *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, h. 8.

[14] Lihat Stephen Oppenheimer, *Eden in the East*, h. 151.

[15] Menurut Peter Belwood, salah satu puak Orang Asli itu, iaitu Senoi, mungkin berasal daripada masyarakat zaman Neolitik di selatan semenanjung.

[16] Evelyn Tan Cullamar, 'Migrations Across the Sulawesi Sea', dalam *Proceedings of the Symposium on Human Flow and Creation of New Cultures in Southeast Asia*, Institute for the Study of Languages and Cultures of Asia and Africa, Tokyo, 1998, h. 16.

[17] Ibid., h. 17.

[18] Lihat komentar Ikuya Tokoro dalam ibid., h. 27.

[19] Lihat juga Gregorio F. Zaide, *Philipiine political and Cultural History*, vol. 1, Philippine Education Company, Manila, 1957, h. 24-25.

[20] Fay-Cooper Cole, *The Peoples of Malaysia*, D. Van Nostrand Company, Inc., New York, 1945, h. 18.

[21] Lihat Charles Hose, *Natural Man: a record from Borneo*, Oxford University Press, Singapore, 1988, h. 16.

[22] Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, h.24.

[23] Michael Hitchcock & Victor T. King (eds.), *Images of Malay-Indonesian Identity*, Oxford University Press, New York, 1997, h. 5.

[24] Lihat Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Penerbit Universiti Kebangsaan, Bangi, 1995, h. 47 – 49, dan 85.

[25] Seseorang Sino-Kadazan secara politik adalah berstatus Bumiputera; tetapi jarang ditemui dalam kalangan anggota kelompok ini yang tidak menggunakan nama Cina baik sedikit mahupun sepenuhnya ataupun mengamalkan budaya Cina sama ada sedikit atau sepenuhnya. Ini berbeza daripada mereka yang "masuk" Melayu yang biasanya akan cuba mengamalkan sebanyak mungkin budaya Melayu-Islam.

[26] Amat mengesankan bagi penulis apabila sering melihat wanita-wanita peribumi (termasuk Kadazan) yang bukan beragama Islam membeli dan membaca majalah berbahasa Melayu yang isi kandungannya menyentuh hal-hal keagamaan (Islam). Petanda bahawa bahasa Melayu itu popular di rumah-rumah orang Kadazan ialah terdapatnya kritikan dan rungutan dalam kalangan pemimpin persatuan bahasa dan kebudayaan Kadazan tentang kurangnya bahasa Kadazan digunakan dalam kalangan ahli keluarga; sebaliknya pula, bahasa Melayu lebih diutamakan dalam pertuturan.

2

Mempertikaikan Kemelayuan: Identiti Melayu Menyeberang Sempadan[1]

Pada April 1998 sebuah seminar mengenai "Melayu" telah diadakan di Universiti Leiden. Sekumpulan sarjana yang terdiri daripada beberapa orang dari Amerika, Belanda, Indonesia dan termasuk juga dari Malaysia telah cuba menghuraikan pengertian konsep "Melayu" dan "Dunia Melayu". Perbincangan yang dikatakan 'hangat' itu bertolak daripada pembentangan beberapa kertas kerja oleh sarjana-sarjana yang kebanyakannya terdiri daripada orang Barat. Makalah-makalah itu kemudiannya diterbitkan di dalam *Journal of Southeast Asian Studies* keluaran Oktober 2001 sebagai 'Symposium on Malay Identity' [Simposium mengenai identiti Melayu]. Susulan daripada itu, Dr. Timothy P. Barnard dan Prof. Hendrik Maier telah mengambil inisiatif menggabungkan makalah-makalah itu bersama-sama dengan beberapa makalah yang ditambah kemudiannya dalam satu penerbitan baru yang diberi judul *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries* [Mempertikaikan Kemelayuan: Identiti Melayu Menyeberang Sempadan].

Buku ini memuatkan 11 buah esei dan sebuah terjemahan puisi epik berjudul "Syair Nasib Orang Melayu" karangan Tengku Nasaruddin Said Effendy (yang lebih terkenal dengan nama Tenas Effendy). Bab terakhir buku ini merupakan penggulungan hujah para penyumbang makalah, dan telah ditulis oleh Anthony Milner dengan judul: "Afterword: A History of Malay Ethnicity".

Buku terbitan Singapore University Press ini sesungguhnya harus dibaca oleh para sarjana, intelektual, dan golongan elit kepemimpinan Melayu, baik yang terlibat dalam budaya dan sastera Melayu mahupun politik kebangsaan. Pandangan-pandangan yang diutarakan oleh para penulis makalahnya, pasti mengundang 'pertengkaran' seperti yang dimaksudkan oleh para penyusunnya. Tulisan yang singkat ini cuba membincangkan aspek-aspek Melayu dalam sejarah

dengan berdasarkan pendapat yang dilontarkan oleh beberapa penulis di dalam buku ini.

Istilah "Melayu', seperti yang diulangi oleh Anthony Reid, adalah sangat purba sifatnya yang merujuk kepada sebuah tempat di Sumatera atau mungkin juga wilayah sekitar Selat Melaka. Dengan merujuk kepada sumber-sumber Arab, Cina dan sumber dari batu bersurat di Tanjore dan teks-teks Jawa, Profesor Reid mengulangi apa yang telah diketahui umum bahawa kerajaan Melayu memang wujud di Sumatera, yakni di utara Sriwijaya, ataupun di Jambi dan boleh juga dikaitkan dengan Palembang.

Memang sejak abad ke-7 lagi sumber Cina seperti yang dilaporkan I Tsing [atau I-ching], biksu Buddha yang melawat Sumatera pada abad itu, telah pun menyebut tentang 'negeri Mo-lo-yu' sebagai salah sebuah pulau di Laut Selatan dengan agama Buddha mempunyai ramai pemeluknya.[2] I Tsing yang berkunjung ke Sumatera untuk menelaah hukum-hakam agama Buddha dan bahasa Sanskrit, meletakkan kedudukan tempat orang Melayu itu di barat Shih-li-fo-shih (Sri Bhoja),[3] iaitu tempat yang dikenal pasti sebagai sama dengan San-fo-ch'i yang pernah dicatat oleh para penulis Cina yang lain dan yang juga sama dengan Syribuza[h] atau Syarbuza[h] atau Syarbaza[h] [huruf Arabnya: sy-r-b-z-t] (yakni Sriwijaya) yang disebut oleh para penulis ilmu bumi Arab pada abad ke-9.[4] Menurut catatan I Tsing, ketika dia membuat lawatannya itu, ataupun mungkin tidak berapa lama sebelum itu, Shih-li-fo-shih telah pun menakluki dan mengambil wilayah Mo-lo-yu itu untuk dicantumkan dengan wilayahnya.[5]

Pada zaman I Tsing itu, Sri Bhoja atau Syribuza adalah pusat utama agama Buddha. Setelah berada selama enam bulan dia pun pergi ke 'negeri Moloyu' itu dan tinggal di Moloyu selama kira-kira dua bulan sebelum berlepas ke India; tetapi sekitar tahun 688 Masihi I Tsing kembali ke Sri Bhoja dan terus bermastautin di sana selama kira-kira enam tahun pula.[6] Berdasarkan sumber-sumber yang lain, dapat diketahui bahawa nama Sri Bhoja, atau San-fo-chi, atau Syarbuza/ Syribuza, telah pun dikenal pasti sebagai negeri yang terletak di kawasan Sungai Palembang iaitu di bahagian tenggara pulau Sumatera. Negeri yang disebut 'Moloyu' itu pula terletak di sebelah barat atau barat laut, yakni kira-kira di kawasan tengah Sumatera. Menurut I Tsing juga, jarak daerah Moloyu itu ialah lima belas hari belayar dari Syribuza. Ia berkedudukan di tengah-tengah jika diambil kira perjalanan antara Sri Bhoja dan Ka-cha (yang berdekatan Aceh). Menurut perhitungan Blagden, wilayah Moloyu itu bukanlah terletak jauh ke pedalaman, tetapi sebaliknya di pesisir Selat Melaka.[7] Mengenai bahasanya pula ia merupakan *lingua franca* bagi gugusan kepulauan, yang memang diketahui oleh I Tsing dan penulis-penulis Cina yang lain, sebagai bahasa K'un-lun. Nama ini kononnya berasal dari nama pulau Kundur mengikut sebutan Cina.[8] Bahawa bahasa yang digunakan itu ialah bahasa Melayu dapat dikenali daripada perkataan "buah pinlang" [pinang] yang menurut I Tsing digunakan di Sri Bhoja dan pulau-pulau lain untuk orang memakan sirih yang dicampur dengan buah pala, cengkih dan kapur barus demi mengelakkan mulut berbau.[9]

Bahawa asal usul orang Melayu yang berakar tunjang di kawasan tenggara Sumatera dan sekitar Selat Melaka tidak dipertikaikan oleh para sejarawan

dalam buku *Contesting Malayness* memanglah nyata. Mereka pun, dalam membincangkan tentang orang Melayu pada periode tertentu, juga mengiktiraf Melaka sebagai *polity* yang mentakrifkan apa yang dikatakan sebagai '*Malayness*' atau kemelayuan. Tetapi antara tulisan-tulisan ini ada beberapa pandangan yang perlu diberi perhatian. Misalnya, hujah Anthony Reid dalam tulisannya bahawa:

i. Stamford Rafflesiah orang pertama yang menampilkan idea Melayu sebagai suatu bangsa yang tidak terhad kepada raja Melayu tradisional atau para penyokongnya tetapi sebaliknya merangkumi kawasan yang lebih luas sekalipun tidak dinyatakan kawasan itu secara khusus;[10]
ii. istilah 'Sejarah Melayu' bagi *Sulalatus Salatin* adalah ciptaan Raffles[11] dan nama inilah yang diwarisi oleh penulis dan pengkaji lain, termasuk daripada kalangan sarjana Melayu;[12]
iii. nama 'Tanah Melayu' yang merujuk kepada Semenanjung juga berasal daripada idea Inggeris.[13]

Menurut Reid, idea Raffles menonjolkan gagasan 'bangsa Melayu' itu adalah justeru kerana pada zaman pencerahan Eropah Barat itu orang Inggeris taasub mengklasifikasikan manusia mengikut bangsa. William Marsden sendiri, iaitu kenalan sezaman Raffles, dan penulis *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language* (dimulakannya pada tahun 1786, terbit tahun 1811) dan *The History of Sumatra* (1783) pun berkecenderungan untuk mengkategorikan spesies atau jenis-jenis penduduk di Sumatera. Dengan merujuk kepada Marsden, Reid juga mengatakan bahawa ungkapan 'the Malay Peninsula' atau kemudiannya diterjemahkan sebagai Tanah Melayu pun adalah berasal daripada orang Eropah.[14] Bahkan Reid dengan merujuk kepada Marsden menyatakan bahawa ungkapan inilah yang membuat orang keliru bahawa seolah-olah Tanah Semenanjung adalah tempat asal usul orang Melayu.[15]

Kendatipun demikian andaian yang dibuat oleh Reid ini, ia jelas tidak benar. Seseorang yang membaca karya terkenal orang Melayu, iaitu *Hikayat Hang Tuah*, tentu sekali tidak sukar menanggapi bahawa apabila pengarang *Hikayat Hang Tuah* menyebut berkali-kali tentang "Tanah Melayu", dia jelas merujuk kepada negeri Melaka dan Tanah Semenanjung.[16] Bahkan dia juga menyatakan Bentan adalah Tanah Melayu, mungkin lantaran orang Bentan itu pun berbahasa Melayu. 'Melayu' sebagai nama wilayah memang pun telah tercatat dalam sejarah rantau ini. Seperti yang telah dinyatakan di atas tadi, sumber Cina pada abad ketujuh telah pun menyebut tentang kewujudan daerah Melayu di pulau Sumatera. Pada abad ke-13, para penyusun sejarah Cina dinasti Yuan juga mencatat akan wujudnya daerah Melayu di bahagian timur pulau Sumatera. Jika pada mulanya 'Melayu' hanya merujuk kepada kawasan bawah di sebelah timur pulau Sumatera, tetapi dengan perluasan penggunaan bahasa Melayu maka daerah yang disebut Melayu itu pun melebar ke wilayah yang menghadapi Selat Melaka, termasuk gugusan pulau-pulau yang disebut kepulauan Riau. Tidak boleh dilupakan juga ialah bahawa perkembangan agama Islam turut berperanan dalam memperjelaskan lagi takrif 'Melayu' itu. Seyogia diingati sejak permulaan abad ke-15 hinggalah ke awal abad

yang ke-16 telah dapat disaksikan kebangkitan dan kewujudan sebuah kerajaan Melayu Islam di Melaka yang dalam usianya sekitar 110 tahun telah memperagakan *polity* Melayu yang kemudiannya menjadi asas dan contoh ikutan kepada kerajaan-kerajaan Melayu yang muncul selepas negeri Melaka ditakluki oleh sebuah kuasa Kristian Eropah dalam tahun 1511.

Dalam upaya mempersoalkan mengenai jati diri orang Melayu, seorang lagi penulis, iaitu Adrian Vickers, dengan lebih tegas lagi mengatakan bahawa ciri kemelayuan (*Malayness*) dan jati diri atau identiti Melayu itu adalah rekayasa (*invention*) British justeru sifatnya ialah kolonial.[17] Vickers menganggap pengubahan semula (*reconstitution*) gagasan 'Melayu' sebagai satu bidang ilmu pengetahuan dan sebagai satu titik tanda jati diri tidak boleh dipisahkan daripada pengubahan semula istilah 'Jawa'. Kedua-duanya, menurut Vickers, adalah sebahagian daripada tradisi yang direkayasa oleh pihak kolonial, baik di Malaysia mahupun Indonesia. Kepada Vickers kedua-dua istilah, 'Melayu' dan 'Jawa' tidak mempunyai intisari (*essence*). Istilah Melayu, katanya, langsung tidak mempunyai intisari kebangsaan kerana 'Melayu' adalah identiti kacukan.[18]

Tulisan Reid dan pernyataan Vickers nampaknya bergema pula dalam tulisan-tulisan Shamsul Amri Baharuddin, Anthony Milner dan Hendrik Maier. Setelah membaca tulisan-tulisan mereka penulis berasakan pendekatan 'deconstructionist'[19] yang jelas dipakai oleh Vickers sangat mempengaruhi mereka ini. Shamsul, misalnya, seorang yang bukan ahli sejarah, menerima bulat-bulat pandangan Vickers dan dia sangat bertegang dengan pendiriannya bahawa konsep seperti 'identiti Melayu' dan 'kemelayuan' "is largely based on an Orientalist-colonial construction as reflected in the identity of the history of Malaya and, later, Malaysia."[20] Seperti Vickers, Shamsul juga bersikeras dengan pendapat bahawa ilmu pengetahuan koloniallah yang telah melembagakan 'tiga tiang seri kemelayuan', yakni bahasa, raja dan agama. Bahkan tulisan Shamsul, yang mendukung pandangan Reid bahawa Raffles dan Marsdenlah[21] yang telah menampilkan konsep 'bangsa Melayu' dan 'Tanah Melayu', sampai meremehkan pengkaji-pengkaji sastera, sejarah dan budaya Melayu dengan berkata: "In Malaysia most historians and other scholars in the humanities accept 'colonial knowledge' as the basis of Malaysian and Malay history [...]"[22]

Sebenarnya, pandangan Shamsul ini bukanlah asli sifatnya; sebaliknya merupakan percubaan untuk meminjam kerangka teori Bernard S. Cohn, seorang ahli antropologi Amerika yang terkenal dengan kajiannya mengenai sejarah India di bawah penjajahan British dan betapa masyarakat India telah menerima padah dan akibat daripada kebudayaan dan masyarakat yang menjajah itu, yakni British. Dalam tulisan-tulisannya, Cohn cuba menunjukkan betapa pemerintahan British di India telah mengkonstruksi dan mentransformasikan lembaga-lembaga dan amalan-amalan orang India mengenai undang-undang, pemilikan tanah, bahasa, kebiasaan pentadbiran, ritual politik, kesenian bahkan pakaian sekalipun. Dengan menciplak atau "meniru" kerangka analisis Cohn secara tidak kritis inilah Shamsul terus menganggap dan membuat kesimpulan bahawa semua yang dikatakan warisan Melayu yang berunsur sejarah, kesusasteraan dan kebudayaan adalah warisan yang telah dibentuk oleh *colonial knowledge* yang ditinggalkan oleh penjajah British.

Kesimpulan yang dibuat secara rambang ini justeru kerana Shamsul menganggap pandangan konseptual dan analisis Bernard Cohn mengenai sejarah ethnografik India boleh saja dipindah-alihkan secara mekanikal dan tidak cermat untuk melihat historiografi Malaysia. Pegangan historiografinya, dibuat tanpa merujuk kepada bahan-bahan asli sejarah Malaysia itu sendiri, adalah berasaskan andaian bahawa oleh sebab baik India mahupun Malaysia pernah menjadi tanah jajahan British, maka ini memberikannya premis untuk berhujah bahawa sekalipun jalur sejarah India dan Malaysia adalah berbeza, namun, katanya, 'the technology of colonial rule' seperti yang diguna pakai oleh pemerintah kolonial British, tidaklah berbeza sangat antara kedua-duanya secara epistemologis.[23] Oleh sebab itu, pola historiografi India boleh saja diguna pakai untuk menafsir dan memahami sejarah Malaysia, kononnya 'secara objektif'.

Keterpautan yang begitu erat Shamsul dengan kerangka teori yang dikemukakan oleh Bernard Cohn untuk sejarah masyarakat India itu memberikannya rangsangan pada tahun 2006, untuk berbicara mengenai persejarahan Malaysia.[24] Dengan mengulangi kembali idea Cohn dan mengutip semula persis seperti yang telah diperkatakannya dalam tulisannya sebelum itu,[25] dia pun mundar-mandir tanpa keterangan empirikal lagi dengan hujahnya bahawa sejarah 'identiti Melayu' dan 'kemelayuan' adalah pada dasarnya berasaskan 'sebuah konstruksi Orientalis-kolonial' seperti yang tercermin pada sejarah Malaya, dan kemudiannya Malaysia. Dengan kata lain, sejarah Malaysia kini, baik dari segi ekonominya mahupun budayanya, menurut Shamsul, adalah didominasi, dibentuk dan 'difaktakan' oleh ilmu pengetahuan kolonial.[26]

Sebenarnya, bukanlah Shamsul seorang sahaja yang menulis tentang *colonial knowledge* sebagai agen yang membentuk identiti dan bangsa Melayu. Lebih kurang pada waktu sama Shaharil Talib telah menulis makalah yang juga membawa tema yang sama bahkan, judulnya pun hampir serupa dengan yang dikemukakan oleh makalah Shamsul, iaitu, "Colonial Knowledge and Malaysian Society: Re-appropriating the Epistemological Space".[27] Seolah-olah sama-sama berkongsikan idea yang telah dilontarkan oleh Bernard S. Cohn,[28] rencana Shaharil pun menekankan betapa ilmu pengetahuan kolonial itu telah membentuk persepsi terhadap persejarahan anak negeri yang dijajah menurut acuan ilmu pengetahuan yang telah diberi bentuk oleh kuasa penjajah itu sendiri. Kendatipun Shaharil membawa tema yang sama, namun lantaran dia seorang sejarawan, maka sebahagian perbincangan yang dibawanya lebih masuk akal dan ia tidak khusus membicarakan tentang jati diri orang Melayu sahaja apabila Shaharil memberikan contoh-contoh betapa bahasa dan sastera anak negeri telah dipelajari secara rinci untuk memanfaatkan pihak penjajah dari segi jangka panjangnya, dan penglahiran apa yang dinamakannya '*colonial knowledge*' itupun bukan semata-mata untuk melebarkan kawasan yang dijajah tetapi juga 'bertujuan untuk menyerang dan menakluki ruang epistemologis dan menciptakan ilmu pengetahuan kolonial"[29] seperti yang kelihatan pada beberapa siri fakta yang cocok baginya.

Seolah-olah ada semacam perlumbaan untuk mengaplikasikan idea Cohn dalam upaya melihat dan mentafsir arus sejarah orang Melayu dan Tanah Melayu, kira-kira pada tahun yang sama rencana Shamsul ditulis, Callistus Fernandez juga

telah menerbitkan sebuah makalah yang berjudul, "Colonial Knowledge and the Invention of Malay Identity in Colonial Malaya: A Retrospect". Makalah yang diterbitkan pada pertengahan 1999 ini juga telah menggunakan tulisan Vickers sebagai rujukan asas. Menurut Fernandez, "European modernity and British Orientalism acted to unify the Malays into a single ethnic unit both in the official census as well as in the promotion of differential treatment, historical construction and the setting of territorial boundaries."[30]

Sayangnya, jika kita teliti tulisan-tulisan ini, para penulisnya juga menerima tanpa mempersoalkan pandangan sarjana asing, dan justeru juga berlagak sebagai Orientalis yang dikritik mereka. Dengan mengulangi pandangan Anthony Reid, Shamsul, misalnya, seolah-olah yakin bahawa Raffleslah yang menamakan semula *Peraturan Segala Raja-Raja* (*sic*, *Salasilah Segala Raja-Raja*)[31] menjadi *Sejarah Melayu*. Tetapi apakah ini benar?

Barangkali sepucuk surat pembesar negeri Siak pada awal tahun 1811, kepada Raffles, boleh dijadikan sebagai bukti bahawa tidak mungkin Raffles yang mencipta ungkapan 'Sejarah Melayu'. Tidak mustahil ungkapan itu telah digunakan secara lumrah di mana-mana istana raja Melayu. Ungkapan 'Sejarah Melayu' ada disebutkan di dalam surat Datuk Seri Pekrama Raja [*sic*] dari Siak bertarikh 22 Zulhijjah 1225 (= 17/18 Januari 1811) yang antara lain memberitahu Raffles bahawa pesan Raffles untuk "mencarikan surat 'Sejarah Melayu' dan 'Undang-Undang Melayu'" tidak dapat dipenuhi kerana yang ada padanya hanyalah "'Sejarah Melayu' dan 'Undang-Undang Melayu negeri Siak' serta surat 'Asal Ikan Terubuk'".[32] Seyogia diingati, ungkapan 'Sejarah Melayu' sudah pun digunakan oleh John Leyden ketika dia bersama-sama dengan Ibrahim anak kepada Kandu mengusahakan penterjemahan *Sulalatus Salatin* pada tahun 1810.[33]

Sehubungan dengan surat Datuk Seri Pekrama Raja dari Siak itu, ia hanya merupakan jawapan kepada surat dalam bahasa Melayu yang ditulis oleh Ibrahim Kandu, yang pada tahun 1811 bekerja sebagai jurutulis Raffles pada masa Raffles berada di Melaka lantaran telah dilantik oleh Governor-General Lord Minto sebagai Wakilnya dalam menjalin hubungan dengan Negeri-negeri Melayu.[34] Oleh sebab pesanan Raffles dalam suratnya kepada Datuk Seri Pekrama Raja ini disampaikan oleh Ibrahim, amat besarlah kemungkinannya juga bahawa Ibrahimlah yang menggunakan ungkapan 'Sejarah Melayu' itu; sementelahnya pula Ibrahim memang tahu akan judul kitab itu bahkan telah pun memperoleh sebuah naskhah yang pada tahun 1810 diusahakannya bersama-sama dengan John Leyden untuk menghasilkan terjemahan berbahasa Inggeris yang berjudul *The Malay Annals*.[35] Pun tidak munasabah seandainya ungkapan 'Sejarah Melayu' atau 'Hikayat Melayu' tidak diketahui oleh golongan istana di beberapa kerajaan Melayu.[36] Jika Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang pun menyebutnya sebagai 'Hikayat Melayu', maka tidaklah mustahil teks itu juga dikenali dalam bahasa sehari-hari oleh para pembesar di istana dengan nama 'Hikayat' atau 'Sejarah Melayu'.

Pendapat yang mengatakan bahawa Raffleslah yang menamakan 'the Malayu nation' yang secara beransur-ansur menjadi 'Malay race' juga mendapat dukungan oleh hampir kesemua penulis dalam buku *Contesting Malayness*. Mereka ikut menegaskan bahawa pihak kolonial Britishlah yang telah memberikan identiti

atau jati diri Melayu itu. Dengan mengulangi pendapat Reid yang menggunakan tulisan Raffles sebagai sumber, Shamsul, Vickers, dan Milner seolah-olah menafikan 'rasa batin' orang Melayu sebagai suatu umat. Seyogia pula diingati, bahawa nama sesuatu kaum atau bangsa itu boleh jadi diberikan oleh bangsa lain[37] ataupun juga boleh jadi bangsa itu sendiri yang menggunakannya. Misalnya, sejak pada abad ke-18 lagi pelayar-pelayar Inggeris telah menggunakan nama 'Melayu' untuk merujuk kepada kumpulan masyarakat yang bertutur dalam bahasa Melayu. Sebuah tulisan oleh seorang pelayar Cina dalam abad ke-18 juga, seperti yang dikutip oleh Wang Gungwu dalam tahun 1963, menunjukkan bahawa perkataan 'Melayu' yang merujuk kepada suatu bangsa atau wilayah telah pun digunakan pada abad ke-18.[38] Penulis Cina yang bernama Ch'en-Lun-chiung itu, dalam catatannya menyebut tentang keberadaan orang Melayu (Wu-lai-yu fan) di kawasan-kawasan seperti Luzon, Panay, Cebu dan Mindanao. Sumber Cina itu pun menyatakan bahawa selain tempat-tempat ini, pada bahagian ke selatan pulau Luzon, terdapat "sebuah pulau yang besar yang dinamakan oleh penulis Cina itu *Wu-lai-yu-his-li* (*-ta-*) *shan* (pulau Melayu Selatan atau pulau Melayu Selat), yang jelas merujuk kepada pulau Borneo. Dalam tulisan pelayar Cina Ch'en-Lun-chiung itu, menurut Wang, penduduk Banjarmasin, Makasar, kepulauan Maluku, Sulu, Karimun, Brunei dan Sukadana disebut sebagai Wu-lai-yujao-a-fan (orang Melayu-Jawa).[39] Bahkan penduduk Kemboja pun (tanpa dinyatakan sama ada mereka itu dari keturunan orang Champa atau lain) dikatakan "pai-t'ou-wu-lai-yu" (bangsa Melayu berkepala putih). Tidak menghairankan, Ch'en-Lun-chiung juga menamakan penduduk Patani, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan Melaka sebagai Melayu. Bahkan Tanjung Kelapa [Sunda Kelapa] atau Betawi pun disebut sebagai asalnya Wu-lai-yu-ti-fang (kawasan Melayu) sebelum ditakluki Belanda.

Berdasarkan catatan Ch'en-Lun-chiung itu, nyatalah pada abad ke-18 pada pandangan orang Cina nama 'bangsa Melayu' itu telah pun dipakai. Ini dengan jelas menolak hujah bahawa Stamford Rafflesiah yang mula-mula menanggapi dan merekayasa konsep 'nasion Melayu' atau Melayu sebagai suatu bangsa. Walaupun penulis Cina seperti Ch'en-Lun-chiung tidak membezakan secara tuntas antara Melayu dengan Jawa dalam tulisannya, malahan pula menamakan orang Kemboja sebagai 'sejenis' Melayu (tanpa merujuk kepada orang Champa yang sememangnya Melayu), dia tidak pula menganggap orang Melayu itu hanya terdiri daripada mereka yang beragama Islam sahaja. Misalnya, ketika menerangkan tentang Luzon sebagai sebuah wilayah Melayu, Ch'en-Lun-chiung pun menyebut bahawa "apabila seorang Cina mengahwini seorang Wu-lai-yu fan-fu (perempuan Melayu), dia diharuskan memasuki agamanya dan melakukan istiadat [perkahwinan] itu di Gereja Katholik".[40] Seyogia difahami, mengenai apa yang tertulis dalam catatan tinggalan Ch'en-Lun-chiung itu yang penting bagi kita ialah hakikat bahawa konsep 'bangsa Melayu' (*Wu-lai-yu tsu-lui*) itu sudah pun dipakai. Tidak kurang pentingnya ialah bahawa istilah 'Melayu' itu juga ditanggapi sebagai suatu 'rumpun bangsa' iaitu sama halnya dengan yang ditanggapi dewasa ini mengenai kelompok rumpun Melayu yang dilihat dari sudut antropologi. Bahkan Ch'en-Lun-chiung menggunakan ungkapan 'orang kepulauan Melayu' (*Wu-lai-yu-tao-fan*) dalam catatannya. Aspek bahasa juga mungkin telah menjadi

pertimbangan Ch'en-Lun-chiung ketika menyebut orang Luzon dan Sunda Kelapa (orang Betawi) sebagai Melayu, lantaran pada zaman itu bahasa Melayu jelas amat luas digunakan, terutamanya dalam kalangan pedagang di kota-kota pelabuhan, termasuk Manila dan Betawi.[41]

Mengenai Melayu sebagai bangsa (*nation*), memang benar secara harfiah penggunaannya dalam kalangan anggota bangsa yang mempunyai ciri-ciri persamaan dari segi bentuk tubuh, rupa, bahasa, adat dan agama di Nusantara ini tidak diungkapkan dengan jelas tetapi ini tidak bermakna perasaan kekitaan bangsa itu tidak wujud. Ketika Raffles menulis makalahnya yang diberi judul "On the Malayu Nation"[42] dia sendiri mendapat maklumat itu daripada orang Melayu dan hanya mengetengahkan nama itu untuk masyarakat Inggeris. Tetapi ini tidak bererti bahawa kewujudan sebuah bangsa yang mengenali dirinya sebagai Melayu tidak wujud sebelum Raffles.

Di dalam manuskrip-manuskrip Melayu lama yang ditulis sekitar abad ke-16 dan disalin kembali pada abad-abad berikutnya, istilah 'orang' lebih kerap digunakan untuk merujuk kepada sesuatu bangsa. Memanglah benar bahawa Melayu sebagai suatu kategori bangsa tidak dinyatakan secara eksplisit. Tetapi ketika membaca surat-surat Melayu lama dan naskhah-naskhah Melayu yang ditulis sekitar abad ke-16 dan ke-17, penulis dapat berasakan bahawa wujud jati diri yang berpijak atas landasan yang tercermin pada kata-kata seperti 'negeri Melayu' ,'undang-undang Melayu', 'hikayat Melayu'. 'Sejarah Melayu', 'adat raja-raja Melayu', 'adat-istiadat segala raja-raja Melayu' dan 'bahasa Melayu'. Raffles pun tidak dapat tidak telah mendapat kesan yang sama, sehingga dia merumuskan bahawa bangsa Melayu (*Malayu nation*) itu memang ada. Selama kira-kira tak sampai setahun dia berada di Pulau Pinang dan ditambah pula sekitar enam bulan dia berada di Melaka, dalam tempoh yang singkat itu dia telah menjalin hubungan dengan pembesar dan raja-raja Melayu, tentulah tidak terlalu sukar bagi Raffles untuk memahami akal budi orang Melayu dan sifat-sifat bangsa Melayu. Melalui orang Melayu jugalah dia dapat menghimpun maklumat untuk membolehkannya menulis tentang nasion Melayu itu. Tetapi dia bukanlah orang pertama yang merekayasa ungkapan bangsa Melayu itu! Abad kesembilan belas, seperti yang telah dijelaskan oleh ramai penulis, juga meletakkan daerah petempatan Melayu itu di kawasan yang merangkumi wilayah dari utara Semenanjung, kepulauan Riau-Lingga, bahagian-bahagian Kalimantan sampailah ke bahagian-bahagian Sumatera dan Sulawesi Selatan dan bandar Betawi di Jawa yang bukan sahaja petempatan Melayu itu sudah lama wujud tetapi juga diaspora Melayu itu telah mewujudkan petempatan-petempatan baru.

Kendatipun secara harfiah penggunaan istilah bangsa atau *nation* Melayu dalam kalangan bangsa-bangsa serumpun yang menghuni kawasan 'dunia Melayu' tidak dengan jelas diungkapkan, namun mereka yang berbahasa Melayu sedar akan kesamaan ciri-ciri roman fizikal, baik dari segi bentuk tubuh, warna kulit, bahasa, tingkah laku, mahupun adat dan sistem kepercayaan masing-masing. Pada zaman silam, apa yang sering diungkapkan ialah masing-masing mengenali sesama sendiri bukan sebagai 'bangsa' tetapi sebagai orang dari tempat, daerah, negeri, atau pulau tertentu. Maka oleh sebab itulah di dalam *Sejarah Melayu*

ungkapan-ungkapan seperti orang Melaka, orang Kelang, orang Siak, orang Jambi, orang Jawa lebih digunakan. Mungkin kerana itu jugalah ungkapan orang Cina (dari benua Cina), orang Keling (dari benua Keling [Kalinga]) dan orang Arab (dari jazirah Arab) sering digunakan, dan bukan bangsanya yang lazim disebut, kecuali dalam konteks yang tertentu. Tetapi ini tidak pula bermakna jati diri Melayu sebagai suatu bangsa itu tidak ditanggapi dan difahami.

Bila berbicara mengenai jati diri, tidak boleh pula dilupai akan hakikat berlakunya proses perkahwinan campur antara suku-suku bangsa rumpun Melayu itu juga antara anggota suku-suku rumpun Melayu dengan orang Arab, Tamil, Benggala, Parsi ataupun Cina, yang juga sangat lumrah berlaku pada zaman awal itu dan yang turut 'memelayukan' proses kacukan itu sehingga memungkinkan berlakunya anjakan identiti apabila seorang berketurunan Arab, Cina, Tamil atau Indo-Parsi mengaku dirinya Melayu. Sebagai contoh, pada awal abad ke-19 Pangeran Anum dari Sambas yang beribukan seorang perempuan Cina, dan berbapakan seorang bangsawan Sambas melihat dirinya sebagai Melayu.[43]

Penulis-penulis buku *Contesting Malayness* memanglah benar apabila mereka mengatakan telah berlakunya anjakan jati diri orang Melayu itu dari zaman purbanya sampai ke abad 19. Seperti yang kita temui di dalam *Sejarah Melayu*, pencitraan Melayu sebagai satu kumpulan etnik hanya dimanifestasikan dalam kata-kata yang ada hubung kaitnya dengan adat, raja, kerajaan dan petempatan atau negeri di sekitar Selat Melaka dan pulau Sumatera. Sesungguhnya, citra kemelayuan itu seperti yang telah ditunjukkan oleh ramai pengkaji, tidak boleh dipisahkan daripada kerajaan dan kawasan penutur bahasa Melayu. Dengan kata lain, selain akal budinya, citra jati diri Melayu harus dilihat pada unsur-unsur ini dan wilayah kepulauan Melayu itu sendiri.

Jika kita merujuk kepada *Sejarah Melayu*, kita dapati perkataan 'Melayu' disebut tidak lebih daripada 19 kali.[44] Ungkapan 'hikayat Melayu' dan 'bangsa Melayu' digunakan oleh penyalinnya kali pertama ketika menyatakan tugas yang diamanahkan kepadanya agar dapat diperbaiki sebuah hikayat Melayu dari Gowa. Dalam seluruh naskhah Melayu itu jarang sekali disebut orang Melayu atau bangsa Melayu. Penyalin hanya menyebut **bangsa** Melayu itu berasal dari Bukit Siguntang Mahameru dan negerinya Malakat [Melaka]. Mengenai asal usulnya, disebutkan bahawa di Andelas [Sumatera] terdapat sebuah negeri bernama 'Perlembang' [Palembang] dengan rajanya bernama Demang Lebar Daun. Kerajaannya terletak di kawasan sungai yang bernama Muara Tatang. Di bahagian hulu sungai ini terdapat sebuah sungai yang bernama Melayu dan di lokasi sungai inilah wujudnya sebuah bukit yang dinamakan Bukit Siguntang.

Perkara yang disebut beberapa kali (secara tepat sebanyak lima kali) oleh *Sejarah Melayu* ialah mengenai raja Melayu. Ini pun kerana ada sangkut pautnya dengan istiadat dan peraturan. Tetapi yang lebih banyak disebut ialah raja sesebuah negeri atau wilayah, misalnya Raja Palembang, Bintan, Jambi, Lingga, Cempa [*sic*], dan lain-lain. Konsep Melayu pun dirasakan tidak perlu dijelaskan oleh penulisnya kecuali apabila ingin menyatakan secara khusus bahawa sesuatu sifat atau ciri itu adalah khas Melayu. Misalnya 'seorang hamba Melayu' dikatakan pantang menderhaka.

Oleh yang demikian, bila berbicara tentang Melayu, yang dimaksudkan ialah orang yang mempunyai asal usulnya di sungai Melayu dan berkerajaan di Bukit Siguntang.[45] Tetapi kita juga mengetahui bahawa tujahan penulis *Sejarah Melayu* adalah pada rajanya. Maka kita pun diberitahu oleh hikayat Melayu itu bahawa gelar Yang Dipertuan itu bermula daripada Demang Lebar Daun.

Dalam cetera yang kedua *Sejarah Melayu*, telah tersebut perihal perkahwinan Sang Supraba[46] dengan puteri Demang Lebar Daun yang bernama Wan Sundari. Lantaran berwa'adat dengan Demang Lebar Daunlah isterinya itu tidak terkena kedal.[47] Perkongsian Sang Supraba dengan Wan Sundari telah dikurniakan dua orang putera dan dua orang puteri. Puteri yang tertua telah dipinang oleh raja Cina. Menurut Sang Supraba, dengan perkahwinan itu maka "bersambunglah raja Melayu dengan raja Cina". Peristiwa ini disusuli dengan perkahwinan seorang anak bangsawan (ceteria) Cina dengan anak angkat Sang Supraba yang bernama Puteri Tanjung Buih di Palembang. Menurut ceritanya, anak ceteria Cina itu kemudiannya dirajakan oleh Sang Supraba di Palembang. Jika kita membaca hikayat Melayu ini kita tidak boleh membuat tafsiran secara harfiah semata-mata. Peristiwa Wan Empuk dan Wan Malini bertemu di Bukit Siguntang dengan tiga orang manusia muda-muda yang menunggangi lembu putih harus ditafsirkan sebagai perlambangan mengenai datangnya unsur-unsur dari India dan agama Hindu itu Demikian juga perisitiwa anak perempuan Sang Supraba dengan raja Cina harus ditafsir sebagai perlambangan masuknya unsur-unsur dan pengaruh Cina dalam masyarakat Melayu.

Oleh yang demikian, takrif Melayu itu berubah mengikut zamannya. Setelah masuknya pengaruh dari India dan dari Cina maka identiti Melayu itu pun menerima perubahan. Perkahwinan campur antara Melayu dengan bangsa-bangsa lain lumrah berlaku di setiap zaman. Ini menunjukkan bahawa identiti Melayu itu boleh juga dicirikan oleh unsur kacukan.[48] Perkahwinan puteri Sang Supraba yang kedua dengan Betara Majapahit yang diceriterakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* membuktikan lagi bahawa unsur kacukan dalam masyarakat Melayu pun berlaku antara bangsa-bangsa dalam rumpun Melayu.[49] Demikian juga perkahwinan antara mereka yang tinggal di pulau yang berlainan ataupun lain daerah seperti yang berlaku pada putera Sang Supraba yang bernama Sang Nila Utama, yang diambil menantu oleh permaisuri Bintan.

Semua ini adalah tanda pembinaan satu bentuk identiti Melayu yang berunsurkan kacukan. Yang pentingnya dalam proses 'peMelayuan' ini ialah sumber asal keturunan itu iaitu Melayu yang dimitoskan berasal dari Bukit Siguntang. Perkelanaan Sang Supraba sendiri, yang mengembara untuk berbuat negeri, akhirnya membawa dia ke Kuala Kuantan dan di situ Sang Supraba telah dijadikan raja oleh orang Minangkabau. Seterusnya *Sejarah Melayu* menceritakan betapa keturunan Sang Supraba dan Demang Lebar Daun merajai pulau-pulau di sekitar Selat Melaka. Sang Nila Utama yang kemudiannya bergelar Seri Teri Buana telah menjadi raja di Singapura dan Demang Lebar Daun sendiri telah memerintah Bintan. Daerah-daerah ataupun kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* jelas merupakan daerah Melayu. Berdasarkan cerita *Sejarah Melayu* ini nyatalah bahawa yang dikatakan Melayu itu termasuk

juga yang asal Minangkabau dan dari daerah lain di Nusantara di mana bahasa Melayu dituturkan.

Walau bagaimanapun, Melayu sebagai jati diri lebih jelas diungkapkan di dalam *Hikayat Hang Tuah*, sebuah karya yang mungkin dikarang kira-kira pada paruh kedua abad ke-17. Dalam melukiskan kebesaran kerajaan Melaka, pengarang *Hikayat Hang Tuah* acap kali menamakan Melaka (dan Tanah Semenanjung) sebagai Tanah Melayu. Watak Hang Tuah juga kelihatannya, ketika berhadapan dengan Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada, cuba menampilkan dirinya sebagai mewakili Melayu yang bertuankan Raja Melaka.

Pada abad ke-18 dan ke-19 kerajaan-kerajaan Melayu seperti di negeri-negeri Semenanjung, Siak, Palembang, Johor-Riau-Lingga, Minangkabau, dan negeri-negeri lain di Sumatera dan Kalimantan tidak lagi mampu merujuk kepada sebuah kerajaan besar seperti Melaka pada suatu ketika dahulu. Pada abad ke-19, selepas Belanda, Melaka telah ditadbir oleh Inggeris. Kuasa Eropah yang diwakili oleh Syarikat Hindia Timur Belanda dan Inggeris yang menancapkan kuasanya di negeri-negeri Melayu sudah dianggap sama taraf dengan kerajaan Melayu. Pegawai Inggeris seperti Farquhar di Melaka diberi gelar 'raja Melaka'. Raffles sendiri yang berada di Melaka mulai pada penghujung 1810 hingga pertengahan 1811 dipandang sebagai ganti 'yang dipertuan besar' dan 'raja di atas segala raja-raja' di Benggala (merujuk kepada Lord Minto). Seperti seorang Raja Melayu, Raffles juga dipanggil Seri Paduka dan disebut sebagai 'bersemayam' di Melaka.

Kehadiran penguasa Eropah yang mempunyai kapal perang yang serba lengkap dengan senjata, seperti senapang dan meriam, telah merubah keadaan kerajaan Melayu itu. Raja-rajanya pada umumnya tunduk dan terpaksa akur dengan segala arahan Raffles. Sama seperti penipuan yang berlaku kepada Sultan Kedah oleh Francis Light, sehubungan dengan Pulau Pinang, raja Melayu yang pintar seperti Sultan Palembang ditipu secara halus oleh Raffles dan pembesar Inggeris itu juga berjaya memperdayakan Sultan Abdul Rahman di Lingga dan Sultan Husain Syah untuk mencuri pulau Singapura pada tahun 1819. Jadi, abad ke-19 bolehlah dikatakan sebagai zaman yang tidak menampilkan kegemilangan raja-raja dan bangsa Melayu. Tetapi abad ke-19 juga memperlihatkan bahawa unsur kacukan dalam pembentukan jati diri Melayu itu juga terus berlaku. Seorang Jawa, Bugis, Aceh atau Mandailing adalah dianggap Melayu apabila berkahwin campur dengan Melayu di kawasan atau negeri Melayu. Raja Jambi dan Siak yang mempunyai darah Arab menganggap diri mereka Melayu. Bahkan Abdullah Munsyi pun menganggap dirinya Melayu.

Perubahan-perubahan terhadap jati diri orang Melayu pada abad ke-19 pun berterusan pada abad ke-20. Selain peranan memori sosial bersama di Nusantara melalui mitos dan legenda, hubungan lahiriah di peringkat pemikiran antara anggota kumpulan cendekiawan Nusantara lewat media tulisan dan gagasan pemikiran politik seperti yang dicontohi oleh Tan Malaka, Ibrahim Yaakub dan Sukarno sampai sekitar berakhirnya Perang Dunia Kedua turut membantu dalam pembentukan kesedaran jati diri Dunia Melayu. Di Semenanjung Tanah Melayu, perubahan yang dicetuskan oleh kesedaran melalui pendidikan dan perkembangan surat khabar jelas telah memperlihatkan terserlahnya gerakan

untuk memperjuangkan kepentingan bangsa yang dilihat sudah jauh ketinggalan berbanding bangsa-bangsa asing seperti Cina dan India. Apakah kesedaran etnik ini bikinan Inggeris? Memang benar cetusan kesedaran itu dibawa oleh dasar kolonial Inggeris, tetapi bukanlah kerana Inggeris yang menanam atau memupuk segar identiti atau jati diri Melayu itu.

Menghadapi persoalan peralihan identiti atau jati diri sesuatu bangsa bukan terbatas kepada orang Melayu sahaja. Dari zaman ke zaman semua bangsa mengalami *identity shift* dan konstruksi semula bangsa dan nasion masing-masing. Pembentukan jati diri bangsa Melayu berlaku terus-menerus. Seperti bangsa-bangsa lain di dunia, Melayu, sebagai suatu bangsa, dan penampilan jati dirinya bukanlah mengikut acuan mana-mana kuasa kolonial. Ia berlaku kerana proses sejarah yang tentunya melibatkan interaksi berbagai faktor dan istimewanya pula dengan pihak-pihak atau kaum-kaum yang lain. Bahawa istilah 'Melayu' kini boleh merujuk kepada bangsa-bangsa rumpun Melayu secara berproses dan mengikut masa, tempat dan keadaan masih lagi berlaku dan konstruksi sosial serta anjakan identiti itu pun ikut sama berubah dan cuba mencari wadah pemantapannya. Jika pada hari ini orang mempersoalkan isu kacukan dalam pembentukan etnik Melayu maka hal ini sudah pun berlaku sejak awal lagi seperti yang dilakarkan di dalam *Sejarah Melayu*.

Yang membezakan Melayu itu daripada yang lain ialah tingkah lakunya yang berasaskan budi dan nilai keagamaan. Untuk menyelidiki siapa Melayu itu dan apakah citra jati dirinya maka kita harus kembali kepada upaya mengkaji secara rinci naskhah-naskhah lama Melayu seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan hikayat-hikayat lain yang berselerak di kawasan dunia Melayu. Tidak pula boleh dilupakan ialah sastera lisan Melayu seperti pantun, gurindam dan peribahasa Melayu juga naskhah lama Melayu. Melalui sumber-sumber inilah orang asing sepatutnya mengenali bangsa Melayu dan citra jati diri Melayu itu.

Mereka yang mengkritik bangsa Melayu dewasa ini hanya bersuara lantang kerana orang Melayu telah cuba memberikan reaksi kepada perilaku pihak-pihak lain sejak British membina konstruksi nasion baru untuk Malaya. Ketika orang Melayu tidak menggagaskan dirinya sebagai suatu 'bangsa' yang berciri politik dan kekuasaan, tidak ada sesiapa yang bising. Tanah Melayu boleh saja dijelajah dan dijajah tanpa menerima tentangan yang berkesan daripada orang Melayu. Tetapi adakah kerana kesenyapan dan kesepian suara Melayu ini dianggap Melayu tidak berbangsa?

Walau apa pun anggapan orang terhadap orang Melayu dan jati dirinya, sebagai suatu bangsa orang Melayu tidak mungkin dapat dipisahkan daripada identiti dan citranya sebagai Muslim. Demi memahami kedudukan orang Melayu dan Islam, bab berikut akan cuba melihat latar belakang sejarah Islam di Malaysia sebagai agama orang Melayu.

Nota

[1] Makalah yang sudah ditulis semula ini asalnya berjudul 'Melayu Dalam Sejarah', dan dibentangkan di Seminar Jatidiri Melayu, sempena Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam ke-8, Melaka (14 November 2007).

[2] Lihat catatan C. O. Blagden, 'The name "Malayu"', dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, no. 32, June 1899, Kraus Reprint Ltd, Vaduz, 1965, h. 211 – 213.

[3] Ibid, h. 211.

[4] Lihat G. R. Tibbets, *A Study of the Arabic Texts Containing Material on Southeast Asia*, E. J. Brill, /Leiden & London, 1979, h. 112.

[5] Blagden, 'The name "Malayu"', h. 211.

[6] Ibid.

[7] Tibbets mengatakan 'negeri Malayu' itu terletak di Sungai Jambi. Lihat Tibbets, *A Study of the Arabic Texts*, h. 115.

[8] Hamba abdi dari kawasan kepulauan Melayu selalu disebut oleh penulis-penulis Cina sebagai 'hamba K'un-lun' walaupun mereka datang dari berbagai tempat di gugusan kepukauan Melayu. Ini kerana pada zaman I Tsing penduduk pulau Kundur adalah orang yang pertama ditemui oleh pelayar-pelayar Cina dan lama kelamaan orang Cina pun secara umum menganggap seolah-olah penduduk pulau Kundur adalah sama dengan penduduk wilayah gugusan kepulauan Melayu. Lihat Blagden, 'The name 'Malayu'", h. 212.

[9] Ibid, h. 212-213.

[10] Lihat tulisan Anthony Reid, 'Understanding *Melayu* (Malay) as a Source of Diverse Modern Identities' dalam Timothy P. Barnard (ed.), *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*, Singapore University Press, Singapore, 2004, h. 10.

[11] Ibid., h. 11

[12] Ibid.

[13] Ibid. Reid merujuk kepada karya Marsden, *The History of Sumatra*, yang mengatakan tentang Semenanjung 'Malayan' ataupun 'Semenanjung Malaka', asal usulnya adalah khusus Eropah. Lihat Marsden, *The History of Sumatra*, Oxford University Press, 1986, h. 326.

[14] Sebenarnya Marsden tidak menyebutnya sebagai Malay Peninsula tetapi 'Malayan peninsula'. Sebutan Tanah Melayu oleh orang Melayu, mengikut Reid (yang mengatakan bahawa istilah *Malayan* juga merujuk kepada Melayu), telah mendapat pengaruh daripada nama yang diberikan oleh Inggeris.

[15] Reid, dalam *Contesting Malayness*, h. 11.

[16] Lihat *Hikayat Hang Tuah* (diselenggarakan oleh Kassim Ahmad), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964, terutama h. 45, 46, 50, 56, 71, 86, 89, 104, dan 177. Istilah 'negeri Melayu' juga dipakai. Lihat h. 45.

[17] Jelas sekali Vickers membuat kesimpulan yang semberono tanpa mengkaji 'falsafah' budi bahasa orang Melayu seperti yang terbayang dalam berjenis-jenis sastera lisan rakyat, pantun, kata-kata adat, pepatah-petitih, dan segala bentuk peribahasa Melayu yang lain, termasuk juga sastera bertulis, yang banyak sekali menampilkan apa yang dimaksudkan oleh Vickers sebagai *essence* atau intisari dalam kata 'Melayu' itu. Memang sukar bagi orang Barat seperti Vickers untuk memahami apa yang sebenarnya menjadi *essence* kebangsaan kepada budidaya bangsa Melayu kerana falsafah budi dan bahasa (bukan dalam erti kata linguistik) yang memang merupakan inti kepada yang disebut keMelayuan atau *Malayness* itu sesungguhnya terlalu asing baginya. Lihat Adrian Vickers, 'Malay Identity': Modernity, Invented Tradition and Forms of Knowledge' dalam *Contesting Malayness*, h. 26 dan 28.

[18] Ibid, h. 33.

[19] Teori *Deconstruction* dalam sastera adalah satu bentuk strukturalisme radikal, yang dirintis oleh ahli falsafah Perancis Jacques Derrida yang menganggap teks sebagai mainan struktur yang dinyahpusat (*decentred*), dan lantaran itu menampakkan kekurangan makna yang dapat dipastikan pada akhirnya. Melalui analisis struktur dalaman sesebuah teks, khususnya mengenai kontradiksinya, para Dekonstruksionis mendakwa dapat menampilkan kewujudan makna-makna subteks yang selalunya bukan berupa maksud atau makna yang dikehendaki oleh pengarang --- dan oleh itu ia menggambarkan ketidakmungkinan memberikan makna yang tetap pada sesebuah karya. Aliran *Deconstruction* yang berkembang pada 1960-an telah mempengaruhi sesetengah sarjana dalam kaedah menafsir sejarah, sastera dan ilmu-ilmu sosial yang lain.

[20] Shamsul A. B. , 'A History of Identity, an Identity of History: The Idea and Practice of 'Malayness' in Malaysia Reconsidered', dalam *Contesting Malayness*, h. 137.

[21] Selain daripada sebuah kamus Melayu yang dikerjakannya, karya William Marsden yang terkenal ialah *The History of Sumatra* (edisi pertama 1783) dan *A Grammar of the Malayan Language* (1812).

[22] Shamsul, dalam *Contesting Malayness*, h. 138.

[23] Shamsul silap benar apabila dia mengatakan bahawa Syarikat Hindia Timur berkuasa penuh di India dan Malaysia pada paruh pertama abad ke-17. Memanglah benar bahawa selepas Syarikat Hindia Timur Inggeris diasaskan pada tahun 1600 British telah mula mendarat di India (Surat) pada tahun 1612. Tetapi puncak kekuasaan British hanya tercapai mulai akhir abad ke-18 apabila dalam peperangan dengan Perancis di Eropah, Amerika Utara dan di bumi India sendiri, British telah dapat mengalahkan lawannya yang berakhir dengan kekalahan Perancis di India di tangan Robert Clive yang membawa kepada penaklukan atau penundukan hampir seluruh kerajaan raja-raja India oleh tentera British menjelang awal abad ke-19. Pada abad inilah kemuncak kekuasaan British itu memperlihatkan Syarikat Hindia Timur mereka memerintah India dengan menjadikan raja-raja India sebagai boneka. Bagi kawasan kepulauan Melayu pula, Belandalah yang berpengaruh secara politik pada abad ke-17. British hanya bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786 dan hanya mula bergerak menguasai daerah-daerah Melayu di kepulauan Asia Tenggara pada awal abad ke-19 melalui strategi yang diatur oleh Raffles. Lihat Shamsul Amri Baharuddin, 'The Identity of Malaysian Historiography: A Brief Reflection of an Anthropologist', Teks Ucapan Dasar sempena Persidangan Kebangsaan Mengenai Sejarah Sarawak dan Sabah, di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, pada 17-18 Mei 2006', h. 2.

[24] Ibid., h. 3 - 5.

[25] Lihat Shamsul 'A History of Identity' dalam *Contesting Malayness*, h. 136-138.

[26] Shamsul A. B., 'The Identity of Malaysian Historiography', h. 3.

[27] Lihat makalah Shaharil Talib dalam Edi Sediyawati dan Susanto Zuhdi (penyunting), *Arung Samudera. Persembahan Memperingati Sembilan Windu A. B. Lapian*, Pusat Penelitian Kemasyarakatan dan Budaya Lembaga Penelitian Universitas Indonesia Bekerjasama dengan Yayasan Adikarya IKAPI, Depok 2001, h. 771 - 782.

[28] Lihat Bernard S. Cohn, *Colonialism and its forms of knowledge: the British Rule in India*, Princeton University Press, Princeton, New Jersey, 1996.

[29] Shaharil Talib, 'Colonial Knowledge' dalam Edi Sedyawati dan Susanto Zuhdi, *Arung Samudera*, h. 772.

[30] Lihat Callistus Fernandez, 'Colonial Knowledge and the Invention of Malay Identity in Colonial Malaya: A Restrospect', *Akademika* Bil. 55, Julai 1999, h. 2.

[31] Walaupun judul lengkapnya jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu ialah: *Salasilah Segala Raja-Raja,* kitab ini lebih dikenali dengan judul bahasa Arabnya iaitu: *Sulalatus Salatin*. Dalam perbualan lisan ia disebut "hikayat ".

[32] Ahmat Adam, *Letters of Sincerity: the Raffles Collection of Malay Letters, 1780 - 1824*, Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 2009, Kuala Lumpur.

[33] Lihat John Bastin, "John Leyden and the Malay Annals', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 75, Part 2, 2002, h. 107 – 108.

[34] Dalam bahasa Inggerisnya: *Agent to the Governor General with the Malay States*. Lantikan oleh Minto itu dibuat pada 19 Oktober 1810. Tujuannya ialah agar Raffles membuat persiapan untuk tentera British menyerang pulau Jawa dan merampasnya daripada tangan Belanda. Persiapan ini antara lain ialah agar Raffles dapat menjalin hubungan diplomatik dengan raja-raja dan para pembesar peribumi, khasnya yang berketurunan Melayu, bagi mendapatkan sokongan dan bantuan serta maklumat perisikan terhadap pertahanan Belanda di pulau Jawa.

[35] Lihat John Bastin, 'John Leyden and the *Malay Annals* (1821)" dalam *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 75, part 2, December 2002, h. 107.

[36] Seyogia pula diingati bahawa Ibtahim anak kepada Kandu yang menjadi jurutulis Raffles semasa Raffles berada di Pulau Pinang dan Melaka memang secara peribadi berminat mencari manuskrip Melayu yang berbentuk sejarah atau hikayat.

[37] Misalnya nama 'Keling' yang digunakan di dalam hikayat-hikayat Melayu adalah khusus dipakai dalam kalangan Melayu-Indonesia.

[38] Bahkan awal sebelum itu, Alexander Hamilton yang berkunjung ke Melaka dan Johor kira-kira antara tahun 1695 dan 1700 pun menggunakan istilah "Malaya' untuk merujuk kepada orang Melayu dan juga Tanah [atau negeri] Melayu. Hamilton mungkin terpengaruh dengan sebutan 'Maleier ' oleh orang Belanda ketika merujuk kepada 'Melayu'. Lihat Alexander Hamilton, *A New Account of the East Indies*, vols. 1-2, N. Israel, Amsterdam, 1970, h. 45-46, 50 dan 54..

[39] Wang Gungwu, 'The Melayu in Hai Kuo Wen-Chien Lu', dalam Wang Gungwu, *Only Connect! Sino-Malay Encounters*, Times Academic Press, Singapore, 2001, h. 40

[40] Ibid.

[41] Ibid., h. 43.

[42] Lihat *Asiatick Researches*, vol. 12, John Murray, London, 1818, h. 102 - 158.

[43] Pangeran Anum sangat terkenal sebagai ketua lanun yang merompak kapal-kapal dagang orang Eropah, khasnya Inggeris, pada dasawarsa pertama abad ke-19. Dia kemudiannya menaiki takhta kesultanan Sambas apabila iparnya, raja Sambas, mangkat. Untuk maklumat lanjut mengenai Pangeran Anum lihat *Captain Macdonald's Narrative of his Early Life and Services embracing an unbroken period of Twenty-Two Years* (third edition), Cheltenham, circa 1840, h. 305-307.

[44] Lihat *Sejarah Melayu* (yang diusahakan oleh Shellabear), Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1975. Kegunaannya adalah seperti: Melayu bangsanya: 1 kali (h. 2); peraturan segala raja-raja Melayu: 1 kali (h. 2); raja Melayu: 2 kali (h. 22); larangan raja Melayu: 1 kali (h. 57) istiadat raja-raja Melayu: 1 kali (h. 60); sungai Melayu: 1 kali (h. 16); hamba Melayu: 2 kali (h. 20; 143); anak Melayu: 2 kali (h. 70; 208); hikayat Melayu: 2 kali (h. 2; 239); asal Melayu: 1 kali (h.71); baju Melayu: 1 kali (h. 155); adat Melayu tiada pernah durhaka: 1 kali (h. 194); hulubalang Melayu: 1 kali (h. 213); Melayu durhaka:1 kali (h. 215); orang Melayu: 1 kali (h. 238).

[45] Takrif dan jati diri Melayu itu pun berubah mengikut zaman dan keadaannya. Peralihan identiti bukan hanya berlaku kepada orang Melayu sahaja tetapi juga mengikut keperluan dan perkembangan tamadunnya, kepada seluruh bangsa manusia. Ia juga berlaku kepada orang Barat dan bangsa-bangsa Asia yang lain.

[46] *Supraba (*bukan Sapurba atau Sipurba atau Seperba) terbit daripada kata *Suprabha* yang dalam bahasa Jawa kuno bererti 'bersinar kemilau, cemerlang atau gemilang'. Kata ini adalah kata pinjaman yang telah masuk ke dalam bahasa Melayu kuno. Perbincangan mengenai nama ini dan pengaruh bahasa Jawa kuno dalam *Sejarah Melayu* telah dikemukakan dengan panjang lebar dalam karya penulis yang bakal diterbitkan, "Sulalatu's-Salatin yakni pertuturan segala raja-raja". Nama 'Supraba' yang diberi oleh Wan Empuk dan Wan Malini itu merujuk kepada nenek moyang pada zaman 'antah berantah' (yang dimitoskan) yang sangat purba sifatnya. Mengenai mitos nenek moyang purbakala yang turun ke bumi dalam bentuk tiga orang anak raja bersaudara yang berkendarakan lembu putih itu pula, yang masing-masing bernama Nila Pahlawan, Krisyna Pandita dan Nila Utama, ia mungkin melambangkan kedatangan ajaran agama Hindu yang berasaskan trimurti atau trisakti - gabungan tiga dewa Hindu yang utama, iaitu Siva (dewa pemusnah), Krishna (dewa pelindung) dan Brahma (dewa utama). Lihat *Sejarah Melayu* (edisi Shellabear, 1975), h. 18.

[47] Wa'adat [perjanjian] yang dibuat antara Demang Lebar Daun dengan Sang Supraba melahirkan sumpah keramat yang mensyaratkan raja Melayu (penguasa) tidak boleh memberi 'aib (membuat aniaya atau berlaku zalim) ke atas rakyatnya dan rakyat Melayu pula tidak boleh bertindak derhaka terhadap rajanya.

[48] Ketika Hang Tuah dibuang negeri ke Inderapura, dia pada suatu ketika telah menjadi tetamu Tun Teja, yang menghiburkannya dengan meminta lima orang biduan untuk menyanyi. Salah seorang biduan itu dengan merendah hati menyatakan bahawa ragam yang dibawanya bukanlah ragam Melayu tulen kerana walaupun dia Melayu tetapi dia kacukan, bukan seperti Melayu Melaka. Maka ditingkah oleh Hang Tuah, "Orang Melaka gerangan Melayu kacokan, bercampur dengan Jawa Majapahit!" Lihat *Hikayat Hang Tuah*, h. 175.

[49] Latar belakang 'kacukan' Raja Adityawarrnan, yang muncul sebagai raja pertama Minangkabau dalam abad ke-14 adalah contoh yang baik mengenai ini. Ibunya, Dara Jingga, bersama-sama emak saudaranya, Dara Petak, telah dibawa ke Jawa bersama-sama dengan angkatan Pamalayu yang menjarah ke kerajaan Melayu Darmasraya (Jambi) atas perintah Kertanagara, raja Singasari. Dara Petak telah dikahwini oleh raja Majapahit, Kertarajasa Jayawardhana. Manakala Dara Jingga pula diperisteri oleh seorang pembesar dari keluarga raja Majapahit. Daripada perkahwinan ini lahirlah Adityawarman yang berdarah Melayu dari sebelah ibunya, dan berdarah Jawa di sebelah bapanya. Walaupun dibesarkan dan dididik di keraton Majapahit, Adityawarman telah dikirim kembali ke Sumatera sekitar tahun 1339 untuk kemudiannya menjadi raja di Melayu; tetapi tidak lama di Melayu Adityawarman kemudiannya pergi ke Minangkabau untuk menjadi raja di sana. Lihat D.G.E. Hall, *A History of Southeast Asia*, edisi ke-3, Macmillan, London, 1968, h. 88. Lihat juga Rusli Amran, *Sumatra Barat Hingga Plakat Panjang*, Penerbit Sinar Harapan, Jakarta, 1981, h. 29 – 33.

3

Islam di Malaysia: Sedikit Latar Belakang Sejarahnya[1]

Berasaskan sejarah, komitmen untuk membentuk sebuah negara yang mengakui hakikat sifat kepelbagaian etnik, budaya dan agama hanya kelihatan lebih jelas mulai tahun-tahun sekitar awal lima puluhan. Perbincangan dan polemik mengenainya didorong oleh dasar-dasar British selepas 1945 khasnya apabila Malayan Union atau Kesatuan Malaya dilaksanakan. Sesungguhnya sejarah dengan jelas menunjukkan bahawa asas atau fondasi pembinaan bangsa telah diletakkan pada awalnya oleh kerajaan kolonial British sebelum ia menyahjajahkan koloninya. Antara tiang fondasinya ialah bahawa Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk (dan kemudian, secara implisitnya Persekutuan Malaysia) mestilah berbentuk negara yang multietnik sifatnya, raja-raja Melayu diiktirafi kedudukannya, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi, dan Islam dijadikan agama Persekutuan.

Kedatangan Islam ke Asia Tenggara

Sejarah awal Persekutuan Malaysia tidaklah boleh dipisahkan daripada sejarah kawasan yang umumnya disebut dunia Melayu. Apabila kita berbicara mengenai kedatangan Islam di Malaysia maka kita tidaklah boleh meremehkan proses pengaruh-mempengaruhi yang berlaku pada masa atau era tertentu di antara wilayah-wilayah dalam dunia Melayu itu. Bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa selain daripada kedatangan para pedagang dan pendakwah Isam keturunan Arab, Parsi atau Indo-Parsi, dan India, pedagang-pedagang lain dan golongan santri dari kepulauan Nusantara juga telah membantu dalam penyebaran dan pemugaran Islam sejak dari awal.

Menurut sumber arkeologi, pada abad ke-8 dan ke-9 pendatang-pendatang dari luar sudah pun berada di Semenanjung Malaysia. Bahawa orang Islam telah

berada di rantau Asia Tenggara sejak zaman itu telah terbukti daripada penemuan serpihan tembikar dan kaca bercorak seni Islam di Lembah Bujang, Kedah. Bukti lain merupakan batu nesan yang bertarikh 1 Rabiulawal 431H/21 Nov. 1039M yang ditemui di Champa. Di pulau Jawa juga telah ditemui batu nesan di daerah Leran, bertarikh 475H/1082M. Manakala di Sumatera pula, selain berdasarkan batu nesan Sultan Pasai, Malik al-Salih yang bertarikh 696H/1297M,[2] bukti kedatangan Islam juga berasaskan sumber China, Yuan-shi (zaman Kublai Khan), yang menyebut bahawa pada tahun 1282 raja "Sa-mu-tu-la" telah mengirim dua orang menterinya bernama Husin dan Sulaiman ke negeri China.

Walaupun bukti arkeologi yang ditemui di beberapa tempat di dunia Melayu menunjukkan bahawa Islam telah berada di rantau Asia Tenggara sejak sekitar abad kesembilan atau kesepuluh, namun kurun yang tepat yang menunjukkan bila sebenarnya penduduk dunia Melayu itu benar-benar telah memeluk Islam secara beramai-ramai, masih belum tuntas dibahaskan. Bukti-bukti yang ada menunjukkan bahawa Islam berkembang di dunia Melayu secara beransur-ansur iaitu sejak abad ke-12, dan mencapai kemuncaknya pada abad ke-14 dan 15. Berdasarkan naskhah-naskhah Melayu, pada tahap awalnya Islam mungkin juga telah disebarkan oleh kaum Sufi sama ada dari benua kecil India, dengan membawakan unsur-unsur Indo-Parsi, atau dari Asia Barat, ataupun dari kedua-dua tempat itu. Walaupun kemungkinannya ada bahawa unsur Syiah telah dibawa oleh pendakwah awal itu, tetapi aliran sunnah wal-jamaahlah yang akhirnya bertapak kuat dan tersebar luas. Tidak boleh dinafikan bahawa Islam secara lebih berkesan telah disebarkan oleh orang Arab -- baik daripada kalangan pedagang mahupun pendakwah -- seperti yang dinyatakan di dalam *Sejarah Melayu* (atau *Sulalatu's-Salatin*). Pendapat ini juga berasaskan hakikat sejarah bahawa tidak pernah wujud sebuah kerajaan Syiah di alam Melayu. Betapapun demikian, pada pendapat penulis, berdasarkan penemuan-penemuan terkini, adalah juga jelas bahawa pendakwah-pendakwah yang datang dari benua kecil India yang terdiri daripada mubaligh keturunan India dan Parsi, atau mereka yang disebut sebagai puak Indo-Parsi, telah turut berperanan pada peringkat awalnya memperkenalkan agama Islam di Asia Tenggara, dan mereka itu terlebih dahulu datang ke Sumatera Utara dan kemudiannya baru menyebarkan Islam ke kawasan-kawasan pesisir Selat Melaka.

Islam di Malaysia

Di Malaysia, Islam kelihatan dengan jelas telah bertapak di Terengganu pada abad ke-14 iaitu berdasarkan bukti batu bersurat Kuala Berang yang bertarikh 726H/1326M ataupun 788H/1386M.[3] Apakah Islam di Terengganu itu berkemungkinan datang dari utara atau dari Sumatera masih belum dapat dipastikan. Harus disebutkan juga mengenai kedatangan Islam di Malaysia ialah penemuan sebuah manuskrip di Madai, iaitu dekat Lahad Datu, Sabah, dalam bahasa kaum Idahan. Menurut Tom Harrisson yang mengkaji manuskrip tersebut tarikh kedatangan Islam di situ dapat dianggarkan berlaku sekitar 1408M (Harrisson 1972). Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa hanya

selepas penubuhan kerajaan Melaka pada kira-kira 1400 baru tampak jelas agama Islam itu berkembang di kepulauan Melayu. Di Brunei sendiri pun, Islam berkemungkinan telah diperkenalkan sekitar 1350 dan bertapak kuat pada kira-kira 1400M (Harrisson 1972). Ini bermakna, seperti yang telah dinyatakan, kepesatan penyebaran Islam itu tampaknya lebih jelas berlaku pada abad ke-14 dan ke-15. Seyogia diingati, pada umumnya ramai para sejarawan menganggap raja Melaka yang pertama memeluk Islam ialah Megat Iskandar Syah (r.1414-1423/24), iaitu putera pengasas kerajaan Melaka yang bernama Parameswara (1400/1401 - 1413/14). Namun demikian, berdasarkan maklumat daripada sumber Cina dan *Sejarah Melayu*, pada zaman Seri Maharaja (1423/24 - 1444/45) (atau Sultan Muhammad Syah) Islam ternyata telah benar-benar kukuh bertapak di Melaka. Pada zaman itulah juga terdapat ramai para pedagang Arab, Parsi, India, Habsyah (Abyssynia) dan China datang ke pelabuhan Melaka untuk berdagang.

Sewajarnya diingatkan, kemakmuran Melaka adalah disebabkan oleh beberapa faktor; tetapi faktor yang penting ialah hakikat bahawa kota pelabuhan itu mendapat perlindungan daripada kerajaan Ming China. Sejak awal lagi Melaka sememangnya telah diberi naungan oleh Maharaja Yong-le (r.1398-1424) yang mengikut beberapa sumber adalah seorang Muslim. Kerajaan China cuba menggunakan Melaka untuk memperkuat strategi dagangnya dan untuk menjalin hubungan dengan kerajaan-kerajaan luar China. Begitu rapatnya hubungan Melaka dengan China (sebelum penaklukan oleh Portugis) juga terbukti daripada lawatan yang dibuat oleh raja-raja Melaka ke istana Raja Ming seperti Parameswara (Ogos 1411), Megat Iskandar Syah yang menghadap Maharaja Yong-le sebanyak dua kali (Ogos 1414 dan September 1419) dan Sri Maharaja (Sultan Muhammad Syah) yang juga membuat dua kali kunjungan (April 1424 dan November 1433). Bahkan selain rajanya, duta atau perwakilan diraja Melaka juga telah menghadap maharaja China sebanyak 28 kali di antara 1405 hingga 1508.[4]

Sejauh manakah Melaka berperanan sebagai sebuah pusat penyebaran Islam?

Daripada naskhah *Sejarah Melayu* kita mendapat maklumat tentang kewujudan masjid, kedatangan kaum dagang dan santri (golongan agama) dan bahawa raja Melaka menunaikan solat tarawikh dan merayakan malam dua puluh tujuh di masjid dengan penuh istiadat. Daripada *Sejarah Melayu* kita diberitahu bahawa raja Melaka Sultan Mansur Syah (dan Mahmud Syah), mempelajari ilmu tasawuf serta wujudnya kitab *Dur al-Manzum* (Rangkaian Mutiara) yang dikatakan dikarang oleh Maulana Abu Ishak dan dibawa ke Melaka oleh seorang Sufi bernama Maulana Abu Bakar. Malah Sultan Mansur Syah pernah menghantar utusan ke Pasai untuk bertanyakan sesuatu masalah agama. Namun apa yang tidak diberitahu ialah tentang pengkaryaan kitab-kitab agama oleh ulama Melaka sendiri. Bahkan yang lebih aneh, tiada terdapat di dalam *Sejarah Melayu* maklumat tentang wujudnya tempat rakyat belajar agama ataupun terdapat usaha mengembangkan Islam melalui pendidikan. Maka timbul pertanyaan bagi kita: apakah benar kerajaan Melaka itu sebuah kerajaan yang Islami yang berwibawa seperti kerajaan Aceh

pada penghujung abad ke-16 dan sepanjang abad ke-17 ataupun kerajaan Pasai yang mendahuluinya?

Antara Melaka dengan Aceh sebagai kerajaan Islam

Aceh seperti yang disahkan oleh bukti sejarah telah melahirkan ulama-ulama besar pada zaman selepas kejatuhan Melaka dengan menampilkan tokoh-tokoh seperti Hamzah Fansuri (w. 1527)[5], Syamsuddin al-Sumatrai (w. 1630), dan Syekh Abdul Rauf al-Sinkili (w. 1693); Aceh malah telah menarik minat Syekh Nuruddin ar-Raniri (w. 1658) dari Randir, India, untuk datang berdakwah pada tahun 1637. Bahkan di Palembang pun nama ulama Abdul Samad al-Palembani (w. 1789) adalah amat terkenal pada abad ke-19. Demikian pula di Banten ulama Imam Nawawi al-Bantani (w. 1888) adalah salah seorang daripada ulama terkenalnya. Di Banjarmasin pula nama Muhammad Nafis al-Banjari (pengarang *ad Durr an-Nafis*) serta di Makasar ahli tasawuf, Yusuf Mengkasar (w. 1699), amat terkenal sebagai ulama besar yang turut menentang penjajahan Belanda. Di Patani, ulama terkenalnya ialah Syekh Daud Fatani (w. 1847). Seamua ulama ini meninggalkan karya-karya tulisan mereka. Sebaliknya pula di Melaka tiada sebuah pun karya agung Islam ditinggalkan.

Mengapakah terjadi hal yang sedemikian di Melaka? Mungkin satu sebab ialah kerana kesultanan Melaka yang kaya itu hanya wujud sekitar seratus sepuluh tahun sahaja. Dalam sejarah pembinaan mana-mana tamadun pun, waktu yang panjang adalah sangat penting bagi pemantapan sesebuah budaya ketamadunan. Karya klasik orang Melayu, *Sejarah Melayu*, juga tidak menyatakan sama ada hukum syariah telah dilaksanakan oleh raja-raja Melaka, berbanding dengan raja-raja Aceh yang mewujudkan jawatan Syekhul Islam pada akhir abad ke-16 atau awal abad ke-17. Sebaliknya kita diberitahu bahawa di Melaka pada abad ke-16 telah tampil seorang raja zalim yang membunuh bapa saudaranya, adiknya sendiri, saudara-saudara pupunya, dan akhirnya membunuh anaknya sendiri. Raja ini walaupun dinyatakan pernah belajar tasawuf ternyata tidak menampakkan perangai atau sifat-sifat seorang yang baik atau takut kepada Allah.

Selepas Melaka jatuh di tangan Portugis dalam tahun 1511 tradisi Melayu-Islam yang ada itu, walau bagaimanapun, diteruskan di Johor dan Bentan oleh Sultan Mahmud Syah. Apabila baginda digantikan oleh anaknya, Sultan Alauddin Riayat Syah II pada tahun 1528 Johor berada dalam keadaan tersepit antara kuasa Portugis di Melaka dengan kekuatan Aceh yang menganggap Johor sebagai musuh yang bersekongkol dengan Portugis yang kafir. Ini menyebabkan Johor diserang dan sultannya dibawa ke Aceh untuk dibunuh dalam tahun 1564.[6] Pada tahun 1613, pusat kerajaan Johor di Batu Sawar sekali lagi diserang dan dibinasakan oleh Sultan Iskandar Muda (1583 - 1636) yang selama pemerintahannya telah berusaha meletakkan Islam di persada yang tinggi di Aceh.

Berasaskan bukti yang ada, pengaruh Aceh ke atas beberapa buah negeri Melayu telah memberi bekas sehingga terdapat dalam budaya dan bahasa tempatan unsur-unsur kebudayaan Aceh di negeri-negeri seperti Perak, Kedah, Pahang dan Johor.[7] Oleh yang demikian dapat dijangkakan bahawa pada awal

abad ke-17 ketika Aceh bangkit sebagai kerajaan Islam yang perkasa berserta dengan ulama-ulamanya yang berwibawa, Johor dan negeri-negeri Melayu yang di bawah bayang-bayang Aceh seperti Perak, Johor, Pahang dan Kedah[8] tentulah telah menerima pengaruh suntikan keagamaan dari Aceh setidak-tidaknya karya-karya agama yang berbentuk ajaran tasawuf tentulah telah dibawa masuk ke negeri-negeri Melayu tersebut. Walaupun pada abad tersebut orang Eropah telah berlumba-lumba mencari pengaruh dalam kalangan raja-raja Melayu demi melincirkan muslihat politiknya untuk berdagang, namun dalam kalangan rakyat biasa tentulah dapat diduga bahawa pada abad ke-17 itu penerusan tradisi Islamiah telah dilakukan oleh ahli-ahli tarekat seperti Tarekat Syatariyah, Naqsyabandiah dan Qadariyah dan lain-lain. Namun Islam pada periode ini dapat dikatakan berada dalam suasana kerajaan-kerajaan Melayu yang secara beransur-ansur semakin menampakkan kelemahan-kelemahan struktural dan kepimpinannya, seperti contoh yang ditunjukkan oleh Johor di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah ke-2 (yang terkenal dengan gelar 'Marhum mangkat dijulang') yang dibunuh oleh salah seorang pembesarnya dalam tahun 1699. Kematiannya itu, yang menandakan tamatnya pemerintahan Sultan Johor terakhir yang berketurunan Melaka,[9] telah membawa keadaan yang tidak tenteram pada pemerintahan raja-raja Melayu lantaran masuknya unsur Bugis dalam budaya politik feudal Melayu pada abad ke-18 dan awal 19.

Faktor Bugis dalam budaya politik Melayu

Abad ke-18 menyaksikan campur tangan panglima-panglima Bugis dalam percekcokan keluarga kerabat diraja. Ia bukan sahaja telah merubah corak politik raja-raja Melayu di wilayah yang dikenali sebagai Johor-Riau-Lingga dan Pahang, sampai ke abad yang ke-19, tetapi juga memberi bekas kepada citra kependudukan di negeri-negeri Melayu seperti Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah. Yang tidak disentuh oleh pengaruh politik Bugis ialah negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, terutama sekali Kelantan dan Trengganu kerana sebelum 1909 masing-masing berada di bawah bayang pertuanan Siam.

Inggeris Bertapak

Abad ke-18 juga memperlihatkan East India Company sudah pun berjaya bertapak di bumi semenanjung Melayu. Pada tahun 1786 Sultan Kedah yang bermasalah dengan Siam telah melepaskan Pulau Pinang kepada Francis Light dengan pampasan sebanyak 6,000 ringgit Sepanyol untuk mendapatkan perlindungan. Pada tahun 1795 pula tentera E.I.C. mengambil alih Melaka dari tangan Belanda. Dalam tahun 1825, berasaskan Perjanjian Inggeris-Belanda, Melaka pun diserahkan kepada British sebagai tukaran dengan Benkulen (Bangkahulu) di Sumatera.

Politik merebut wilayah antara kuasa-kuasa Eropah, terutamanya antara Belanda dengan British menyebabkan Singapura diambil oleh British pada tahun 1819 dengan memperalatkan Sultan Husin Syah, dan Temenggung Abdul Rahman masing-masing selaku Sultan Singapura, Johor dan Pahang dan Temenggung

Singapura dan Johor. Pada tahun 1874 British pun campur tangan dalam perebutan kuasa di Perak dan dipendekkan cerita, akhirnya membawa kepada pendudukan negeri-negeri Selangor (1875), Pahang (1887) dan Negeri Sembilan (1889) oleh British. Melalui perjanjian dengan raja-raja Melayu, British menjajah Malaya secara tidak langsung iaitu melalui seorang Residen atau Penasihat British yang dilantik bagi setiap negeri Melayu. Nasihatnya wajib dipatuhi oleh raja-raja Melayu.

Untuk menguruskan pentadbiran negeri-negeri Melayu British membentuk Majlis Negeri yang dianggotai oleh Sultan dan wakil orang Cina. Pengurusan agama Islam diletakkan di bawah urusan raja-raja iaitu melalui Majlis Agama dan Adat-Istiadat Melayu. Muslihat British ialah dengan cara ini segala yang bersangkutan dengan agama dapat dipisahkan daripada pemerintahan negeri seperti yang diamalkan dalam konsep *separation of Church and State*.

Perkembangan Islam pada abad ke-19

Namun penjajahan British tidak melunturkan Islam sebagai agama orang Melayu pada abad ke-19. Islam tetap subur dan dibangunkan melalui pertumbuhan sekolah-sekolah pondok terutamanya di negeri-negeri Melayu Bersekutu[10]. Perkembangannya dibantu oleh penyebaran 'kitab kuning' yakni bahan-bahan pengajaran dan pembacaan mengenai fardu ain yang ditulis atau disalin oleh ulama-ulama dari Patani, Kalimantan, Sumatera, dan pulau Jawa. Perkembangan tarekat dan kunjungan ulama-ulama dari Nusantara pun turut memugar dan menyuburkan akidah penganut-penganut Islam Malaysia. Maka lahirlah nama-nama ulama yang yang berjasa menyebarkan pendidikan pondok, seperti Tok Ku Pulau Manis atau Syekh Abdul Malik Abdullah Terengganu (w. 1736), yang sempat belajar di Aceh, selain di Mekah, Tok Kenali atau Tuan Guru Hj. Muhammad Yusof (w. 1933), Tok Kemuning atau Syekh Abd. Hamid Sinigal (w. 1938)), dan Tok Selehong atau Hj. Abd. Rahman Hj. Osman (w. 1935). Beberapa orang ulama juga terlibat dalam beberapa gerakan menentang British seperti yang dicontohi oleh Tok Ku Paloh dari Terengganu (w. 1917) dalam pemberontakan Pahang pada tahun 1898, dan Haji Abdul Rahman Limbong (w. 1929) dalam pemberontakan Terengganu tahun 1928.

Gerakan Kaum Muda dan Pan-Islam

Peralihan abad ke-19 ke abad ke-20 telah memperlihatkan pergolakan pemikiran dalam kalangan ulama dan cendekiawan Islam di Asia Barat. Idea-idea ulama seperti Sayid Jamaluddin al-Afghani (w. 1897) telah merangsang pemikiran dalam kalangan intelektual Mesir seperti Muhammad Abduh (w. 1905) dan Rashid Rida (w. 1935). Idea-idea mereka tersalur dalam majalah reformis *Al-Manar*. Tersentuh oleh gerakan pemikiran ini juga ialah ulama-ulama seperti Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabaui (w. 1916), imam besar di masjid al-haram di Mekah, Syeikh Tahir Jalaluddin asal Minangkabau, dan intelektual di Negeri Selat seperti Sayid Syeikh Ahmad al-Hadi, Haji Abbas Taha dan Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, seorang saudagar Arab dari Aceh. Hubungan mereka ini dengan ulama-ulama di

Sumatera Barat seperti Haji Abdul Karim Amrullah (ayah penulis terkenal, Hamka) Syeikh Muhammad Jamil Jambek dan Haji Abdullah Ahmad telah mempengaruhi mereka untuk menyebarkan gerakan islah yang diprakarsai oleh golongan yang digelar "kaum muda". Kesedaran untuk memperluaskan pendidikan sebagai wahana pemodenan masyarakat telah menyebabkan terdirinya beberapa buah madrasah baik di tanah Minangkabau mahupun di Tanah Melayu. Gelombang kesedaran ini jugalah yang telah memberi dorongan kepada pemuda dan pemudi dari Semenanjung Tanah Melayu untuk pergi belajar ke Sumatera Barat, India dan Asia Barat.

Sejak pada awal abad ke-20 lagi British telah meramalkan kemungkinan orang Melayu dipengaruhi oleh gerakan Islam dari Asia Barat dan Indonesia. Untuk membendung kemaraan idea-idea pan-Islam itu British dengan persetujuan raja-raja Melayu telah memperkenalkan undang-undang enakmen Islam 1904 (seksyen 9(B) bagi memastikan sesiapa yang mencetak dan mengedarkan tulisan berkaitan agama (dan politik) Islam tanpa mendapat izin sultan terlebih dahulu boleh dikenakan hukuman penjara atau didenda. British juga mewaspadai sokongan orang Melayu terhadap kerajaan Turki yang berperang di wilayah Balkan pada tahun 1913. Kebangkitan Islam antarabangsa pada zaman itu meyakinkan British bahawa usaha mewaspadai gerakan pan-Islam adalah sangat wajar. Demikian pula perlu dikawal berita tentang gerakan Turki muda pimpinan Kamal Attartuk, yang dikhuatiri akan mempengaruhi pembaca-pembaca akhbar Melayu pada tahun-tahun 1920-an dan tiga puluhan. British juga menaruh kebimbangan terhadap gelombang kebangkitan gerakan kaum muda di Tanah Melayu pada ketika itu. Semuanya ini mendorong British untuk memperketat undang-undang enakmen Islam melalui pindaan pada tahun 1925 yang disambut oleh kaum inteligensia agama dengan perbahasan yang intens di dalam akhbar-akhbar Melayu tahun 1930-an.

Pers dan Pendidikan sebagai Pemangkin Kesedaran

Akhbar dan majalah Melayu memang telah menjadi alat penting untuk meniupkan kesedaran dalam kalangan orang Islam di Malaya dan Singapura pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Perbahasaan hangat mengenai penafsiran beberapa perkara tentang agama Islam telah melahirkan aliran pemikiran yang disebarkan oleh kaum muda. Pada masa itu penerbitan yang terkenal berani bersuara mengenai kepentingan orang Islam ialah majalah *Al-Imam* yang terbit di Singapura antara tahun 1906 dan 1908.[11] Dalam salah satu keluarannya pada tahun 1907 *Al-Imam* telah mengkritik raja-raja Melayu yang tidak melaksanakan pemerintahannya mengikut lunas-lunas Islam.[12] Tetapi *Al-Imam* hanyalah satu-satunya suara yang cuba mengetuk akal fikiran cendekiawan Islam. Namun oleh sebab masalah kewangan ia berhenti terbit setelah beredar selama 18 bulan. Hanyalah pada dasawarsa berikutnya dan tahun-tahun tiga puluhan baru terlihat upaya cendekiawan Islam seperti Sayid Syeikh al-Hadi dan Abbas Hj. Taha cuba menggunakan media cetak untuk menyebarkan fikiran aliran kaum muda Islam yang bertujuan memodenkan cara berfikir masyarakat Islam di Malaya.

Pertumbuhan akhbar dan perkembangan pendidikan sekular (Maktab Perguruan Sultan Idris didirikan dalam tahun 1922) dan pendidikan agama telah didampingi oleh gerakan islah keagamaan dan kebangkitan kesedaran kebangsaan radikal di Tanah Melayu. Kesedaran itu juga dicetuskan oleh faktor ekonomi dan keadaan sosiopolitik yang menghimpit orang Melayu dewasa itu.

Permulaan abad ke-20 memperlihatkan madrasah menjadi tempat penyediaan pendidikan moden Islam.[13] Antara yang terkenal ialah Madrasah Al-Attas di Johor Bahru (1914), Madrasah Al-Masyhur yang diasaskan oleh beberapa orang Arab pada tahun 1916, Madrasah al-Idrisiyah di Kuala Kangsar (1926) Madrasah al-Khiariyyah al-Islamiyah, di Pokok Sena, Kedah (1936), dan madrasah di Gunung Semanggul yang didirikan dalam tahun 1934. Sejak tahun 1920-an hinggalah ke penghujung tahun tiga puluhan itulah terlihat kebangkitan semangat baru dalam kalangan para cendekiawan Islam yang terdiri daripada kaum guru dan lulusan madrasah. Idea-idea yang dibawa oleh golongan yang dinamakan Kaum Muda itu bukanlah tertumpu di Malaya sahaja. Kunjungan ulama-ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat dan pulangnya pelajar-pelajar yang belajar di Minangkabau dan di Mesir apabila mereka telah bergaul dengan pelajar-pelajar Indonesia telah membantu dalam menyebarkan idea-idea mengenai kemajuan dan pemodenan sikap dan pentafsiran terhadap Islam. Tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua juga telah memperlihatkan betapa madrasah-madrasah telah menyediakan tempat bagi murid-murid wanita untuk belajar. Rangsangan yang membawa kepada pembentukan inteligensia baru Islam pada dasawarsa itu seterusnya turut mendorong lebih ramai penuntut Melayu aliran agama untuk melanjutkan pengajiannya ke universiti Azhar, Mesir, dan ke beberapa institusi pengajian Islam yang lain di Asia Barat, khususnya di Mekah dan Madinah. Tiupan semangat baru ini jugalah yang telah mendorong pelajar-pelajar dari Indonesia dan Malaya yang belajar di Kaherah untuk menggembleng tenaga dalam tahun 1925 bagi menerbitkan majalah berjudul *Seruan Azhar*, dan kemudiannya, apabila ia berhenti terbit pada tahun 1927, digantikan pula oleh *Pilihan Timur*[14] . Pelajar-pelajar yang aktif itu juga bercita-cita mahu menyatukan bangsa rumpun Melayu dan memajukan Islam melalui pentafsiran baru seperti yang dibawa oleh reformis Mesir.

Tumbuhanya Kesedaran Politik

Menjelang pecahnya Perang Dunia Kedua golongan inteligensia yang berjiwa Islam dan sedar politik telah mulai terbentuk. Menjelang tahun 1930-an telah timbul perbahasan dalam kalangan puak Kaum Muda mengenai keperluan menubuhkan sebuah persatuan ulama. Turut dibicarakan juga ialah soal perpaduan umat Islam. Di Perak, pelajar-pelajar Ma'ahad al-Ihya asSyarif telah dipengaruhi oleh gerakan kebangsaan yang bercita-cita mahu mengusir penjajahan. Apabila Kesatuan Melayu Muda didirikan dalam tahun 1937 sebuah cawangan telah didirikan di Gunung Semanggul dengan para ahlinya terdiri daripada guru-guru dan pelajar-pelajar ma'ahad di situ. Penubuhan Partai Kebangsaan Melayu Malaya pada Ogos 1945 merupakan fasa baru dalam gerakan menentang British yang

dengan jelas manampakkan sekali lagi pengaruh dari Indonesia. Timbul usaha gerakan kiri ini untuk bekerjasama dengan gerakan kiri orang bukan Melayu dengan menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat, sebuah badan yang menggabungkan pertubuhan-pertubuhan kiri Melayu, dan kemudiannya bergabung dengan pertubuhan gabungan kiri orang bukan Melayu di dalam AMCJA-PUTERA[15] untuk memperjuangkan kemerdekaan. Tetapi gerakan antipenjajahan ini juga mendapat sambutan di maktab-maktab agama. Dengan kerjasama puak kiri gerakan nasionalis Melayu, satu perhimpunan besar telah diadakan di Gunung Semangul pada tahun 1947. Ia dihadiri oleh sekitar 2,000 orang yang terdiri daripada alim ulama dan cendekiawan Islam lainnya untuk menubuhkan Pusat Perekonomian Melayu Se Malaya (PEPERMAS) dan seterusnya Majlis Agama Tertinggi Se Malaya (MATA) dan Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR). Penubuhan badan-badan ini jelas menjadi contoh pada generasi terkemudian bahawa permasalahan ekonomi dan soal perpaduan umat Islam di Malaya (dan kemudiannya Malaysia), serta pendidikan adalah tiga persoalan pokok bagi pembinaan sesebuah negara bangsa. Tetapi selepas gagalnya kerjasama antara gerakan nasionalis kiri[16] Melayu dan bukan Melayu di dalam AMCJA-PUTERA, golongan agama yang bergerak di dalam MATA pun merancangakan penubuhan sebuah parti politik yang diberi nama Hizbul Muslimin pada Mac 1948. Antara mereka yang terlibat dalam upaya penubuhannya ialah Ustaz Abu Bakar al-Bakir, Dr. Burhanuddin al-Helmy, dan Datuk Asri Muda.

Tetapi usia Hizbul Muslimin ternyata singkat. British dan raja-raja Melayu mencurigai gerakan yang berpusat di Gunung Semanggul itu. Bahkan amaran Dato' Onn Jaafar bahawa UMNO harus mewaspadai "bahaya dari Gunung", menunjukkan betapa parti itu tidak disenangi oleh pihak berkuasa. Apabila berlaku pemberontakan komunis pada pertengahan 1948, yang membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh British, parti Hizbul Muslimin yang dituduh bersubahat dengan komunis, pun diharamkan. Akibatnya, beberapa orang pemimpinnya seperti Ustaz Abu Bakar al-Bakir telah ditahan oleh British. Justeru disebabkan kehilangan Hizbul Muslimin itulah maka dalam bulan November 1951 telah ditubuhkan sebuah parti yang dikenali sebagai Parti Islam Se Tanah Melayu yang bertekad pada ketika itu untuk menyaingi UMNO dalam mendapatkan kemerdekaan.

Sejarah perkembangan Islam di Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada sejarah tersebarnya agama Islam di Asia Tenggara, khasnya di dunia Melayu. Sejak awal lagi Islam telah tumbuh dan berkembang dalam suasana dan persekitaran antarabangsa kerana pertumbuhannya berlaku di kota-kota pelabuhan yang didatangi oleh bangsa-bangsa dari pelbagai negeri dan teluk rantau. Walaupun Malaysia telah dijajah selama berabad-abad namun agama Islam yang dianuti oleh sebilangan besar rakyat Malaysia hari ini sukar disekat perkembangannya sejak ia mula bertapak. Kemasukan aliran-aliran pemikiran Islam dari luar, baik dari Asia Barat mahupun dari benua kecil Asia Selatan, juga dari wilayah dunia Melayu sendiri, telah membantu menjadikan Islam sebuah agama yang terus hidup subur dan bersifat dinamis. Melalui agama Islam yang subur dan dinamis inilah jati diri dan sistem nilai dan kebudayaan orang Melayu itu dibentuk. Bab

berikut akan cuba melihat persoalan adat dan nilai budaya orang Melayu sebagai wadah pembentukan citra Melayu baik dari segi kemasyarakatannya mahupun budaya politiknya.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Persidangan Persatuan Pelajar-Pelajar United Kingdom dan Eyre yang diadakan di Universiti Warwick, United Kingdom, pada 31 Mac 2012.

[2] Anaknya Malk al-Zahir pula mangkat pada 726H/1326M.

[3] Tarikh tepatnya sukar ditentukan kerana sebahagian daripada batu yang bertuliskan tarikhnya itu telah sompek.

[4] *Ming-Shi-lu* (1418 - 1509). Lihat Geoff Wade (translator), *Southeast Asia in the Ming Shi-lu. An Open Access Resource* Singapore: Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore, 2005, http:e-press.nus.edu.sg/ms/. Diakses pada 13 September 2012.

[5] Tarikh kematian Hamzah Fansuri pada mulanya dikatakan sekitar 1590 tetapi dengan penemuan batu nisannya di Mekah maka tarikh kematiannya jelas lebih awal lagi. Lihat Claude Guillot dan Ludvik Kalus, Batu Nisan Hamzah Fansuri, Departemen Kebudayaan dan Pariwisata École française d'Extrême-Orient Forum Jakarta-Paris, Jakarta, 2007, h. 4 - 5.

[6] Ini berlaku dalam zaman pemerintahan raja Aceh yang bernama Sultan Alauddin Riayat Syah al-Kahar (1539 - 1571).

[7] Gelar bangsawan, Datuk Maharaja Lela, misalnya adalah gelaran yang dibawa oleh Aceh ke Perak. Demikian pula kata-kata seperti 'goga', utus (dari *utoih* yang bermakna tukang) dan 'sorong' (yang bererti merasuah) adalah katas-kata asal Aceh. Bentuk ukiran batu nesan yang disebut 'batu Aceh' yang terdapat di perkuburan lama di Kedah, Pahang dan Perak juaga adalah pengaruh Aceh. Begitu juga setengah-setengah gaya pakaian dan jenis makanan Aceh yang telah menjadi sebahagian daripada kebudayaan tempatan negeri-negeri yang mengalami pertembugan budaya dan politik dengan Aceh.

[8] Pada zaman pemerintahan Iskandar Muda tentera Aceh telah beberapa kali (1617, 1630 dan 1634) menyerang Pahang dan pada serangan pertamanya telah melarikan rajanya ke Aceh. Di antara 1619 dengan 1620 tentera Aceh juga menyerang Kedah Perak dan Johor. Menurut *Adat Aceh* yang ditulis pada masa pemerintahan Iskandar Muda, ramai rakyat Perak, Pahang, Kedah dan Johor berserta kerabat diraja masing-masing telah dilarikan ke Aceh. Pada tahun 1623 Johor diserang lagi oleh Iskandar Muda lantaran rajanya disyaki menyebelahi Portugis di Melaka.

[9] Selepas itu sultan yang memerintah kerajaan Johor adalah dari keturunan Bendahara yang bermula dengan Sultan Abdul Jalil. Pusat kerajaan Johor juga telah berpindah ke Riau dan dikenali dengan nama kerajaan Johor-Riau-Lingga dan Pahang. Di Pahang selepas kematian bendahara yang memerintah Pahang, telah berlaku perang saudara (1857 - 1863) antara Tun Mutahir dengan Wan Ahmad kerana merebut takhta; akhirnya pada tahun 1863 Wan Ahmad berjaya mengambil kuasa dengan gelar Sultan Ahmad.

[10] Diwujudkan pada tahun 1896.

[11] Di pihak Inggeris pula, upaya untuk menampung keperluan membaca orang Melayu telah dirintis oleh Walter Makepiece apabila dia menerbitkan *Utusan Melayu* pada tahun 1907.

[12] *Al-Imam*, 14 April 1907.

[13] Walau bagaimanapun madrasah terawal yang didirikan di Negeri Selat ialah Madrasah Masriyah di Pulau Pinang (1906) dan Madrasah al- Iqbal di Singapura (1908).

[14] Majalah ini dikendalikan oleh Iljas Yaakub dan Janan Taib dari MInangkabau, dan dibantu oleh Othman Abdullah dari Tanah Melayu.

[15] Kependekan bagi All-Malaya Council of Joint Action dan Pusat Tenaga Rakyat.

[16] Kegagalan itu menjadi kenyataan apabila gagasan Persekutuan Tanah Melayu dilaksanakan oleh British pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan Malayan Union yang telah dimansuhkan. Kegagalan itu membawa perpecahan kepada gabungan Pusat Tenaga Rakyat dengan All-Malaya Council of Joint Action yang menolak gagasan Persekutuan kerana British tidak sanggup menjanjikan pemerintahan sendiri berasaskan demokrasi untuk rakyat Malaya.

4

Perpaduan Umat Melayu: Satu Tafsiran Sejarah[1]

Bab ini akan cuba melihat budaya politik Melayu atau Malay *political culture* dengan menelusuri budaya siasah Melayu zaman purbakala. Penulis cuba melihat dan mentafsirkan bagaimana pegangan nilai-nilai lama Melayu itu telah mempengaruhi *politcal culture* dan nilai-nilai orang Melayu pada zaman ini. Untuk membuat tafsiran sejarah budaya politik orang Melayu itu penulis telah menggunakan sumber-sumber seperti *Sejarah Melayu*, pandangan orang Portugis seperti yang tercatat dalam tulisan mereka pada abad ke-16, tulisan-tulisan pengkaji Barat mengenai orang Melayu, karya Abdullah Abdul Kadir Munsyi dan perbendaharaan koleksi kata-kata adat, perbilangan, gurindam dan pantun Melayu yang kesemuanya, pada perkiraaan penulis menggambarkan pemikiran Melayu itu.

Apabila berbicara tentang umat Melayu kita sebenarnya membicarakan suatu kelompok etnik yang terdiri daripada beberapa suku, bertutur dalam beberapa bahasa atau dialek yang dianggap mempunyai persamaan lantaran semuanya tumbuh dalam suatu rumpun. Dewasa ini, jika kita berbicara tentang orang Melayu di Malaysia, kita tidak dapat lagi lepas daripada penakrifan antropologinya dan penakrifan sosiobudaya dan sosiopolitiknya. Menurut takrifan antropologi, yang dikatakan Melayu itu ialah: kumpulan etnik yang berkulit antara kuning langsat dan sawo matang, berbahasa Melayu, dan terdapat di merata kawasan di Gugusan Kepulauan Asia Tenggara dari Sumatera sampailah ke Irian, dan dari Tanah Semenanjung sampailah ke pulau Timur. Betapapun demikian, di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan pulau-pulau berdekatan dengan pesisirnya juga di Borneo[2]lah terdapatnya bilangan terbesar orang Melayu itu dengan semua sifat kebangsaannya yang tersendiri. Dari sudut sejarahnya, orang Melayu itu disifatkan sebagai bangsa yang mendiami kawasan-kawasan lembah, jalan-jalan air, seperti di kuala-kuala dan muara, juga di pinggir-pinggir dan hulu

sungai. Orang Melayu itu dinamakan Melayu lantaran bahasa yang dituturkannya. Takrif Melayu seperti yang ditakrifkan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah: "Melayu bererti seseorang yang menganut agama Islam, [dan] secara kebiasaannya bertutur dalam bahasa Melayu, mematuhi adat Melayu..."[3] Tetapi secara umum istilah "Melayu" itu juga dari segi kebudayaannya merangkumi suku-suku kaum dalam rumpun Melayu yang beragama Islam dan yang hidup seperti orang Melayu umumnya. Bahasa-bahasa yang mereka tuturkan juga adalah tergolong dalam kelompok rumpun bahasa Melayu. Oleh yang demikian terdapat orang Melayu di merata tempat. Terdapat misalnya orang Melayu di Champa, lembah Mekong, dan kawasan pantai Kambuja.

Pada dasarnya sifat-sifat keperibumian Melayu itu telah banyak dilentur, dibentuk dan dikembangkan serta dirubah oleh kaum imigran dan unsur-unsur kebudayaan yang datang dari seberang laut; dari Asia orang Melayu menerima pengaruh dari India dan Cina; sementara dari Asia Barat pula pengaruh Arab telah membawa kesan yang mendalam kepada kebudayaan Melayu. Setelah bertembung dengan Eropah, akibat penjajahan yang berabad-abad, orang Melayu pun menerima pula pengaruh Eropah. Pengaruh-pengaruh luar ini amat jelas kelihatan pada bahasa Melayu itu sendiri. Pengalaman sejarah menerima unsur-unsur luar ini juga menyebabkan orang Melayu lebih menyesuaikan diri dengan perubahan. Tetapi walaupun demikian, dalam pada mereka boleh menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah, orang Melayu masih mampu mengekalkan jati dirinya dan ikatan-ikatan intelektual dan emosinya dengan dunia silam keMelayuannya

Bagi orang Melayu, kontak dengan beberapa tamadun luar juga telah menyebabkan tamadun Melayu itu berkembang sehingga lahirlah beberapa kerajaan Melayu yang besar, seperti Malayu, Sriwijaya, Palembang, Melaka, Brunei dan Sulu. Tetapi Islamlah yang telah memberi kekuatan kepada jati diri Melayu itu baik dari segi tamadunnya mahupun dari segi *polity* Melayu itu sendiri, sehinggakan apabila disebut Melayu maka ia tak dapat tidak mesti beragama Islam.

Menurut Crawfurd[4] (1783 – 1868), seorang pegawai British yang mengkaji dan menulis mengenai orang Melayu pada awal abad ke-19, nasion Melayu itu dapat dibahagikan kepada tiga: mereka yang bertamadun, lantaran memiliki aksara dan tulisan; mereka yang tinggal di laut yang juga dikenali sebagai "Orang Selat" atau "Orang Laut", dan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang banyak bergantung kepada sumber hutan. Dalam kalangan ketiga-tiga kelompok ini bahasa Melayu adalah bahasa perhubungan antara mereka.

Tamadun Melayu, menurut sesetengah pihak pada hari ini, bermula daripada zaman kesultanan Melaka. Tetapi sejarah perkembangannya itu sebenarnya boleh ditelusuri bermula pada zaman bangkitnya kerajaan Sriwijaya pada abad ke-7, kerajaan Malayu (Muara Takus, diwilayah Jambi sekarang) kira-kira pada waktu sama, sehinggalah lahirnya Melaka pada penghujung abad ke-14 atau awal abad ke-15 dan kemudiannya disusuli oleh kerajaan Brunei pada awal abad ke-16. Walaupun sering dikatakan zaman kesultanan Melaka itu adalah zaman gemilang kerajaan Melayu, tetapi sebenarnya sangat sedikit yang kita ketahui mengenainya. Sememangnya kita tiada mempunyai banyak maklumat mengenai zaman Melaka

itu kecuali yang diambil daripada sumber *Sejarah Melayu* dan sumber Portugis. Menurut Tome Pires, yang terkenal kerana karyanya "Suma Oriental", orang Melayu adalah peribumi negeri Melaka ketika Portugis sampai ke negeri itu dalam tahun 1509 dan kemudian menaklukinya pada tahun 1511. Sumber Portugis juga menyatakan bahawa penduduk Melayu pertama yang menghuni Melaka ialah orang Bajau [Bajus][5] atau Orang Selat. Pentadbiran Melaka adalah berdasarkan hierarki yang menempatkan sultan pada kedudukan paling atas. Sultan melantik pegawai istana yang bergelar Paduka Raja, diikuti oleh Bendahara, Laksamana dan Temenggung. Manakala Syahbandar adalah pegawai yang berhubungan dengan nakhoda-nakhoda kapal atau jong. Pengawasan terhadap kaum pedagang yang terdiri daripada beberapa suku kaum adalah tanggungjawab beberapa orang Syahbandar yang ditugaskan untuk mengelolakan pedagang-pedagang mengikut kaum atau bangsanya.

Dari segi sejarahnya, orang Melayu yang terlibat di lapangan perniagaan dan perdagangan kebanyakannya terdiri daripada golongan bangsawan. Sangat sedikit bukti yang menunjukkan rakyat jelata Melayu terlibat secara besar-besaran dalam perniagaan pada zaman kesultanan Melaka. Menurut sumber Portugis dan daripada *Sejarah Melayu* sendiri, yang terlibat hanyalah Sultan, Bendahara dan para khoja, santri dan orang Jawa. Kalau ada pun perniagaan yang dilakukan oleh rakyat jelata pada abad-abad selepas kedatangan Barat, maka ia hanyalah bersifat *barter* sahaja. Dalam banyak kes, perniagaan dibiarkan untuk orang bangsawan atau orang asing mengendalikannya, misalnya pada zaman kesultanan Melaka pedagang dari tanah Arab, Habshah, Parsi, China, India dan Jawa yang benar-benar terlibat dengan perniagaan. Tetapi dalam pada itu, sejarah juga menunjukkan bahawa dalam keadaan orang Melayu itu berada di negeri asing, mereka berkemungkinan menjadi saudagar atau pedagang yang berjaya. Pada abad ke-17, misalnya, terdapat ramai orang Melayu dari Melaka, Johor, Patani dan tempat-tempat lain di Tanah Semenanjung yang berdagang di Makasar. Dan pada pertengahan abad ke-19 pula komuniti pedagang-pedagang Melayu telah wujud di Kambuja. Mengapakah mereka tidak berjaya di tanah air mereka sendiri? Anthony Milner menyatakan bahawa ketiadaan orang Melayu berdagang di negeri-negeri Melayu justeru kerana sikap raja-raja mereka yang tidak menggalakkan pedagang-pedagang Melayu tetapi sebaliknya rakus memeras mereka.[6]

Sebenarnya, dalam zaman prakolonial, susun lapis masyarakat menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terbahagi kepada dua kelas: yang memerintah dan yang diperintah. Yang memerintah adalah golongan bangsawan atau pembesar dan yang diperintah ialah rakyat jelata. Golongan hamba adalah termasuk di dalam lapisan kedua ini. Seluruh kebudayaan tinggi orang Melayu itu tertumpu di istana dan raja adalah pemimpin dan pencorak nilai sosial, dan budaya politik orang Melayu. Pada zaman tradisional, masyarakat Melayu tidak mengenali "kelas menengah".

Oleh yang demikian institusi Raja adalah satu-satunya paksi yang mengitari pemikiran budaya orang Melayu. Dalam keadaan zaman tradisional, rajalah yang memimpin walaupun golongan keagamaan menjadi pemimpin di bidang agama tetapi semuanya ditentukan oleh raja. Dalam citra budaya poiltik orang

Melayu faktor kesetiaan adalah paling utama. Tetapi sikap tunduk kepada raja juga disebabkan oleh faktor takut terhadap raja dan ini ditentukan oleh hakikat bahawa masyarakat Melayu itu hanya terbahagi kepada dua kelas tadi.

Di dalam kitab *Sejarah Melayu*, disebutkan peristiwa Demang Lebar Daun, raja Palembang, menghadap Sang Supraba yang turun dari keinderaan (kayangan). Demang Lebar Daun memanggil Sang Supraba dengan gelar "ke bawah Duli Yang Dipertuan" pada ketika dia menyerahkan puterinya untuk diperisteri oleh Sang Supraba (yang setiap kali beristeri akan,mendapati isterinya setelah digauli menjadi "kedal" kerana "ketulahan"). Kata Demang Lebar Daun,

> "Adapun Tuanku segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu Duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanyapun, jangan difadhihatkan [dihina atau diberi malu], dinista dengan kata-kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itupun jikalau berlaku pada hukum Syarak."[7]
>
> Sang Supraba menjawab,
>
> "[...] hamba minta satu janji pada bapa hamba."[8]
>
> Tanya Demang Lebar Daun: "Janji yang mana itu Tuanku?"[9]
>
> Maka berkata Sang Supraba, "Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita; jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun."
>
> Jawab pula Demang Lebar Daun:
>
> "Baiklah, Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah."[10]
>
> Berkatalah Sang Supraba: "Baiklah, kabullah hamba akan wa'adat itu."[11]

Dialog klasik antara Demang Lebar Daun dan Sang Supraba ini adalah seperti suatu *Magna Carta*, suatu wa'adat (*convenant*), suatu perjanjian yang, menurut pemikiran dalam budaya politik Melayu, menuntut kesetiaan rakyat kepada rajanya, tetapi raja pula wajib berlaku adil kepada rakyatnya; samalah keadaannya iaitu pemimpin wajib bertanggungjawab dan adil kepada yang dipimpin. Jika wa'adat ini diubah terlebih dahulu oleh raja maka menurut Demang Lebar Daun anak cucunya wajar mengubahkannya pula.

Taat setia kepada raja adalah ciri utama dalam pemikiran politik orang Melayu pada zaman dahulu. Hal ini ada kaitannya dengan cara orang Melayu menanggapi keadaan politik melalui konsep kerajaan; mereka menganggap bahawa mereka tinggal dalam suatu masyarakat yang berkisar pada institusi raja. Raja bukan sahaja menjadi fokus rakyat Melayu dalam apa-apa sahaja yang berkaitan dengan kehidupan berpolitik, tetapi raja juga dilihat sebagai penguasa yang melindungi kehidupan beragamanya dan kepuasan psikologinya. Oleh sebab itu, menurut

A. C. Milner, seorang sarjana yang telah menghasilkan suatu kajian mengenai budaya politik orang Melayu, kesedaran orang Melayu terhadap jati dirinya, yang melibatkan namanya, reputasinya dan martabatnya berkisar di sekitar institusi yang dinamakan "kerajaan".[12] Sifat budaya politik Melayu yang berkisar pada institusi raja dan kerajaan ini menyebabkan British secara sedar dan dengan mudah dapat menguasai Tanah Melayu pada abad ke-19 sehinggalah tercetusnya Perang Dunia Kedua. Pemerintahan British itu adalah melalui raja-raja Melayu.

Pada abad ke-19, seorang pengkritik tajam terhadap orang Melayu secara terang-terang meletakkan raja sebagai sumber segala kemunduran orang Melayu. Ketika membuat lawatan ke Terengganu, Munsyi Abdullah mendapati rakyat negeri itu miskin, malas dan lalai:

> Syahdan, adalah sebab segala perkara ini jadi, sebab aniaya rajanya dan tiada betul perintahnya. Maka pecahlah hati segala rakyat. Maka adalah pada fikir mereka itu, baiklah aku miskin demikian, tiada susah; dapat pagi makan pagi; dapat petang makan petang. Dan kalau ada berharta atau berumah baik atau berladang dan kebun besar, niscaya dicarikan raja sesuatu jalan, diambilnya dan dipinjamnya atau dipintanya. Maka jikalau tiada diberi, dirampasnya: dan kalau melawan, habis sekalian anak buah dibunuhnya [...][13]

Apa yang cuba dihuraikan oleh Abdullah di sini ialah bahawa ketaasuban orang Melayu terhadap rajanyalah yang menyebabkan orang Melayu itu mundur. Punahnya sebarang inisiatif untuk rajin dan berusaha pun disebabkan oleh "kerakusan" raja mengambil alih apa sahaja yang dimiliki atau mampu dimiliki oleh rakyatnya.

Dalam konteks yang lebih moden, institusi raja tidaklah lagi berfungsi kepada orang Melayu seperti keadaannya pada zaman abad ke-19 dan sebelumnya. Tetapi institusi "kerajaan" yang dihuraikan oleh Anthony Milner sebagai sesuatu yang penting dalam budaya politik Melayu pada zaman abad ke-19 itu kini dijelmakan semula dalam bentuk dan cara orang Melayu berhubungan dengan kumpulan elitnya, termasuk kepemimpinan politik, di mana dalam institusi itu pemimpinlah yang mengambil alih peranan raja. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa dalam budaya politik Melayu zaman sekarang ini, kesetiaan kepada pemimpinlah yang lebih diutamakan dan bukan ideologi atau prinsip perjuangan umat; dalam konteks mengutamakan kesetiaan ini, perbezaan pendirian dianggap penderhakaan terhadap kepemimpinan. Ini bermakna jika seseorang itu berani melawan pemimpinnya maka seperti kata gurindam:

> Penjawat membawa pedang
> Pedang panjang kilau-kilauan
> Tanda mufakat akan tiba
> Tanda kata akan selesai
> Tak ada sanggah-menyanggah
> Yang penyanggah dipancung putus
> Yang menentang dibunuh mati
> Yang khianat disudahi
> Yang salah dibuang jauh.

Kepemimpinan dalam budaya politik Melayu tradisional juga bererti mencari kekayaan untuk memastikan seseorang raja itu dapat mengekalkan ketaatan dan kesetiaan pengikutnya. Menurut John Anderson yang membuat catatan mengenai keadaan di pesisir timur Sumatera pada abad ke-19, berbeza dengan orang Cina dan Batak, yang sangat kikir dari segi berbelanja, tetapi gemar mencari wang, orang Melayu lebih senang membelanjakan wangnya untuk para pengikutnya. Pada pengamatan Anderson di Sumatera Timur, seseorang raja Melayu hanya boleh dikatakan kaya atau berdarjat jika dia memiliki ramai para pengikut. Kata Anderson juga, orang berkumpul di sekeliling pemimpin yang kaya justeru mereka itulah yang boleh membahagi-bahagikan barang kepada rakyat.[14]

Dalam kerangka budaya politik Melayu tradisional, pemimpin juga dikatakan sangat taasub dengan apa yang disebutnya "*formalities*" atau "rasmi-rasmian". Seseorang Raja tidak mementingkan isu sebenar tetapi lebih mementingkan tertib dan taraf. Seorang pelawat ke Kelantan dalam abad ke-19 mengatakan bahawa dalam mesyuarat pembesar-pembesar Melayu, mereka yang berpangkat tinggi akan duduk di sisi pembesarnya; manakala mereka yang rendah sedikit pangkatnya akan duduk di bawah sedikit. Mereka yang lebih berpangkat bawah akan duduk lebih ke bawah lagi. Dan yang duduk di tingkat yang paling bawah iaitu di atas tanah ialah rakyat jelata.[15] Keprihatinan terhadap kedudukan, status dan martabat juga digambarkan oleh kata-kata perbilangan Melayu lama:

Yang tinggi bersusun-susun
Yang rendah bertingkat-tingkat
Tingginya menurut adat
Rendahnya menurut patut

Yang raja pada rajanya
Yang datuk pada datuknya
Yang patut pada patutnya

Terpacak selembayung rabung Melayu
Bagai tangan tadah-tadahan
Yang tahu kecil dirinya
Yang tahu papa dengan kedana
Yang tahu nasib dengan untungnya
Yang bercakap di bawah-bawah
Yang mandi di hilir-hilir

Yang patut dipatutkan
Yang tua dituakan
Yang berbangsa dibangsakan
Yang berbahasa di bahasakan.

Oleh sebab terlalu mementingkan adat berhierarki ini, maka sukarlah konsep dan institusi demokrasi seperti yang diamalkan di Barat ataupun seperti yang diajarkan oleh Islam berkukuh dalam budaya politik masyarakat Melayu di Malaysia. Bahkan

dalam keadaan-kedaan yang biasa pun, mengkritik seseorang pemimpin itu bukanlah sesuatu yang digalakkan. Misalnya di dalam pantun ada sindiran yang mengingatkan bahawa seseorang harus berhati-hati sebelum mencuba untuk menguji kemampuan seseorang lain:

Kalau mengail di lubuk dangkal
Dapat ikan penuh seraga
Kalau kail panjang sejengkal
Jangan lautan hendak diduga

Tingkah laku yang *unconventional* dianggap tidak rasional dan ada kalanya berbahaya. Dalam perbincangan-perbincangan antara raja dengan penasihatnya pun tidak terdapat pertukaran pendapat indvidu dikemukakan; sebaliknya, ada usaha untuk menyetujui suatu keputusan yang semua akan menganggapnya sebagai "patut" dan wajar. Ada kecenderungan untuk menampilkan hal yang sering disebut "kebulatan muafakat" atau *uniformity of thought or decision.* Tingkah laku orang Melayu dikatakan ditentukan oleh adat. Tingkah laku seseorang bergantung kepada taraf, nama, pangkat dan gelarnya. Kewibawaan seseorang ke atas orang lain juga bergantung kepada pangkatnya. Oleh yang demikian, pangkat menentukan kedudukan seseorang di dalam majlis, pakaian yang patut, hadiah yang seseorang patut terima dan kuasa yang dimiliki. Tidak terdapat *private scales of values* atau skala nilai yang peribadi. Yang ada hanyalah *social thought.* Hal ini dgambarkan dalam perbilangan adat:

Gambir merah getah-bergetah
Merah bagai merah darah
Darah anak sidang manusia
Getah melekat tangkai hati
Lekat bersatu dalam diri
Tak ada sela-bersela
Tak ada tingkai-bertingkai
Tak ada iri-mengiri
Yang duduk sama rendahnya
Yang tegak sama tingginya
Yang setukul seperjalanan
Sama seia dan sekata.

Oleh yang demikian itu diperlukan memanggil seseorang dengan gelar yang betul atau "patut", memakai pakaian yang "patut" di dalam majlis, dan duduk di tempat yang "patut" dan menyetujui semua yang dibicarakan kerana itulah yang "patut". Ibarat kata gurindam:

Kalau memakai cekak musang
Kain diikat dagang dalam
Kain labuh ke bawah lutut
Pinggang memakai bengkung lebat

Keris terpampang sebelah kiri
Kepala memakai destar
Seluar labuh sampai ke keting
Itu pakaian raja-raja
Atau datuk dan panglima
Atau orang patut-patut
Atau orang berbangsa
Kalau berbaju teluk Belanga
Kain diikat dagang luar
Labuh kain di bawah lutut
Kepala memakai destar
Hulu keris bayang-bayangan
Celana labuh sampai keting
Itu pakaian datuk-datuk
Pakaian orang patut-patut

Kalau memakai baju berbelah
Ikat kainnya dagang luar
Kain labuh sampai ke tumit
Itu pakaian orang ramai.

Ketertiban dalam adat dalam menentukan pembahagian peranan sosial antara raja dengan golongan bangsawan dengan rakyat jelata jelas menjadi asas budaya politik orang Melayu. Raja dan "kerajaan" sebagai pusat tumpuan taat setia rakyat jelata adalah faktor yang menyatukan masyarakat. Menurut J. M. Gullick, yang menulis pada kira-kira 42 tahun yang lalu, mengenai sistem politik peribumi di pantai barat Tanah Melayu, peranan Sultan adalah untuk melambangkan dan, pada had-had tertentu, ia malah mengekalkan kesatuan Negeri.[16] Tetapi pada abad ke-19, keadaan di negeri-negeri Melayu sering menunjukkan adanya perbalahan dan konflik. Ada unsur-unsur yang mencabar perpaduan dan membawa perpecahan. Oleh sebab itu kita lihat pada abad ke-19, kecuali Negeri Sembilan, di hampir setiap negeri Melayu terdapat konflik atau perang saudara merebut takhta atau penyanggahan terhadap kuasa pusat oleh pembesar-pembesar yang enggan tunduk atau mengiktiraf kuasa Sultan. Tetapi perbalahan dan konflik antara pembesar-pembesar sendiri menyebabkan penentangan terhadap pusat itu tidak berkesan atau menjejaskan kuasa raja. Kepentingan perdagangan dan kesejahteraan agar negeri tidak berpecah juga menyebabkan kuasa Sultan itu terpelihara. Oleh itu, kalaupun bukan Sultan secara peribadi yang dihormati, tetapi kepatuhan terhadap kerajaan atau kesultanan itulah yang menyebabkan perpecahan tidak berlaku, walaupun ia adalah akibat kerenah para pembesar di daerah-daerah.

Menurut Gullick juga, jika seseorang raja itu zalim maka rakyatnya akan melarikan diri dan berpindah ke negeri lain.[17] Pada zaman sebelum bangkitnya nasionalisme Melayu, yang dikatakan "nasion" atau tumpuan kesetiaan orang Melayu adalah negeri atau kerajaan tempat menetapnya atau raja yang disembahnya. Oleh sebab itu orang Melayu sangat berbangga dengan jati dirinya sebagai, misalnya orang Perak, orang Pahang, orang Selangor atau orang

Kelantan. Selagi raja negeri itu masih disembah selagi itulah ia menganggap dirinya sebagai rakyat raja di negeri tempat ia menetap itu. Oleh yang demikian, sukarlah hendak dikatakan bahawa telah wujud suatu "kebangsaan Melayu" yang bersatu pada zaman abad ke-19 dan sebelumnya. Contoh paling baik ialah apabila kerajaan Melaka ditakluki oleh Portugis, Sultan Melaka telah melarikan diri dan membuat kerajaan baru di Johor; tetapi bukan sultan sahaja yang melarikan diri, kesemua anggota dan kerabat istana dan para elit politiknya melarikan diri untuk mengikuti Sultan Mahmud Syah.

Setelah kita melihat sifat-sifat budaya politik Melayu seperti yang diungkapkan dalam kata-kata perbilangan, pantun dan gurindam lama Melayu, maka amat jelas kepada kita bahawa dalam masyarakat Melayu tradisional raja dan pembesar (baca: pemimpin) adalah berperanan penting dalam menentukan sama ada masyarakat itu bersatu, tenteram atau maju. Dari segi perpaduan ternyata sifat-sifat budaya politik Melayu tradisional itu sendiri menyukarkan orang Melayu bersatu. Pada zaman modern setelah Islam lebih kuat berkukuh dalam kebudayaan dan kehidupan sehari-hari orang Melayu, perpaduan Melayu itu dapat dirangkum di peringkat ibadat dan upacara keagamaan. Tetapi di peringkat pemerintahan atau politik, budaya politik lama itu masih belum terhakis. Walaupun sebuah kelas menengah Melayu telah terbentuk dengan jelas pada zaman selepas kemerdekaan, terutamanya selepas terlaksananya Dasar Ekonomi Baru, nilai-nilai feudal yang lama itu masih tebal berdaki dalam pemikiran elit Melayu. Nilai-nilai penguasa zaman itu nampaknya memberi ciri kepada budaya politik Melayu semasa. Oleh yang demikian, sifat-sifat kediktatoran pemimpin dalam zaman moden boleh disamakan dengan sifat-sifat autokratik dan despotik seorang raja tradisional.

Namun demikian, pendidikan yang moden telah memperkenalkan nilai-nilai baru dalam kehidupan berpolitik dalam kalangan orang Melayu yang hasilnya kelihatan pada zaman selepas Perang Dunia Kedua apabila tumbuh seperti cendawan pertubuhan-pertubuhan siasah dan sosiobudaya Melayu di samping lahirnya kegiatan berpolitik. Pendedahan kepada ideologi dan konsep-konsep baru dalam politik seperti nasionalisme, antikolonialisme, demokrasi dan hak berkerajaan sendiri telah menyebabkan orang Melayu mulai beransur-ansur berfikiran secara moden dengan menggalang persatuan kebangsaan yang menampilkan gerakan untuk menentang penjajahan pada zaman selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Dalam hal ini gerakan islah yang disebarkan oleh kaum muda atau modernis Islam pada awal abad ke-20 telah membantu mencelikkan orang Melayu bagi mengenali jati dirinya sebagai orang Melayu dan sebahagian daripada umat Islam yang perlu bangkit mengejar kemajuan.

Dalam sejarah orang Melayu di Malaysia, kesatuan atau perpaduan yang wujud boleh dikatakan berlaku hanya pada masa gagasan Malayan Union dipaksakan ke atas orang Melayu. Apabila British ingin membuat perjanjian baru dengan raja-raja Melayu bagi menyatukan Malaya di bawah suatu perlembagaan yang bersifat "pan-Malayan" yang secara menyeluruh akan merubah sifat-sifat dan bentuk negeri-negeri Melayu daripada bertaraf negeri-negeri yang dinaungi

British menjadi negeri-negeri yang diperintah secara langsung oleh British, orang Melayu, melalui pertubuhan-pertubuhan yang ada dan akhbar-akhbar bahasa Melayu, telah menyuarakan tentangan mereka secara lantang. Kebangkitan politik orang Melayu antara Januari dengan April 1946 benar-benar telah memeranjatkan British.

Orang Melayu yang baru celik politik, setelah mengalami pemerintahan Jepun, menyedari bahawa Malayan Union bererti kedaulatan raja-raja Melayu ke atas negeri-negeri Melayu akan diambil alih oleh Raja England. Hak kewarganegaraan akan diberikan secara mudah kepada orang bukan Melayu. Reaksi orang Melayu secara padu ialah mengadakan sebuah Kongres Melayu Seluruh Malaya atas inisiatif Dato' Onn bin Jaafar, pengasas Pergerakan Melayu Semenanjung Johor. Hasil daripada Kongres yang dihadiri oleh 41 buah pertubuhan Melayu pada 1 – 4 Mac 1946 itu maka tertubuhlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO (United Malays National Organisation) pada masa Kongres Melayu Se Malaya yang kedua di adakan di Johor Bahru, iaitu pada 11 – 12 Mei 1946. Dato' Onn sendiri telah dipilih sebagai Presidennya dan Dato Panglima Bukit Gantang sebagai Setiausaha pertamanya.

Barangkali, dalam sejarah moden orang Melayu inilah kali pertama dan terakhir orang Melayu daripada semua golongan dan lapisan bersatu dari segi politik. Pada masa Malaya dalam peringkat mendapatkan kemerdekaan daripada British dalam kerangka pembinaan nasion yang bersifat berbilang kaum, Dato' Onn yang sedar bahawa terbentuknya suatu masyarakat majmuk di Malaya adalah suatu kenyataan (lantaran kehadiran orang Cina dan India yang begitu ramai) telah memprakarsai penubuhan sebuah parti yang *multiethnic* sifatnya pada tahun 1951 iaitu Independence of Malaya Party atau Parti Kemerdekaan Malaya. Tujuan Dato' Onn ialah untuk menyatukan orang Melayu dan menyelamatkan orang Melayu dengan menjadikan orang Melayu bangsa induk atau teras dalam pergerakan politik di Malaya dalam sebuah parti yang berbilang kaum. Tetapi di sebalik latar belakang Dato' Onn sebagai presiden pertama UMNO, parti itu tidak mendapat sambutan orang Melayu. Tiga tahun kemudian, Dato' Onn mencuba sekali lagi untuk merealisasikan impiannya untuk menyatukan semua bangsa di Malaya di bawah satu parti yang akan dipimpin oleh orang Melayu, tetapi Parti Negara yang ditubuhkannya itu pun gagal mendapat dukungan orang Melayu. Jika dalam pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 IMP memenangi hanya 2 kerusi berbanding 9 yang dimenangi oleh perikatan UMNO-MCA, maka pada pilihan raya Persekutuan tahun 1955 Parti Negara gagal memenangi sebarang kerusi; sebaliknya 51 buah kerusi telah dimenangi oleh parti Perikatan UMNO-MCA dengan satu kerusi jatuh ke tangan Parti Islam Se Tanah Melayu.

Dalam sejarah perjuangan nasionalisme Melayu setelah berakhirnya pemerintahan Jepun, ada suatu unsur yang telah dapat menyatukan orang Melayu – iaitu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Tanah Melayu (dan kemudiannya Malaysia). Perjuangan bahasa Melayu ini dihayati oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), UMNO dan Parti Islam Setanah Melayu. Suatu unsur lagi yang diperjuangkan oleh semua orang Melayu baik di dalam UMNO mahupun PAS ialah menjadikan agama Islam sebagai agama

rasmi negara. Dua unsur ini penting bagi orang Melayu. Peribahasa Melayu menyebut: Bahasa menunjukkan Bangsa. Dan tanpa Islam orang Melayu tidak mungkin mencapai taraf peradabannya seperti sekarang ini. Tanpa Islam juga jati diri orang Melayu itu tidak akan tampak kukuh dan ampuh. Apabila orang Melayu tidak lagi menghayati Syarie Islam dan mengamalkannya dalam upaya menegakkan kebenaran dan keadilan maka penyatuan orang Melayu sebagai suatu umat akan tetap tak tercapai.

Dewasa ini orang Melayu sebenarnya berada pada suatu persimpangan. Pemodenan total dari segi pemikiran keintelektualan, politik, ekonomi dan sosial orang Melayu sangat-sangat dituntut untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Abad ini adalah abad yang berasaskan kemajuan sains dan teknologi. Ledakan revolusi teknologi maklumat yang didampingi oleh tuntutan globalisasi agar negara menilai semula dan melakukan rombakan terhadap institusi ekonomi, politik dan kebudayaan masyarakat memaksa orang Melayu supaya bersiap siaga untuk memacu kepantasan meraih pengetahuan terbaru dan termaju. Tetapi dalam keadaan orang Melayu masih terpasung dengan sikap lapuk dan nilai usangnya, apakah mungkin orang Melayu boleh bersaing dalam bidang-bidang yang mencabar untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia ini?

Pada hari ini juga sekali lagi alat penyatuan orang Melayu, dan citra dan jati diri Melayu telah dipinggirkan. Orang Melayu sibuk memperkatakan tentang kelemahan anak-anak mereka menguasai bahasa Inggeris. Tetapi orang Melayu lupa bahawa kebanyakan anak-anak Melayu dan kaum Melayu yang berpelajaran pun masih terkial-kial dalam penggunaan bahasa Melayunya. Bukanlah kita membantah peningkatan kemahiran dalam bahasa Inggeris untuk tujuan-tujuan penambahan ilmu, tetapi kita lihat sahaja bagaimana orang Cina memperjuangkan kepentingan bahasa dan pendidikan Cina. Sekali lagi orang Melayu nampaknya tidak belajar dari sejarah. Bukankah bahasa menunjukkan bangsa?

Barangkali penyakit yang dihidapi oleh orang Melayu sekarang ini ialah penyakit hilang punca. Perpecahan di peringkat politik orang Melayu dewasa ini sudah tentu akan membawa banyak masalah dari segi memajukan bangsa yang ketinggalan ini. Tetapi jika kita kembali kepada sejarah maka kepemimpinan Melayu perlu bertafakur sejenak, untuk melihat dan menimbang hal yang sedang berlaku.

Cara kepemimpinan lama yang telah meresapi pemikiran golongan elit Melayu dewasa ini (sekalipun mereka itu tidak lagi berdestar, berkeris atau memelihara hamba sahaya) tidak akan membawa orang Melayu untuk melangkah dengan mudah ke gerbang kemajuan teknologi abad ini. Cara pemikiran orang Melayu yang masih terpasung dengan nilai-nilai feudal yang tidak boleh membezakan antara kulit dengan isi, yang batil dan yang hak dan yang masih dengan cara pemikiran yang memupuk budaya ikut-ikutan, tidak akan merubah masyarakatnya. Persatuan dan perpaduan umat Melayu tidak akan terbentuk jika sang pemimpin mengamalkan budaya politik lama yang amat terasing pada penglihatan generasi muda masa kini. Perpaduan dan kesatuan bangsa tidak mungkin wujud jika orang Melayu masih menghayati secara batinnya nilai-

nilai lama yang antimoden dan antikebenaran. Seyogia diingati, keterdedahan generasi muda yang lebih celik huruf dalam hal-hal dunia luar, khasnya kepada isu-isu universal, nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan institusi-institusi politik yang menekankan kesaksamaan hak, keadilan, kebebasan daripada penindasan dan kelaparan dan penegakan hukum, tidak memungkinkan mereka itu dapat menghayati nilai-nilai lama yang usang itu. Oleh itu yang memimpin perlulah selangkah dan serasa dengan yang muda.

Seperti kata perbilangan:
Petitih permainan andai
Gurindam permainan kata
Jadi pemimpin kok tak pandai
Rusak kampung binasa kita

Pemimpin itu hendaklah
Orang bijak dalam berunding
Orang cerdik berkira-kira
Orang tahu salah dan silih
Tahu di adat dengan lembaga
Tahu di undang dengan hukum
Tahu menghukum adil-adil
Tahu menenggang hati orang.

Seorang pemimpin biarlah
Yang ilmunya dapat ditimba
Yang alimnya dapat dibanding
Yang budinya tahan asak
Yang bercakap berlidah asin

Tempat orang bergantung tuah
Tempat orang mengadu nasib
Tempat kusut diselesaikan
Tempat keruh dijernihkan

Kalau tingginya dapat dijangkau
Kalau rendahnya boleh diraba
Tidak memilih berbilang kasih
Tidak memilih tempat duduk
Tidak memilih tempat tegak.

Persoalan perpaduan orang Melayu dalam sejarah adalah sesuatu yang sukar dibicarakan. Hakikat terkelompoknya orang Melayu kepada suku-suku, dan faktor wujudnya anasir kacukan dalam pembentukan identiti dan pentakrifan Melayu itu menyukarkan mereka bersatu. Bahawa nilai masyarakat Melayu itu kuat bersandar pada sistem raja dan budaya 'kerajaan' juga menyebabkan ketaatan dan kesetiaan kepada raja (baca: penguasa dan pemimpin) lebih menguasai pemikiran orang Melayu daripada ketaatan kepada bangsanya. Pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua seorang Melayu yang berajakan seorang sultan sesebuah

negeri tertentu lebih setia kepada raja dan negeri itu. Hal ini juga menyebabkan di dalam karya-karya lama seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, orang Siak, orang Jambi dan orang Melaka lebih sering diungkapkan daripada istilah orang Melayu atau bangsa Melayu, sekalipun ini tidak bererti Melayu sebagai suatu identiti tidak wujud pada zaman yang silam kerana ikatan bahasa, adat istiadat dan sistem kepercayaan dan amalan budaya yang menghasilkan sastera lisan seperti pantun, peribahasa, perbilangan, kata-kata adat dan cerita-cerita rakyat itu sendiri menyebabkan terpupuknya rasa kekitaan sebagai suatu umat. Ibarat kata perbilangan:

Kelebihan Nabi dengan mukjizat,
Kelebihan umat dengan muafakat,
Bulat air kerana pembetung,
Bulat manusia kerana muafakat.

Tatkala kecil bernama muafakat,
Tatkala besar bernama adat,
Si raja adat kepada muafakat.

Air melurut dengan bendarnya,
Benar melurut dengan muafakatnya,
Negeri bertumbuh dengan adatnya.[18]

Di sebalik sistem nilai dan adat istiadatnya yang menekankan perpaduan dari segi budaya politiknya, orang Melayu walau bagaimanapun, sangat berfikiran tradisional. Ini memberi kesan kepada betapa lambatnya kesedaran politik itu menghinggapi pemikiran mereka. Sistem nilai dan adat yang bertunjang kepada nila-nilai yang berasaskan institusi raja dan kerajaan merupakan salah satu punca kelambatan lahirnya kesedaran politik orang Melayu. Namun tiupan angin pembaharuan yang dibawa dari satu bahagian kepulauan Melayu iaitu Indonesia, yang menjelang berakhirnya pendudukan Jepun di Asia Tenggara dengan bangkit menentang kolonialisme Belanda telah menyedarkan sebahagian orang Melayu daripada kalangan rakyat biasa. Bab berikut akan cuba membincangkan permulaaan lahirnya kesedaran politik orang Melayu yang dibawa dari seberang Selat Melaka.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Persidangan Perpaduan Ummah anjuran Jabatan Agama Islam Sabah, Kota Kinabalu pada 23 November 2000.

[2] Di Borneo kumpulan etnik Melayu mendiami hampir keseluruhan kawasan pesisir. Kawasan pedalamannya dihuni oleh suku rumpun Melayu juga tetapi yang bertutur dalam bahasa-bahasa yang berbeza daripada bahasa Melayu.

[3] Lihat Perlembagaan Persekutuan, Artikel 160 (2).

[4] Untuk keterangan yang lebih rinci mengenai takrif orang Melayu, lihat John Crawfurd, *A Descriptive Dictionary of the India Islands & Adjacent Territroies*, Oxford University Press (reprint), Kuala Lumpur, 1971, h. 249 – 253.

[5] Dr. Luis Filipe Thomaz mentafsirkan istillah asal "Bajus" yang digunaklan oleh Tome Pires sebagai orang Selat. Lihat Luis Filipe F. Reis Thomaz, *Early Portuguese Malacca*, Macau Territorial Commission for the Commemorations of the Portuguese Discoveries, Macau, 2000, h. 62.

[6] Anthony C. Milner, *Kerajaan: Malay Political Culture on the eve of Colonial Rule*, AAS University of Arizona Press, Tuscon, Arizona, 1982, h. 21 - 22 .

[7] *Sejarah Melayu* (diusahakan oleh Shellabear), Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1975, h. 19.

[8] Ibid.

[9] Ibid.

[10] Ibid.

[11] Ibid.

[12] Lihat Milner, *Kerajaan*, *passim*.

[13] Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Oxford Universty Press, Kuala Lumpur, 1960, h. 55 – 56.

[14] Lihat John Anderson, *Mission to the East Coast of Sumatra in 1823*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, h. 268.

[15] Milner, *Kerajaan*, h. 49.

[16] Lihat J. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, The Athlone Press, University of London, London ,1969 (paperback reprint), h. 44.

[17] Ibid., h. 43 dan 113.

[18] Zainal Abidin Ahmad (Za'aba), *Ilmu Mengarang Melayu* (edisi ejaan Rumi baharu), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002, h. 104-105.

5

Pengaruh dari Indonesia dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan Melayu[1]

Dalam karyanya *Melihat Tanah Air*, Ibrahim Hj. Yaacob, ketika melahirkan rasa prihatinnya terhadap ketercicicran orang Melayu (yang menurut pandangannya berada "dalam keadaan yang cemas" lantaran "Tanahair meskipun ada, serupa tidak keadaannya"), menyimpulkan bahawa:

> sebab-sebab yang menjadikan orang-orang saya berkeadaan Tanahair ada serupa tidak ada, ialah kerana kehidupannya tedesak. Mereka yang mendesaknya itu ialah: a) Modal luar; b) Buruh daripada luar dengan bawaan modal luar; c) Barang-barang dari luar dengan bawaan modal dan buruh (kaum pekerja) daripada luar, iaitu untuk membuka negeri ini dengan seluas-luasnya dengan tidak menghiraukan hal kehidupan orang-orang saya (orang Melayu).[2]

Ibrahim seterusnya berkata,

> Orang-orang Melayu menjadi bangsa yang tersingkir di luar bandar tidak ada di daerah perniagaan tanah airnya sendiri. Hal inilah yang menimbulkan kesedihan hati saya melihat tanah air saya dan bangsa saya yang menjadi bangsa yang ditakluk dikuasai oleh orang asing […][3]

Kesimpulan yang dibuat Ibrahim Yaacob ini menarik, justeru ada persamaannya dengan pandangan seorang pejuang kemerdekaan Indonesia:

> Tjilaka soenggoeh tak dapat bangsa Indonesia [baca Melayu] di Semenandjoeng Malaka mempertahankan diri dari kebandjiran bangsa India dan Tiongkok jang teroes mengalir ke sana. Perniagaan indoestri boleh dikatakan semoeanja ada di tangan asing. Boemipoetera di kota-kota pesisir senantiasa didesak ke pinggir kota, dan jang tinggal di darat makin sehari makin djaoeh menjingkir

> ke poentjak-poentjak goenoeng. Fabrik2, kereta api, kantor2 goebernemen dan perniagaan sama sekali di tangan asing [...][4]

Pandangan Ibrahim mengenai kemunduran dan tekanan yang dialami oleh orang Melayu itu berdasarkan pemerhatiannya ketika mengelilingi Tanah Melayu yang dimulakannya pada 2 Jun 1940, yang hasilnya dibukukan dalam karya yang tersebut di atas.[5] Bagi penulis, perjalanan Ibrahim mengelilingi tanah airnya untuk:

> melihat orang-orang Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu [...] sebagai Yang di Pertua Agung Kesatuan Melayu Muda (K.M.M.) yang ditubuhkan di Kuala Lumpur tahun 1937, [...] [dengan maksud] mengadakan rundingan dengan perkumpulan murid-murid Sekolah Agama, pondok-pondok, Persekutuan Belia-Belia Melayu, yang hendak [...] [diajak] bersatu padu, supaya dapat mendirikan Melayu Raya [...][6]

amatlah menarik, kerana dalam sejarah gerakan kebangsaan di Indonesia penulis menemukan gejala yang serupa apabila tokoh perintis kebangkitan bangsa Jawa, Raden Mas Tirto Adhi Soerjo, melakukan perjalanan mengelilingi tanah Jawa dalam tahun 1906 demi mencari sokongan dalam kalangan bangsawan iaitu priyayi Jawa untuk menubuhkan Sarekat Priyayi. Pertubuhan yang diwujudkan oleh Tirto Adhi Soerjo dalam tahun yang sama itu sebenarnya mendahului penubuhan Budi Utomo yand muncul dalam tahun 1908.

Jika Tirto Adhi Soerjo itu seorang aristokrat Jawa[7] yang dalam tahun 1909 telah mendirikan Sarekat Dagang Islamiyah[8] di Bogor, Ibrahim Yaacob hanyalah seorang Melayu biasa yang dari segi akar sosialnya hanyalah berasal daripada keluarga petani. Dari segi pendidikannya, Ibrahim Yaacob hanya mendapat pendidikan yang sederhana, yakni sekolah aliran Melayu sehingga ke tahap pengajian perguruan selama tiga tahun di Sultan Idris Training College di Tanjung Malim, maktab yang melatih bakal guru yang mengajar di sekolah Melayu.

Sekalipun pendidikan yang diterima Ibrahim tidak setinggi Tirto Adhi Soerjo[9]namun Ibrahim berjaya menubuhkan sebuah pertubuhan kebangsaan yang pertama sekali mengungkapkan hasrat "menentang penjajah Inggeris dengan dasar politik *non-cooperation* menuntut Malaya Merdeka".[10] Menurut Ibrahim, dasar tidak mahu bekerjasama itu diilhamkan oleh gerakan yang didakyahkan oleh Sukarno melalui Partai Nasional Indonesia yang menuntut kemerdekaan Indonesia serta-merta.[11] Bahkan Ibrahim juga mendakwa beliau dan beberapa orang rakannya telah pun menganggotai Partai Nasional Indonesia yang ditubuhkan oleh Sukarno dalam tahun 1927.[12]

Pengakuan Ibrahim bahawa peristiwa pemberontakan melawan Belanda di Jawa dan Sumatera tahun 1926-1927[13]menambahkan kesedaran antikolonial orang Melayu, dan bahawa perasaan kebangsaan cendekiawan Melayu juga dipengaruhi oleh peristiwa Sumpah Pemuda tahun 1928 jelas menampakkan pengaruh Indonesia pada gerakan kebangsaan Melayu sejak akhir tahun 1920-an lagi.[14]

Betapapun demikian, oleh sebab pengakuan Ibrahim Yaacob itu hanya diungkapkannya dalam tahun 1957, ketika beliau sudah dua belas tahun berada

di Jakarta, dan justeru pandangan kilas baliknya mungkin banyak diwarnai oleh keadaan semasa dan kepentingan peribadi masa itu sebagai warganegara Republik Indonesia, dakwaannya itu perlulah disemak, diolah secara hati-hati dan ditimbang lagi.

Bahawa gerakan kebangsaan Melayu menentang penjajahan telah dipengaruhi oleh peristiwa di Indonesia di samping didorong oleh faktor-faktor dalaman tanah air memang telah banyak diperkatakan bahkan diakui oleh ramai orang. Makalah ini pun ingin membicarakan persoalan pengaruh dari pulau Jawa dan Sumatera yang dewasa ini terangkum dalam negara Republik Indonesia. Tumpuan pembicaraan adalah pada menelusuri unsur keradikalan atau aliran kiri yang mewarnai gerakan kebangsaan Melayu seperti yang kelihatan dalam Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Yang ingin ditanyakan di sini ialah: Dari manakah unsur "kiri" itu muncul, dan bagaimanakah ia boleh mencirikan gerakan kebangsaan Melayu yang antipenjajahan?

Seperti yang dinyatakan oleh al-marhum Rustam A. Sani dalam kajiannya mengenai asal usul gerakan kiri Melayu, pemimpin dan aktivis KMM bukan datang dari satu aliran pendidikan yang tertentu, sebaliknya terdiri daripada mereka yang berpendidikan Melayu, Inggeris dan Arab. Tetapi ada suatu kesepunyaan yang jelas dari kelompok ini, yakni mereka itu mempunyai akar sosial yang bukan aristokrat atau bangsawan, dan tidak membataskan tumpuan kesetiaan mereka pada kesetiaan tradisional yakni pada raja atau pada negerinya sahaja seperti yang terdapat pada kelompok elit pemerintah tradisional yang menerajui pertubuhan-pertubuhan yang berasaskan politik kenegerian. Sebaliknya, para anggota kelompok elit baru yang muncul daripada lapisan rakyat biasa itu berasa bangga untuk menggolongkan diri dalam kelompok bangsa Melayu yang lebih luas.[15] Apa yang tidak dijelaskan oleh Rustam ialah mengapa kelompok ini lebih mudah tertarik pada aliran "kiri", sedangkan Rustam sendiri merumuskan kesepunyaannya yang bukan daripada kalangan aristokrat atau elit bangsawan.[16]

Kesimpulan yang dibuat oleh Rustam bahawa pemahaman unsur kiri dalam kedua-dua badan pergerakan tersebut tidak boleh dilihat dari sudut ideologi sosialis seperti yang ditanggapi Barat barangkali boleh diterima, tetapi sayangnya, Rustam terhenti di situ dalam perbahasannya tanpa cuba menjernihkan argumennya. Sebaliknya dia mengelak membincangkan asal usul "ideologi" itu dengan menyatakan bahawa dia hanya membicarakan gejala kiri dan bukan "makna" kiri yang dimaksudkan.[17]Bahkan dia menolak sama sekali kemungkinan akar umbi orientasi ideologi kiri KMM dan PKMM dapat ditelusuri pada kemasukan orang komunis dari Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu tanpa melihat sumber dan bahan sejarah di arkib. Rustam juga meremehkan peranan para lulusan SITC dalam mengembangkan 'ideologi' KMM. Namun, anggapannya bahawa KMM dan PKMM masih terikat dengan nasionalisme '*Malay preservation*' (penyelamatan orang Melayu) memang ada asasnya. Tetapi dengan hanya mengatakan bahawa kemunculan KMM adalah kerana kelahiran elit Melayu bukan bangsawan tradisional yang berasa dipinggirkan dalam arus politik yang sekian lama dibolot oleh kaum elit politik aristokrat tidak dapat meyakinkan kita lantaran terdapatnya faktor luaran yang nampaknya sangat jelas memainkan

peranan dalam penubuhan kedua-dua pertubuhan jika laporan-laporan perisik British diselidiki. Di sini ingin ditanyakan: Apakah faktor luaran itu?

Apa yang tidak ditekankan dalam kajian Rustam ialah bahawa yang konsekuen dengan perjuangan nasionalisme aliran kiri Melayu ialah cita-cita menentang penjajahan dan merealisasikan pewujudan "Melayu Raya". Bagi nasionalis kiri Melayu itu "Melayu Raya" itu adalah sama dengan "Indonesa Raya" yang diperjuangkan oleh nasionalis Indonesia seperti Muhammad Yamin.[18] Dalam tahun 1920-an, ketika konsep negara bangsa Indonesia itu semakin jelas diungkapkan oleh Perhimpunan Indonesia di Nederland, dan semakin meluas pula penggunaan nama "Indonesia" itu di Jawa dan pulau-pulau seperti Sumatera dan Sulawesi, ada kalangan tertentu yang telah cuba mempopularkan nama "Indonesia Raya". Ungkapan terakhir ini disebarkan dengan maksud untuk menekankan betapa perlunya para nasionalis mencapai kebulatan dalam membuang dasar kepulauan, kedaerahan, dan kenegerian. Hanyalah dengan cara itu dikirakan dapat diwujudkan sebuah Indonesia Raya yang bersatu.

Bilakah Istilah "Indonesia Raya" digunakan?

Jika nama "Indonesia yang dicipta oleh orang Eropah[19] dipopularkan penggunaannya oleh kaum *Theosophist* dan Indo-Peranakan, yang bergiat cergas dalam Nationaal Indische Partij (Parti Kebangsaan Hindia) sekitar tahun 1919, melalui surat khabarnya, *Persatoean Hindia*,[20]maka nama "Indonesia Raya" pula mulai diperkenalkan pada akhir tahun 1925 dan dengan cepat telah menjadi popular sejak permulaan tahun 1926 apabila persatuan-persatuan pemuda di Betawi menghebahkan rancangannya untuk mengadakan kongres pertama para pemuda yang dihadiri oleh persatuan-persatuan pemuda dari pelbagai daerah, pulau dan jajahan. "Indonesia Raya" diterjemahkan sebagai *Groot Indonesie* (*Greater Indonesia*). Bahkan kegigihan para pemimpin persatuan pemuda itu menyebarkan idea "Indonesia Raya" dianggap oleh setengah-setengah pihak sebagai "reinkarnasi dari gerakan Nationaal Indische Partij" yang telah mati.[21]

Pada mulanya memang nama Indonesia Raya itu dipakai dengan maksud menanamkan rasa persatuan atau seperti kata pengarang *Soeling Hindia*, makna Indonesia Raya ialah "Indonesia menjadi satoe".[22]Tetapi bagi para pemikir politik dewasa itu, Indonesia Raya membawa erti Indonesia yang merangkumi seluruh wilayah gugusan kepulauan Melayu, termasuk kepulauan Filipina dan Tanah Semenanjung Melayu.

Barangkali tiada tokoh yang lebih jelas mengungkapkan pengertian Indonesia Raya itu selain Tan Malaka. Ketika berada di Singapura pada tahun 1926, Tan Malaka telah menerbitkan sebuah buku kecil yang berjudul *Massa Actie*. Buku kecil yang membuat analisis mengenai pergerakan kebangsaan di Indonesia dan menghuraikan punca kegagalan parti-parti politik menentang Belanda (termasuk Partai Komunis Indonesia) merumuskan peri mustahilnya Indonesia menyingkirkan kolonialisme dan imperialisme Belanda secara berparlimen selagi kaum muda, tuan tanah bumiputera dan kaum intelektualnya yang bersuara di parlimen lemah. Melalui buku ini Tan Malaka menekankan bahawa satu-satunya

jalan menuju kemerdekaan itu ialah jalan revolusioner dengan menggembleng seluruh kekuatan rakyat atau *massa actie*. Menurut Tan Malaka, masalah ketiadaan faktor-faktor ekonomi, sosial dan intelektual yang menggalakkan ini juga dihadapi oleh semua bangsa kulit berwarna yang dikuasai Barat di seluruh benua Timur. Dan jalan mencapai kemerdekaan itu hanyalah melalui revolusi.

Dalam huraiannya Tan Malaka juga mengungkapkan betapa perlunya Indonesia tidak membataskan perjuangannya hanya pada menentang imperialisme Belanda sahaja kerana

> Kekoeasaan atas Semenandjoeng Tanah Malajoe dengan poesat armada Singapoera di dalam tangan Imperialisme Inggris, bagi kita [maksudnya Indonesia] sebagai satoe "strategische Umfasung" [pengepungan strategik] senantiasa memaksa kita mendjaoehi medan perdjoeangan. Umfasung [pengepungan] ini dilengkapi dengan Australia poetih, – anti koelit berwarna di sebelah Selatan.
>
> Dalam erti ekonomi, Semenandjoeng bagi kita [Indonesia] sangat penting sebab negeri itoe soedah mendjadi pasar terbesar bagi berbagai-matjam hasil boemi Indonesia; tambahan poela banjak perhoeboengannja dengan seloeroeh doenia. Kedoedoekan kita [Indonesia] di antara Malaya dengan Australia, dan kapital Inggris yang sangat besar di Indonesia, membesarkan dan mengekalkan perhatian politik imperialisme Inggris atas sekalian kedjadian di Indonesia.
>
> Kita tak akan dapat merampas kemerdekaan Indonesia dengan tidak riboet, dan bila riboet soldadoe Inggris tentoelah akan siap dengan senapannja.[23]

Seterusnya Tan Malaka menyatakan:

> [...] Semenandjoeng dan Philipina -- dengan tak oesah bitjarakan doeloe kepoelauan Oceania dan Madagaskar jang djoemlahnja boekan sedikit -- adalah *sine qua non* sjarat oentoek merampas dan mendjaga kebebasan kita.[24]

Mengulas tentang desakan kehidupan ekonomi, sosial dan politik dan negeri oleh "bangsa Benoea Asia" terhadap orang Melayu di Semenanjung, Tan Malaka pun mengalu-alukan kelahiran "Kesatoean Malajoe"[25]yang perlu diberi perhatian. Katanya:

> Meskipoen masih soeram perkataan dan ragoe-ragoe dalam aksi, satoe badan politik seperti itoe haroeslah dianggap sebagai kedjadian mengoentoengkan dan mesti kita perhatikan dengan perhatian jang sepenoeh-penoehnja. Sekalian daja-oepaja ngembang-ngembangkan [*sic*] dan mentjiptakan satoe persatoean Indonesia Raya di seloeroeh kepoelauan Indonesia , "mesti dan perloe" ada dan didirikan. Tambahan lagi boleh diharapkan, bahwa besok atau loesa bangsa Indonesia [maksudnya Melayu] Semenandjoeng akan berichtiar melahirkan satoe pergerakan, jang maksoednja akan memindahkan bangsa Indonesia Selatan ke sana. Dengan jalan seroepa itoe dapatlah dibatasinja

> proces pendesakan itoe[26] dan ditjiptakannja satoe dasar, tempat Indonesia Merdeka "bersandar" dan achirnja akan mewoedjoedkan Kemerdekaan Semesta – Indonesia.[27]

Dalam gagasan Tan Malaka sebuah persatuan seluruh bangsa Indonesia [rumpun Melayu] yang merangkumi Filipina dan Semenanjung Tanah Melayu (termasuk Singapura) tidaklah mustahil. Tujuannya mewujudkan Indonesia Raya itu adalah demi kepentingan strategik negaranya apabila merdeka. Tan Malaka menggunakan istilah "Indonesia Selatan" untuk merujuk kepada wilayah Hindia Timur Belanda, dan "Indonesia Utara" untuk kepulauan Filipina. Dalam pemikiran Tan Malaka, bagi 'menyelamatkan' orang Melayu di Semenanjung (yang juga dinamakannya "Indonesia"), "orang perantauan dari Djawa, Soematra, Borneo dan Soelawesi"[28] yang disebutnya "bangsa Indonesia Selatan" haruslah "dipindahkan" ke Semenanjung. Saranan itu juga dibuatnya untuk Filipina. Katanya, walaupun bangsa Filipina "menentang imigrasi kaoem boeroeh dari benoea Timoer tetapi mereka setoedjoe dengan immigrasi dari Indonesia Selatan, biarpoen besar djoemlahnja."[29]Bahkan dia menganjurkan agar semua pihak berusaha dari saat itu untuk merealisasikan penubuhan apa yang disebutnya "Federasi Repoeblik Indonesia". Katanya,

> F.R.I. di dalam arti jang sebenarnja persatoean dari djoemlah 100,000,000 jang tergentjet lagi mendiami poesat strategi dan perhoeboengan seloeroeh benoea Asia dan Semoedera [...] dan bersamaan dengan itoe pembangoenan keboedajaan baroe, jakni kebagoenan satoe bangsa dari kekoeasaan baroe di Timoer [...][30]

Fikiran Tan Malaka mengenai konsep "Indonesia Raya" dan penggunaan istilah "Indonesia" sebagai kata generik untuk merujuk kepada bangsa-bangsa rumpun Melayu amatlah menarik. Sebagai seorang putera Minangkabau, Tan Malaka sendiri adalah seorang Melayu. Berasal dari Suliki, Sumatera Barat, Tan Malaka yang lahir dalam tahun 1897 dengan nama Ibrahim, dan setelah dewasa memakai nama bergelarnya (seperti kebiasaannya pada orang Minangkabau), iaitu Ibrahim gelar Datuk Tan Malaka, adalah seorang tokoh yang sangat kontroversial. Almarhum Hamka menyebutnya sebagai seorang pemimpin besar yang setaraf dengan Sukarno dan Hatta dari segi sumbangannya kepada perjuangan meraih kemerdekaan untuk Indonesia.[31]

Pendidikan awal Tan Malaka diterimanya di Bukit Tinggi dan kemudiannya dalam usia sekitar 17 tahun dia dihantar ke negeri Belanda untuk melanjutkan pelajarannya sehingga lulus pengajian di kolej perguruan di sana. Sekembalinya ke Indonesia dalam bulan November 1919, Tan Malaka menjadi guru pada anak-anak kuli yang bekerja di ladang tembakau Belanda di Sumatera Timur. Pendedahan kepada idea-idea komunis ketika menuntut di Belanda telah menjadikannya seorang yang sangat radikal dan pada tahun 1920 dia terlibat dalam permogokan kaum buruh kereta api di Deli. Mulai tahun itu dia pun menganggotai Partai Komunis Indonesia. Tulisan-tulisannya mendapat tempat di dalam surat khabar komunis, *Het Vrije Woord* (Suara Merdeka) dan *Soeara Ra'jat*.

Pada awal tahun 1921 dia berangkat ke Jawa dan mulai bergiat dalam PKI sebagai penggubal sistem pendidikan ala komunis dengan mendirikan Sekolah Rakyat. Tidak lama selepas itu dia pun dilantik sebagai Pengerusi Serikat [persatuan] Pegawai Percetakan dan menerajui beberapa kesatuan sekerja yang lain sehingga akhirnya berjaya merangkul jawatan Pengerusi Partai Komunis Indonesia pada penghujung tahun 1921, bagi menggantikan Semaun yang telah dihukum buang negeri oleh pemerintah Belanda. Akibat kegiatannya menganjurkan permogokan para pekerja pajak-gadai dalam bulan Februari 1922, Tan Malaka pun diusir keluar dari Hindia Timur Belanda atas perintah Gabenor-Jeneral Belanda. Dan dari saat itulah, selama 20 tahun, Tan Malaka berkelana sebagai tokoh revolusioner yang memperjuangkan konsep "Indonesia Merdeka"nya dengan wadah fahaman komunisnya yang tidak selalunya disetujui atau disokong oleh para komunis yang lain.

Dalam persidangan Komunis Antarabangsa (Komintern) yang ke-4, di Moscow, pada akhir tahun 1922, Tan Malaka telah menempa nama apabila dia menekankan dalam pidatonya tentang pentingnya komunis menyokong pergerakan nasionalis dan pan-Islam yang pada penglihatannya adalah bersifat progresif dan antikapitalis. Pada tahun 1923 dia dihantar ke Canton di mana dia ditugaskan menjalankan kegiatannya sebagai ejen Komintern di Asia Tenggara. Pengembaraannya itu yang melalui detik-detik cemas dan gangguan kesihatan akhirnya membawanya ke Filipina, Singapura, Tanah Melayu dan Thailand, dan secara menyamar beberapa kali untuk cuba memasuki Manila, Singapura, Pulau Pinang, Bangkok, dan Kuala Lumpur, di antara tahun 1925 dengan 1942. Dalam perkelanaannya sebagai "Lang-Lang Buana" inilah salah satu karyanya yang penting telah dihasilkan dan diterbitkan di Singapura dalam tahun 1926, iaitu *Massa Actie*.

Bahawa Tan Malaka memang memberikan perhatian kepada persoalan kebangkitan orang Melayu, dapat dilihat pada kenyataannya yang diluahkannya sekali lagi dalam autobiografinya, *Dari Pendjara ke Pendjara* yang dihasilkannya dalam tahun 1948. Dia merumuskan bahawa ada tiga faktor yang menyebabkan orang Melayu terdesak ke dalam kancah kemiskinan dan kedaifan bangsa, yakni:

i. pembanjiran kaum Cina dan India ke Malaya;
ii. mudahnya modal asing mendapatkan tanah yang subur untuk pembukaan ladang dan tanah yang mengandungi bijih timah, besi, dan arang batu untuk dijadikan lombong;
iii. dan wujudnya polis dan pegawai yang rasuah ditugaskan untuk "melindungi" orang Melayu.[32]

Tan Malaka juga melahirkan rasa kesalnya melihat keadaan di Singapura. Katanya, ketika dia singgah di kota itu dalam perjalanan pulangnya dari negeri Belanda pada tahun 1919, dia masih menemui kedai-kedai milik "orang Indonesia" [Melayu] di High Street. Bahkan terdapat pula beberapa rumah yang besar yang didiami mereka. Di Kampung Gelam, yang juga dikenali sebagai Kampung Jawa, katanya, boleh dikatakan semua rumah dan kedai di situ adalah milik orang Melayu dan mereka masih lagi menjalankan perniagaan emas, tembaga dan perak.

Mereka juga memiliki kedai tekstil, dan kilang, kedai yang menjual barang perkakas rumah, dan kedai makan (restoran), malahan memiliki gedung yang besar juga. Di Kampung Geylang pun penduduknya terdiri daripada bangsa Melayu. Tetapi menjelang 1927, semua ini telah berubah, kata Tan Malaka. Di High Street tidak kelihatan lagi rumah dan kedai Melayu. Separuh daripada Kampung Gelam telah diisi oleh "orang Cina, Hindu dan Tamil".[33]

Keprihatinan Tan Malaka mengenai nasib orang Melayu itu membuatnya mengungkapkan dalam autobiografinya kata-kata berikut:

> Pemusnahan orang Melayu Indonesia, ataupun tenggelamnya mereka itu di tengah-tengah bangsa Asia Timur yang masih lagi menganggap negara leluhur mereka sebagai tanah ibunda mereka, adalah persoalan yang akan baik secara langsung maupun tidak langsung memberi kesan kepada hidup matinya republik [Indonesia].[34]

Rasa prihatin ini diungkapkan lagi oleh Tan Malaka dalam Kongres Persatuan Perjuangan yang diadakan di Madiun pada 17 Mac 1946. Dalam usul yang diluluskan mengenai urusan luar negeri, kongres itu antara lain bersetuju bahawa:"negara Republik Indonesia hendaklah merangkumi Malaya, Borneo Utara, dan seluruh pulau Timor dan daerah Papua."[35] Bahkan Tan Malaka yang menjadi penggerak kongres itu berpendirian bahawa ikatan antara rakyat Indonesia [baca rumpun Melayu] di Indonesia dan Malaya adalah suatu perkara yang genting.[36]

Membaca tulisan-tulisan Tan Malaka yang menyentuh masalah orang Melayu, penulis berasa amat berat sekali untuk bersetuju dengan pendapat penulis dan pengkaji sejarah gerakan kebangsaan aliran kiri Melayu yang menolak faktor pengaruh gerakan kiri Indonesia dalam gerakan kiri yang dirintis oleh Kesatuan Melayu Muda dan yang kemudiannya dilanjutkan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Pengakuan Tan Malaka bahawa dia pernah menghubungi seorang pemimpin pergerakan di Semenanjung (yang nama dan tempat kediamannya dirahsiakan oleh Tan Malaka demi mengelakkan hiduan *special branch* British), kira-kira dalam tahun 1937 menunjukkan percubaan untuk mempengaruhi orang Melayu memang ada dalam kalangan orang komunis, terutama selepas peristiwa pemberontakan komunis 1927 yang berlaku di Silungkang, Sumatera Barat.[37]

Pemberontakan 1926/27 anjuran Partai Komunis Indonesia itu, anehnya, selain berlaku di Betawi (Jakarta), juga meledak di daerah-daerah yang kuat keislaman penduduknya. Di Jawa, pemberontakan yang meletus pada 12 November 1926 itu mendapat sokongan kuat di Jawa Barat, daerah yang penduduknya terkenal kuat pegangan keagamaannya. Selain itu, kawasan-kawasan di pesisir utara Jawa, yang juga merupakan daerah Islam, seperti Pekalongan, Tegal, Cirebon, dan kawasan Surakarta di Jawa Tengah, juga menyaksikan pemberontakan. Di antara tempat-tempat ini di Bantenlah, iaitu daerah di Jawa Barat, pemberontakan itu mengambil bentuk yang paling ganas dan berlandaskan agama. Para pemberontak melihatnya sebagai perang sabilillah.[38]

Pemberontakan komunis itu hanya merebak di Sumatera pada awal Januari 1927. Kawasan yang terlibat ialah daerah Sumatera Barat, khususnya kawasan

Padang Panjang, Silungkang, dan Sawah Lunto. Tetapi dalam masa beberapa hari sahaja pemberontakan itu telah dapat dipatahkan. Penangkapan secara besar-besaran dilakukan terhadap semua anggota Partai Komunis Indonesia dan Sarekat Rakyat, pertubuhan yang menampung mereka yang belum diterima spenuhnya sebagai anggota P.K.I. Tetapi bukan sahaja orang komunis yang ditangkap; mereka yang dianggap 'kiri' dan aktif dalam kegiatan kesatuan buruh yang antipemerintah juga ditangkap. Menjelang pertengahan 1928, ribuan orang tawanan telah dibuang ke daerah Boven Digul di Irian Barat. Mana-mana anasir komunis atau nasionalis kiri yang terlepas oleh jaring polis Belanda telah melarikan diri ke Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu.

Singapura, sejak awal tahun 1920-an lagi, memang telah menjadi tempat laluan dan pertemuan orang komunis Indonesia. Biro perisikan British memang telah mengikuti perkembangan gerakan menentang penjajahan di Hindia Timur Belanda dan mengekori gerak-geri orang Indonesia, baik yang komunis mahupun yang nasionalis, yang bergerak di Singapura dan Semenanjung. Pada awal 1926 perisik British misalnya telah melaporkan kehadiran Boedisoetjitro[39] (dari Jawa) dan Hamid gelar Sutan Perpatih[40] (dari Sumatera Barat), dua orang komunis yang beberapa waktu berada di Pulau Pinang dan Singapura.

Bahawa orang komunis Indonesia memang ada menghubungi individu Melayu tempatan jelas kelihatan jika kita meneliti laporan perisik British.[41] Tetapi bukan tujuan pokok penulisan ini untuk membincangkan secara khusus tentang kegiatan komunis Melayu/Indonesia di Singapura. Sebaliknya persoalan yang ingin dikupas ialah: setakat manakah kegiatan orang kiri dari Indonesia ini telah mempengaruhi pandangan kiri dalam kalangan nasionalis Melayu yang bergerak di dalam KMM dan PKMM?

Sekitar tahun 1934 bahagian cawangan khas British telah mengekori kegiatan seorang tokoh komunis Indonesia yang memainkan peranan penting dalam mengilhami penubuhan parti politik kiri Melayu yang pertama. Tokoh itu ialah Sutan Djenain. Sutan Djenain yang juga dikenali oleh perisik British dengan nama Ma[t] Ali, atau Amat, dikatakan telah berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1910. Tetapi tidak berapa lama kemudian dia telah kembali ke Jawa dan di sana dia bergerak aktif dalam Sarekat Postal dan Kereta Api di Bandung sehinggalah kesatuan itu diharamkan pada tahun 1924. Di antara tahun 1926 dengan 1928 Sutan Djenain telah datang semula ke Tanah Melayu selepas berlakunya pemberontakan PKI dan kali ini dia datang sebagai pelarian. Menurut laporan perisik British, pada tahun 1948 Sutan Djenain adalah anggota Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Malaya dan pernah menganggotai Liga Pembebasan Bangsa Malaya yang bertujuan untuk mendakyahkan fahaman komunis dalam kalangan orang Melayu dan India. Sutan Djenain juga telah dipertanggungjawabkan tugas menubuhkan Barisan Tani.

Walaupun surat pembuangan negeri pernah dikeluarkan kepada Sutan Djenain [atau Jenain] dalam tahun 1936, namun dia berjaya mengelakkan dirinya daripada diusir. Menjelang pertengahan tahun 1937, dia muncul dalam perjumpaan menubuhkan Kesatuan Melayu Muda di Kuala Lumpur.[42] Mengenai peranannya dalam penubuhan KMM, Mustapha Hussain, bekas Naib Yang

Dipertua pertubuhan itu menulis: "Perlu juga disebutkan di sini bahawa Pak Sutan Jenain yang telah lama menasihati kami menubuhkan satu badan politik Melayu untuk tujuan mencapai kemerdekaan telah turut hadir pada hari penubuhan itu.[43]

Kemunculan Parti Kebangsaan Melayu Malaya pada 17 Oktober 1945 sekali lagi menampilkan peranan seorang penganut fahaman kiri yang juga menganggotai Parti Komunis Malaya. Orang itu ialah Mokhtaruddin Lasso yang, dengan dibiayai oleh partinya, telah memprakarsai penubuhan PKMM bersama-sama dengan Arshad Ashaari, Ahmad Boestamam, dan Dahari Ali. Mokhtaruddin sendiri telah dipilih sebagai Yang Dipertua ketika diadakan kongres PKMM yang pertama pada 30 November 1945. Manakala Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Dahari Ali masing-masing dipilih sebagai Naib Yang Dipertua dan Setiausaha Agung. Seperti KMM, Parti Kebangsaan Melayu Malaya juga berpendirian antikolonialisme dan imperialisme dan bercita-cita untuk memasukkan Malaya ke dalam Indonesia Raya. Seperti Tan Malaka, Mokhtaruddin juga berasal dari Minangkabau dan berjiwa nasionalis sekalipun berideologikan Marxisme.

Jika diteliti kegiatan para anggota komunis dari Indonesia yang bergerak di Singapura dan Semenanjung, amatlah jelas pendirian "serampang dua mata" mereka itu, iaitu memperjuangkan komunisme dan kemerdekaan Indonesia sambil cuba menyebarkan fahaman radikal mereka dalam kalangan nasionalis Melayu. Dalam kalangan mereka yang berketurunan Minangkabau, baik yang berjiwa nasionalis kiri mahupun yang tulen komunis, yang bilangannya jauh lebih besar daripada mereka yang berketurunan Jawa, matlamat perjuangan mereka di Semenanjung dan Singapura adalah juga untuk merealisasikan sebuah "Indonesia Raya" seperti yang diimpikan oleh Tan Malaka. Justeru tidaklah menghairankan apabila nama-nama orang Minangkabau seperti Djamaluddin Tamin, Sutan Djenain, Djamil Sutan Mangkuto, Arif Sutan Pamuntjak, Thaharuddin Ahmad, Anwar Muin dan Khatijah Sidek, yang kemudiannya mempunyai jaringan kerjasama di Singapura dan Pulau Pinang, dalam pembelian senjata api untuk dikirim ke Indonesia, diekori oleh pegawai cawangan khas British dalam gerak-geri mereka pada tahun sekitar 1947 - 1948.[44] Seyogia diingati, dalam pergerakan kiri nasionalisme Melayu, para pemimpinnya juga kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berasal dari Indonesia, khasnya Minangkabau.

Oleh yang demikian, jika makna kiri dalam pergerakan kebangsaan Melayu hendak diberi penjelasan, maka beberapa ciri yang menonjolkan kekirian pendirian politik para anggota pergerakan itu harus ditekankan:

i. kegigihan semangat untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan British;
ii. lantaran perasaan antipenjajahan begitu kuat, sanggup mereka itu melakukan apa sahaja, termasuk bersekongkol dengan anggota Parti Komunis Malaya;
iii. mempunyai cita-cita mewujudkan persatuan Melayu Raya (yang di pihak Indonesia disebut Indonesia Raya);
iv. memperjuangkan kedaulatan rakyat, yakni mencabar pegangan politik tradisional orang Melayu yang meletakkan kedaulatan raja sebagai sesuatu yang tidak boleh digugat;

v. mempertahankan simbol bangsa Melayu seperti yang terdapat dalam tuntutan memberikan kedudukan dan martabat yang tinggi pada bahasa Melayu dan menggunakan nama "Melayu" untuk rupa bangsa [jati diri] warganegara Malaya merdeka.

Kelima-lima ciri ini, walaupun secara keseluruhannya belum begitu jelas diungkapkan dalam perjuangan Kesatuan Melayu Muda, tetapi telah terangkum dalam garis besar haluan perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Ciri pertama hingga empat itu jelas membayangkan pengertian kiri yang dihayati oleh semua badan perjuangan kebangsaan Indonesia sejak dilafazkan di dalam Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928 dan kemudian mempengaruhi anggota pergerakan kebangsaan Melayu sebelum berdirinya UMNO. Ciri kedua pula sangat jelas terpancar dalam gerakan Angkatan Pemuda Insaf, Angkatan Wanita Sedar, Pusat Tenaga Rakyat dan badan-badan radikal yang dipayunginya. Manakala ciri terakhir itu membayangkan *manouvre* atau muslihat pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad dalam menghadapi politik pergerakan kiri kaum bukan Melayu seperti yang diwakili oleh All Malaya Council of Joint Action.

Sebagai rumusan bab ini, penulis ingin simpulkan bahawa pertumbuhan dan perkembangan gerakan kiri di Semenanjung tidaklah boleh dipisahkan daripada jalur pemikiran yang bersifat 'kiri' yang sudah pun mewarnai pergerakan pertubuhan nasionalis yang utama di Indonesia, seperti Sarekat Rakyat, Sarekat Islam, Nationaal Indische Partij, Perhimpunan Indonesia, Partai Nasional Indonesia, Partai Indonesia Raya dan lain-lainnya sejak bertapaknya fahaman sosialis di Indonesia sekitar tahun 1914.

Dalam konteks perjuangan orang seperti Tan Malaka, Sutan Djenain dan Mokhtaruddin Lasso, fahaman komunisme yang mereka anuti tampaknya berbaur dengan ideologi nasionalisme dan justeru timbul pertanyaan: Apakah mungkin mereka digolongkan sebagai "national communists"? Pertanyaan ini timbul apabila kita melihat julukan yang serupa diberikan kepada Tan Malaka oleh seorang yang telah mengkaji secara mendalam mengenai tokoh ini:

> If on the other hand "national communist" is taken to mean an ideology that embraces both nationalism and communism, and that implies a locally oriented approach without question from above, then one can unquestionably assign Tan Malaka to this category.[45]

Mengenai peranan Tan Malaka dalam menggerakkan nasionalisme radikal orang Melayu hingga akhirnya melahirkan gagasan 'Melayu Raya' akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan 'Melaka dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia', anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka pada 16 - 18 Disember 1994.

[2] Ibrahim Haji Yaacob, *Melaihat Tanah Air*, Percetakan Timur, (ulang cetak naskhah 1941), Kuantan, 1975, h. 16.

[3] Ibid., h. 30.

[4] Lihat Tan Malaka, *Massa Actie*, (cetakan semula naskhah yang terbit pada tahun 1926 di Singapura), Poestaka Moerba, Djakarta-Raya, t.t., h. 66.

[5] Tarikh lawatan Ibrahim itu diperoleh daripada suratnya kepada Mustapha Hussain (setebal 14 halaman), bertarikh 20 Mei 1975. Menurut Cheah Boon Kheng, 'The Japanese Occupation of Malaya, 1941 - 45: Ibrahim Yaacob and the Struggle for Indonesia Raya' dalam *Indonesia*, No. 28, October 1979, h. 89, edisi pertama *Meliha Tanah Air*, yang menggunakan tulisan Jawi, diterbitkan oleh Al-Islamiah Press, Kota Bahru dalam tahun 1941.

[6] Ibrahim Yaacob, *Melihat Tanah Air*, h. 13 - 14.

[7] Raden Mas Tirto Adhi Soerjo adalah anggota kerabat Bupati Bojonegoro, iaitu satu daripada keluarga raja-raja Jawa yang terkenal dalam zaman kolonial. Lahir dalam tahun 1878 di Blora, Jawa Timur, Tirto adalah bumiputera yang merintis kegiatan persuratkhabaran Melayu di Jawa. Untuk maklumat lanjut mengenai Tirto Adhi Soerjo, lihat Ahmat Adam, *The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Conciousness*, Southeast Asia Program, Cornell University, Ithaca, 1995, terutamanya bab 5. Untuk watak Tirto yang diromantiskan, lihat karya-karya Pramoedya Ananta Toer yang terkenal, *Bumi Manusia, Anak Semua Bangsa, Jejak Langkah dan Rumah Kaca*, kesemuanya diterbitkan oleh Hasta Mitra (Jakarta) dan Wira Karya (Melaka) dalam tahun-tahun 1980-an. Lihat juga karya Pramoedya, *Sang Pemula*, Hasta Mitra, Jakarta, 1985.

[8] Sarekat Dagang Islamiyah, yang didirikan oleh Tirto Adhi Soerjo dengan sokongan dan keanggotaan beberapa orang hartawan Arab di Bogor, telah dilarang wujud oleh pemerintah Belanda sebaik sahaja ia ditubuhkan, dengan alasan bahawa undang-undang yang menyangkut orang Arab berbeza dengan yang berkaitan dengan bangsa bumiputera Indonesia. Walau bagaimanapun, badan yang bernama Sarekat Dagang Islam kemudiannya telah didirikan di Solo dalam tahun 1911 atas daya usaha Haji Samanhudi, seorang pedagang batik, yang meminta bantuan R. M. Tirto Adhi Soerjo untuk menubuhkannya. Badan inilah yang kemudiannya bertukar nama menjadi Sarekat Islam pada tahun 1912 di bawah pimpinan Oemar Said Tjokroaminoto.

[9] Tirto belajar di Sekolah Dokter Djawa (School tot Opleiding van Inlandsche Artsen) selama enam tahun, tetapi gagal mendapatkan 'ijazah'.

[10] Ibrahim Haji Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, Kesatuan Melayu Merdeka, Bhg. Penerangan, Jakarta, 1957, h. 25.

[11] Ibid., h. 20.

[12] Dakwaan Ibrahim ini walau bagaimanpun sukar dipercayai jika diingat bahawa bukan mudah bagi seorang pelajar berusia 17 tahun yang belajar di sebuah maktab yang disiplinnya sangat ketat berhubung surat-menyurat dengan ibu pejabat PNI di Jakarta. Sementelahnya pula tidak mudah bagi Ibrahim untuk melakukannya tanpa pengetahuan guru dan penguasa maktab dan pegawai Inggeris. Keraguan ini juga diungkapkan oleh Mustapha Hussain yang menjadi Naib Yang Dipertua KMM. Lihat Mustapha Hussain, "Riwayat Hidup dan Perjuanganku" manuskrip, 1976 [yang kemudiannya diterbitkan dengan judul *Memoir Mustapha Hussain* dalam tahun 1999], bab 17.

[13] Ibid. Agak aneh apabila Ibrahim tidak menjelaskan tentang pemberontakan yang dianjurkan oleh Partai Komunis Indonesia yang mula-mula meletus di Jawa pada

penghujung 1926 dan kemudian di Sumatera Barat pada Januari 1927. Mengenai pemberontakan ini lihat Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, Cornell University Press, Ithaca, 1965.

[14] Lihat teks ceramah Ibrahim yang dijadualkan untuk disampaikan (tetapi tidak disampaikan sendiri olehnya) di "Seminar Perintis Kemerdekaan Malaysia" di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 28 Ogos 1973, *passim*.

[15] Lihat Rustam A. Sani, "The Origins of the Malay Left – an analysis of the social roots", Tesis M.A. University of Kent at Canterbury, h. 66 - 70.

[16] Lihat ibid., h. 41 - 42.

[17] Ibid., h. 43.

[18] Muhammad Yamin semasa hayatnya sangat yakin bahawa "Indonesia Raya" yang merangkumi semua pulau dan wilayah di dalam gugusan kepulauan Melayu, termasuk Semenanjung Tanah Melayu, akan menjadi kenyataan. "Indonesia Raja [Raya] tanpa Malaya adalah suatu chajal", kata Yamin dalam tahun 1955. Lihat Muhammad Yamin, *Sumpah Indonesia Raja yaitu Uraian Tentang Rumusan dan Wudjud Sumpah Pemuda tanggal 28 Oktober 1928 Untuk Membentuk Indonesia Merdeka*. N.V. Nusantara, Bukit Tinggi-Djakarta-Medan, 1955, h. 32 - 38.

[19] Kata "Indonesia" mula dipakai dalam pengertian geografi oleh J. R. Logan dalam tahun 1850 dan dalam pengertian etnologi oleh Adolf Bastiaan dalam tahun 1884.

[20] Tentang penggunaan kata "Indonesia" secara politik, lihat Ahmat Adam, 'The Origins of the Name 'Indonesia' and the Idea of Self-Government: Sources from the Indonesian Press' dalam Putu Davies (ed.), *Constructing a National Past: National History and Historiography in Brunei, Indonesia, Thailand, Singapore, the Philippines, and Vietnam*, Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, 1996, h. 219 - 235.

[21] Lihat *Keng Po*, no. 727, 13 Januari 1926. Menurut akhbar ini juga, persatuan *Jong Java* (Jawa Muda) dalam kongresnya pada penghujung tahun 1925 di Bandung, telah meluluskan usul memasukkan di dalam perlembagaannya cita-cita untuk menyebarkan perasaan "Indonesia Raya" dalam kalangan para anggotanya.

[22] *Soeling Hindia* no. 1, 28 Februari 1926.

[23] Tan Malaka, *Massa Actie*, Poestaka Moerba, Djakarta, cetakan 1947, h. 66.

[24] Ibid., h. 66.

[25] Ibid.

[26] Yakni proses menghalangi pembanjiran bangsa-bangsa bukan Melayu yang mendesak orang Melayu terutamanya dari segi ekonomi.

[27] Tan Malaka, *Massa Actie*, h. 67. Penggelapan kata-kata oleh penulis makalah ini justeru untuk maksud memberi penekanan.

[28] Ibid.

[29] Ibid., h. 68.

[30] Ibid.

[31] Lihat pengantar pada risalah yang berjudul *Islam dalam Madilog*, tulisan Tan Malaka mengenai Islam yang dicabut daripada karya besarnya, *Madilog* [akronim untuk Materialisme, Dialectica dan Logica] dan diterbitkan semula oleh Toko Buku dan Percetakan "Nusantara", Bukit Tinggi, 1948. Di dalam pengantarnya itu, Hamka menyatakan rasa kagumnya terhadap fikiran Tan Malaka yang menyanjung Nabi

Muhammad sebagai nabi yang terbesar antara semua nabi. Kata Hamka, "Jang mula-mula sekali mendjadi perhatian saja ialah pengakuan terus terang daripada Tan Malaka, bahwa sumber Islam itulah terutama hidup dalam hati beliau..."

[32] Lihat Tan Malaka, *From Jail to Jail* (terjemahan ke bahasa Inggeris dalam tiga jilid oleh Helen Jarvis), vol. 2, Ohio University Center for International Studies, Athens, 1991, h. 96.

[33] Ibid., h. 105.

[34] Ibid., h. 107.

[35] LIhat nota kaki 54 dalam Helen Jarvis (ed. & trans.), *From Jail to Jail*, h. 243.

[36] Ibid., h. 106.

[37] Lihat ibid., h. 107 - 108.

[38] Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, hal. 323 - 346. Untuk mendapatkan pandangan seorang peserta dalam pemberontakan di Sumatera, lihat A. Muluk Nasution, *Pemberontakan Sarikat Rakyat Silungkang Suamtera Barat, 1926 - 1927*, Mutiara, Jakarta, 1981.

[39] Boedisoetjitro pernah memegang jawatan editor surat khabar komunis, *Api,* di Semarang. Dia melarikan diri ke Singapura untuk mengelakkan daripada dihukum pemerintah Belanda kerana bersalah melanggar undang-undang percetakan di Hindia Timur Belanda. Lihat CO. 273/534/C 13350, *Malayan Bulletin of Political Intelligence* No. 38, April 1926. Untuk seterusnya hanya singkatan MBPIJ digunakan

[40] Hamid, yang lebih terkenal dengan nama H. S. Perpatih adalah seorang wartawan berpengalaman. Dia pernah memimpin akhbar komunis, *Djago-Djago*, di Padang Panjang.

[41] Dokumen mengenai hal ini telah pun dihimpun sebagai suatu koleksi oleh Cheah Boon Kheng (ed.) *From PKI to the Comintern, 1924 - 1941: the apprenticeship of the Malayan Communist Party*, Southeast Asia Program, Cornell University, Ithaca, 1992.

[42] Menurut Ibrahim Yaacob, para pemuda dari Persatuan Belia Melayu, Kuala Lumpur, telah mengundang Ibrahim dalam bulan Mac 1937 bermesyuarat di Asrama Kampung Baru, bersama-sama Yusuf Ahmad (adik Za'aba), Hassan Manan dan A. Karim Rashid. Ibrahim diangkat sebagai Yang Dipertua persatuan itu. Setelah bertambah ahli jawatankuasanya, pertubuhan itu telah mengadakan mesyuarat di Sekolah Melayu Gombak Lane dalam bulan Mei 1937 dan nama Belia Melayu pun dubah menjadi Kesatuan Melayu Muda. Berkata Ibrahim lagi, A. Samad Ismail telah menyetujui nama itu lantaran mencontohi nama pergerakan "Young Turk" di Turki; manakala bagi Ibrahim pula nama itu seperti yang dinyatakan juga oleh Sutan Djenain, amat sesuai bagi mencontohi gerakan "Indonesia Muda" di Indonesia.

[43] Mustapha Hussain, "Riwayat Hidup dan Perjuanganku", h. 2, Bab 16.

[44] Lihat laporan perisikan politik dalam CO 537/3751, *Political Intelligence Journal*, khasnya bahagian "Malay and Indonesian Organisations".

[45] Lihat pengantar oleh Helen Jarvis (penterjemah dan pemberi pengantar) pada karya Tan Malaka, *From Jail to Jail,* vol. 1, Centre for International Studies, Ohio University, Athens, 1991, h. cv.

6

'Melayu Raya' sebagai gagasan Politik Antikolonial dalam Sejarah Perjuangan Kemerdekaan[1]

Sebagai satu konsep politik, istilah Melayu Raya tidak boleh dipisahkan daripada istilah 'Indonesia Raya' yakni konsep induk yang telah melahirkan ungkapan Melayu Raya di Malaysia. Melayu Raya adalah isitlah yang dipakai oleh kaum nasionalis di Malaya.[2] Oleh yang demikian, apabila kita berbicara tentang semangat Melayu Raya maka semangat itu boleh ditafsirkan sebagai wawasan untuk mewujudkan sebuah negara merdeka yang menempatkan bangsa rumpun Melayu sebagai pencitra dan pembina nasion yang secara geografinya dibayangkan akan merangkumi Tanah Semenanjung, wilayah Melayu yang di bawah pentadbiran Siam[3], pulau Singapura dan seluruh Kalimantan, kepulauan Filipina dan kepulauan Indonesia.

Pembentukan sebuah "Kesatuan Melayu" telah sejak suku akhir tahun 1925 difikirkan oleh Tan Malaka.[4] Dalam sepucuk suratnya dari Chieng-Mai kepada Boedisoetjitro di Singapura, dia menulis, "[...] tidak seorang pun di antara kita yang berharap bahawa Cina Utara dan Cina Selatan harus dipisahkan secara ekonomis, strategis, atau politis; sama tidak kita inginkan pula terpisahnya Indonesia Utara [Filipina] dari Indonesia Selatan (yaitu Hindia Belanda). Dan bahan untuk persatuan cukup banyak. Perpisahan akan menimbulkan bahaya bagi kemerdekaan dalam setiap hal [...]"[5] Ideanya ini diungkapkannya lagi dalam tulisannya pada tahun 1927 ketika melihat keadaan daif orang Melayu di Malaya (termasuk Singapura):

> Satoe poesat persatoean antara seloeroeh bangsa Indonesia [baca Melayu] jakni Indonesia kita, Semenandjoeng dan Philipina [...] adalah *sine qua non* sjarat oentoek merampas dan mendjaga kebebasan kita. Tjilaka soenggoeh, tak dapat bangsa Indonesia [Melayu] di Semenandjoeng Malaka [Malaya] mempertahankan diri dari kebandjiran bangsa India dan Tiongkok jang teroes

> mengalir kesana - Boemipoetera di kota-kota pesisir senantiasa didesak ke pinggir kota, dan jang tinggal di laoet makin sehari makin djaoeh menjingkir ke poentjak-poentjak goenoeng.[6]

Bahawa Tan Malaka amat prihatin terhadap pengeksploitasian orang Melayu oleh bangsa asing, terutamanya Cina adalah jelas dan kerana itu dia berasakan betapa "sekalian daja oepaja [me]ngembang-ngembangkan dan menciptakan satu persatoean Indonesia Raya di seloeroeh kepoelauan Indonesia mesti dan perloe ada dan dirikan".[7]

Dalam tulisannya, Tan Melaka merumuskan bahawa terperosoknya orang Melayu/Indonesia dalam kemiskinan dan kehancuran bangsanya adalah disebabkan terutamanya oleh tiga perkara: pembanjiran orang Cina dan India ke Malaya; begitu mudahnya modal asing memperoleh tanah subur untuk ladang-ladang dan tanah yang mengandungi bijih timah, besi, dan arang batu untuk perlombongan; dan kewujudan polis dan pegawai-pegawai yang rasuah yang diamanahkan 'melindungi' orang Melayu.

Pandangan Tan Melaka ini rupa-rupanya mempengaruhi Ibrahim Hj. Yaacob yang juga menganggap

> [...] Buruh-buruh murah yang dimasukkan dari Tiongkok dan India itu, bukan sahadja mereka mendjadi alat exploitasi. Modal2 Eropah di Negreri2 Melayu: tetapi mendesak kepada kehidupan orang Melayu di segala lapangan hidupnja... Dari pasar perdagangan jang baru dibuka oleh modal2 asing itu, orang Melayu terpaksa undur keluar dari daerah2 kota jang baru itu, karena desakan modal dan pedagang2 asing jang datang semakin ramai menurut buruh dan perusahannja [*sic*.].[8]

Seperti yang kita sedia maklumi, keprihatinan terhadap masalah orang Melayu yang 'tertekan' oleh pembanjiran kaum imigran, khasnya dari China,[9] inilah yang telah mendorong Ibrahim Hj. Yaacob dan rakan-rakannya untuk menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dalam tahun 1937.[10] Jika dilihat tulisan-tulisan Ibrahim dalam tahun-tahun 1930-an jelas sekali dia beberapa kali menimbulkan isu keterciciran orang Melayu; pertanyaan-pertanyaannya seperti "Gemarkah kita menyerahkan tanah air kita ini kepada bangsa Malayan?[11] dan "[...] apa gunanya kesenangan, kekayaan, kemuliaan -- kalau kaum bangsa kita Melayu terhina bahkan samalah kita terhina sekali"[12], serta rasa gundahnya lantaran "kaum kita beribu-ribu batu tinggalnya di belakang bangsa-bangsa dagang yang datang ke tanah air kita [...]"[13]dan bahawa "tanah air[nya] telah dimusnahkan oleh bangsa-bangsa dagang"[14] sesungguhnya mencuit kesedaran orang Melayu dewasa itu. Bantahan yang diluahkannya "di atas muslihat membiarkan bangsa-bangsa dagang masuk ke negeri Melayu ini [...]"[15] serta tulisannya dalam tahun 1941 yang menyatakan "orang Melayu undur dari kawasan bandar, tidak ada kawasan perniagaan di negerinya sendiri"[16] jelas mengungkapkan keperihatinan Ibrahim mengenai nasib orang Melayu.

Pada sekitar tahun 1938 Ibrahim Yaacob yang memimpin akhbar *Majlis* telah diperkenalkan dengan Ahmad Boestamam yang baru sahaja bertugas di akhbar

tersebut sebagai wartawan. Di surat khabar itu jugalah Abdul Samad Ahmad, melalui pertolongan Ibrahim Yaacob, telah dapat bekerja sebagai wartawan. Tidak menghairankan, melalui pergaulan mereka dengan Ibrahim Hj. Yaacob, baik Ahmad Boestamam mahupun Abdul Samad Ahmad, telah terpengaruh dengan konsep Indonesia Raya dan kedua-duanya telah menganggotai Kesatuan Melayu Muda apabila organisasi itu ditubuhkan.[17]

Kesemua tulisan Ibrahim ini sekalipun berupa buah penanya sendiri, juga menampakkan persamaan idea yang ditulis oleh Tan Malaka dalam tahun-tahun 1920-an dan tiga puluhan. Dalam menghuraikan sebab-sebab mengapa kehidupan orang Melayu semakin terdesak dia juga mengemukakan alasan yang telah diberi oleh Tan Malaka, yang menyatakan 'modal luar dan buruh daripada luar'lah yang telah menyebabkan orang Melayu mundur.[18] Bezanya hanyalah pada analisis yang lebih perseptif oleh Tan Malaka, seorang Marxis.

Ibrahim Hj Yaacob lahir dalam tahun 1911, di Kampung Tanjung Kertau, Temerloh Pahang. Ayahnya, Haji Yaacob, 'seorang guru agama, seorang tokoh masyarakat yang dihormati',[19] bercerai dengan ibunya pada masa Ibrahim baru berumur dua tahun. Ketika berusia 17 tahun Ibrahim meninggalkan kampung halamannya untuk belajar di Sultan Idris Training College, di Tanjung Malim.[20] Ketika Ibrahim menubuhkan KMM dia bertugas sebagai wartawan di akhbar *Majlis*. Dalam tulisannya pada tahun 1941 Ibrahim telahpun menyatakan bahawa "yang paling penting dan diharapkan sangat supaya dapat mencapai satu ikatan persatuan bangsa Melayu yang akan berdiri dengan teguh yang akan memberikan pengelolaan yang sempurna kepada bangsa dan tanah airnya sendiri.[21] Ini bererti tujuan Ibrahim mendirikan KMM ialah untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah airnya, dan perjuangan itu terpintal dengan hasrat menggembleng upaya "umat (rumpun) Melayu di Indonesia untuk menggerakkan ikatan kebangsaan bersama menuju Indonesia Raya."[22] Kenyataan Ibrahim ini jelas menunjukkan bahawa walaupun tidak dinyatakannya dalam tulisan-tulisannya bahawa dia telah bertemu dengan tokoh-tokoh pergerakan Indonesia seperti Alimin, Tan Malaka, Subakat dan lain-lain, tetapi kita boleh menduga bahawa, paling tidaknya, dia tentulah sudah membaca tulisan-tulisan Tan Malaka. Oleh itu tidak mustahil idea bersatu dengan Indonesia itu atau membina "perasaan Melayu Raya" itu diperolehnya daripada Tan Malaka.

> Melalui Kesatuan Melayu Muda, Ibrahim berharap orang Melayu akan bersatu kepada satu perhimpunan bangsa Melayu yang mempunyai satu hak dan satu pengertian bagi mencapai cita-cita Melayu Raya. Mudah-mudahan dengan perlahan-lahan hiduplah bangsa Melayu berdiri sebagai satu bangsa di muka bumi ini yang mempunyai hak-hak kebangsaan di Tanah Melayu dan gugusan pulau-pulau Melayu (Kepulauan Indonesia).[23]

Pada masa lahirnnya KMM dalam tahun 1937 ia cepat mendapat dukungan daripada inteligensia Melayu yang ingin melihat perpaduan orang Melayu. Pada waktu penubuhannya, barisan kepemimpinannya terdiri daripada kaum inteligensia yang berpendidikan Melayu lulusan Sultan Idris Training College

(SITC) dan mereka yang berpendidikan Melayu dan Inggeris yang bekerja sebagai wartawan, kerani, jurutaip, atau pengajar di Sekolah Teknik Kuala Lumpur dan Sekolah Pertanian Serdang. Selain daripada dua kumpulan ini terdapat pula kelompok agama yang berpendidikan Arab yang memberikan dukungan kepada semangat antikolonial KMM.

Ikatan sosial para anggota KMM yang dikongsi bersama ialah bahawa mereka rata-rata terdiri daripada golongan yang bukan aristokrat iaitu rakyat biasa yang dari segi akar umbi sosialnya berasal dari kampung. Mereka adalah elit baru Melayu bukan aristokrat yang merupakan produk dari pendidikan yang diterimanya.[24] Sebagai pertubuhan politik pertama yang berpendirian antikolonial pertubuhan ini juga menarik sokongan orang Melayu dari seberang, khasnya dari Sumatera Barat, yang telah bermastautin di Malaya, ataupun mereka yang masih mempunyai sanak keluarga di tanah seberang.[25]

Antara mereka yang dipilih memimpin pertubuhan itu ialah: Ibrahim Hj Yaacob (Ketua), Mustapha Hussain (Naib Ketua) dan Hassan Manan (Setiausaha I), Othman Mohd. Nor. (Setiausaha II), dan ahli-ahli jawatankuasa kerja yang terdiri daripada Mohd Isa Mahmud, Abdul Karim Rashid, Ishak Hj. Muhammad, dan Othman Mohd. Nor.

Pada waktu penubuhannya, Sutan Djenain, seorang anggota Parti Komunis Malaya yang berasal dari Sumatera Barat telah turut hadir. Menurut Ibrahim Hj Yaacob, Sutan Djenainlah yang telah mencadangkan nama Kesatuan Melayu Muda iaitu sebagai mencontohi pertubuhan-pertubuhan belia di Indonesia seperti Jong Java (Jawa Muda) Jong Sumatranen Bond (Perserikatan [Kesatuan] Sumatera Muda), Jong Celebes (Sulawesi Muda) dan Jong Ambon (Ambon Muda).

Seyogia diingati, di Indonesia sejak 1914 lagi sudah ada sebuah gerakan komunis yang diprakarsai Hendrik Sneevliet. Pertubuhan itu yang diberi nama Indische Sociaal- Democratische Vereeniging (ISDV, atau Persatuan Sosial-Demokratik Hindia) telah menukar namanya pada tahun 1920 menjadi Perserikatan Komunis di Hindia; dan tidak lama selepas itu ia dikenali sebagai Partai Komunis Indonesia (PKI). Begitu cepatnya PKI mengembangkan sayap pengaruhnya dalam kalangan kaum buruh dan petani khasnya di Jawa jelas apabila ia berjaya menyaingi dan menggeser pengaruh Sarekat Islam antara tahun 1918 dan 1926.

Sejak awal tahun 1920-an lagi bahagian perisik British telah melaporkan persinggahan atau kunjungan yang dibuat oleh pemimpin dan anggota PKI, namun keberadaan kaum komunis Indonesia di Semenanjung dan Singapura lebih jelas pada tahun-tahun sebelum dan selepas tercetusnya pemberontakan 1926-1927 di Jawa dan Sumatera Barat. Pada sekitar pertengahan tahun 1925 Alimin[26], Subakat, Budisutjitro, Sardjono, Muso dan ramai lagi kader-kader PKI yang lain telah melarikan diri ke Singapura selepas berlaku penangkapan atas pemimpin-pemimpin PKI oleh polis Belanda.[27] Sementara Tan Malaka pada masa itu berada di Filipina. Semasa di Filipina itulah Tan Malaka memikirkan tentang sejarah bagi "seluruh Indonesia" [kepulauan Melayu]. Katanya, hubungan politik dengan Majapahit telah meninggalkan kesan kepada sejarah Filipina yang telah "dipisahkan selama 450 tahun dari Indonesia Selatan".[28] Sebagai mengukuhkan

hujahnya bahawa pembinaan sebuah kesatuan antara Filipina dan Indonesia itu wajar, dia pun berkata, "Tidak ada perbedaan langsung antara petani Filipina dengan petani Menado, Bugis, Melayu, Batak, Padang, Sunda, atau Jawa",[29]

Tidaklah jelas apakah idea Tan Malaka mengenai Indonesia Raya telah mempengaruhi seorang intelektual muda Filipina bernama Wenceslao Q. Vinzons.[30] Seorang peminat Rizal, Vinzons yang pada tahun 1932 berusia 22 tahun telah menyampaikan pidatonya yang berjudul "Malaysia Irredenta". Dalam pidatonya itu Vinzons mengungkapkan impiannya akan penyatuan bangsa-bangsa rumpun Melayu-Polinesia dalam wadah sebuah 'Malaysia yang bersatu', yang terbentang dari bahagian "paling hujung utara Semenanjung Melayu sampai ke setiap pantai pulau Polinesia yang paling jauh'. Begitu berkesannya pidato yang disampaikan itu sehingga pada 12 Februari 1932 Vinzons telah dianugerahi pingat emas Manuel L. Quezon kerana kecemerlangan.[31]

Sejak masih menjadi mahasiswa di Universiti Filipina lagi, Wenceslao Vinzons telah bertindak menubuhkan organisasi yang dinamakannya 'Pan-Malayan Union' atau 'Perhempoenan Orang Mellayoe' [*sic*] yang segera mendapat keanggotaan daripada kalangan mahasiswa terpilih, yang terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu keturunan Filipina, Selatan Siam, Semenanjung Tanah Melayu, Indonesia dan Polinesia. Persatuan itu bertujuan "menggalakkan pengajian sejarah, tamadun dan kebudayaan bangsa Melayu [...] dan memperkembangkan sentimen persatuan dalam kalangan bangsa-bangsa berkulit sawo matang".[32] Vinzons kemudiannya telah mentransformasikan Perhimpunan Melayunya itu menjadi sebuah parti politik yang diberi nama Young Philippines atau Filipina Muda. Parti ini telah dirasmikan pelancarannya pada 7 Januari 1934, tiga tahun sebelum KMM didirikan. Antara tokoh yang menganggotainya antara tahun 1934 dan 1941 ialah Carlos P. Romulo dan Diosdado Macapagal.[33]

Sementara itu, pada awal tahun 1926 Tan Malaka tiba di Singapura dengan menyamar sebagai Haji Gozali dari Mindanao dan kembali ke Filipina dalam bulan Ogos 1927. Ketika berada di Singapura itulah Tan Malaka menerbitkan *Massa Actie*nya yang isinya antara lain menggariskan wawasannya agar diwujudkan sebuah Indonesia Raya yang merangkumi Malaya, Singapura, Filipina dan Indonesia. Juga pada masa inilah kemungkinannya idea Tan Malaka mengenai Kesatuan Melayu atau Indonesia Raya atau Melayu Raya ditanggapi oleh orang seperti Ibrahim Yaacob, Ishak Haji Muhammad, Burhanuddin al-Helmi[34] dan lain-lainnya.

Dalam pada itu tidak lama selepas Tan Malaka menerbitkan buku kecil *Massa Actie*nya di Singapura, jauh dari wilayah kepulauan Melayu, sekumpulan anak muda yang serumpun bangsa, telah mengadakan majlis perayaan menyambut ulang tahun kedua penerbitan majalah *Seruan Azhar* yang menjadi suara persatuan pelajar-pelajar Indonesia-Malaya yang sedang belajar di Kaherah. Pada 14 Ogos 1927 ketika majlis perayaan itu diadakan, majalah yang sebetulnya mula dilancarkan pada bulan Oktober 1925, telah pun wujud selama hampir dua tahun. Diterbitkan oleh Jamaah al-Kairiah al-Talabiyya al-Alzhariah al-Jawiah, atau dalam bahasa Melayunya, Persatuan Khairat [kebajikan] Mahasiswa 'Jawa' Universiti al-Azhar, iaitu sebuah persatuan yang dianggotai oleh pelajar-pelajar dari kepulauan Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu dan Selatan Siam,

Seruan Azhar berperanan penting dari segi menyatukan pelajar-pelajar dunia Melayu Islam yang belajar di Mesir. Menariknya mengenai majlis perayaan pada 14 Oktober 1927 yang juga bertujuan merakamkan penghormatan kepada para penggerak[35] majalah *Seruan Azhar* itu ialah bahawa dalam majlis itu telah berucap beberapa orang pelajar dari Sumatera Barat, Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu yang mencurahkan perasaan masing-masing mengenai semangat kesedaran kebangsaan yang diserlahkan oleh *Seruan Azhar*. Tetapi dalam konteks persatuan bangsa rumpun Melayu, ucapan seorang pelajar dari Yogyakarta iaitu Kahar Muzakkir[36] sangat menarik. Dalam ucapannya dia memuji betapa *Seruan Azhar* telah berjaya memainkan peranannya dalam menghimbau agar bangsa Indonesia bersatu. Katanya persatuan Indonesia bererti penyatuan semua bangsa-bangsa Indonesia (baca: rumpun Melayu) di bawah satu bendera demi mewujudkan satu negara yang akan mengembalikan sejarah keagungan bangsa-bangsa 'Indonesia' [rumpun Melayu] seperti pada zaman silam yang gemilang dan perkasa. Dia juga menyerukan agar dicipta sebuah 'ikatan Indonesia' dan persatuan, sembari menggesa agar rakan-rakannya iaitu pelajar-pelajar dari [Selatan] Siam ikut serta dalam persatuan yang dimaksudkan itu [persatuan Melayu] dan juga menyokong majalah *Seruan Azhar*. Katanya, oleh sebab mereka berada bersama-sama pelajar-pelajar Indonesia-Malaya itu maka wajarlah mereka diajak ikut serta dalam usaha mencipta sebuah "persatuan Indonesia".[37] Sambil itu dia pun kesal kerana tiadanya pelajar-pelajar dari Filipina.[38]

Tidaklah dapat dipastikan sama ada luahan perasaan seperti ini benar-benar dihasilkan oleh pengaruh idea Tan Malaka kerana sejak pada Oktober 1925 lagi sebuah tulisan Mahmud Junus[39] yang diterbitkan sebagai rencana pengarang di dalam keluaran sulung majalah *Seruan Azhar* telah pun membuat seruan agar kesemua bangsa Indonesia/Melayu sama da di Jawa, atau di Sumatera, ataupun di Borneo, mahupun di Semenanjung Tanah Melayu, bersatu dan berkongsi cita-cita serta tujuan yang sama untuk mengejar kemajuan, juga mencari jalan yang paling baik untuk melaksanakannya; mereka mestilah sedaya upaya mengelakkan daripada berpecah kepada kelompok-kelompok yang terpisah.[40] Beberapa makalah yang ditulis oleh anggota redaksi seperti Iljas Ja'kub[41] dan Muchtar Luthfi[42] juga menampakkan keprihatinan terhadap upaya membela bangsa Indonesia/Melayu seperti yang terbayang daripada tulisan Iljas yang berjudul "Persiapan Indonesia Semenanjung" yang diterbitkan dalam keluaran nombor 15 bulan Disember 1926 dan tulisan Muchtar Luthfi yang bejudul "Memeriksa darihal bumiputera dengan bangsa asing" dalam *Seruan Azhar* nombor 21, keluaran Jun 1927.

Sementara itu, di Semenanjung Tanah Melayu, tahun-tahun akhir dua puluhan dan awal tiga puluhan juga sedang menyaksikan kemajuan bagi pendidikan orang Melayu. Sultan Idris Training College yang terbina dalam tahun 1922 ternyata telah berhasil melahirkan pada penghujung dasawarsa tersebut guru-guru Melayu yang terlatih untuk keperluan sekolah rendah Melayu.[43] Semasa guru-guru ini belajar di kolej, mereka terdedah kepada bahan-bahan bacaan dari Indonesia yang digalakkan kemasukannya oleh Pengetua Kolej, iaitu O. T. Dussek. yang sedar betapa pelajar-pelajar SITC dahagakan bahan bacaan

dalam bahasa Melayu. Selain buku-buku dan majalah, ada juga surat khabar Indonesia yang dapat dibaca oleh setengah-setengah pengajar dan pelajar di kolej itu.[44] Oleh sebab periode antara 1927 - 1938 adalah jangka masa yang paling rancak dari segi gerakan politik antikolonial di Indonesia (selepas tertubuhnya Partai Nasional Indonesia pimpinan Sukarno), yang membawa prinsip politik tidak mahu bekerjasama dengan penguasa Belanda tidak mustahil berita-berita politik, termasuk gerakan persatuan-persatuan belia seperti Jong Java dan Jong Sumatranen Bond dan lain-lainnya, yang telah melahirkan Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928 itu[45], memberi semangat kepada para guru pelatih di SITC, atau setidak-tidaknya mereka mengetahui hal yang sedang berlaku di tanah jajahan Hindia Belanda. Seyogia diingati, pada tahun 1930-an, terutamanya sekitar 1937-1938, surat khabar-surat khabar Indonesia juga heboh memperkatakan kemungkinan Jepun akan terseret ke dalam Perang Pasifik.

Melalui tulisan-tulisan para nasionalis dan tokoh pergerakan Indonesia, dalam bahasa yang boleh mereka fahami, cikgu-cikgu seperti Ibrahim Yaa'cob, Hassan Manan, Mohd Isa Mahmud telah mengenali istilah dan konsep seperti marxisme, marhaenisme, feudalisme, demokrasi, non-kooperasi dan Indonesia Raya. Oleh yang demikian, apabila kita cuba mencerakin latar belakang penubuhan KMM sumbangan idea dari Indonesia perlulah diambil kira, sebab idea-idea dari Indonesia inilah yang membenihkan semangat Melayu Raya dalam kalangan pemuka-pemuka KMM yang merasakan bahawa hanyalah melalui Melayu Raya baru penyelesaian pembanjiran bangsa-bangsa pendatang itu dapat diselesaikan. Namun demikian, kendatipun cita-cita KMM ialah untuk memperjuangkan pembebasan Malaya daripada didesak oleh bangsa-bangsa asing melalui Melayu Raya, seperti yang diungkapkan oleh Tan Malaka dan Ibrahim Ya'acob itu tampaknya mendapat sambutan sebahagian masyarakat yang juga ingin memerdekakan Malaya daripada penjajahan Inggeris, tetapi apabila pecah Perang Dunia Kedua cita-cita KMM ternyata gagal.

Pada masa pemerintahan Jepun, sekalipun KMM dikatakan telah membantu penjajah baru itu dari segi memberikan maklumat rahsia kepada Jepun,[46] zaman pemerintahan Jepun tidak pula banyak membuka peluang kepada pemimpin KMM seperti Ibrahim Ya'acob, Mustapha Hussain, Ishak Haji Muhamamd dan Ahmad Boestamam untuk menggerakkan pertubuhan itu. Permintaan Ibrahim agar Jepun boleh menolong KMM memperoleh kemerdekaan Malaya juga tidak membuahkan hasil.[47] Bahkan menjelang Jun 1942 pemerintah militer Jepun, lantaran bimbang dan curiga terhadap tindak-tanduk pertubuhan itu, telah mengisytiharkan KMM sebagai badan yang terlarang. Bahawa Jepun juga tidak menghiraukan nasionalis Melayu dalam KMM tampak jelas pada 18 Oktober 1943 apabila Jepun menyerahkan bulat-bulat empat buah negeri di utara Semenanjung kepada Siam sebagai membalas jasa Siam yang telah menyebelahi pihak Jepun dalam peperangan menentang pihak Sekutu.[48]

Hanyalah setelah Jepun di ambang kekalahan pada awal 1945, baru sikap Jepun terhadap Ibrahim Ya'acob dan KMM sedikit berubah. Pada Jun 1943 Perdana Menteri Jepun, Tojo, ketika memaklumkan di *Imperial Diet* bahawa Burma dan Filipina akan merdeka, telah membuat janji bahawa pentadbiran 'bangsa-

bangsa Indonesia' akan dimajukan ke depan dengan memberikan penyertaan politik kepada anak negeri di Malaya, Sumatera, Jawa, Borneo dan Sulawesi.[49] Hal ini pun perlu dilihat dalam konteks Jepun sangat memerlukan sokongan KMM dalam upaya menentang tentera Sekutu. Malahan Jepun lebih tegas lagi dalam menjanjikan kemerdekaan kepada Indonesia apabila pada 7 September 1944 Perdana Menteri Kuniaki Koiso yang menggantikan Tojo, telah mengumumkan dalam satu resepsi istimewa *Imperial Diet* bahawa Jepun akan memberikan kemerdekaan kepada Indonesia, kendatipun tarikhnya harus tinggal *indefinite* - ertinya belum boleh ditentukan.[50] Langkah awal yang dibenarkan oleh Jepun ialah bagi orang Indonesia mendirikan *Dokuritsu Zyunbi Tyoosakai* atau Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia (BPUPKI) dan ini berlaku pada 29 April 1945 sempena hari ulang tahun Maharaja Jepun.

Dalam pada itu menjelang awal 1945 apabila KMM mengetahui betapa keadaan pertahanan Jepun semakin terancam, dan tentera Sekutu sedang mara ke Burma, ia telah merancang beberapa langkah yang harus diambil sekiranya tentera Sekutu mara ke Tanah Melayu dan mengalahkan Jepun. Menurut rancangannya pemimpin-pemimpin KMM itu akan menggunakan *Malai Gyu-Gun*[51], yang anggota-anggotanya terdiri daripada orang Melayu belaka, untuk menjalin kerjasama dengan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) melalui Sutan Djenain sebagai pengantara; tetapi upaya ini tidak berhasil. Rancangan menghantar pemimpin KMM. seperti Ishak Haji Muhammad, Onan Haji Siraj, Ahmad Boestamam dan beberapa orang lagi untuk menggerakkan orang Melayu di desa-desa bagi menentang tentera British pun tidak berhasil. Bahkan dakwaan bahawa pemimpin KMM telah bertemu dengan Sultan Perak dan Sultan Pahang serta Sultan Johor pun, jika benar, tidak membuahkan apa-apa hasil. Semua rancangan ini tidak terlaksana kerana di Malaya, KMM dan gerakan pemudanya tidak berjaya membangkitkan suasana revolusi seperti yang berlaku di Jawa apabila tanda-tanda bahawa Jepun sedang menghadapi masalah dalam peperangan telah merangsang semangat kepemudaan yang sukar dibendung oleh Jepun.[52]

Di Malaya, Jepun lebih efektif mengawal pertubuhan seperti Gyu-Gun (Tentera Sukarelawan) dan Gyu-Tai (Kor Sukarelawan). KMM sendiri pun dilarang wujud. Pada masa Jepun berasa tekanan dari tentera Sekutu, Jepun tidak segera melayani tuntutan kemerdekaan KMM. Ini berbeza dengan Indonesia apabila Jepun telah membenarkan penubuhan Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia pada Mac 1945. Hanyalah dalam bulan Mei baru Jepun memikirkan tentang nasib orang Melayu. Pada 2-3 Mei 1945 satu mesyuarat pentadbir-pentadbir Jepun di Jawa, Sumatera, Sulawesi, dan Malaya telah diadakan di Singapura untuk membincangkan persiapan kemerdekaan bagi Indonesia. Antara yang hadir ialah Yoichi Itagaki, seorang pensyarah Universiti Hitotsubashi yang mengkhusus dalam jurusan hal-ehwal Melayu, yang bersimpati dengan gagasan Melayu Raya KMM.

Sebagai simpatisan kepada perjuangan KMM, Itagaki telah menganjurkan kepada Ibrahim agar mengumpulkan rakan-rakannya di rumahnya di Tanjung Katong, di mana Itagaki akan turut hadir, untuk membincangkan

soal kemerdekaan Malaya.[53] Dalam pertemuan pada awal Mei itu, Itagaki menyatakan bahawa kemerdekaan Malaya sedang berada di ambang pintu dan dia menghimbau para nasionalis KMM itu agar membuat persiapan. Dia juga menyatakan bahawa dengan kebenaran Ketua Turus Tentera Jepun, Ibrahim telah ditunjuk sebagai ketua untuk merancang kemerdekaan Malaya. Ibrahim menjawab dengan menyatakan bahawa persiapan kemerdekaan tidak boleh dimulakan tanpa Mustapha Hussain kerana sokongannya diperlukan. Itagaki bersetuju untuk bersama-sama Ibrahim menemui Mustapha Hussain di Taiping.

Pada pertemuan di rumah Ibrahim itu, anggota yang hadir telah memutuskan untuk menubuhkan Kesatuan Rakyat Istimewa [Indonesia] Semenanjung (KRIS) sebagai langkah membuat persiapan kemerdekaan Malaya. Tidak lama kemudian, Itagaki dan Ibrahim pergi ke Taiping untuk memujuk Mustapha Hussain. Tetapi Mustapha enggan menyertai KRIS. Ibrahim, walau bagaimanapun, terus bergerak dengan memanfaatkan bekas cawangan-cawangan KMM untuk mendirikan cawangan-cawangan KRIS di seluruh Malaya.

Sementara itu, sebagai upaya mendapatkan sokongan BPUPKI, "puluhan surat dan telegram yang asalnya dari Malaya" telah dikirim kepada Sukarno "yang maksudnya minta dipersatukan dengan Indonesia".[54] Langkah selanjut Ibrahim selepas penubuhan KRIS ialah menghantar rombongan "tiga orang dari *Syonanto* [Singapura]" yang diketuai oleh Letnen Kolonel Abdullah Ibrahim[55] ke Jakarta pada 11 Julai 1945 ketika Sukarno dan tokoh-tokoh nasionalis Indonesia sedang membahaskan hal-hal persiapan kemerdekaan Indonesia dalam mesyuarat besar BPUPKI. Tetapi tiga orang delegasi KMM itu sebenarnya hanya menunggu di luar pintu tanpa dipelawa duduk di dalam mesyuarat; ketika itu Sukarno menyatakan:

> Lebih dahulu juga, berhubung dengan perjuangan kita yang 25 tahun lamanya itu, saya bisa nyatakan bahwa perjuangan saya tidak pernah menuntut bahwa Indonesia itu hanyalah Hindia Belanda saja. Belum pernah saya menyatakan bahwa Indonesia itu adalah *gebied*, daerah, yang diperintah oleh Belanda. Bahkan pernah ada suatu waktu di dalam hidup saya mengenang-ngenangkan suatu Pan Indonesia, satu Pan Indonesia yang meliputi pula di dalamnya bukan saja Malaya dan Papua, tetapi Kepulauan Pilipina. Pernah ada suatu tingkatan di dalam jiwa saya yang mengenang-ngenangkan Pan Indonesia itu. Tetapi Pilipina telah merdeka. Kedaulatan bangsa Pilipina harus kita hormati […][56]

Alasan Sukarno mengapa Malaya harus disertakan di dalam Republik Indonesia dihujahkannya dengan berkata:

> Kita bukan waris orang Belanda. Malaya telah di dalam tangan Dai Nippon Teikoku, Papua telah di dalam tangan Dai Nippon Teikoku, Borneo Utara telah dalam tangan Dai Nippon Teikoku, Timor bagian Timur telah di dalam tangan Dai Nippon Teikoku. Kita sekarang tidak akan berbicara dengan Belanda atau Inggris, tetapi kita bicara dengan Dai Nippon Teikoku. Tangan Dai Nippon Teikoku itulah menentukan pula apa yang akan menjadi daerah negara Indonesia itu nanti [...] Saya ulangi lagi, saya 100% mufakat dengan pendirian anggota yang terhormat Muhammad Yamin. [57]

Hujah Sukarno mengenai konsep Indonesia Raya, walau bagaimanapun, tidak begitu dipersetujui oleh Mohammad Hatta yang sebelum Sukarno berucap telah pun berkata:

> Dahulu saya sudah mengatakan pendapat saya tentang Malaka [Malaya]; bagi saya, saya lebih suka melihat Malaka [Malaya] menjadi negara yang merdeka sendiri dalam lingkungan Asia Timur Raya. Akan tetapi kalau sekiranya rakyat Malaka [Malaya] sendiri ingin bersatu dengan kita, saya tidak menentang hal itu [...] Marilah kita menentukan dasar tanah air kita menurut garis internasional yang tetap yaitu Hindia Belanda dulu [...] dan tentang Malaka [Malaya], biarlah diserahkan kepada rakyat Malaka [Malaya], apakah mereka mau berdiri sendiri ataukah bersatu dengan Indonesia, tetapi janganlah dituntut oleh pihak Indonesia. Seolah-olah kita sebelum merdeka, sudah menganjurkan politik imperialisme: mau ini mau itu. Jadi mengenai Malaka [Malaya], kalau rakyat Malaka [Malaya] sendiri mau bersatu dengan kita, kita terima mereka dengan dua belah tangan terbuka, tetapi saya kemukakan di sini janganlah kita mengeluarkan alasan-alasan yang agak menyerupai semangat imperialisme, semangat "meluap ke luar" [...][58]

Hatta sebenarnya memang tidak bersetuju dengan sikap Muhammad Yamin yang menganjurkan agar wilayah Indonesia itu merangkumi daerah-daerah seperti yang disebut Sukarno; kerana katanya, Yamin memainkan sentimen kebudayaan dan 'tumpah darah' [*kultuur und boden*].[59] Berkata Hatta:

> Itu berbahaya sekali, karena akibat dasar imperialisme yang dimajukan oleh Jerman itu [yang berasaskan *Kultur und Boden*] dapat kita lihat ialah bahwa perasaan tidak puas meluap keluar dan mau menjajah Oostenrijk [Austria] dan Cekoslovakia [*sic*]. Akibatnya Jerman mengalami akibat dari nafsu tadi [...][60]

Apabila diundi mengenai batas wilayah Indonesia, idea Indonesia Raya yang dikemukakan oleh Muhammad Yamin dan Sukarno ternyata telah mendapat undi terbanyak.[61] Pendirian Hatta yang tidak begitu menyokong gagasan Indonesia Raya atau Melayu Raya ini sebenarnya kelihatan dalam bukunya, *Sekitar Proklamasi*.[62] Di dalam bukunya itu Hatta tidak menyebut langsung mengenai perdebatan tentang batas-batas wilayah Indonesia.[63]

Pada 29 Julai 1945 mesyuarat kedua pegawai-pegawai Jepun dari daerah-daerah telah diadakan di Singapura. Mesyuarat itu membincangkan betapa perlunya mempercepat persiapan ke arah kemerdekaan Indonesia. Itagaki turut mengingatkan pemimpin-pemimpin KRIS iaitu Ibrahim Haji Ya'acob, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Onan Haji Siraj dan beberapa orang pemimpin KMM lama, agar segera bertindak memandangkan kemerdekaan Indonesia bakal menjadi kenyataan. Dia mencadangkan kepada Ibrahim agar satu Persidangan Pemuda Seluruh Malaya diadakan demi merasmikan penubuhan KRIS, iaitu sama seperti mesyuarat besar yang diadakan oleh BPUPKI. Tarikh yang disarankannya ialah 17 dan 18 Ogos dan tempatnya di Station Hotel, Kuala Lumpur.

Pada 6 Ogos 1945 seluruh dunia dikejutkan oleh pengguguran bom atom pertama di Hiroshima yang mengorbankan sekurang-kurangnya 78,000 jiwa. Pada keesokan harinya, badan yang baru dibentuk, iaitu Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia, telah mengumumkan nama-nama ahlinya. Badan ini dijadualkan bertemu pada 19 Ogos. Pada 9 Ogos bom yang kedua pula digugurkan di Nagasaki. Pada hari itu jugalah Sukarno, Hatta dan Dr. Radjiman Wediodiningrat telah terbang ke Dalat, sekitar 300 km sebelah utara Saigon untuk menemui Panglima seluruh angkatan perang Jepun di Asia Tenggara, Field Marshal Terauchi Hisaichi pada 12 Ogos. Dalam pertemuan itu, Terauchi menjanjikan kemerdekaan untuk seluruh wilayah jajahan Belanda tetapi tidak termasuk wilayah Malaya dan Borneo yang merupakan tanah jajahan British.[64] Delegasi Indonesia itu bermalam di Saigon dan hanya meninggalkan Saigon pada 13 Ogos. Pada 14 Ogos rombongan Sukarno pun tiba di Jakarta. Pada hari itu pulalah pengiystiharan kalah perang dibuat oleh Jepun.

Pada masa rombongan Sukarno dalam perjalanan pulang ke Jakarta itulah, iaitu pada 13 Ogos, mereka telah singgah di Taiping dan Ibrahim sempat bertemu dengan Sukarno dan Hatta.[65] Tentang peristiwa ini, menurut Ibrahim Ya'acob, yang menulis semasa berada di Jakarta, dan buku kecilnya diterbitkan pada 19 Ogos 1957, iaitu dua belas tahun selepas berlakunya kejadian yang diceritakannya,

> Soekarno-Hatta mengadakan pertemuan/rundingan dengan singkat dengan Sdr. IBHY jang memberikan laporan, bahwa kemerdekaan Malaya turut bersatu dengan Indonesia, proklamasi kemerdekaan Malaya akan diumumkan pada antara minggu penghabisan bulan itu, dan dari Malaya direntjanakan akan mengirim delapan orang delegasi ke Djakarta guna turut memproklamirkan kemerdekaan dan pembentukan pemerintahan sementara negara Republik Indonesia termasuk Malaya itu. Di dalam pembitjaraan inilah Bung Karno jang didampingi oleh Bung Hatta mendjabat tangan Sdr. IBHY dan berkata: "Marilah kita bangunkan satu negara IBU buat seluruh **tumpah darah** Indonesia". Kata-kata mana terus dijawab oleh Sdr. IBHY: "Kami orang Melayu di Malaya dengan setia untuk turut membangunkan satu negara IBU, dengan Malaya bersatu dalam Indonesia-Merdeka".[66]

Agak aneh, perisitiwa di Taiping ini pun tidak disebut sama sekali oleh Hatta dalam autobiografinya. Tidak juga disebut dalam mana-mana tulisan Sukarno. Namun dalam tulisan Mustapha Hussain yang juga dihasilkan sangat lama selepas peristiwa itu berlaku, ada dinyatakan mengenai pertemuan Ibrahim dengan Sukarno itu, tetapi dia sendiri tidak hadir bersama.[67] Di dalam buku-buku Ibrahim pun terdapat gambar yang merakamkan kehadiran Sukarno-Hatta dan ahli-ahli rombongan yang lain untuk bergambar bersama-sama dengan Ibrahim di Taiping.

Dalam pada itu, pada 15 Ogos serah kalah Jepun dalam peperangan telah pun diketahui. Sekalipun Itagaki telah memaklumkan kepada Ibrahim ketika kedua-duanya bertolak ke Kuala Lumpur, Ibrahim tidak pula menunjukkan tanda-tanda terperanjat. Setibanya Ibrahim di Kuala Lumpur, mesyuarat tergempar telah diadakan untuk jawatankuasa KRIS pada jam 4.00 sebelah petang, pada 15 atau 16 Ogos.[68] Mesyuarat yang serba ringkas itu membincangkan tiga perkara utama:

i) sama ada kemerdekaan Malaya harus diperjuangkan dalam konteks Melayu Raya; ii) apakah langkah-langkah untuk mengelakkan Malaya daripada dikuasai oleh Malayan People's Anti-Japanese Army demi menjaga hak-hak orang Melayu dalam pentadbiran, dan iii) bagaimana hendak mengelakkan ahli-ahli KMM/KRIS daripada dituduh berkolaborasi dengan Jepun.[69]

Selain itu, dibincangkan juga usul Dr. Burhanuddin agar puak pemuda menahan pendaratan tentera British.[70] Ibrahim mencadangkan agar dia dan dua pemimpin KRIS yang lain segera ke Singapura untuk mengatur unit-unit Giyu-Gun demi menghadapi tentera British di Malaya. Sementara itu, selepas Ibrahim mengatur Giyu-Gun, dia dan teman-temannya bercadang akan bertolak ke Jakarta bagi menghadiri upacara proklamasi kemerdekaan Indonesia. Semasa ketiadaannya, Dr. Burhanuddinlah yang akan bertangungjawab sebagai Ketua KRIS.[71] Pada masa mesyuarat tergempar itu juga diusulkan penubuhan sebuah kerajaan "Demokratik Rakyat Malaya", dengan sebuah kabinet yang akan diketuai oleh Sultan Abu Bakar (Pahang).[72]

Tetapi semua rancangan KRIS/KMM gagal belaka. Perjuangan untuk merealisasikan Melayu Raya terbengkalai kerana keadaan di Malaya tidak sama dengan keadaan di Indonesia. Ibrahim telah terbang ke Jakarta pada 19 Ogos 1945, dengan menumpang kapal terbang Jepun. Dia didampingi oleh isterinya, iparnya, Onan Hj. Siraj, dan Hassan Manan.[73] Kegagalan perjuangan KRIS, walau bagaimanapun, tidak boleh diletakkan semata-mata pada pemergian Ibrahim ke Indonesia, kerana kegagalan KRIS dan puak nasionalis Melayu radikal itu justeru disebabkan oleh banyak perkara. KRIS sebagai pertubuhan yang ingin berfungsi seperti BPUPKI jelas tidak berjaya mewakili majoriti rakyat Malaya yang seharusnya bergerak secara padu dalam gerakan antiimperialis seperti di Indonesia.

Pemikiran mengenai Indonesia Raya sesungguhnya berlarutan sampai pada waktu Revolusi Indonesia sedang bergolak. Pada Mac 1946 Tan Melaka ketika berucap di Kongres Persatuan Perjuangan di Madiun, mengulangi apa yang telah ditulisnya sebelum itu semasa berada di Singapura:

> Bangsa Indonesia seluruhnja (bukan Indonesia Malaja sadja!) sangat berkepentingan di Malaja, sebagai pusat pasar dunia, pusat lalu-lintas dan pusat strategy. Orang desapun tak membiarkan begitu sadja seekor ular berkeliaran di kebunnja! Demikian lah pula perbuatan, komplotan dan perusakan imperialis Inggeris di Malaja itu tak diperamati oleh bangsa Indonesia dengan berpangku tangan sadja. Sikap tindakan Indonesia Republik, terhadap Malaja tak akan berhenti dengan Putusan Persatuan Perdjoangan dalam Kongres terachirnja di Madiun pada tanggal 17 Maret 1946 sadja.[74] Pun tiada pula akan terhenti dengan tuntutan organisasi politiknja Indonesia-Malaja hendak bergabung dan sehidup semati dengan Indonesia jang sudah memproklamirkan kemerdekaannja pada tanggal 17 Augustus 1945.[75]

Tetapi cita-cita mewujudkan Indonesia Raya tidak mudah dilaksanakan. Keberadaan Ibrahim Ya'acob di Indonesia waktu ini menyebabkan gagasan ini kehilangan penggeraknya di Malaya. Sementelahnya pula gerakan antipenjajahan

di Malaya tidak sekuat di Indonesia. Berbanding dengan keadaannya di Malaya, di Indonesia, pergerakan menentang penjajahan jelas melibatkan bangsa-bangsa peribumi rumpun Melayu yang memiliki rasa kekitaan (*esprit de corps*) yang sepunya untuk membina nasion yang jelas terungkap, berasaskan satu bangsa, satu bahasa dan satu negara (tanah air), iaitu Indonesia.[76] Manakala di Malaya, pada waktu Ibrahim Ya'acob mendirikan KMM jumlah keseluruhan penduduk bumiputeranya seakan-akan sama banyak dengan kaum imigran[77] yang dari segi kedudukan ekonominya pula jauh lebih teguh berbanding orang Melayu. Di kota-kota besar di mana kegiatan ekonominya lebih rancak, penduduk bumiputeranya pun adalah golongan minoriti dan berkedudukan pada strata yang rendah pula dari segi ekonominya.

Dalam masyarakat yang masih kental dengan nilai dan budaya feudalnya, orang Melayu sebenarnya terpecah kepada golongan yang konservatif yang bilangannya lebih besar, dan golongan yang inginkan perubahan tetapi rata-rata berpendidikan Melayu dan Arab dan segolongan kecil yang berpendidikan Inggeris. Cara dan pendekatan antara dua kuasa kolonial, yakni Inggeris dan Belanda, juga berbeza dalam mendekati golongan elit bumiputera. Jika di Malaya pada umumnya elit Melayu yang berpendidikan Inggeris lebih selesa dengan pentadbiran kolonial, dan justeru itu tidak terlalu ghairah menyokong nasionalisme yang bertolak pada asas rumpun bangsa, sejarah dan kebudayaan, seperti Melayu Raya, maka di Indonesia, golongan inteligensia yang berpendidikan Belanda, yang lebih terdedah kepada sejarah silam tanah air dan memahaminya dengan baik pula, bersama-sama dengan idea-idea politik moden, sering muncul sebagai jurucakap rakyat massa. Bahasa pengucapan dan perhubungan mereka dengan rakyat massa pun adalah bahasa Melayu.

Para pemimpin nasionalis di Indonesia ternyata lebih mendekati rakyatnya walaupun berpendidikan Belanda. Ini berlaku justeru usia pergerakan nasionalisme di Indonesia adalah lebih lama atau telah mencapai kematangan, iaitu tidak kurang daripada tiga puluh tahun. Dari segi kepemimpinan pula, bilangan kaum inteligensia bumiputera di Indonesia yang, di samping memiliki ilmu pengetahuan yang luas atau pendidikan yang tinggi, tetapi juga rapat, cenderung dan sensitif terhadap nasib dan keadaan bangsanya yang terjajah adalah ramai, seperti misalnya Tan Malaka, Sukarno, Hatta, Sjahrir, Ki Bagus Hadikusumo, Kiyai Haji Wahid Hasyim dan Dr. Radjiman Wediodiningrat (sekadar menyebut beberapa nama sahaja); sebaliknya di Malaya, bilangan mereka ini sangatlah kecil, bahkan mungkin pula sukar ditemui. Dalam keadaan yang sedemikian, tentulah sukar untuk mengharapkan gerakan antikolonial yang dimulakan oleh Ibrahim Ya'acob itu mudah diterima oleh inteligensia bangsawan di Malaya; sementelahnya pula, rakyat Melayu di Malaya kurang matang dari segi pertumbuhan nasionalismenya yang anti-imperialis.

Seyogia diingati juga, konsep Melayu Raya seperti yang diungkapkan oleh Ibrahim Ya'acob bukanlah idea yang berasal daripada dia sendiri; tetapi sebaliknya konsep dan gagasan itu adalah hasil daya cipta Tan Malaka. Tambahan pula idea Melayu Raya lebih mudah mendapat dukungan yang meyakinkan daripada mereka yang nenek moyangnya berasal dari seberang. Jadi hal ini

pun menyebabkan orang Melayu Malaya dari golongan bangsawan dan yang konservatif tidak mungkin dapat menerimanya. Juga orang yang berperanan menyebarkan konsep ini di Malaya ialah Sutan Djenain seorang komunis yang merupakan pengikut dan pengagum Tan Malaka.

Pada tahun 1945, selepas Jepun menyerah kalah di Malaya, pergaduhan kaum antara Melayu dengan Cina telah berlaku di beberapa tempat di Semenanjung. Ia bermula apabila MPAJA mengambil tindakan membalas dendam terhadap para kolaborator Jepun yang juga termasuk antaranya anggota KMM/KRIS. Melihat betapa gawatnya keadaan hubungan Melayu-Cina zaman pasca tamatnya Perang Dunia Kedua, Parti Komunis Malaya, melalui Mokhtaruddin Lasso, telah memprakarsai penubuhan sebuah parti untuk orang Melayu yang diberi nama Partai Kebangsaan Melayu Malaya pada 17 Oktober 1945.[78] Mokhtaruddin Lasso pada mulanya tidak mahu menjadikan Melayu Raya sebagai salah satu asas perjuangan PKMM tetapi atas desakan Boestamam, Sutan Djenain dan orang lama KMM/ KRIS, idea Melayu Raya itu kemudiannya telah diterima. Wawasan Melayu Rayanya itu telah memudahkan PKMM menarik minat dan sokongan bekas anggota KMM/KRIS untuk menganggotainya. Pengaruhnya tersebar sampai ke Labuan dan Sabah apabila pada 16 Jun 1946 Parti Kebangsaan Melayu Labuan telah didirikan oleh Tengku Noordin, Abu Bakar Ahmad dan Zakaria Gunn.[79]

Di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin, Partai [kemudiannya disebut Parti] Kebangsaan Melayu Malaya[80] dan pertubuhan-pertubuhan sayap pemuda dan pemudinya, iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) bergerak cergas antara tahun 1946 dan 1947 menentang British yang hanya berunding dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan raja-raja Melayu untuk menggubal perlembagaan Persekutuan sebagai menggantikan Malayan Union. Dengan mewujudkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), PKMM. bersama-sama dengan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) yang merupakan gabungan badan-badan kiri orang bukan Melayu, satu gerakan antikolonial yang bersifat *multiracial* telah dapat dilancarkan di Malaya dan Singapura. Menjelang Oktober 1947 gabungan PUTERA-AMCJA telah dapat menghasilkan sebuah Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif kepada Perlembagaan Persekutuan.

Upaya PUTERA-AMCJA ini, walau bagaimanapun, gagal mempengaruhi pentadbiran kolonial kerana British melihat bahawa hanya UMNO sahaja yang wajar dibawa berunding lantaran ia mewakili majoriti orang Melayu. Pendirian PKMM yang pro-Indonesia dan bercita-cita untuk merdeka dalam sebuah Republik Indonesia sudah barang tentu tidak menyelerakan British untuk bersimpati terhadapnya. Sementelahnya pula, pegangan PKMM pada wawasan Melayu Raya dan tuntutannya agar 'Melayu' dijadikan identiti kebangsaan untuk semua yang memegang kerakyatan Malaya, dan bahawa bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi Malaya seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Rakyat tidak benar-benar dapat diterima oleh kebanyakan orang Cina.

Satu perkara lagi yang menjadi hambatan kepada kepemimpinan PKMM yang non-komunis seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ustaz Abu Bakar al-Baqir[81] dan lain-lainnya ialah ada antara pemimpin-pemimpin PKMM, API, PETA[82] (yang

menggantikan API setelah pertubuhan itu dilarang oleh British), dan AWAS serta beberapa badan kiri yang lain, memang telah terpengaruh oleh ideologi komunis atau telah pun menjadi komunis, dan menganggotai Parti Komunis Malaya. Orang itu ialah seperti Wahi Anwar, Shamsuddin Salleh,[83] Shamsiah Fakeh, Katijah Sidek,[84] Atom Mun, Abdullah Che Dat, Rashid Maidin, Kamarulzaman bin Teh[85] dan Musa Ahmad. Tidak semua orang komunis itu mempunyai wawasan Melayu Raya. Tetapi ada juga komunis yang sealiran dengan Sutan Djenain menginginkan Malaya merdeka dalam sebuah Republik Indonesia. Mereka ini adalah pengikut Tan Malaka. Pada awal tahun 1948 berlaku perpecahan antara pemimpin Melayu dalam Parti Komunis Malaya yang pro-Alimin dengan komunis yang menyokong Tan Malaka yang dianggap sebagai "Trotskyist".[86]

Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang membawa wawasan Melayu Raya gagal merealisasikan cita-citanya untuk memerdekakan Malaya. Kendatipun demikian, gerakan memperjuangkan konsep Melayu Raya masih juga diupayakan pada tahun-tahun sebelum 1957. Ketika Tunku Abdul Rahman Putra mengetuai satu rombongan muhibah ke Jakarta pada awal November 1955, beliau dan anggota rombongannya[87] telah diundang menghadiri resepsi yang diadakan pada 8 November 1955, oleh persatuan pemuda Melayu di Jakarta yang bernama "Perikatan Pemuda Malaya Diluar [*sic*] Tanahair".[88] Dalam ucapan sambutannya, Garieb Raof, ketua umum persatuan itu, telah berkata:

> [...] Bangsa Melayu atau yang pernah disebut Gugusan Pulau2 Melayu [...] adalah satu kelompok yang terdiri dari Semenanjung Tanah Melayu dan beribu2 pulau yang kini berpecah dan terbagi menjadi tiga daerah, daerah yang berasal dari satu bingkai, Malaya, Indonesia dan Philipina [...] di sini dengan jelas dan tegas meyakinkan kita bahawa, kita ADALAH SATU dan kalau Semenanjung serta Gugusan Pulau2 Melayu ini dapat bersatu dan dipercantumkan kembali, saya yakin tidak sedikit kemajuan dan kebaikan yang dapat diperoleh daripadanya [...] Dalam cita2 luhur ini, demi kepentingan dan tetap hidupnya anak cucu kita dizaman2 yang akan datang, saya menyeru P[aduka] Y[ang] M[ulia] Presiden Sukarno, Y[ang] T[eramat] M[ulia] Tengku [*sic*] Abdul Rahman Putra, dan Presiden Magasaysay agar insaf dan dapat memandang sedikit jauh apa yang bakal terjadi pada sedikit hari lagi [...][89]
>
> Selanjutnya Garieb menghimbau,
>
> Kalau dulu Barat mencoba dengan berniat untuk mengeruk keuntungan dan mengekalkan kedudukannya dari mempersatukan kita, sekarang marilah kita dirikan persatuan Malaya Indonesia Philipina, demi kepentingan kita bersama, kepentingan untuk tetap hidup [...][90]

Namun, apa yang terjadi ialah, apabila Persekutuan Tanah Melayu memperoleh kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957, ternyata UMNO bersama-sama dengan anggota parti Perikatan yang lain iaitu Malayan Chinese Association dan Malayan Indian Congress telah berjaya mencorakkan kemerdekaan itu menurut acuan yang mereka kehendaki dan seterusnya pada 16 September 1963 membentuk

Persekutuan Malaysia di bawah kepemimpinan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri yang pertama. Bagi Tunku dan pemimpin UMNO atasan yang lain, terutama mereka yang berpendidikan Inggeris, konsep Melayu Raya itu dicurigai kerana seperti kata seorang penulis, Sukarno dan Muhammad Yamin melihatnya dalam kerangka etnik dan geo-politik, yang mengambil kira soal keselamatan Indonesia.[91] Pendirian Tunku Abdul Rahman juga, yang dilandasi kekhuatiran bahawa idea Melayu Raya/Indonesia Raya itu bererti Malaya akan dijajah oleh Indonesia, memang boleh diagak.[92]

Gagasan Melayu Raya pernah terungkap dalam tahun 1920-an. Pembawa idea ini iaitu Ibrahim gelar Datuk Tan Malaka adalah seorang komunis dan intelektual yang cerdik dari Suliki, di Sumatera Barat, yang berjiwa nasionalis. Idea-idea Tan Malaka pun telah mempengaruhi tokoh-tokoh di Indonesia seperti Muhammad Yamin dan Sukarno. Tulisan-tulisan mereka ini dan karya-karya cendekiawan Indonesia yang lain memang digarap sebagai bahan bacaan oleh ramai anggota inteligensia Melayu yang berpendidikan Melayu dan Arab. Ibrahim Hj Yaacob sebagai pelopor nasionalisme yang menganjurkan gerakan anti-imperialisme British di Malaya diduga telah menerima pengaruh daripada bahan-bahan bacaan dari Indonesia. Ibrahim juga menanggapi bahawa jalan untuk menyelesaikan masalah pembanjiran kaum imigran di Malaya yang telah menghimpit kedudukan kebajikan dan kesejahteran orang Melayu adalah melalui pembentukan Melayu Raya ataupun Indonesia Raya.

Ketika orang Melayu di Semenanjung sedang bergelut dengan gagasan nasionalisme yang diterajui oleh Ibrahim Hj Yaacob, penduduk bumiputera di Sabah tidaklah terkucil langsung daripada arus perubahan yang membawa kepada lahirnyta kesedaran politik. Untuk melihat apa yang berlaku di wilayah yang kemudiannya terangkum di dalam negara bangsa Malaysia ini ikutilah perbincangan berikut.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan '50 Tahun Kemerdekaan dan Makna Kebebasan: Satu Tafsiran Semula Sejarah Bangsa', Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (23 Ogos 2007).

[2] Istilah 'Malaya' dalam bab ini merangkumi juga pulau Singapura.

[3] Gerakan nasionalisme di Selatan Thai seperti yang digerakkan oleh Tunku Mahmud Mahyuddin [atau Mahmood Mahyiddeen], Tengku Petra dan pertubuhan yang diasaskan di Kota Bharu, bernama Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR) tidak akan penulis bincangkan dalam bab ini.

[4] Nama lengkapnya ialah Ibrahim gelar Datuk Tan Malaka. Berasal dari desa Pandan Gadang, Suliki, di wilayah Suamtera Barat, Tan Malaka lahir sekitar tahun 1896. Pendidikannya bermula selama kira-kira empat tahun di sekolah rendah kelas dua di Suliki. Dia kemudiannya berjaya memasuki sekolah guru atau kweekschool (semacam maktab perguruan) di Fort de Kock (Bukit Tinggi) pada tahun 1908. Pada penghujung tahun 1913 dia bertolak ke negeri Belanda untuk melanjutkan pelajarannya di bidang perguruan. Dia berada di Belanda sampai tahun 1919. hingga berjaya meraih ijazah untuk kelayakan tinggi bagi guru kepala. Selama dia belajar di Kolej Perguruan di Haarlem

(1914-1916) Tan Malaka banyak membaca karya-karya filsafat dan juga tentang sosialisme atau komunisme. Apabila tercetus Revolusi Russia dia pun banyak membaca karya-karya Marx dan Engels. Selama enam tahun berada di negeri Belanda Tan Melaka jelas telah mengasuh dirinya sebagai intelektual dan pemikir politik yang tajam. Dia kembali ke Indonesia dalam tahun 1919 dan bekerja sebagai guru sekolah untuk anak-anak kaum buruh di sebuah perkebunan di Sumatera Timur. Pada tahun 1921 dia berada di Semarang dan menjadi guru di sekolah yang didirikan oleh Sarekat Islam merah (komunis). Pendirian Tan Malaka sejak waktu itu ialah komunis harus bekerjasama dengan gerakan politik Islam. Pada tahun itu dia juga dipilih menjadi Ketua Partai Komunis Indonesia. Tetapi dalam tahun 1922 setelah ditahan oleh penguasa Belanda dan dibuang negeri ke Eropah, Tan Malaka terus aktif sebagai komunis di negeri Belanda dan Jerman. Apabila dilantik sebagai wakil Komintern (Komunis Internasional) di Asia dia pun tinggal di Canton tetapi terus menggerakkan parti komunis di Asia Tenggara di mana dia telah berkelana sampai ke Hongkong, Burma, Thailand, Filipina dan Malaya (termasuk Singapura). Di Singapura dia menyaksikan kekalahan British di tangan tentera Jepun dan pada bulan April 1942 dia pun kembali ke Indonesia. Untuk mengikuti riwayat hidupnya yang sangat menarik, lihat terjemahan karya-karya Harry A. Poeze kedalam bahasa Indonesia, *Tan Malaka Pergulatan Menuju Republik*, Jilid I, PT Pustaka Utama Grafiti, Jakarta, 1988 dan *Pergulatan Menuju Republik Tan Malaka*, Yayasan Adikarya IKAPI dan the Ford Foundation, Jakarta, 1999 (kedua-duanya terjemahan daripada bahasa Belanda). Lihat juga karya tiga jilid Tan Malaka, *Dari Pendjara Ke Pendjara*.

[5] Surat bertarikh 24 September 1925. Lihat Harry A. Poeze, *Pergulatan Menuju Republik Tan Malaka 1925 - 1945*, h. 15.

[6] Tan Malaka, *Massa Actie*, Poestaka Moerba, Djakarta (cetak ulang dari naskhah yang diterbitkan di Singapura), h. 66-67.

[7] Ibid., h. 67

[8] Ibrahim Yaacob (IBHY), *Nusa dan Bangsa Melayu*, N.V. Alma'arif, Djakarta, 1951, h. 43-44. Pandangan Ibrahim ini telah diluahkannya sejak sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua. Lihat tulisan-tulisannya yang tersiar dalam akhbar *Majlis* pada zaman sebelum Perang.

[9] Ishak Haji Muhamad mengatakan tujuan utamanya ialah untuk menghentikan pengeksploitasian orang Melayu oleh bangsa-bangsa lain. Lihat W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1967, h. 232.

[10] Abdul Malik Hanafiah menyatakan bahawa penubuhannya berlaku dalam bulan Mei 1937. Lihat Abdul Malik Hanafiah, "Sejarah Perjuangan Kesatuan Melayu Muda 1937-1945", latihan ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975, h. 91, 95 dan 96.

[11] *Majlis*, 28 Mac 1932.,

[12] *Majlis*, 7 April, 1932

[13] *Majlis*, 28 November 1932.

[14] *Majlis*, 25 Januari 1934.

[15] *Majlis*, 22 Mei 1939.

[16] Lihat Ibrahim Hj. Yaacob, *Melihat Tanah Air*, Percetakan Timur, Kuantan, 1971 (cetakan ulang naskhah asal dalam tulisan Jawi, yang diterbitkan dalam tahun 1941), h. 15-16, 30 dan h. 50- 55. Bandingkan dengan karya Tan Malaka, *Massa Actie,* passim.

[17] Byungkuk Soh, "*Semangat Kemelayuan* Ideology and Nation-Building in Malaya, 1920-1948", Typescript, 2005, h. 27.

[18] Ibrahim Yaacob, *Melihat Tanah Air*, h. 18.

[19] Kata Pendahuluan Ishak Haji Muhamad dalam ibid. [1971], h. 7.

[20] Ibrahim Hj. Yaacob, *Melihat Tanah Air*, h. 86.

[21] Ibid., h. 24

[22] Ibid., h. 20.

[23] Ibid., h.23-24.

[24] Untuk perbincangan mengenai latar belakang sosial orang KMM lihat Rustam A. Sani, "The Origins of the Malay Left - an analysis of the social roots", disertasi M.A., University of Kent at Canterbury, 1975. Untuk latar belakang kepemimpinan KMM lihat juga Insun Sony Mustapha (penyelenggara), *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999, bab 18.

[25] Laporan perisik British bahkan memberikan nama-nama seperti Shamsuddin Salleh, Onan Hj. Siraj, Zulkiflie Ownie (kelahiran Kuala Kangsar yang menyertai Tentera Nasional Indonesia dan bersara di Medan dengan pangkat Kolonel), Dahari Ali, Mohd Isa bin Sulaiman (kemudiannya menjadi Setiausaha Agung Pusat Perekonomian Melayu), dan Abdullah Kamal sebagai orang KMM atau anggota kelompok kiri asal Indonesia yang gerak-gerinya sering diawasi.

[26] Dia kemudiannya ke Filipina untuk bertemu dengan Tan Malaka.

[27] Harry A. Poeze, *Pergulatan Menuju Republik: Tan Malaka 1925-1945*, h. 13 dan 43

[28] Tan Malaka, *From Jail to Jail*, vol. 1, h. 117.

[29] Lihat ibid.

[30] Winceslao Q. Vinzons (1910-1942) adalah anak ketiga Gavino V. Vinzons dan Engracia Quinto. Moyang kepada Winceslao iaitu Siah Ah Mah, yang berasal dari Amoy, negeri China, merupakan seorang tuan tanah dan pengusaha lombong yang kaya setelah berhijrah ke Filipina pada pertengahan abad ke-19 dan berkahwin dengan seorang wanita Filipina.

[31] Lihat < *http.//en. Wikipedia.org/wiki/Wenceslao_Vinzons*>, 'Wikepedia, the free encyclopedia', h. 1.

[32] Lihat Zeus A. Salazar, *The Malayan Connection Ang Pilipinas sa Dunia Melayu*, Palimbangan ng Lahi, Lunsod Quezon, 1998, h. 94.

[33] Ibid., h. 94 - 95. Lihat juga Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1990, h. 23-25.

[34] Dr. Burhanuddin al-Helmy mula-mula belajar agama di pesantren Sungai Jambu, Batu Sangkar, di Sumatera Barat. Selepas kira-kira enam bulan, beliau pindah ke sekolah pondok Pulau Pisang, Jitra, Kedah. Antara tahun 1927 dan 1933 Burhanuddin belajar di Madrasah Al-Masyhor, Pulau Pinang. Kemudian pada tahun 1934 beliaupun melanjutkan pelajarannya di bidang filsafat dan sastera di Universiti Aligarh, New Delhi, tetapi hanya sampai tahun 1935. Setelah berada di Singapura semula pada tahun 1936 dia memilih untuk belajar ilmu perubatan *homeopathy*. Bagi tujuan mendapatkan ijazah untuk bidang *homeopathy* Burhanuddin kemudiannya pergi ke India untuk mengambil ujian di Ismailiyah Medical College. Pada tahun 1939 beliau lulus dan diiktiraf sebagai seorang doktor *homeopathy*. Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy, Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, h. 4 - 10.

[35] Ahli-ahli Jawatankuasa yang menguruskan penerbitan majalah *Seruan Azhar* ialah Djanan Thaib (ketua redaktur yang bertanggungjawab kepada undang-undang), Muchtar

Luthfi dan Iljas Ja'kub dari Sumatera Barat (anggota *redactie*), dan Othman Abdullah (pengurus atau *administrateur*) dari Semenanjung Tanah Melayu sebagai bendahari; mereka inilah yang menganggotai *lid redactie* [lembaga pengarang] majalah.

[36] Berasal dari Kota Gede, Kahar Muzakkir kemudiannya kembali sebagai seorang ahli agama. Terkenal dengan panggilan Kiyai Haji Abdul Kahar Muzakkir, ulama ini menjadi salah seorang pemuka yang menggerakkan Sekolah Tinggi Islam di Jogja. Institusi ini bertukar menjadi Universitas Islam Indonesia pada tahun 1947 dan K. H. Abdul Kahar Muzakkir telah dipilih sebagai Rektornya yang pertama.

[37] Roff, h. 85.

[38] Roff, loc. cit.

[39] Mahmud Junus berasal dari Batu Sangkar, Sumatera Barat. Dia pernah mengajar di Sekolah Diniah di Sungajang pada tahun 1918 dan menjadi redaktur majalah al-Basjir pada tahun 1920 sebelum bertolak ke Kaherah dalam tahun 1925 untuk melanjutkan pelajarannya. Sekembalinya ke Sumatera pada tahun 1930 dia dilantik sebagai penegtua sebuah maktab perguruan yang dikenali dengan nama Sekolah Normaal Islam. Terkenal sebagai seorang ulama, Prof. Mahmud Junus merupakan orang pertama yang berjaya menterjemahkan keseluruhan kitab suci *al-Quran* dalam bahasa Melayu/Indonesia pada tahun 1930.

[40] Roff, h. 77.

[41] Iljas Ja'kub lahir di Painan, Sumatera Barat sekitar tahun 1900. Seorang yang sangat aktif dalam bidang kewartawanan Iljas banyak memimpin akhbar dan majalah yang menyokong gerakan Islam sebelum dan selepas dia belajar di Kaherah. Setelah kembali pada tahun 1929 dia juga terlibat dalam upaya menggerakkan Persatuan (kemudiannya bernama Partai) Muslim Indonesia (PERMI) di Suamtera Barat. Dia pernah dipilih untuk duduk sebagai naib ketua dan kemudiannya Ketua Muda 1 dalam Pengurus Besar pertubuhan itu. Akhbar *Medan Rakyat* yang dipimpinnya menjadi suara Permi pada tahun 1931 sehinggalah Iljas dibuang negeri ke Boven Digul dalam tahun 1934. Di bidang pendidikan jasanya dikenang kerana mendirikan Islamic College di Padang dalam tahun 1931.

[42] Muchtar Luthfi lahir di Balingka, Bukittinggi pada tahun 1901. Sekembalinya ke Sumatera Barat dalam tahun 1931 dia ikut menggerakkan Permi dan seperti Iljias telah dipilih untuk duduk menganggotai Pengurus Besar Permi dan bertanggungjawab menubuhkan dua buah sekolah di Bukit Tinggi iaitu Madrasah Tsanawiah dan Meisjes Normaal School (sebuah sekolah anak perempuan) dalam tahun 1932. Bersama-sama dengan Iljias Ya'kub dia pun dibuang ke Boven Digul oleh Belanda pada tahun 1934 kerana dianggap berbahaya kepada pemerintah kolonial.

[43] Keluaran SITC pada bulan Mac 1924 (*batch* pertama) ialah 58 orang. Angka ini meningkat kepada 131 orang dalam bulan Disember 1932, tetapi merosot ke angka 118 orang pada November 1934. Menjelang Oktober 1938 angka yang lulus ialah 123 orang. Angka terbesarnya ialah dalam bulan September 1940, iaitu seramai 141 orang telah keluar dan berkhidmat sebagai guru. Lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British (dengan rujukan khas kepada Sultan Idris Training College)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, h. 94-95,

[44] Menurut Harun Mohd. Amin, sebagai pengajar sejarah di SITC., dia sendiri sering memberi syarahan mengenai pergerakan kemerdekaan Indonesia kepada pelajar-pelajarnya dengan mengutip daripada suratkabar *Persatoean Indonesia* yang dilangganinya. Lihat suratnya kepada Mustapha Hussain, dalam *Memoir Mustapha Hussain*, lampiran 2, h. 578.

[45] Ketika berlangsungnya Kongres Pemuda Seluruh Indonesia pada 27 dan 28 Oktober 1928, para pemuda telah naik semangat dengan pidato Muhammad Yamin yang berjudul 'Persatuan dan Kebangsaan Indonesia'. Dalam pidatonya itu Yamin antara lain menyebut, " Kalau orang ... memandang tanah kita dengan bangsanya, tentu tiada berlainan atau berbedaan antara satu dengan yang lain jang menarik hatinja iaitu kesamaan di mana-mana, baik perkara bahasa, baik perkara 'adat lembaga, baik dalam pergaulan hidupnya, baik perkara nasib jang ditanggungnya atau pun tentang kemahuan ... Sejak dari pulau Madagaskar, sampai ke Semenanjung Malaka [Malaya], Formosa, kepulauan Filipina, sampai ke lautan Teduh, beserta seluruh kepulauan Hindia [Indonesia] kita jang mulia raya ini, itulah daerah bangsa Indonesia sejak semulanya. Di sanalah sejarahnya berjalan dan di sanalah mereka menurutkan arus kemajuan sejak dari pangkalnya sampai sekarang ... Dalam hal yang demikian, berdirilah saya yang berbicara di muka persidangan ini pada permulaan zaman yang besar, iaitu zaman Indonesia Raya ... Indonesia Raya yang terikat dalam perkataan pesatuan dan kebangsaan Indonesia itu ... {Ejaan lama telah penulis sesuaikan dengan yang baru]. Untuk ucapan Yamin yang lengkap lihat *Persatoean Indonesia*, no. 8, 1 November 1928.

[46] Lihat Lt. General Fujiwara Iwaichi, *F.Kikan, Japanese Army Intelligence Operations in Southeast Asia During World War II* (terj. Yoji Akashi), Heinemann Asia, Kuala Lumpur, 1983, hal. 99 -102. Lihat juga *Memoir Mustapha Hussain*, h. 240 - 249. Ibrahim telah diambil Jepun sebagai perisiknya dalam bulan November 1941. Pemuda-pemuda KMM juga telah memberikan khidmat mereka kepada Jepun selepas Ibrahim ditahan oleh British pada 7 Disember 1941. Cheah Boon Kheng, 'The Japanese Occupation of Malaya, 1941-45: Ibrahim Yaacob and the Struggle for Indonesia Raya', *Indonesia*, 28 (October 1979), h. 95-96, dan 98.

[47] Lihat Cheah Boon Kheng, 'The Japanese Occupation of Malaya', h. 95.

[48] Tindakan menyerahkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada Siam telahpun dimulakan dengan penandatanganan mengenainya pada 20 Ogos 1943.

[49] Cheah Boon Kheng, 'The Japanese Occupation of Malaya', h. 106.

[50] Teks ucapannya disiarkan oleh *Asia Raya* pada 8 September 1944 di Jakarta.

[51] Badan tentera sukarela ini yang juga dinamakan Pembela Tanah Air (PETA) dibentuk oleh Jepun dengan kerjasama Ibrahim Ya'acob pada bulan Ogos 1943.

[52] Di Jawa terdapat organisasi pemuda seperti Barisan Pelopor (di bawah Jawa Hokokai), Barisan Hizbullah (Masjumi), PETA, dan badan-badan pemuda yang ditubuhkan oleh Jepun sendiri seperti Seinendan, Keibodan, dan Heiho, yang mempunyai semangat perjuangan yang bersifat revolusioner. Pada Februari 1945 pemuda-pemuda Peta di Blitar (Jawa Timur) telah menyerang markas simpanan senjata Jepun dan membunuh ramai askar Jepun di situ.

[53] Semua maklumat berhubung dengan hubungan pegawai Jepun dengan KMM. adalah diambil daripada Cheah Boon Kheng, 'The Japanese Occupation of Malaya', h. 110-111.

[54] Sukarno, dalam ucapannya yang membela idea memperluaskan wilayah Indonesia yang merdeka, yang tidak terbatas kepada warisan jajahan Belanda sahaja, mendakwa sedemikian banyaknya permintaan datang dari Malaya untuk bergabung dengan Indonesia. Lihat teks ucapan Sukarno dalam Wawan Tunggul Alam, *Demi Bangsaku: Pertentangan Bung Karno vs Bung Hatta*, Penerbit Gramedia Pustaka Utama, Jakarta, 2003, h. 207.

[55] Siapa orang ini tidak dapat dipastikan. Setahu penulis, hanya Ibrahim Ya'acob sahaja pemimpin KMM yang berpangkat Letnen Kolonel. Apakah mungkin Ibrahim sendiri telah

pergi ke Jakarta atau Sukarno telah tersalah nama? Cheah Boon Kheng ('The Japanese Occupation', h. 112) menganggap orang itu ialah Ibrahim sendiri. Menurut Sukarno, Lt. Col. Abdullah Ibrahim "menyampaikan pesanan yang meminta supaya Malaya dimasukkan ke dalam daerah [wilayah] Indonesia". Lihat Wawan Tunggul Alam, *Demi Bangsaku ...*, h. 207

[56] Ibid., h. 206.

[57] Ibid., h. 208.

[58] Lihat ibid., h.202, 205.

[59] Muhammad Yamin dalam ucapannya yang lebih awal pada sidang Badan Penyelidik Untuk Persiapan Kemerdekaan Indonesia telah menyatakan bahawa yang akan dijadikan wilayah Republik Indonesia ialah: "Irian, Maluku, Nusatenggara, Sulawesi, Kalimantan, Sumatera, Jawa, dan Semenanjung Malaya". Lihat tulisan Yamin "Kesetiaan Kepada Tumpah Darah Indonesia" dalam Muhammad Yamin, *Sapta Darma*, N.V. Nusantara, Bukit Tinggi-Djakarta-Medan, 1950, h. 244 - 253.

[60] Wawan Tunggul Alam, *Demi Bangsaku*, h. 203

[61] Sebanyak 39 suara daripada 66 (atau 59 peratus undi) telah menyokong usul Sukarno dan Yamin.

[62] Sila semak Mohammad Hatta, *Sekitar Proklamasi 17 Augustus 1945*, Tintamas, Djakarta, 1970.

[63] Bahkan di dalam autobiografinya pun Hatta tidak menyentuh soal pertemuannya dengan Ibrahim Ya'acob. Lihat Mohammad Hatta, *Memoir*, Tintamas, Jakarta, 1979.

[64] Pendirian Marshal Terauchi ini mungkin berasaskan hakikat bahawa dia ingin mengelakkan masalah ketika Jepun mengajak berdamai dengan pihak Sekutu nanti. Angus McIntire, The 'greater Indonesia' idea of nationalism in Malaya and Indonesia', *Modern Asian Studies*, vol.7, part 1, January 1973, h. 82.

[65] Tarikh inilah yang benar. Sukarno, Hatta dan anggota rombongan yang lain bermalam di Saigon pada 12 Ogos. Mereka hanya meninggalkan Saigon pada jam 8.00 pagi, 13 Ogos, dan tiba di Singapura pada jam 6.00 petang. Walaupun Hatta tidak menyebutnya, kemungkinan delegasi itu berhenti di Taiping tidak boleh diragukan. Lihat Mohammad Hatta, *Memoir*, h. 437- 438.

[66] Ibrahim Hj. Ya'acob, *Sekitar Malaya Merdeka*, Kesatuan Malaya Merdeka, Bhg. Penerangan, Djakarta, 1957, h. 29. Kata-kata 'tumpah darah' sengaja penulis beri penekanan kerana ungkapan inilah yang sering digunakan oleh Muhammad Yamin, yang dikritik oleh Hatta. Apakah tidak mungkin Ibrahim pun telah membaca tulisan Yamin?

[67] Lihat *Memoir Mustapha Hussain*, h. 375. Tulisan Mustapha Hussain ini, walaupun berguna untuk penelitian, perlu dibaca dengan hati-hati kerana banyak maklumatnya berpijak atas perasaan, sentimen dan prasangka. Amatlah sukar untuk menapis yang mana benar dan yang mana khayalan daripada penceritaannya kerana banyak dakwaan yang diakuinya dibuat tanpa bukti sejarah. Lagipun, besar kemungkinannya, penulisannya telah menerima bantuan daripada anaknya, Insun.

[68] Abd. Malek Hanafiah mengatakan pada 15 Ogos, manakala Ibrahim menyebut 16 Ogos. Lihat Abd. Malek Hanfiah, "Kesatuan Melayu Muda", hal. 313; Ibrahim Hj. Ya'acob, *Sekitar Malaya Merdeka*, h. 33.

[69] Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya, resistance and social conflict during and after the Japanese Occupation, 1941-1946*, Singapore University Press, 1983, h. 119.

[70] Puak pemuda diberi tugas membinasakan semua instalasi minyak, lapangan terbang, jambatan, dan talian telekomunikasi sebelum British tiba. Para pemuda juga disarankan merampas senjata Jepun seperti yang dilakukan oleh pemuda di Indonesia.

[71] Cheah Boon Kheng, 'The Japanese Occupation of Malaya', h. 115.

[72] Selain daripada Sultan Abd. Aziz (Perak), Sultan Musaeddin (Selangor), dan Raja Kamarulzaman Raja Mansor (Perak), nama-nama lain terdiri daripada Dato' Onn Jaafar, Dato' Abd. Rahman (Johor), Dato' Abu Samah (Pahang), Dato' Hussein Mohd Taib (Pahang) dan pemimpin-pemimpin KMM sendiri iaitu Ibrahim Ya'acob, Mustapha Hussain, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ishak Haji Muhammad, Hassan Manan, dan Abd. Karim Rashid. Menurut Abd. Malek Hanafiah, nama-nama in ipun dikemukakan oleh Ibrahim sendiri walaupun ramai antaranya tidak hadir. Mereka, walau bagaimanpun, dikatakan akan dihubungi kemudian untuk mendapatkan persetujuan masing-masing. Lihat Ab. Malek Hanafiah, "Kesatuan Melayu Muda", h. 314-315.

[73] Menurut pengakuan Ibrahim Ya'acob sendiri, sejak 20 Ogos 1945 dia dan kawan-kawannya telah "tidak ada lagi kelihatan di Singapura Malaya ...". Lihat I. K. Agastja [nama samaran Ibrahim Ya'acob], *Sedjarah dan Pedjuangan di Malaya*, Penerbit Nusantara, Jogjakarta, 1951, h. 112.

[74] Antara 'Putusan' [Usul] yang dicapai dalam Kongres ke-4 Persatuan Perjuangan itu ialah bahawa wilayah Republik Indonesia akan turut merangkumi Malaya, Kalimantan [Boeno] Utara, dan seluruh Timor dan Papua'. Lihat Tan Malaka, *From Jail to Jail* (terjemahan Helen Jarvis) Vol. 2, Ohio University, Athens, 1991, h. 243, nota 54. Pada tanggal 17 Mac 1946 jugalah Tan Malaka, Muhammad Yamin, Abikusno dan Sukarni telah ditangkap atas arahan Sutan Sjahrir dan Amir Sjarifuddin. Untuk keterangan lanjut mengenai penangkapan mereka ini dan Persatuan Perjuangan lihat Muhammad Yamin, *Sapta Darma*, N.V. Nusantara, Bukit Tinggi-Djakarta-Medan, 1950, *passim*. Lihat juga *From Jail to Jail*, vol. 3, Bab 16, h. 177-210.

[75] *Dari Pendjara Ke Pendjara*, Bahagian Kedua, h. 101.

[76] Sumpah Pemuda, 28 Oktober 1928.

[77] Pada tahun 1921 angka penduduk Cina di Negeri-negeri Melayu ialah 856,000 berbanding 1,569,000 Melayu. Pada tahun 1931 angka bagi orang Cina ialah 1,285,000 ketimbang 1, 864,000 Melayu. Manakala dalam tahun 1947, pada masa Ibrahim Ya'acob telah pun berada di Indonesia, penduduk Cina berjumlah 2,334,000 berbanding dengan angka 3,125,000 untuk orang Melayu. Angka-angka ini tidak termasuk angka penduduk Cina di Negeri-negeri Selat, yakni 10.9 % (1921), 29.9% (1931) dan 63.5% (1947) daripada keseluruhan penduduk. K.G. Tregonning, 'Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist, *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. X, no. 1, March 1979, h. 26.'

[78] Menurut Dr. Burhanuddin, PKMM ditubuhkan demi memperjuangkan kepentingan orang Melayu ketika berlakunya pergaduhan Cina-Melayu. Lihat Co. 537/3751, *Malayan Security Service Political Intelligence Journal* (P.I.J.), 15 April 1948, h. 260.

[79] Tentang pertumbuhan kesedaran sosiopolitik di Sabah, lihat Ahmat Adam, 'The Genesis of Socio-Political Consciousness in Sabah', dalam Piyanart Bunnag, Franz Knipping and Sud Chonchirdsin (eds.), *Europe - Southeast Asia in the Contemporary World: Mutual Images and Reflections 1940s-1960s*, Namos Verlagsgesellschaft, Baden-Baden, 2000.

[80] Menjelang 1947 bilangan anggota PKMM dianggarkan berjumlah tujuh puluh ribu.

[81] Pengasas parti Islam pertama di Malaya. Pada 13-17 Mac 1948 sebuah 'Kongres Rakyat' telah diadakan untuk tujuan menubuhkan sebuah parti poltik Islam di bawah nama Hazbul [sic] Muslimin Malaya. Warna lambang parti ialah 'merah putih, warna kebangsaan orang

Melayu'. Parti ini membawa ideologi pan-Islam. Markas parti ditempatkan di bangunan Lembaga Kesatuan Melayu, Johor. Lihat CO537/3751, P.I.J. 15 April, 1948, hal. 260.

[82] Ikatan Pemuda Tanah Air. Badan ini yang didirikan pada 19 Oktober 1947, dipimpin oleh Wahi Anuar, seorang komunis. Nama sebenarnya ialah Wan Chik bin Awang.

[83] Lahir di Batu Sangkar pada tahun 1908, Shamsuddin sejak kecil tinggal di Kuala Pilah. Dia adalah bekas anggota Kesatuan Melayu Muda yang sangat aktif. Pernah bekerja sebagai wartawan di akhbar *Suara Kinta* dan *Utusan Melayu,* dan editor *Kris*, yang diterbitkan oleh Sabirin Hj. Mohd Annie di Johor Bahru. Semasa pecah perang dia ditangkap oleh British. Selepas perang, Shamsuddin menganggotai PUTERA, MATA (Majlis Tertinggi Agama Islam SeMalaya), PETA dan KAUM TANI. Lihat CO537/3751. P.I.J. 15 April 1948, h. 265-266.

[84] Katijah Sidek ialah ketua HMWIM (Himpunan Wanita Indonesia Malaya). Atom Mun sendiri mengatakan Katijah seorang komunis. Lihat CO 737/3751, P.I.J. 15 Januari 1948, h. 70

[85] Kamarulzaman bin Che gu Teh ialah Presiden cawangan PKM di Pahang yang didirikan di Temerloh.

[86] Aliran yang disebut Trotskyisme adalah satu bentuk Marxisme anjuran Leon Trotsky. Konsep asasnya ialah revolusi yang terus menerus, lantaran revolusi proletariat yang melahirkan sebuah masyarakat sosialis dikatakan tidak boleh tercapai secara terasing kerana ia memerlukan pencetusan revolusi di seluruh Eropah dan akhirnya disebarkan ke seluruh dunia. Mereka yang menuduh Tan Malaka dan pengikut-pengikutnya sebagai Trotskyist, mendakwa bahawa Tan Malaka cuba membuat teori Marxis berkonsiliasi dengan keadaan sebenar di Indonesia, seperti PKI harus menyatukan gerakannya dengan pertubuhan seperti Sarekat Islam. Tuduhan terhadap Tan Malaka sebagai Trotskyist walau bagaimanapun dinafikan oleh Semaun, pemimpin komunis ulung di Indonesia. Di Malaya, Sutan Djenain, yang merupakan pengikut Tan Malaka yang setia, turut dituduh sebagai Trotskyist. Menjelang Februari 1948, Parti Komunis Malaya telah mengisytiharkan Sutan Djenain sebagai bukan komunis. CO537/3751, P.I.J. 6 Mac 1948, h. 94, 104 dan 145.

[87] Turut mengiringi Tunku ialah Dato' [kemudiannya bergelar Tun] Abdul Razak bin Hussein. Yang menarik mengenai kunjungan rombongan itu ialah Dato' Abdul Razak dan beberapa orang anggota rombongan telah berkesempatan menemui Ibrahim Ya'acob (yang pada waktu itu telah memakai nama Drs. Iskandar Kamil), tetapi tanpa kehadiran Tunku Abdul Rahman Putra.

[88] Perikatan ini ditubuhkan pada 22 Disember 1954 di Jakarta atas usaha Garieb Raof [atau Raouf] dan rakan-rakannya. Tujuannya ialah untuk "berusaha dari luar tanah air untuk memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan Malaya dari penjajahan". Ahli-ahlinya terdiri daripada pemuda-pemuda Melayu Malaya yang berada di seluruh Indonesia, iaitu bekas anggota Hei-ho. Kebanyakan daripada mereka itu adalah bekas lasykar darat dan laut Jepun yang telah terdampar di Indonesia. Lihat *Anak Melayu di Indonesia*, disusun oleh Perikatan Pemuda Melayu di Luar Tanah Air, n.v. Gunung Agung, Djakarta, Mac [?] 1957, h. 16-21.

[89] Lihat Ucapan Garieb Raof, dalam ibid., h. 161- 174.

[90] Ibid. Penekanan kata-kata oleh penulis.

[91] Angus Mcintyre, 'The 'greater Indonesia' idea of nationalism', h. 82.

[92] Petikan ucapan Tunku dalam suara UMNO, *Malaya Merdeka*, 2 June 1955 yang telah disebut oleh Garieb Raof. Tunku berkata: "Setelah lepas daripada bertakluk kepada satu penjajah tidaklah patut kita masuk dalam lingkungan Pemerintah Asing (Indonesia)

dengan taraf sebagai sebuah jajahan takluk juga, kita mau bersatu padu, bukan saja dengan Indonesia, malahan dengan negara2 bebas di Tenggara Asia ... Adalah diketahui dengan sebaik-baiknya bahawa Duli Yang Maha Mulia Raja2 Melayu tidak akan menerima tawaran menyatukan Malaya dengan Indonesia kerana Baginda ketahui bahawa Indonesia tidak berkehendak kepada Raja yang demikian tentu tidak ada tempat bagi Raja2 kita di dalam Republik Indonesia." Lihat. *Anak Melayu di Indonesia*, h. 156-157.

7

Kesedaran Politik Bumiputera Sabah[1]

Dari segi sejarah Malaysia adalah sebuah negara yang muda. Lantaran usianya yang muda itu peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku dalam tempoh negara Malaysia dibina adalah secara relatifnya dapat dianggap baru. Bagi seseorang ahli sejarah, sebarang peristiwa silam yang berlaku tidak berapa lama dahulu, hanya akan dapat difahami dengan terang peri pentingnya setelah ia melampaui masa yang panjang. Misalnya sejarah silam Sabah menunjukkan bahawa orang Idahan (atau Ida'an)[2] telah terlebih dahulu memeluk agama Islam berbanding dengan orang Melayu Melaka. Berdasarkan bukti manuskrip suku kaum Ida'an di Madai telah diketahui bahawa Islam telah berada di kawasan Lahad Datu sejak pada atau sekitar awal 1408, sedangkan Melaka baru dibuka oleh Parameswara yang beragama Hindu sekitar 1400. Para sejarawan menganggap sesuatu yang baru itu sukar diberikan pentafsiran yang tuntas dari segi sejarahnya. Demikianlah, apabila kita membicarakan peristiwa bersejarah masa kini agak sukar untuk kita memberikan huraian mengenainya secara terang dan jelas kerana ia perkara yang baru berlaku; dan bukan semua fakta mengenainya telah dapat digali dan didedahkan demi kepentingan penjelasan yang lebih objektif. Tetapi kita akan lebih mudah memahami dan mengerti secara mendalam pentingnya peristiwa seperti pemberontakan Mat Salleh (1894-1900), yang berlaku lebih daripada seratus tahun dahulu justeru kerana peredaran masa yang lama telah membolehkan kita berfikir secara jernih dan lebih objektif dan segala maklumatnya mengenainya pun telah diketengahkan oleh para penyelidik dan pengkaji peristiwa tersebut tanpa ragu.

Dalam perbincangan mengenai mauduk ini pun penulis tidak dapat mengelakkan diri daripada berbicara mengenai hal-hal yang dari perspektif sejarahnya dapat dikatakan baru berlaku. Penulis lebih suka menumpukan perhatian kepada zaman sekitar berakhirnya Perang Dunia Kedua justeru kerana periode selepas tamatnya perang Pasifik itu membawa kesan yang besar kepada

Sabah. Dalam makalah ini juga penulis ingin menyentuh tentang sejarah awal pertumbuhan kesedaran sosiopolitik di Sabah yang kemudiannya membawa kepada penubuhan parti-parti politik menjelang penubuhan Persekutuan Malaysia.

Kekalahan mutlak Jepun lantaran pengeboman tentera udara Amerika Syarikat ke atas dua buah kotanya yang padat penduduk iaitu Hiroshima dan Nagasaki pada 14 Ogos 1945 menjadi batu tanda penting dalam sejarah bermulanya proses pembebasan negara-negara jajahan di rantau Asia Tenggara. Satu kesan mendadak daripada peristiwa itu ialah pengisytiharan kemerdekaan Indonesia oleh Sukarno pada 17 Ogos 1945, walaupun selama lebih empat tahun selepas "proklamasi" orang Indonesia terpaksa berjuang bermati-matian menentang percubaan Belanda menjajah semula tanah jajahan mereka yang sudah bertukar nama daripada Hindia Timur Belanda kepada Republik Indonesia.[3] Pada 2 September 1945, pasukan Vietminh yang dipimpin oleh Ho Chi Minh telah mengisytiharkan kemerdekaan negara Vietnam daripada penjajahan Perancis dengan mengambil nama Republik Vietnam Demokratik. Pada 4 julai 1946 Amerika Syarikat pula melepaskan Filipina untuk merdeka iaitu sebagai menunaikan janjinya yang dibuat pada masa sebelum perang.[4] Di Burma pula, di bawah Dr. Ba Maw, negara itu telah pun diberikan 'kemerdekaan'nya oleh Jepun pada bulan Ogos 1943, di bawah naungan pentadbirannya. Apabila British kemudiannya membebaskan Burma daripada pendudukan Jepun, golongan nasionalis yang dipimpin oleh Aung San telah memperjuangkan kemerdekaan sejati untuk Burma dan usaha British untuk kembali menjajah Burma telah dipatahkan apabila akhirnya pada tahun 1948 Burma pun menjadi sebuah negara yang merdeka.

Sekalipun negara-negara Asia Tenggara seperti Burma, Filipina, Indonesia dan Vietnam telah mengisytiharkan kemerdekaan masing-masing menjelang tahun 1948, tanah jajahan British yang lain seperti Malaya dan negeri-negeri sebelah pesisir utara Borneo masih lagi dijajah. Di Semenanung Tanah Melayu dan Singapura, sebaik sahaja British kembali mencacakkan kuasa penjajahannya pada penghujung Ogos 1945, rakyat tempatan telah menunjukkan penentangannya. Di Tanah Melayu dan di Singapura, misalnya, penentangan itu dijuarai oleh parti-parti kiri yang masing-masing dengan agenda politiknya yang berbeza tetapi bersatu dari segi hasrat menolak penjajahan semula.British.

Kembalinya British ke Tanah Melayu selepas Jepun mengaku kalah dan upaya untuk menyatukan Malaya melalui gagasan Malayan Union juga telah membangkitkan kesedaran massa orang Melayu terhadap rancangan pasca perang British itu.[5] Bagi wilayah-wilayah Borneo yang dijajah British pula, periode pasca kekalahan Jepun telah membuka lembaran sejarah yang baru dalam hubungan antara Sabah dengan Syarikat Berpiagam Borneo Utara.

Berbeza daripada negeri-negeri di Semananjung dan Singapura, permodenan politik agak lambat berlaku di Sabah. Di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU), rakyat peribumi Sabah agak lambat memperoleh pendedahan kepada pendidikan moden yang menjadi jentera pemodenan masyarakat di banyak negeri di Asia Tenggara. Betapapun demikian ini tidak pula bererti bahawa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara

diterima dengan kerelaan hati oleh rakyat Sabah. Pada dasawarsa penutup abad ke-19 gerakan menentang orang putih telah prakarsai oleh Mat Salleh yang melalui pemberontakannya yang memakan masa sekitar satu dasawarsa telah menunjukkan rasa tidak puas hati rakyat terhadap pengeksploitasian oleh pentadbiran Eropah di Sabah. Pemberontakan ini, walau bagaimanapun dapat ditumpaskan oleh SBBU menjelang 1901. Antara periode itu hinggalah tercetusnya Perang Dunia Kedua, Sabah mengalami "ketenteraman yang relatif" yang memperlihatkan sedikit-sedikit pembangunan dilaksanakan oleh SBBU bukan khusus untuk rakyat Sabah tetapi istimewa untuk membolehkan pengautan laba dan keuntungan Syarikat. Namun demikian, penaklukan Jepun ke atas negeri-negeri yang dijajah British di Asia Tenggara telah membawakan perubahan pada sikap sebahagian besar penduduk Asia Tenggara.

Sama seperti tempat-tempat lain di Asia Tenggara pentadbiran Jepun di Sabah telah memperlihatkan penduduknya secara beransur-ansur menderita akibat bencana perang. Kesusahan hidup seperti kekurangan makanan jelas lebih buruk lagi dirasakan oleh rakyat jelata berbanding dengan keadaan pada zaman pemerintahan SBBU. Tetapi setelah tamatnya perang perubahan besar yang berlaku kepada Sabah ialah pengambilalihan pentadbiran Sabah oleh kerajaan British daripada tangan SBBU yang berlaku menjelang akhir Ogos 1945. Peristiwa ini jelas dialu-alukan oleh penduduk Sabah setelah menderita selama tiga setengah tahun di bawah pemerintahan tentera Jepun.

Jika di Semenanjung kedatangan semula British telah mencetuskan kesedaran politik yang radikal yang terjelma dalam bentuk Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), rakyat Sabah hanya menerima tempiasnya dari Semenanjung ataupun mungkin Singapura. Jarak yang agak jauh di antara Sabah dengan Malaya menyebabkan titisan pengaruh politik dari Malaya dan Singapura agak sukar menyirami bumi Sabah. Namun tidak lama selepas penubuhan PKMM di Malaya, iaitu sekitar lapan bulan kemudian, dan persis pada sekitar tarikh penubuhan UMNO di Johor, wilayah Labuan yang sememangnya merupakan sebahagian daripada Sabah, telah menyaksikan kelahiran Parti Kebangsaan Melayu [Malaya]. Penubuhannya diusahakan oleh Cikgu Harun bin Mohamad Amin, bekas pegawai pelajaran [pendidikan] di Brunei. PKM[M] yang didirikan pada 16 Jun 1946 itu[6] telah memecahkan kesepian yang selama ini menyelubungi Sabah. Tidak banyak yang diketahui mengenai Parti Kebangsaan Melayu di Labuan. Namun cita-cita PKMM untuk memperjuangkan kemerdekaan negeri-negeri rumpun 'Melayu' dari Patani sampai ke Kalimantan, iaitu yang terakhir merangkumi Borneo Utara, Sabah dan Sarawak[7], melalui gagasan Melayu Rayanya mungkin tekah menarik segelintir orang di Labuan.

PKM Labuan kemudiannya telah didaftarkan sebagai cabang kepada Parti Kebangsaan Melayu atau Malay Nationalist Party induk. Pemimpinnya ialah Tengku Noordin selaku Yang Dipertua dan Abu Bakar Ahmad sebagai Setiausaha. Pihak British menghidu sesuatu yang tidak enak daripada upaya menubuhkan sebuah organisasi politik yang terang-terang mengambil pendirian mahu membebaskan Malaya, Singapura dan wilayah-wilayah Borneo daripada penjajahan British dan merancang pula untuk bersama-sama dengan Indonesia

dalam sebuah "Indonesia Raya" tentulah tidak boleh dibiarkan begtu saja. Maka tidak lama selepas PKM berdiri di Labuan, pada akhir tahun 1946 Tengku Noordin telah dipindahkan ke Jesselton.[8] Kepemimpinan PKM Labuan kemudiannya digantikan oleh Hassan Wahab, seorang ketua kampung sebagai YDP. Tetapi tanpa dijangka British, keberadaan Tengku Noordin di Jesselton telah membolehkan PKM mengembangkan sayapnya di kota itu. Pada tahun 1947 Tengku Noordin mendirikan PKM di Putatan, sebuah daerah yang ramai penduduk Islamnya terdiri daripada masyarakat Bajau dan Melayu Brunei. Selanjutnya seolah-olah idea yang dibawanya diterima oleh masyarakat tempatan cabang-cabang PKM kemudiannya telah didirikan pula di Kinarut, Bongawan, Kota Belud, Kudat bahkan sampai ke Tawau. Walaupun British tidak terus menghalangi penubuhannya, namun sama halnya dengan di Semenanjung, gerak-geri cabang-cabang PKM itu senantiasa diawasi dengan rapi. Berbeza daripada keadaan di Semenanjung pula, pertubuhan politik di Sabah ini menghadapi masalah terbesarnya iaitu kesukaran mendapatkan pemimpin yang berkebolehan dan kekurangan wang untuk membolehkan ia bergerak secara berkesan. Masalah-masalah seperti ini jugalah yang telah mengancam perjalanan organisasi ini di Labuan yang, menjelang tahun 1949, dilaporkan ibarat kata pepatah, "hidup segan mati tak mahu".

Sebenarnya, di Labuan selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, terdapat sebuah lagi organisasi Melayu. Pada tahun 1946 Barisan Pemuda (atau BARIP) telah didirikan di pulau itu. Ia merupakan cawangan kepada organisasi yang sama namanya yang telah ditubuhkan di Brunei pada 12 April 1946.[9] Seperti PKM Labuan, BARIP juga ingin membela kepentingan kaum bumiputera. Organisasi ini pun, seperti PKM, telah mengembangkan sayapnya di Jesselton, dan seperti PKM juga, ia adalah berorientasikan Indonesia Raya. Yang Dipertua BARIP Labuan adalah seorang yang bernama Pengiran Ahmad. Manakala pemimpinnya di Jesselton ialah Mandor Mohamad Syariff. Sama seperti PKM, BARIP juga menghadapi kesulitan untuk terus wujud lantaran masalah kepemimpinan, kurangnya keterampilan berorganisasi, dan masalah kewangan.

Apakah yang dapat kita simpulkan daripada maklumat-maklumat ini? Satu hal yang nyata ialah bahawa keadaan politik di Sabah sangatlah berbeza daripada suasana politik di Semenanjung. Ibarat kayu basah yang sukar dinyalakan api, masyarkat Sabah pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua masih belum bersedia untuk menyahut seruan menentang penjajahan. Walaupun Parti Kebangaan Melayu dapat diwujudkan di Sabah, namun kepemimpinannya masih di tangan orang yang berasal dari Semenanjung, ataupun setidak-tidaknya mereka yang mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak. Dapat diduga bahawa sokongan yang diterima oleh Parti Kebangsaan Melayu dan Barisan Pemuda hanyalah daripada kalangan orang Melayu Brunei, kaum Bajau, dan barangkali juga masyarakat Islam dari kaum Dusun. Sudah pastilah gagasan Indonesia Raya yang didukung oleh kedua-dua pertubuhan ini juga tidak akan menarik minat bangsa Dusun, khususnya mereka yang bukan beragama Islam.

Kesedaran politk yang lambat tumbuh di Sabah mungkin disebabkan oleh kurangnya kegiatan persuratkhabaran peribumi seperti yang berlaku di

Semenanjung, Singapura dan pulau Jawa, Sumatera, Sulawesi dan bahkan di Kalimantan Indonesia sendiri. Ketiadaan penerbitan akhbar dan majalah di bumi Sabah yang menggunakan bahasa Melayu atau bahasa-bahasa anak negeri (vernakular) pada awal abad ke-20 sampailah pada tahun-tahun empat puluhan dan lima puluhan menyebabkan rakyat Sabah yang boleh membaca tiada peluang untuk mendapat berita apatah lagi untuk menjadi sebuah masyarakat yang berpengethuan (*an informed society*) pun sukar. Ketiadaan kegiatan persuratkhbaran juga menafikan rakyat yang celik huruf peluang untuk berpolemik dan bertukar fikiran seperti yang biasa berlaku dalam masyarakat yang boleh memanfaatkan surat khabar. Hakikat ini juga disebabkan oleh sama ada secara langsung atau tidak langsung betapa kurangnya sekolah dan lantaran itu perkembangan pendidikan untuk rakyat Sabah menjadi lembab. Ketiadaan akhbar dan terhadnya peluang memanfaatkan pendidkan moden menyebabkan penduduk Sabah, terutama golongan elit kepemimpinannya, tertutup kepada maklumat-maklumat yang berkaitan dengan gerakan politik kebangsaan dan gerakan antipenjajahan yang telah pun tersebar luas di wilayah-wilayah Asia Tenggara lainnya.

Ternyata selama kurang lebih enam puluh tahun Sabah berada di bawah pentadbiran Chartered Company, sangatlah ketara kekurangannya dari segi mencatat pembangunan negeri dan kemajuan penduduknya. Pada tahun 1946 apabila Sabah atau Borneo Utara diserahkan oleh Syarikat Berpiagam itu kepada Raja British maka tidak timbul apa-apa penentangan terhadap kerajaan British seperti yang telah berlaku di Sarawak yang telah menyaksikan lahirnya gerakan kebangsaan Melayu melalui pergerakan *anti-cession*. Sebaliknya, bagi penduduk Sabah, penyerahan negeri mereka kepada Pejabat Kolonial dalam tahun 1946 telah dianggap sebagai sesuatu yang membuka peluang untuk pembangunan sosioekonomi (seolah-olah suatu rahmat) dan ia juga dilihat sebagai tempoh untuk merawat keadaan porak-poranda yang berlaku pada zaman pemerintahan Jepun. Tidak kurang juga pentingnya faktor kemajmukan penduduknya yang lantaran terdiri daripada berbagai kumpulan etnik tidak ada 'rasa kekitaan' yang mampu menggembleng kesemua kelompok etnik untuk menghadapi kemaraan penjajahan. Ini berlaku kerana di samping faktor kepelbagaian masyarakat peribumi yang rencam sifatnya, baik dari sudut bahasa, budaya mahupun sistem keprcayaannya, kehadiran kaum imigran Cina yang keterpautan hatinya bukan di Sabah tetapi lebih ke tanah besar Cina juga menjadi sukar untuk mewujudkan perrpaduan bagi menentang penjajahan. Sementelahnya pula, kaum imigarn Cina yang besar jumlahnya mempunyai kekuatan ekonomi yang lebih ampuh jika dibandingkan bangsa-bangsa peribumi. Oleh yang demikian mereka pun tidak pernah berasa dirugikan jika peluang-peluang diberikan secara lebih terbuka untuk mereka bekerjasama dengan bangsa Eropah yang menjajah Sabah dalam mengeksploitasi kekayaan sumber ekonomi bumi yang dihijrahinya.

Barulah pada tahun 1950 British mulai memberikan perhatian kepada soal pendidikan bagi anak negeri Sabah. Tetapi kedudukan sekolah-sekolah yang lebih banyak dibina di kawasan bandar, yang jauh dari jangkauan penduduk di pedalaman, telah menyebabkan peluang untuk bersekolah sukar diperoleh kaum

bumiputera pedalaman. Walaupun menjelang Disember 1950 terdapat 104 buah sekolah kerajaan dibina, namun bilangan muridnya hanyalah terdiri daripada 2,987 orang lelaki dan 517 orang perempuan. Sekolah-sekolah mubaligh Kristian pun lebih menarik minat kaum peribumi, khususnya dalam kalangan suku Kadazan. Ini disebabkan selepas tamat sekolah rendah mereka boleh meneruskan pelajaran ke sekolah menengah. Lagipun, pada waktu itu hanya pendidikan *missionary* yang ada menyediakan sekolah menengah. Angka murid-murid di sekolah mubaligh Kristian ialah 4,731 orang lelaki dan 2,288 orang perempuan. Bahkan bilangan murid-murid di sekolah swasta Cina pun lebih besar. Walaupun terdapat hanya 77 buah sekolah, jumlah murid lelakinya mencapai 5,761 orang, sementara jumlah murid perempuannya ialah 2,728 orang.[10]

Kesulitan mendapatkan guru-guru yang berkelayakan juga menjadi faktor penghalang bagi perkembangan sekolah-sekolah kerajaan.[11] Pada tahun 1951 jumlah penduduk Sabah ialah 334,141 orang. Daripada angka ini 243,009 adalah terdiri daripada anak negeri atau bumiputera. Bilangan kanak-kanak yang dalam lingkungan usia bersekolah (5 – 14 tahun) adalah 83,072 orang. Namun lebih daripada separuh angka ini, yakni sekitar 55,000 orang tidak berpeluang ke sekolah. Kekurangan sekolah menyebabkan kerajaan British pada tahun 1950-an menggalakkan masyarakat di pedalaman mendirikan sekolah-sekolah sukarela anak negeri. Sekolah sukarela anak negeri yang pertama dibina ialah di pulau Tetabuan di Sandakan iaitu pada tahun 1952. Dua tahun kemudian, angkanya meningkat kepada 12 buah dan seterusnya pada tahun 1955 terdapat 30 buah sekolah sukarela anak negeri. Sekolah-sekolah jenis inilah yang membantu dalam menyebarkan pendidikan untuk bumiputera di daerah-daerah lain, seperti Kota Belud, Keningau, Menggatal, Pensiangan, Penampang, Tenom, Tawau, Jesselton, dan Kudat. Setengah-setengah sekolah itu bukan sahaja mengajar dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantarnya tetapi kedua-kedua Melayu dan Inggeris.

Pendidikan anak-anak bumiputera sesungguhnya telah diberi perhatian oleh British apabila Ordinan Pelajaran tahun 1954 dilaksanakan. Perkembangan pendidikan selanjutnya telah membawa angin perubahan kepada rakyat Sabah secara beransur-ansur. Sebenarnya, walaupun kesedaran politik kelihatan lambat tumbuh di Sabah, bibit-bibit awal yang menuju ke arah menyedarkan masyarakat agar bersatu dan belajar bergerak di dalam organisasi telah pun tersemai di pantai timur Sabah. Agak menarik sekali kerana bibit-bibit ini pun merupakan cambahan daripada benih yang tersemai di Semenanjung. Pada tahun 1937, segelintir orang di Tawau telah menubuhkan pertubuhan yang bernama Persatuan Sahabat Pena atau PASPAM. Penubuhan Persatuan Sahabat Pena di Tawau walau bagaimanapun telah diilhami oleh kehadiran PASPAM di Labuan. Persatuan ini juga mempunyai markas di Jesselton.

PASPAM di Tawau itu adalah cawangan kepada pertubuhan yang sama namanya dengan badan yang telah pun didirikan oleh Ariffin bin Ishak di Pulau Pinang dalam tahun 1934. Persatuan Sahabat Pena telah diwujudkan melalui pertukaran pendapat yang digalakkan oleh Ketua Pengarang akhbar *Saudara* yang terbit di Pulau Pinang ketika itu. Tujuan perstauan itu ialah untuk membangkitkan

kesedaran sosiopolitik dan sosioekonomi bangsa Melayu. Penubuhan PASPAM di Tawau pada Jun 1937 telah diusahakan oleh Othman Kee Abdullah. Idea untuk menubuhkannya telah dicetuskan oleh Cikgu Othman Abu Bakar, seorang guru sekolah Melayu Tawau, yang berasal dari Kelantan. Mereka yang menjadi ahli jawatankuasanya terdiri daripada orang Melayu Brunei, Bugis, peranakan Pakistan dan kacukan Cina-Bugis. Persatuan ini mempunyai sekitar empat puluh orang ahli. Kegiatannya tertumpu kepada khidmat kebajkan terhadap masyarakat Tawau.

Pengalaman berpersatuan inilah, barangkali, yang telah menyebabkan orang Tawau memulakan penubuhan sebuah persatuan sosial pada awal tahun 1946. Persatuan yang diberi nama Persatuan Melayu Tawau telah didirikan oleh OKK[12] Kee Abu Bakar yang menjadi Yang Dipertuanya antara tahun 1946 dan 1948. Nampaknya juga kegiatan berorganisasi di Tawau masih lagi di tangan ahli-ahli keluarga Kee, iaitu kacukan Cina-Melayu .Kekurangan pemimpin mungkin telah menyebabkan hal ini berlaku. Pesatuan Melayu Tawau jelas mengikuti perkembangan politik yang melibatkan orang Melayu di Semenanjung. Seperti ahli-ahli PASPAM, anggota persatuan ini juga berlanggan akhbar dan majalah yang diterbitkan di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu.[13]

Penubuhan Persatuan Melayu Tawau itu adalah langkah pertama golongan Islam di Sabah menggunakan citra Islam sebagai landasan menentukan orientasi perjuangannya. Tetapi Islam yang dijadikan landasannya adalah Islam yang bersifat islah atau modenis. Ahli-ahlinya digalakkan memakai tali leher pada jamuan Hari Raya Aidilfitri. Menjelang tahun 1957 persatuan ini pun menukar namanya kepada Persatuan Islam. Antara kegiatannya ialah membantu masyarakat Tawau yang menjadi tempat berteduhnya mendirikan masdrasah atau sekolah agama di sekitar Bandar Tawau.

Dua tahun selepas munculnya Persatuan Islam di Tawau, iaitu pada tahun 1959, atas insiatif Ampong Kerahu, seorang yang berketurunan Bugis (yang secara kebetulan telah berpindah dari Tawau ke Sandakan), masyarakat bandar Sandakan pula menyaksikan penubuhan persatuan yang dinamakan Angkatan Baru Sandakan. Persatuan ini pun berhasrat menyatukan bangsa Melayu dan memperjuangkan kepentingan meningkatkan kebajikan orang Melayu dan agama Islam umumnya. Orang yang dipilih untuk memimpin Angkatan Baru Sandakan ialah seorang bekas pegawai marin bernama S. S. Aruliah. Ampong Kerahu sendiri dipilih sebagai naib presiden.[14]

Sementara itu, di kawasan pantai barat Sabah, Islam sebagai landasan berpersatuan telah pun ditunjukkan kesannya oleh penduduk Jesselton. Pada 11 Julai 1950 pertubuhan yang diberi nama Khairat Jumaat Muslim, telah didaftarkan secara rasminya. Tetapi persatuan ini hanya sempat hidup selama lima tahun sahaja. Hanya dua tahun selepas lumpuhnya Khairat Jumaat itu, iaitu pada bulan September 1957, barulah masyarakat Jesselton menubuhkan sebuah persatuan Islam. Dinamakan Pergaulan Ikhwan Sabah, ia kemudiannya menjadi pengganti kepada Khiarat Jumaat. Pada tahun sama bandar Jesselton pun menyaksikan kemunculan sebuah pertubuhan yang diberi nama Angkatan Gaya Baru, yang lebih dikenali dengan akronimnya, AGABA. Persatuan yang lebih berhaluan kebudayaan ini dipimpin oleh K. Bali yang juga merupakan pendiri asalnya.[15]

AGABA bergerak dalam lapangan kesenian dan kebudayaan seperti mengadakan kelas melukis untuk remaja dan mengadakan bengkel penulisan karya sastera serta menggalakkan pameran dan pementasan karya seni dan drama untuk golongan muda-mudi di Jesselton.

Kemudian, pada Oktober 1959 penduduk Putatan pula tampil untuk menubuhkan Persatuan Islam Putatan. Sesungguhnya masyarakat Muslim Sabah lebih terdahulu sedar tentang peri pentingnya bergorganisasi berbanding masyarakat bumiputera bukan Islam yang lain. Walaupun tahun 1946 telah menyaksikan kemunculan dua buah pertubuhan politik yang bersifat radikal tetapi kesan sebenarnya terhadap kebangkitan masyarakat Sabah sangat kurang sekali kelihatannya. Barangkali hakikat bahawa pertubuhan seperti PKM dan BARIP berideologikan sesuatu yang sukar difahami oleh kebanyakan rakyat peribumi Sabah dan bahawa kedua-duanya merupakan badan yang berhubungan dengan pertubuhan luar Sabah, dan justeru dianggap asing oleh rakyat terbanyak, telah menyebabkan kedua-duanya seolah-olah tidak meninggalkan bekas langsung. Tetapi suatu doktrin keagamaan yang lebih fleksibel ternyata lebih mudah diterima oleh masyarakat tempatan Sabah. Ini jelas kelihatan pada peranan Islam dalam menyatukan kaum Muslimin di negeri itu. Gejala ini berlaku pada tahun 1950-an.

Dasawarsa lima puluhan itu memang menampakkan perubahan sikap kolonial kerajaan British terhadap rakyat Borneo Utara. Pada masa itu pergolakan politik sedang berlaku dengan pesatnya di Malaya dan Singapura. Bahkan di kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara pun upaya menubuhkan pemerintahan sendiri dan pergolakan menuju ke arah pengukuhan kehidupan bernegara seperti menegakkan prinsip demokrasi berparlimen sedang rancak berlaku. Di Sabah juga British sedang berusaha untuk memperkenalkan konsep-konsep pemerintahan dan berkerajaan. Pada tahun 1950 British telah menmperkenalkan institusi Majlis Perundangan (*Legislative Council*) dan Majlis Kerja (*Executive Council*). Sayangnya pemilihan anggota untuk kedua-dua majlis ini tidak dibuat atas prinsip pilihan oleh rakyat, tetapi sebaliknya pelantikan oleh Gabenor. Di dalam *Executive Council*, misalnya, anggota-anggotanya adalah terdiri daripada lima orang pegawai British dan empat orang ahli daripada kalangan rakyat tempatan yang dilantik Kegagalan British menerapkan sistem pemilihan secara langsung (*direct elections*) memang suatu kelemahan, tetapi harus pula diingati bahawa memilih calon untuk dilantik duduk di dalam Majlis-majlis itu juga amat sukar lantaran ketiadaan calon yang mempunyai latar belakang pendidikan yang cukup kuat dan hakikat bahawa masyarakat yang jika disuruh mengundi pun kebanyakannya adalah rata-rata masih buta huruf.

Dari segi pembinaan kerajaan tempatan pula, penguasa tempatan yang pertama diperkenalkan di Sabah ialah di Kota Belud, iaitu pada tahun 1952. Hanya tiga tahun kemudian baru ia diadakan di Sipitang pula. Antara tahun 1952 dan 1961, majlis-majlis daerah telah diwujudkan di empat buah residensi, masing-masing di Residensi Pantai Barat, Pedalaman, Sandakan dan Tawau yang berindukkan bandar-bandar Jesselton, Labuan, Sandakan dan Tawau. Setiap residensi ini berfungsi sebagai kerajaan tempatan. Kebanyakan daripada bandar (*townships*)

secara beransur-ansur telah diletakkan kemudiannya di bawah pentadbiran majlis-majlis daerah.

Kebangkitan yang dialami oleh kaum bumiputera Islam Sabah pada tahun lima puluhan rupa-rupanya juga telah berlaku pada masyarakat Kadazan. Tetapi ia berlaku lantaran daya usaha yang dirintis oleh pemimpin yang berpelajaran dan yang amat berkebolehan dari segi berorganisasi secara formal. Pada tahun 1951 penduduk Sabah dilaporkan berjumlah 334,141 orang. Daripada angka ini 243,009 orang adalah tergolong sebagai "Natives" atau Anak Negeri. Pada masa itu segelintir pemuda Kadazan telah berjaya melanjutkan pelajaran ke seberang laut. Pada akhir tahun lima puluhan ramai yang pergi belajar ke New Zealand. Generasi peribumi Sabah inilah yang kemudiannya membentuk kumpulan inteligensia kaum peribumi. Mereka tampil secara kebetulan pada masa gagasan Malaysia itu sedang diperkenalkan dan dipolemikkan.

Mengenai pencapaian pendidikan masyarakat bumiputera Sabah, menurut banci penduduk tahun 1960, peratusan anak-anak suku Kadazan dan Dusun yang pada waktu itu mencapai tahap pendidikan antara darjah 6 sekolah rendah dan tingkatan 2 sekolah menengah hanyalah 8.7 peratus. Ini diikuti oleh suku kaum Bajau yang mencapai 2.1 peratus dan lain-lain suku bumiputera 8.4 peratus. Tetapi bagi bangsa Cina di Sabah, pencapaian tahap pendidikan dalam lingkungan ini adalah sekitar 65.1 peratus --- jauh lebih menonjol jika dibandingkan dengan suku-suku kaum bumiputera secara keseluruhannya. Manakala peratusan anak-anak peribumi yang menerima pendidikan menengah sepenuhnya hanyalah 1.6 peratus bagi kaum Kadazan dan Dusun, 0.4 bagi kaum Bajau dan 1.9 peratus bagi suku-suku bumiputera yang lain – termasuklah orang Melayu Brunei. Lain pula keadaannya bagi anak-anak Cina yang mencapai angka 50.8 peratus pada peringkat pendidikan menengah yang lengkap. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, tentulah tidak realistik untuk mengharapkan bahawa pada tahun 1960 itu telah wujud golongan terpelajar bangsa-bangsa bumiputera yang berkelulusan universiti dalam kadar yang ramai. Kalau adapun hanyalah terdapat dua orang pemuda Kadazandusun yang lulus dari institusi pengajian tinggi, tetapi tiada seorang pun daripada kalangan bumiputera yang lain, apa lagi yang Islam. Keadaan bagi orang Cina jauh berbeza. Pada tahun 1960 terdapat 101 orang pemuda Cina dan 14 orang pemudi Cina yang mempunyai kelayakan universiti.

Bagi suku kaum Kadazan dan Dusun, lantaran kemunduran mereka yang sangat ketara bukan sahaja pendidikan dan sosial, tetapi juga di bidang ekonomi, mereka kelihatannya agak beruntung kerana mendapat perhatian daripada seorang Serani yang bernama Donald Stephens dan seorang Kadazan yang bernama Fred Sinidol. Kedua-dua orang ini tampil untuk membela suku-suku kaum Kadazan dan Dusun. Sebagai seorang penerbit dan pemilik surat khabar, Stephens memang berkelayakan untuk berjuang bagi kepentingan kaum Kadazandusun. Selain mempunyai darah Dusun yang mengalir di dalam tubuhnya, Donald Stephens juga dapat dianggap orang yang "berada".

Sejak tahun 1952 lagi Donald Stephens telah pun memiliki sebuah akhbar yang bernama *Sabah Times*. Pada tahun 1954 dengan niat untuk mengembangkan penerbitan akhbarnya dia telah membeli surat khabar *North Borneo News*;

dan kemudiannya menggabungkan kedua-dua buah akhbar itu menjadi *North Borneo News and Sabah Times*. Melalui akhbarnya inilah Stephens cuba menyedarkan bangsa Kadazan dan Dusun agar bangun mengejar kemajuan dan memperjuangkan kepentingan mereka. Sekalipun akhbar itu menggunakan bahasa Inggeris sebagai mediumnya, namun satu halaman disediakan khas untuk bahasa Melayu. Di samping itu, kolum di dalam bahasa Kadazan juga disediakan dan ruangan ini dikelolakan oleh Joseph Manjaji dan kemudiannya, Fred Sinidol. Melalui kerjayanya sebagai seorang jurnalis Stephens menjadi terkenal di Jesselton. Dia pun dikenali oleh Gabenor Sir Rolalnd Turnbull. Perhubungan antara kedua-duanya telah menjalin tali persahabatan yang memberi kesan kepada Gabenor Turnbull sehingga dia melantik Stephens sebagai anggota Majlis Perundangan. Kedudukan barunya itu memberikannya ruang untuk bertindak secara politik dan langsung dimanfaatkan olehnya untuk memperjuangkan kepentingan kaum Kadazan dan Dusun. Secara beransur-ansur juga Stephens mempopularkan penggunaan nama "Kadazandusun" untuk merujuk kepada bangsa Kadazan dan Dusun di Sabah.

Keperihatinan yang dirasakan oleh Donald Stephens terhadap "Kadazandusun" mungkin dapat difahami jika sedikit latar belakang peribadinya dilakarkan. Donald Stephens adalah putera kepada Jules Stephens Pavitt, seorang kacukan Dusun dan orang putih.[16] Bapa Jules Stephen Pavitt adalah Ernest Alfred Pavitt, seorang juruukur untuk Syarikat Berpiagam Borneo milik Dent bersaudara juga merangkap sebagai Pemangku Pesuruhjaya Tanah di Borneo. Pavitt yang berasal dari New Zealand lahir pada tahun 1856. Pada tahun 1880 Pavitt telah meninggalkan New Zealand untuk bekerja di Sabah dan pada waktulah dia telah berkahwin dengan Kwai, anak perempuan ketua kampung Limbahau, di Papar. Daripada perkahwinan ini lahirlah Jules Stephens Pavitt, bapa Donald. Ibu Donald pula bernama Edith Cope, seorang perempuan kacukan yang berdarah separuh Jepun dan separuh Inggeris, walaupun asal usul bapanya tidak begitu jelas. Donald yang nama lengkapnya ialah Donald Aloysius Marmaduke Stephens lahir di Kudat pada 14 September 1920. Waktu Donald Stephens membesar di Kudat dia bergaul secara akrab dengan anak-anak tempatan yang seangkatan dengannya. Asal usulnya sebagai seorang *Eurasian* (Serani) mungkin telah menolongnya untuk muncul sebagai seorang pengusaha akhbar dan juga wartawan dalam sebuah masyarakat yang serba mundur. Sebagai orang surat khabar dia tentu amat mengikuti keadaan yang menghalang kemajuan masyarakat yang menjadi sebahagian daripada keturunan bapanya. Inilah yang menyebabkan dia prihatin dengan masalah-masalah orang Kadazan dan Dusun.

Pada Februari 1955 Donald Stephens telah menerbitkan beberapa siri makalah di dalam akhbar *North Borneo News and Sabah Times* untuk membuka mata bangsa "Kadazandusun" tentang *identity*, bahasa dan kebudayaan serta tradisinya sebagai penduduk peribumi Sabah. Seruan yang dihimbau oleh Stephens itu telah merangsangkan lagi kaum inteligensia Kadazandusun bagi menggerakkan persatuan yang telah pun mereka dirikan pada tahun 1953. Sesungguhnya, pada 24 Ogos 1953, Persatuan Kadazan [*Society of Kadazans*] yang pertama telah didaftarkan di Penampang dengan Joseph Tinoi sebagai

Presiden dan Vincent Ligunjang sebagai Naibnya. Manakala jawatan Setiausaha dipegang oleh seorang Cina bernama Richard F. Yap. Persatuan ini sebetulnya bermula sebagai sebuah badan sukan Sekolah St. Michael, yakni sebuah sekolah rendah di daerah Penampang.[17] Matlamat persatuan ini pada akhirnya ialah untuk memelihara dan meningkatkan kebajikan orang Kadazandusun serta memupuk budaya dan bahasa mereka.

Pada mulanya persatuan ini secara rasmi mempunyai 77 orang anggota yang membayar yuran. Tetapi besar kemungkinannya terdapat juga ahli-ahli yang tidak membayar yuran, seperti para ketua kampung misalnya.[18] Suatu hal yang agak menarik ialah bahawa "Society of Kadazans" ini nampaknya bergerak dengan kepemimpinan yang melibatkan bukan sahaja orang Kadazandusun tulen tetapi orang Cina yang dalam pengistilahannya di Sabah, disebut "Sino-Kadazan". Pada tahun 1953, Setiausaha persatuan ini ialah Richard Yap, dan setahun kemudian, jawatan Presiden telah jatuh ke tangan Tan Ping Hing. Pada tahun 1957 seorang Cina yang bernama Lee Kim Cheong juga telah dipilih untuk memegang jawatan Presiden.[19] Donald Stephens telah memberikan sokongannya kepada setiap kegiatan persatuan itu. Pada 30 Mac 1957, atas undangan Lee Kim Cheong, Stephens telah menghadiri mesyuarat agung [the] Society of Kadazans. Tanpa disangkanya, mesyuarat ini telah memilihnya sebagai Naib Presiden persatuan itu. Pada tahun berikutnya, apabila Lee Kim Cheong meletakkan jawatan, Stephens pun dipilih sebagai Presiden.[20]

Kesedaran kaum Kadazandusun untuk berpersatuan tampaknya semakin menyerlah apabila pada tahun 1958 itu satu sayap belia pergerakan Kadazan telah didirikan di Penampang.[21] Dinamakan Kadazan Youth Association atau Persatuan Belia Kadazan, pertubuhan ini menumpukan perhatiannya kepada kegiatan belia dengan para anggotanya terdiri daripada para guru dan pelajar Sekolah St. Michael Penampang. Tetapi seperti [the] Society of Kadazans, Kadazan Youth Association atau Persatuan Belia Kadazan inipun mempunyai pemimpin yang kebanyakannya adalah daripada kalangan yang berketurunan Cina atau "Sino-Kadzaan". Ahli-ahli jawatankuasa kerjanya terdiri daripada Cyril Fung, seorang kakitangan kerajaan, sebagai Presiden, William Chan, Naib Presiden, serta Frederick Tan sebagai Setiausaha, dan dua orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada pemuda-pemuda Kadazan, iaitu Peter Pancratius dan Loysius Joeman.[22]

Di bawah kepemimpinan Donald Stephens, Persatuan Kadazan pun menjadi bertambah kuat dan berpengaruh. Pada tahun 1960 di dalam mesyuarat agung persatuan itu Donald Stephens telah mengumumkan bahawa kerajaan British telah bersetuju untuk mengiktiraf Pesta Menuai (yang pada hari ini dinamakan *Tadau Kaamatan*) sebagai Hari Besar kaum "Kadazandusun" dan justeru layak diisytiharkan sebagai cuti am untuk negeri Sabah. Sebagai mengenang jasa Stephens yang telah banyak berusaha untuk kepentingan bangsa Kadazandusun, dia telah diberi gelar "*Huguan Siou*" (penghulu besar lagi berani) pada waktu itu. Dialah pemegang gelaran ini yang pertama.

Penampilan Persatuan Kadazan sebagai penggerak kaum Kadazan dan Dusun mencatat sejarah lagi akibat daripada peristiwa yang berlaku pada tahun 1961. Pada 27 Mei 1961 di dalam ucapannya pada jamuan yang diadakan

di Singapura untuk Persatuan Koresponden Asing Asia Tenggara, Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, telah menyatakan bahawa suatu kesefahaman perlu diwujudkan "antara Malaya dengan Britain dan rakyat Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak".[23] Sebenarnya, pada kesempatan itu Tunku sedang mengutarakan cadangan agar sebuah Persekutuan Malaysia dibentuk, yakni yang akan merangkumi Tanah Melayu dan wilayah-wilayah yang disebutnya itu.[24]

Pengumuman yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman itu tentu sekali mengejutkan banyak pihak, khasnya penduduk Sabah dan juga Sarawak. Bagi Donald Stephens gagasan Malaysia itu sangat dicurigainya kerana ternyata kemunduran bangsa "Kadazandusun" akan menyukarkan mereka untuk berada dalam skema yang dicadangkan itu. Pada awal bulan Julai 1961 Stephens pun mengadakan rundingan dengan A. M. Azahari, pengerusi Parti Rakyat Brunei, dan Ong Kee Hui, pengerusi Sarawak United People's Party dengan tujuan untuk membentuk satu barisan menentang gagasan Malaysia. Tetapi pendirian ini ternyata berubah selepas Donald Stephens menghadiri Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel di Singapura pada 21 Julai. Atas pujukan Lee Kuan Yew, yang menjelaskan kepada Stephens dan pemimpin lainnya tentang betapa baik dan bermanfaatnya jika Sabah menyertai Persekutuan Malaysia yang dirancangkan itu, maka Stephens pun menginsafi akan faedah gagasan itu untuk masa depan Sabah jika ia menganggotainya; dia kemudiannya bersetuju pula untuk menerima undangan Tunku Abdul Rahman ke Kuala Lumpur untuk berbincang lagi mengenai gagasan Malaysia itu. Tetapi walau bagaimanapun, persiapan untuk menggerakkan bangsa Kadazandusun perlu dibuat. Oleh yang demikian, dia telah mengalihkan pandangannya kepada Persatuan Kadazan yang diterajuinya. Maka pada 6 Ogos 1961 tidak sampai tiga bulan selepas Tunku membuat pengumuman bersejarahnya, Persatuan Kadazan pun ditukar menjadi sebuah parti politik dengan mengambil nama United National Kadazan Organisation (UNKO). Donald Stephens sendiri menjadi Presidennya dan G. S. Sundang, pemimpin Murut dari Keningau, sebagai Naib Presidennya.[25] Dengan menggunakan istilah "Kadazan", Donald Stephens sebenarnya cuba mengangkat darjat dan martabat kaum itu dengan melembagakan penggunaannya dan menolak pengumuman istilah "Dusun". Tetapi penggunaan istilah ini pun tidak sebulatnya diterima oleh semua golongan suku kaum Dusun. Masih banyak suku kaum Dusun yang lebih selesa atau senang dengan nama "Dusun".

Langkah politik yang diambil oleh Donald Stephens itu dengan segera pula dicontohi oleh masyarakat Islam Sabah. Datu Mustapha yang, sama seperti Stephens, juga berasal dari Kudat, menyedari betapa perlunya masyarakat bumiputera Islam membuat persiapan politik bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan selepas British melepaskan tanah jajahannya dari kolonialisme British. Pada waktu itu Mustapha juga adalah seorang anggota Majlis Perundangan. Sebenarnya, British telah membimbing dan mengasuh Mustapha untuk memikul tanggungjawab kepemimpinan dalam masyarakat Sabah yang baru, yang akan melibatkan perubahan-perubahan konstitusional yang dilakukan oleh British. Dengan latar belakang peranan yang dimainkan oleh

British ini, tidaklah menghairankan apabila dalam satu mesyuarat di Kudat pada 9 November 1961, telah disepakati oleh mereka yang hadir untuk menubuhkan sebuah parti politik. Nama parti itu ialah United Sabah National Organization atau ringkasnya USNO. Walau bagaimanapun, pelancaran USNO hanya dibuat pada 24 Disember 1961.

Pada peringkat awalnya sokongan dan keanggotaan USNO banyak diperoleh dari pertubuhan-pertubuhan Islam yang sedia wujud. Memang sejak dari mula lagi pendirian USNO terhadap gagasan Malaysia ialah menyokong sepenuhnya rancangan Tunku Abdul Rahman itu. Walaupun secara rami USNO menyatakan bahawa keanggotaannya terbuka kepada semua kelompok etnik di Sabah tanpa mengira agama dan suku kaum, namun pada kenyataannya sokongan yang diterimanya adalah daripada kalangan suku kaum Bajau, Sulu, dan Melayu Brunei.

Kemunculan dua buah parti politik di Sabah menjelang pembentukan Malaysia harus dilihat dalam konteks pergolakan politik serantau, dan juga perubahan kemasyarakatan yang telah menyaksikan penubuhan persatuan-persatuan yang mula-mulanya bersifat sosial dan kemudiannya mengambil bentuk *socio-religious*. Persoalan identiti jelas menjadi anak kunci kepada isu perpaduan dan keterlibatan di dalam persatuan bagi masyarakat bumiputera Sabah. Bagi masyarakat bumiputera Islam, identiti "Melayu" yang digunakan secara longgar nampaknya menjadi landasan pertama yang kemudiannya diperkuat oleh identiti keagamaan, iaitu Islam sebagai tali pengikat persatuan yang lebih ampuh. Dalam hal ini faktor hubungan secara tidak langsung dengan Semenanjung Tanah Melayu juga tidak boleh diabaikan. Ini berbeza dengan masyarakat Kadazan yang mencari jati dirinya nama bangsanya yang diperbalahkan: Dusun atau Kadazan? Terkait dengan isu identiti ialah tafsiran terhadap apa yang disebut moden, dan permodenan itu dikaitkan pula dengan Barat yang ada kaitannya dengan agama Kristian itu sendiri. Perbezaan tanggapan antara dua komuniti mengenai sumber jati diri masing-masing kini menampakkan kemunculan budaya politik yang mewarnai persaingan antara kaum. Parti-parti politik yang berlandaskan etnik tidak dapat atau mungkin sukar untuk mengelakkan diri daripada mencipta identiti yang, pada hakikatnya, boleh menimbulkan polarisasi antara etnik.

Sama seperti pertubuhan-pertubuhan sosiobudaya dan sosioagama yang wujud dalam tahun 1950-an dalam kalangan orang Islam di Sabah, erti USNO juga mencerminkan identifikasinya dengan ciri-ciri budaya dan agama yang dikongsi bersama dengan erti politik dan persatuan-persatuan yang wujud di Semenanjung. Setidak-tidaknya ada kecenderungan untuk mengidentifikasikan dirinya dengan apa yang ada di Semenanjung. Gejala ini masih berterusan sehingga kini. Tampak lebih mudah bagi parti seperti UMNO untuk memahami budaya politik di Semenanjung dan kesefahaman inilah yang membolehkan Malaysia sebagai sebuah gagasan disokong oleh USNO sejak mula lagi.

Setelah kita melihat betapa kesedaran politik zaman prakemerdekaan telah dicetuskan oleh idea-idea "luar" seperti yang terlihat dalam langkah-langkah yang diambil oleh golongan inteligensia bumiputera, baik di Semenanjung mahupun di Sabah, kita mungkin akan bertanya: Bagaimanakah timbulnya kerjasama politik

antara suku kaum bumiputera dengan kaum-kaum bukan bumiputera selepas usainya tempoh Perang Dunia Kedua, dan apakah wadah politik yang dibayangkan demi merealisasikan ciri kemajmukan etnik dalam budaya politik Malaysia yang dari segi sejarahnya bermula di Malaya? Untuk menjawabnya bab berikut akan cuba memperlihatkan perkembangan politik yang berlaku di Tanah Melayu atau Malaya dan usaha yang dijalankan oleh para pemimpin daripada tiga suku kaum yang utama, iaitu, Melayu, Cina dan India dalam memperjuangkan suatu bentuk kerjasama politik yang bersifat berbilang kaum.

Nota

[1] Makalah ini telah diterbitkan di dalam majalah *Perpaduan*, no.1/2000, Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial, Kuala Lumpur.

[2] Manuskrip yang bertulisan Jawi dan menggunakan bahasa Idahan ini berupa cerita mitos tentang asal usul bangsa Idahan. Manuskrip ini membuktikan bahawa orang Idahan telah pun memiliki tulisan sejak awal abad ke-15. Menurut cerita rakyat, seorang yang bernama Abdullah adalah orang Idahan pertama yang memeluk Islam di Darvel Bay. Lihat Tom and Barbara Harrison, *The Prehistory of Sabah*, Sabah Society Journal Monograph, vol. iv, 1969-1970, Kota Kinabalu, 1971, h. 229 – 235.

[3] Baru pada 27 Disember 1949 kerajaan Belanda memindahkan kedaulatan kepada negara Republik Indonesia Serikat yang bererti ia diiktiraf oleh kerajaan Nederland sebagai negara yang merdeka sepenuhnya.

[4] Sejak penubuhan Komanwel Amerika pada tahun 1935 Amerika Syarikat telah pun berjanji untuk memberikan kemerdekaan kepada bangsa Filipina dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun, pada 14 Oktober 1943 Jepun telah pula "mengisytiharkan" Republik Filipina di bawah pimpinan Jose P. Laurel sebagai Presiden.

[5] Untuk perbincangan lanjut lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar*

[6] Sabihah Osman, "Perkembangan Politik Sabah" dalam Hairi Abdullah et al. (peny.), *Sabah: Perubahan dalam Pembangunan*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1986, h. 73. Semua maklumat yang menyentuh penubuhan badan-badan politik di Labuan diambil dari sumber yang sama.

[7] Di Sarawak sendiri pertubuhan politik yang bercita-cita memperjuangkan kemerdekaan dikenali dengan nama Persatuan Melayu Sarawak. Persatuan ini menentang penyerahan Sarawak oleh keluarga Brooke kepada kerajaan British.

[8] Tentang sebab perpindahan Tengku Noordin ke Jesselton tidak dapat dipastikan sama ada kerana keterlibatannya di dalam PKMM atau dia pindahkan menurut proses yang biasa dilakukan terhadap sesiapa pun yang bekerja dengan kerajaan.

[9] Untuk maklumat lanjut mengenai kegiatan BARIP di Brunei, lihat Pehin Awang Mohd. Jamil, *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darusslaam*, Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1992, h. 6 – 7.

[10] R. E. Perry, *Colony of North Borneo Education Department Annual Report for the Year 1950, 31st December1950.*

[11] Terdapat 151 orang guru di sekolah kerajaan; tetapi di sekolah mubaligh Kristian terdapat 265 orang guru; manakala di sekolah swasta Cina pula bilangan gurunya ialah 229 orang.

[12] Orang Kaya-Kaya, yakni gelar yang bertaraf pangkat pertama dalam hierarki kepemimpinan bumiputera di Sabah. Dalam bahasa Inggeris disebut '*native chief*'.

[13] Menurut Allahyarham Datuk Ampong Kerahu, Persatuan Melayu Tawau kerap berlanggan majalah seperti *Hiburan*, *Qalam* dan *Mastika*. Pada masa sebelum perang orang Tawau memang biasa berlanggan akhbar dan majalah *Warta Ahad*, *Saudara* dan *Lembaga Malaya*.

[14] Temu bual dengan Datuk Ampong Kerahu di rumahnya pada Ogos, 1998.

[15] Ketut Bali waktu itu adalah seorang pemuda yang berasal dari Selatan Thailand. Seorang mualaf, dia mengambil nama Islam, Abdul Rahim bin Abdullah. Kegiatannya di Sabah banyak dibantu oleh Donald Stephens. K. Bali terkenal sebagai penulis dan juga pelukis. Pada awal tahun 1950an dia melukis komik untuk diterbitkan oleh majalah kanak-kanak,*Tunas* yang dikendalikan oleh Harun Aminurrasyid di Singapura.

[16] Maklumat berhubung dengan latar belakang keluarga Donal Stephens diambil daripada karya, P. J. Granvill-Edge, and Rajen Devadason, *The Sabahan: The Life and Death of Tun Fuad Stephens*, The Writers' Publishing House Sd. Bhd., 1999, h. 29- 38.

[17] Antara nama-nama individu yang diketahui terlibat dalam penubuhan badan ini ialah: Joe Manjaji, Claudius Yap (juga seorang Cina), dan Herman Motogol. Lihat J. Herman Luping, *Sabah's Dilemma: the political history of Sabah (1960 – 1994)*, Magnus Books, Kuala Lumpur, 1994, h. 100.

[18] Ibid.

[19] Ibid.

[20] Ibid.

[21] Pada pertengahan tahun 1957 sebuah kelab belia yang bernama Jesselton Youth Club telah pun wujud di bandar Jesselton. Besar kemungkinannya kewujudan kelab ini telah memberi ilham kepada belia Penampang untuk menubuhkan sebuah Persatuan Belia Kadazan. Tentang Jesselton Youth Club, lihat *Anak Sabah*, Mei 1957, h. 3.

[22] *Anak Sabah*, Mei 1958, h. 3.

[23] Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back, the historic years of Malaya and Malaysia*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1977, h. 81.

[24] Cadangan menggabungkan Sabah dengan Persekutuan Tanah Melayu telah pernah dibuat pada tahun 1946. Prof. T. H. Silcock dari Universiti Malaya, Singapura, pernah mencadangkan konfederasi yang sedemikian. Lihat J. P. Ongkili, Nation-Building in Malaysia, 1946 – 1974, Oxford University Press, Singapore, 1985, h. 151.

[25] Pada mulanya Sundang menyokong Stephens lantaran pendirian anti-Malaysiannya, tetapi apabila Stephens bertukar haluan dia telah bsertelagah dengannya dan langsung keluar dari UNKO.

8

Perlembagaan Rakyat: Upaya Kaum Bukan Melayu dan Aliran Kiri Melayu Membina Nasion Malaya yang Berbilang Bangsa[1]

Dalam sejarah moden Malaysia sebagai sebuah negara bangsa, periode selepas tamatnya Perang Dunia Kedua merupakan satu babak yang sangat penting. Sebaik sahaja Jepun menyerah kalah kepada tentera Sekutu, gerombolan tentera Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)[2] yang didukung oleh Parti Komunis Malaya (PKM) telah meragut peluang untuk menancapkan kuasa dan wibawanya di Semenanjung Tanah Melayu. Peristiwa yang kepada orang Melayu dikenali sebagai 'pemerintahan Bintang Tiga' ini telah membawa kepada pergaduhan antara orang Melayu dengan Cina di beberapa tempat di negeri Selangor, Perak, Johor, dan Negeri Sembilan[3] serta ketegangan kaum hampir di semua negeri di pantai barat Tanah Melayu. Kegelojohan tindakan anggota-anggota MPAJA/PKM membalas dendam terhadap orang Melayu yang didakwa berkolaborasi dengan Jepun dilihat oleh orang Melayu sebagai usaha mahu mengambil alih kuasa serta merampas hak milik orang Melayu ke atas Tanah Melayu.

Dengan latar belakang konflik etnik ini tampak seolah-olah penduduk Malaya pada waktu itu tidak mungkin dapat hidup aman dan sejahtera. Keadaan hubungan orang Melayu dengan orang Cina boleh dikatakan amat genting. Betapapun demikian, ketika permusuhan Melayu-Cina sedang berkecamuk di kampung-kampung pada bulan-bulan penghujung tahun 1945 itu, Parti Komunis Malaya telah cuba mempengaruhi orang Melayu untuk mewujudkan kerjasama antara kaum. Kerjasama ini dirintis dengan upaya mereka untuk menghubungi puak nasionalis Melayu yang antipenjajahan. Melalui seorang komunis Melayu berketurunan Minangkabau, iaitu Mokhtaruddin Lasso, PKM pada bulan

September 1945 cuba menjalin kontak dengan Ahmad Boestamam, editor *Suara Ra'ayat*[4] di Ipoh. Ahmad Boestamam diminta agar dapat mengadakan mesyuarat bagi penubuhan sebuah parti nasionalis Melayu yang antikolonial. Mokhtaruddin yang ditemani oleh Arshad Asha'ari, Baharuddin Tahir, Rashid Maidin dan Abdullah C.D. telah menghadiri mesyuarat itu yang hasilnya ialah penubuhan Partai Kebangsaan Melayu Malaya atau ringkasnya PKMM. Untuk menggerakkan parti itu wang sebanyak 100,000 ringgit dikatakan telah didermakan oleh Parti Komunis Malaya.[5] Parti ini ditubuhkan pada 17 Oktober 1945.[6]

Dalam kongres pertamanya yang diadakan di *Town Hall* Ipoh pada 30 November 1945 - 3 Disember 1945, wakil-wakil MPAJA, Perak People's Association (yang diwakili oleh pemimpin India dan Cina) telah turut hadir. Pada kongres itu Mokhtaruddin Lasso, komunis yang diberi mandat oleh PKM untuk mendirikan pertubuhan nasionalis itu, terpilih sebagai Presiden. Dalam ucapannya, Mokhtaruddin menegaskan bahawa Parti Kebangsaan Melayu Malaya tidak akan menjadi parti yang berlandaskan nasionalisme sempit, sebaliknya akan berdasarkan 'internasionalisme'. Tiga usul penting yang dikemukakan pada kongres itu ialah: Malaya adalah sebahagian daripada Indonesia, PKMM mengalu-alukan penubuhan 'Malayan Union', dan PKMM bertekad untuk hidup berdamai dengan semua bangsa yang tinggal di Malaya dan bekerjasama dengan mereka.[7] Dalam menggariskan dasarnya parti itu jelas menekankan tekadnya untuk memperjuangkan kemerdekaan Malaya dalam sebuah republik Indonesia merdeka. Tetapi juga amat ketara dalam haluan PKMM ialah kecondongannya kepada politik kiri yang mungkin mencerminkan peranan Mokhtaruddin Lasso pada peringkat awal usia parti itu; hal ini dapat dilihat pada lapan perkara yang menjadi dasar PKMM,[8] iaitu:

1. Mempersatu padukan [*sic*] bangsa Melayu, menanamkan semangat kebangsaan dalam dasar sanubari orang Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya, di dalam keluarga yang besar iaitu Republic [*sic*] Indonesia Raya.
2. Bertujuan hendak mencapai hak kemerdekaan berpidato, bergerak, berfikir dan menuntut pelajaran.
3. Membangkitkan kedudukan iktisad [*sic*, ekonomi] bangsa Melayu dengan jalan memajukan perusahaan, perniagaan dan pertanian serta menaikkan taraf penghidupan bangsa Melayu.
4. Mencapai kebebasan bercucuk tanam. Orang yang hendak bercucuk tanam itu dibebaskan daripada membayar sewa tanah bila-bila masa dan di mana juga dan dibebaskan pula menjual hasil usahanya itu di pasar perniagaan.
5. Menghendaki diberi kebebasan penuh kepada orang Melayu mendirikan sekolah-sekolah kebangsaan mereka, iaitu tempat mereka mendapat pelajaran-pelajaran dengan bahasanya dengan percuma.
6. Menghendaki kebebasan mencetak buku-bukunya sendiri, menggalakkan pelajaran secara demokrasi, supaya meninggikan kedudukan bangsa Melayu dalam siasat [*sic*, politik] untuk mendiayahkan [menyebarkan] rasa kebangsaan kepada orang-orang Melayu.

7. Party [*sic*] Kebangsaan Melayu hendak bekerjasama dengan lain-lain bangsa yang tinggal dalam negerinya ini [Malaya] hidup dengan berbaik-baik dan bekerja untuk mendirikan perpaduan penduduk-penduduk Malaya (Malayan United Front) bagi menjadikan Malaya Merdeka, makmur dan bahagia sebagai satu anggota Republic [*sic*] Indonesia-Raya.
8. Menyokong gerakan umat Indonesia dalam perjuangan mereka merebut kemerdekaan.

Pentingnya lapan perkara dasar ini jelas apabila ia dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang [Perlembagaan] PKMM yang telah diluluskan dalam Kongres PKMM yang pertama itu.[9]

Pada masa PKMM ditubuhkan, konsep Malayan Union baru sahaja diperkenalkan. Pada mulanya PKMM menyokong gagasan itu kerana menganggap British akan melaksanakan demokrasi, lantaran pada persepsi pemimpin parti itu, langkah untuk menyatukan sistem pentadbiran Malaya 'adalah keperluan asas sebuah negara yang demokratik'[10] 'Sebuah Kesatuan Malaya', kata seorang anggota jawatankuasa kerja parti itu, 'tidak akan melambatkan kemajuan orang Melayu'.[11] Tetapi sekalipun sokongan terhadap Malayan Union itu dan penerimaannya telah diluahkan oleh beberapa orang Melayu di dalam akhbar ketika itu, rata-rata antara mereka ramai yang menolak kerakyatan diberikan secara liberal kepada penduduk bukan Melayu.[12] Pemberian hak kerakyatan yang sama kepada orang asing dianggap bukan sahaja menafikan hak orang Melayu dan memberi faedah kepada orang asing dengan mengorbankan orang Melayu, tetapi juga ibarat membenarkan 'serigala masuk ke kandang biri-biri'.[13]

Seperti yang kita semua maklumi, isu pemberian kerakyatan kepada bangsa-bangsa asing di dalam sebuah Malayan Union inilah yang menjadi pencetus paling utama dalam menggerakkan nasionalisme Melayu yang diterajui oleh Dato' Onn Jaafar dan yang pada rentetan akhirnya telah melahirkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO[14] pada 11 Mei 1946. Di pihak PKMM pula, apabila kertas putih Malayan Union itu diterbitkan pada 22 Januari 1946 untuk dihebahkan kepada awam, parti itu pun sedar betapa demokrasi yang dijanjikan oleh British dan semangat Piagam Atlantik seperti yang diungkapkan oleh Winston Churchill bahawa Britain akan membangunkan pemerintahan sendiri untuk tanah-tanah jajahannya, telah dimungkiri.[15] Maka menjelang Februari 1946 parti itu pun ikut menentang Malayan Union. Pada 17 Februari 1946 PKMM menubuhkan sayap pemudanya yang diberi nama Angkatan Pemuda Insaf (API).[16]

Justeru bantahan yang sebegitu hebat dari seluruh lapisan masyarakat Melayu terhadap dasar baru British pada era pasca serah kalah Jepun, maka menjelang Mei 1946 gagasan Malayan Union itu terpaksa diakui gagal oleh British, setelah wujud sejak 1 April; dan kerajaan British pun mulai berfikir semula tentang cadangan yang dikemukakan oleh raja-raja Melayu dalam bulan Mac agar gagasan Persekutuan dibentuk bagi menggantikan Malayan Union yang sangat dibenci oleh orang Melayu.[17] Ekoran daripada itu, pada bulan Julai British bersama-sama dengan empat orang raja-raja Melayu dan wakil-wakil UMNO pun mencapai persetujuan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja bagi tujuan

menggubal cadangan-cadangan ke arah mewujudkan sebuah pemerintahan yang berstruktur federal. Tetapi langkah British untuk berunding hanya dengan pihak raja-raja Melayu dan UMNO jelas sekali telah membangkitkan tentangan dari pelbagai pihak, yang terdiri daripada pertubuhan dan parti orang bukan Melayu, juga PKMM sendiri.

Peminggiran yang dilakukan oleh kerajaan British terhadap kumpulan atau parti selain UMNO ketika gagasan Persekutuan dibincangkan, memang sesungguhnya tidak disenangi oleh parti dan pertubuhan-pertubuhan orang bukan Melayu dewasa itu. Pemimpin Malayan Indian Congress (MIC), J. Thivy, misalnya telah memihak kepada aliran kiri Melayu, khasnya PKMM, walaupun pada mulanya dia turut menentang Malayan Union kerana menganggap gagasan itu dipaksakan ke atas Malaya. Seyogia diingati, suasana politik yang memarak ketika itu telah menyaksikan lahirnya Malayan Democratic Union (MDU) di Singapura pada 21 Disember 1945.[18] Orang yang bertanggungjawab menubuhkannya ialah Tan Cheng Lock. Seperti yang dialami oleh PKMM, parti ini juga mendapat dukungan Parti Komunis Malaya[19] sekalipun Tan bukan seorang yang pro-komunis. Pada waktu kertas putih mengenai Malayan Union diedarkan MDU sebenarnya menyokong gagasan Malayan Union itu, walaupun parti itu menentang tidak termasuknya Singapura di dalam Malayan Union. Sepanjang tahun 1946 MDU sememangnya berpendirian pro-Malayan Union.[20]

Parti Komunis Malaya yang pada ketika kertas putih Malayan Union disebarkan mengambil sikap acuh tak acuh, telah berubah pendirian dan turut melancarkan serangan terhadap Persekutuan setelah gagasan itu mendapat tentangan yang lantang daripada UMNO sehingga menyebabkan ia harus digantikan dengan gagasan Persekutuan. Seperti parti-parti bukan Melayu yang lain, PKM pun mahukan sebuah perlembagaan yang memberikan kemudahan kerakyatan kepada komuniti imigran bukan Melayu. Tetapi walaupun ia kuat menentang gagasan yang dilihatnya sebagai memihak kepada orang Melayu, PKM tidak berdaya untuk menerajui penentangan itu.

Pada 16 Disember 1946, satu telegram telah diterima oleh Setiausaha Kerajaan British Bagi Tanah Jajahan yang isi kandungannya:

a) memaklumkan tentang penubuhan badan yang bernama Council of Joint Action (CJA) [Majlis Tindakan Bersama] di Singapura pada 14 Disember;
b) meminta agar CJA diiktiraf oleh kerajaan sebagai satu-satunya badan yang bersifat pelbagai kaum yang harus dibawa berunding mengenai isu-isu perlembagaan;
c) menyatakan tiga prinsip yang mendasari perjuangan dan tujuan Majlis itu, yakni: i) sebuah Malaya Bersatu termasuk Singapura; ii) pemerintahan sendiri yang bertanggungjawab melalui Dewan Perundangan yang dipilih sepenuhnya untuk seluruh Malaya; iii) hak-hak kerakyatan yang sama kepada semua yang menjadikan Malaya tempat tinggalnya yang kekal dan sasaran taat setianya yang tidak berbelah bagi;
d) memaklumkan rasa tidak puas hati CJA terhadap tindakan kerajaan British yang telah petaruhkan dirinya (*committed*) ke arah menerima cadangan-cadangan perlembagaan yang baru yang dicapai melalui rundingan secara

lagsung dengan raja-raja dan UMNO, yang hanya mewakili sebahagian tertentu masyarakat Melayu tanpa berunding terlebih dahulu dengan rakyat Malaya.[21]

Penubuhan CJA amat merisaukan British lantaran badan inilah yang menggembleng suara orang bukan Melayu yang menentang dengan vokal kerajaan British kerana tidak dibawa berunding dalam penyediaan satu perlembagaan baru untuk menggantikan Malayan Union. Kejayaan pertubuhan itu mendapatkan publisiti dalam akhbar di Britain juga tidak menyenangkan kerajaan British. Pada 22 Disember, iaitu sehari selepas munculnya MDU, Council of Joint Action berubah nama menjadi Pan-Malayan Council of Joint Action (PMCJA) kerana seperti MDU ia juga mahukan nama Malaya untuk menunjukkan perjuangannya adalah bagi seluruh Malaya, termasuk Singapura. Pertukaran nama ini diabsahkan oleh kemasukan PKMM (Naib Pengerusi), MDU (Setiusaha), MIC (Bendahari), Straits Chinese British Association (SCBA).[22], Ceylon Tamils Association,[23] Singapore Clerical and Administrative Workers' Union,[24] Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU),[25] dan Indian Chamber of Commerce Singapore.[26]

Kebolehan PMCJA menarik badan-badan lain mendukung perjuangannya demi menentang ura-ura British menggubal perlembagaan Persekutuan hanya dengan orang Melayu sahaja membuktikan kemampuannya menjuarai gerakan itu; sekalipun PKM mempunyai pertalian dengan PMCJA tetapi ia jelas tidak mampu menguasai badan itu, sebaliknya hanya mampu mendalangi pertubuhan seperti MDU dan kesatuan-kesatuan buruh yang berada dalam PMFTU dan New Democratic Youth League,[27] sesuai dengan dasar '*united front*' atau barisan bersatunya.

Keberadaan PKMM di dalam PMCJA, walau bagaimanapun, tampaknya telah membuka mata kepemimpinan parti itu. Jika perjuangan asalnya lebih menekankan hasrat memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan menjadikan Malaya sebagai sebahagian daripada Indonesia Raya, kini dengan bersekongkol dalam satu pertubuhan yang dianggotai oleh beberapa badan pergerakan bukan Melayu PKMM merasa seolah-olah suaranya menjadi suara minoriti. Ketika mesyuarat kedua PMCJA diadakan, pada 5 Januari 1947, PKMM telah tidak ikut hadir. Parti itu berkecil hati kerana tuntutannya agar ia diberikan hak menolak atau kuasa *veto* apabila timbul sesuatu perkara yang menjejaskan kepentingan orang Merlayu telah tidak dihiraukan.[28] Justeru PKMM berasa perlu untuk keluar daripada pertubuhan itu pada 23 Januari 1947 dan lantas mendirikan sebuah badan gabungannya sendiri yang menyerupai PMCJA. Dalam tempoh yang singkat, pada 22 Februari 1947 PKMM pun berjaya membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), sebuah badan gabungan, yang dianggotai oleh beberapa pertubuhan Melayu beraliran kiri, termasuk PKMM sendiri.[29] Ishak Hj. Muhammad, naib presiden PKMM dipilih sebagai Ketua untuk memimpin PUTERA.[30] Mesyuarat penubuhannya itu telah diadakan kerana ingin menyatakan penentangan aliran kiri Melayu terhadap perlembagaan Persekutuan dan sambil itu mencadangkan

penggubalan sebuah perlembagaan baru sebagai ganti. PUTERA juga mengaku untuk memperjuangkan tiga prinsip[31] yang telah pun dikemukakan oleh PMCJA kepada kerajaan British sejak penubuhannya. Penubuhan PUTERA membolehkan puak kiri Melayu untuk duduk sama taraf dengan PMCJA yang dianggotai beberapa pertubuhan kiri bukan Melayu. Gabungan ini jelas memperlihatkan usaha pertama parti politik Melayu dan bukan Melayu menjalin kerjasama dalam suatu perikatan. Dengan penggabungan itu, PMCJA pun menukar namanya menjadi All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA). Susulan daripada itu, maka lahirlah gabungan PUTERA-AMCJA.

Apabila berbicara tentang Perlembagaan Rakyat, peranan Tan Cheng Lock adalah amat penting ditinjau. Kehadiran Tan Cheng Lock sebagai pemimpin CJA, PMCJA dan kemudiannya AMCJA telah menjadikan badan itu sebagai landasan yang penting bagi gerakan radikal di Malaya kerana latar belakang sosialnya yang utuh dan konsistensinya memperjuangkan kerakyatan dan hak yang sama bagi bangsa-bangsa bukan Melayu walaupun dia sendiri bukanlah seorang sosialis atau seorang yang termakan oleh pengaruh ideologi komunis. Di bawah kepemimpinan Tan Cheng Lock para inteligensia di dalam CJA menemukan suara yang lebih efektif untuk mewakili pertubuhan-pertubuhan bukan Melayu khasnya yang menentang kerjasama Inggeris-Melayu dalam menggubal perlembagaan Persekutuan. Seyogia diingati, Tan Cheng Lock adalah seorang hartawan Cina 'baba' terkenal dari Melaka yang memiliki ladang dan perusahaan getah yang amat besar serta mengepalai beberapa firma dagang termasuk bank dan insurans. Sejak tahun 1930 dia juga memegang jawatan Naib Presiden bagi Dewan Perniagaan.[32] Melaka. Lantaran lahir di Melaka, sebuah Negeri Selat, dia adalah seorang rakyat British. Lebih daripada itu Tan Cheng Lock juga seorang yang berotak intelektual dan ahli politik yang berpengalaman. Seorang yang berpendidikan Inggeris,[33] dia rajin menulis dan buah fikirannya dituangkannya melalui *The Malaya Tribune*, akhbar yang dimilikinya sejak 1930-an. Surat khabar ini sering digunakannya untuk menerbitkan tulisan-tulisannya yang bersifat politik setelah dia kembali ke Malaya pada Jun 1946.

Sebagai wakil orang Cina, dia pernah memegang jawatan pesuruhjaya Majlis Perbandaran Melaka dari tahun 1912 hingga 1922. Kemudian dilantik oleh British untuk menganggotai pula Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat dari tahun 1923 sampai 1934. Antara tahun 1933 dan 1935 dia juga menganggotai Majlis Eksekutif Negeri-Negeri Selat. Pada zaman penjajahan Jepun dia telah bergerak aktif dalam Persatuan Cina Seberang Laut yang diasaskan dan diketuainya antara November 1943 dan Jun 1946 ketika bersuaka di India. Dengan latar belakangnya ini tidaklah menghairankan jika dia mudah bersemuka dengan pegawai-pegawai kolonial dan berani mengemukakan pandangan dan kritikannya kepada kerajaan secara langsung.

Dalam tulisan-tulisannya pada waktu sebelum perang, dua pandangannya yang mendasari pegangan politiknya ialah: i) bahawa orang Cina berhak diberikan peluang menjadi rakyat Malaya dengan hak-hak yang sama dengan orang Melayu; ii) bahawa orang Melayu, seperti juga orang Cina adalah kaum pendatang;[34]

iii) bahawa dasar 'Malayanization' dengan menjadikan bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu sebagai langkah ke arah asimilasi budaya tidak dapat diterima oleh bangsa Cina di Malaya[35]; iv) bahawa kekuatan ekonomi Malaya adalah akibat daripada jasa orang Cina; dan justeru-imigrasi orang Cina ke Malaya, walaupun boleh diatur, mestilah diteruskan demi memastikan kesinambungan kemakmuran ekonomi Malaya; v) kemunduran orang Melayu dari segi ekonomi diakui dan mereka hendaklah dibantu, tetapi tanpa merugikan peluang orang Cina.[36]

Pada 23 Februari 1947 suatu telegram yang isi kandungannya membantah Cadangan Perlembagaan Persekutuan telah dihantar kepada Setiausaha kerajaan British bagi Tanah Jajahan. Kandungan isi telegram itu merupakan persetujuan sebulat suara Persidangan Dewan Perniagaan Cina Se Malaya yang diadakan di Kuala Lumpur pada tarikh tersebut.[37] Tiga perkara pokok yang disentuh ialah: a) soal pemerintahan sendiri yang dianggap akan lebih sukar diperoleh lantaran adanya fasal-fasal tertentu di dalam cadangan perlembagaan Persekutuan; b) pemerolehan kerakyatan akan menjadi sukar bagi sebilangan besar orang Cina, juga kerana beberapa fasal dalam cadangan perlembagaan itu; dan c) terkeluarnya Singapura daripada Persekutuan.[38]

Periode menjelang Mac 1947 memperlihatkan PKMM dan API (dua pertubuhan di dalam PUTERA) sebagai badan politik yang paling aktif di seluruh Malaya. Kegiatannya di utara Malaya dikatakan telah dibiayai oleh Tan Cheng Lock.[39]. Menjelang akhir Mac PUTERA juga telah mulai bertindak secara bersama dengan golongan kiri bukan Melayu demi menentang UMNO dan British. Satu langkah yang diambilnya ialah memulaukan Jawatankuasa Perundingan (*Consultative Committee*). Empat hari sebelum laporan Jawatankuasa Perundingan diterbitkan iaitu pada 31 Mac. PUTERA-AMCJA telah mengirim surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan mengadukan rungutannya bahawa Perlembagaan Persekutuan yang dicadangkan itu tidak mewakili pandangan penduduk Malaya, sambil mengatakan bahawa jika ia dipaksakan juga maka ia akan menjejaskan usaha ke arah rehabilitasi atau pemulihan Malaya.[40] PUTERA-AMCJA juga menyatakan bahawa kesan daripada pemulauannya terhadap Jawatankuasa Perundingan itu telah menyebabkan pandangan individu yang dapat dicungkil oleh Jawatankuasa itu menjadi terhad. Dalam surat itu sekali lagi ditegaskan tuntutannya agar diberi pertimbangan kepada perkara: i) sebuah Malaya yang termasuk Singapura; ii) pemerintahan yang bertanggungjawab hendaklah melalui dewan perundangan pusat dan negeri yang dipilih.[41]

Lantaran tidak mendapat sambutan daripada kerajaan British, Tan Cheng Lock kemudiannya mengancam hendak membawa masalah itu ke London dengan menghantar sebuah rombongan yang akan diketuai oleh beliau sendiri dan disertai oleh wakil-wakil PKMM, PMFTU, dan lain-lain pertubuhan 'demokratik'.[42] Pada ketika itu gabungan PUTERA-AMCJA telah pun mencapai kata sepakat untuk menggubal perlembagaan yang baru sebagai alternatif kepada cadangan perlembagaan Persekutuan. Untuk mendakyahkan gerakannya, PKMM telah menganjurkan persidangan di seluruh pelusuk negeri dalam bulan April dan Mei. Dalam perjumpaan pelbagai kaum yang diadakan di Taiping pada 13 April 1947,

dan dihadiri oleh sekitar 2,000 orang penyokong, PUTERA-AMCJA telah diberikan sokongan kerana menolak cadangan perlembagaan Persekutuan. Usul telah dibuat untuk menolak habis-habisan cadangan perlembagaan Persekutuan dan Laporan Jawatankuasa Perundingan (*Consultative Committee*) yang ditubuhkan oleh kerajaan British. Sebaliknya enam prinsip asas perlembagaan baru yang dikemukakan oleh PUTERA-AMCJA telah disokong, iaitu:

1. Sebuah Malaya yang bersatu termasuk pulau Singapura;
2. Dewan Perundangan Pusat, Negeri dan Negeri Selat, yang dipilih sepenuhnya;
3. Hak politik yang sama untuk semua yang menjadikan Malaya tempat tinggalnya yang kekal dan sasaran taat setianya yang tak berbelah bagi;
4. Sultan-sultan berperlembagaan yang memerintah melalui Dewan Negeri (*State Councils*) yang demokratik;
5. Tindakan berdasarkan perlembagaan yang khusus untuk memajukan dan mempertingkatkan orang Melayu;
6. Hal-hal yang menyentuh agama dan adat orang Melayu hendaklah dalam tangan orang Melayu.

Rapat raksasa ini juga menyokong usul-usul yang diluluskan dalam mesyuarat pada 30 Mac di Singapura. Selain itu rapat tersebut juga menyeru agar PUTERA-AMCJA mengadakan persidangan rakyat (*people's conference*) bagi tujuan menggubal satu perlembagaan yang demokratik untuk Malaya.[43]

Dr. Burhanuddin sendiri, ketika singgah di Burma dalam perjalanan pulangnya dari menghadiri Inter-Asian Relations Conference di New Delhi telah menegaskan tujuan PKMM iaitu mendapatkan kedaulatan untuk rakyat Malaya, menubuhkan sebuah kerajaan pusat yang kuat dan yang bertanggungjawab kepada dewan perundangan yang dipilih, memasukkan Singapura ke dalam wilayah Malaya, dan mendapatkan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaya.

Ulangan beberapa kali mengenai prinsip asas yang mula-mula dikemukakan oleh CJA dan kemudiannya mendapat dukungan PKMM menunjukkan betapa buah fikiran Tan Cheng Lock yang terserap ke dalam PMCJA kelihatannya telah mempengaruhi pandangan pemimpin-pemimpin PKMM termasuk Dr. Burhanuddin yang terkenal sebagai suara nasionalis Melayu yang bercita-cita untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan menubuhkan Indonesia Raya. Prinsip asas yang berulang kali dilontarkan oleh Tan Cheng Lock dan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam ucapan mereka kepada umum dan memorandum kepada kerajaan British ternyata kemudiannya dijadikan asas kepada perlembagaan yang bakal digubal oleh AMCJA-PUTERA.

Menjelang bulan Julai 1947 bahagian perisik British mengumumkan bahawa kejadian yang penting dalam bulan itu ialah pertemuan AMCJA dengan PUTERA. Mesyuarat yang diadakan pada 5 - 7 Julai itu dihadiri oleh Dr. Burhanuddin, presiden PKMM, Ishak Hj. Muhammad, ketua PUTERA, Tan Cheng Lock, pengerusi PMCJA , J. A. Thivy, presiden MIC, Ahmad Boestamam, presiden API, Chan Loo,

setiausaha PMFTU, Gerald de Cruz, pengarang akhbar '*Democrat*', dan John Eber dari MDU.[44] Pertemuan itu dilihat sebagai upaya 'darurat' PKMM untuk menentang UMNO dan British. Pada pertemuan itu PUTERA-AMCJA telah membincangkan dan meminda deraf perlembagaan alternatif yang telah sejak enam bulan terdahulu disediakan.

Setelah dibuat beberapa pindaan, deraf perlembagaan yang telah disemak itu pun disahkan dengan memasukkan beberapa perkara ke dalamnya. Yang penting antara perkara-perkara itu ialah: i) Singapura dimasukkan ke dalam Persekutuan; ii) kerakyatan Malaya diberikan secara automatik kepada semua orang yang lahir di Malaya;[45] iii) dewan perundangan perlu dibentuk melalui pilihan raya secara langsung; ahli majlis eksekutif hendaklah dipilih oleh Dewan Perundangan daripada kalangan ahli-ahli dewan itu; iv) bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi; tetapi penggunaan bahasa asing dibenarkan;[46] v) sebuah Majlis Bangsa-Bangsa (*Council of Races*) yang terdiri daripada wakil daripada setiap komuniti akan diberi kuasa untuk melengah-lengahkan sebarang undang-undang yang dikira diskriminatif atas alasan-alasan perkauman. Semua perkara ini dijadikan asas dalam penggubalan apa yang disebut "Perlembagaan Rakyat".[47]

Atas desakan dari PUTERA telah pula ditambah beberapa perkara lagi untuk memberikan citra bahawa perjuangan PKMM untuk orang Melayu masih tetap dipegang. PKMM mendesak agar: vi) kerakyatan Malaya dinamakan 'Melayu'. Dengan demikian, identiti kebangsaan atau rupa bangsa seseorang yang mendapat kerakyatan Malaya adalah 'Melayu' dan dia harus melepaskan kerakyatan asingnya yang asal; vii) Raja-raja Melayu hendaklah dikekalkan sebagai raja-raja berperlembagaan; viii) langkah khas hendaklah diambil demi memajukan dan mempertingkatkan kebajikan orang Melayu; ix) Hal-hal yang menyangkut agama dan adat orang Melayu hendaklah diletakkan di bawah kawalan orang Melayu. dan x) selama tempoh sembilan tahun (tiga penggal usia dewan perundangan) yang pertama, tidak kurang daripada 55% wakil-wakil Dewan Perundangan hendaklah terdiri daripada orang Melayu[48].

Walau bagaimanapun, apabila Perlembagaan Rakyat itu telah digubal dengan memasukkan semua prinsip yang diterima oleh kedua-dua belah pihak, ternyata Dewan Perniagaan Cina Bersekutu dan PKM tidak dapat memberikan sokongan penuhnya. Apabila kerajaan British mengumumkan pada 24 Julai 1947 bahawa cadangan Perlembagaan Persekutuan yang disemak telah diterima oleh rakyat Malaya terbanyak, perjuangan PUTERA-AMCJA ternyata gagal lantaran tidak menerima layanan British, sekalipun naskhah Perlembagaan Rakyat itu telah dikirimkan kepada kerajaan British.[49] Ulasan O.H. Morris, pegawai di Pejabat Kolonial pada minit "memorandum cadangan perlembagaan 1946 [perlembagaan rakyat]" yang dihantar oleh Tan Cheng Lock pada 23 Julai adalah: "ia hampir serupa dengan suatu bab (di halaman 148) dalam bukunya [Tan Cheng Lock], "Malayan Problems".[50] Menjelang November 1947 ternyata AMCJA-PUTERA masih belum mampu mengeluarkan naskhah lengkap perlembagaan yang mereka cadangkan. Naskhah yang dikirim kepada Pejabat Kolonial masih berupa deraf peringkat keduanya.[51] Hanya sekitar awal Disember baru Gabenor Gent menyatakan naskhah perlembagaan yang tercetak telah diterimanya.[52]

Kecewa dengan tindakan kerajaan British itu, Tan Cheng Lock telah menggesa agar dilancarkan '*hartal*' (tindakan tutup kedai dan memberhentikan semua kegiatan ekonomi) oleh para peniaga Cina. Sokongan yang diperoleh daripada Dewan Perniagaan Cina Bersekutu memberi semangat kepada PUTERA-AMCJA lantaran tindakan *hartal* yang dijalankan di Klang, Selangor dan Melaka pada 9 September 1947 itu tampaknya berkesan. Tindakan tutup kedai diteruskan pada 25 September di Ipoh dan Taiping, Perak. Kerana dirasakan ia berjaya, maka *hartal* sepanjang hari dilaksanakan pula untuk seluruh Malaya dan Singapura pada 20 Oktober.

Namun, sekalipun *hartal* itu membawa kerugian ratusan ribu ringgit kepada kerajaan, ia tidak pula sampai menjejaskan dasar-dasar British. *Hartal* terakhir itu ternyata merupakan kerjasama yang penghabisan antara PUTERA-AMCJA dengan Dewan Perniagaan Cina Bersekutu. Sebenarnya, walaupun *hartal* itu menerima sokongan Dewan Perniagaan Cina, dewan itu tidak ada kaitan dengan penggubalan Perlembagaan Rakyat dan tidak juga menyetujui prinsip-prinsipnya. Ia bahkan berasa 'segan' kerana telah menyokong tindakan *hartal* itu.[53] Walaupun AMCJA-PUTERA mempunyai rancangan untuk mengadakan *hartal* bersempena dengan tarikh pelaksanaan Persekutuan pada 1 Februari 1948, rancangan itu gagal kerana tidak mendapat sokongan masyarakat Cina.[54] Tentangan Dewan Perniagaan Cina terhadap Perlembagaan Persekutuan hanyalah kerana masyarakat Cina dan Dewan Perniagaannya berasa disisihkan oleh kerajaan British dan sementelahnya pula dua memorandum yang menentang Persekutuan yang dikirim kepada Setiausaha Tanah Jajahan adalah ditulis oleh Tan Cheng Lock dengan alasan yang sering dipakainya.

Kegagalan para penentang cadangan Perlembagaan Persekutuan membuktikan bahawa tindakan AMCJA-PUTERA yang pada mulanya disokong oleh PKM tidak memberi kesan kepada dasar-dasar British. Kerajaan British juga tidak memberi layanan kepada tuntutan yang dibuat oleh PUTERA-AMCJA kerana tidak mahu memberi muka kepada pertubuhan yang dianggapnya didalangi Parti Komunis. Sementelahnya pula British pun tahu bahawa kerjasama PUTERA yang seratus peratus dianggotai orang Melayu, dengan AMCJA lebih merupakan 'perikatan yang tak selesa'. Cita-cita nasionalisme Melayu dalam PKMM yang amat pro-Indonesia tidak mungkin bertemu mata dengan pendirian AMCJA, yang dianggotai oleh badan-badan orang Cina, Serani, India dan lain-lain, bahawa Malaya adalah milik semua kaum. Menjelang Februari 1948 setelah lahir Persekutan Tanah Melayu jelas AMCJA dan PUTERA mengalami keretakan dan lantas berpecah kepada parti-parti komponennya.[55] MDU juga menyatakan akan menarik sokongannya kepada gabungan itu.[56] Dewan Perniagaan Cina Bersekutu pun meninggalkan AMCJA dalam bulan Januari 1948 apabila ia menerima pelantikan untuk menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan.

Keadaan dalam bulan Februari dan Mac nampaknya agak kacau dengan Tan Cheng Lock menubuhkan Malayan Chinese League yang akan menerima keanggotaan orang Cina yang lahir di Tanah Melayu, iaitu sebuah parti yang sama tengah (*centre party*) yang bebas daripada sebarang perkaitan dengan Komunis dan Kuomintang.[57] Cengkaman pengaruh komunis ke atas PKMM pun semakin

kuat dan mengikut laporan perisik British ada tanda-tanda yang kelompok nasionalis Melayu yang tidak percaya kepada fahaman komunis akan bergerak di dalam Pembela Tanah Air (PETA), sebuah pertubuhan yang menggantikan API setelah ianya diharamkan pada Julai 1947.[58]

Kegagalan gabungan AMCJA-PUTERA juga kerana British menganggap PKMM sebagai suara minoriti sebahagian kecil masyarakat Melayu. Ketokohan dan kebolehan pemimpin Melayu di dalam PKMM juga tidak seimpresif pemimpin bukan Melayu dalam AMCJA. Oleh yang demikian British mengambil sikap tidak peduli kepada gerakan kiri Melayu.[59] Mengikut rumusan yang dibuat oleh pihak perisik British ketika membuat taksiran mengenai PKMM:

> *The party has from the beginning lacked people who possess influence among the mass of Malays and in this respect as well as in administrative experience, intellectual calibre and knowledge of world affairs among its leaders, it has been at a serious disadvantage compared with UMNO* [...] *Its basic weaknesses are the difficulty of reconciling its strong nationalism with its avowed sympathy with the aims of the other communities in Malaya and its affiliation with communism which is hated by the great majority of Malays*[...][60] [Parti ini sejak mula lagi kekurangan tokoh yang mempunyai pengaruh di kalangan massa Melayu dan dalam hal ini, seperti juga dalam pengalaman pentadbiran, kaliber intelektual dan pengetahuan di kalangan para pemimpinnya tentang hal-ehwal dunia, ia berada pada keadaan yang sangat lemah dibanding dengan UMNO [...] Kelemahan-kelemahannya yang paling asas ialah kesukarannya menyesuaikan nasionalismenya yang gigih dengan simpati yang diakuinya terhadap hasrat komuniti-komuniti lain di Malaya, dan afiliasinya dengan komunisme yang sangat dibenci oleh majoriti besar orang Melayu [...]][61]

Kecuali Tan Cheng Lock, yang mempunyai kredibiliti politik dan dihormati oleh orang seperti Gabenor Gent dan Gabenor-Jeneral Malcolm MacDonald, British menganggap para pemimpin kiri yang lain tiada mempunyai kredibiliti. Pada anggapan kerajaan British pihak orang Melayu yang boleh dibawa berunding hanyalah UMNO sahaja. British juga sedar bahawa majoriti penduduk Cina di Malaya sangat berorientasikan negara China dan justeru pandangan mereka tidak dihiraukan.

Kesanggupan PKMM (anggota terbesar di dalam PUTERA) menerima konsep *jus soli* untuk dijadikan asas pemberian kerakyatan jelas amat berbeza daripada pendirian UMNO.[62] Ahmad Boestamam, bekas ketua API, iaitu cabang pemuda bagi PKMM, dalam tulisannya yang memberi alasan mengapa dalam tahun 1947 dia menyokong konsep *jus soli* yang memang ditentang oleh majoriti orang Melayu menyatakan:

> Alasan saya menerima *Jus Soli* itu mudah sahaja. Kerakyatan berdasarkan *jus soli* sama seperti mengambil sebagai anak angkat seorang bukan Melayu dari sejak dia dilahirkan lagi. Anak angkat yang demikian itu apabila telah dewasa nanti tentu lebih kemelayuannya dari seorang bukan Melayu yang telah dewasa baru dijadikan anak angkat walaupun dia telah berpuluh-puluh tahun lamanya menjadi anak angkat itu.[63]

Sejauh mana pemimpin-pemimpin PUTERA telah dapat dipengaruhi oleh pemimpin-pemimpin seperti John Eber, Gerald de Cruz dan terutamanya Tan Cheng Lock tentulah sukar dibuat ukuran. Tetapi yang jelas ialah isu kerakyatan, terutamanya bagi orang Cina, memang sejak zaman sebelum penjajahan Jepun lagi telah diperjuangkan oleh Tan Cheng Lock. Apakah barangkali oleh kerana pemimpin-pemimpin Melayu dalam PKMM seperti Dr. Burhanuddin, Ishak Hji Muhammad dan Ahmad Boestamam, tidak membaca tulisan-tulisan Tan Cheng Lock atau memang mereka itu hanya membaca teori Otto Bauer, Renan dan Marx melalui tulisan-tulisan Sukarno dan Tan Melaka mengenai nasionalisme dan internasionalisme sehingga mereka itu tampaknya tidak mampu memainkan peranan yang lebih dominan dalam penggubalan Perlembagaan Rakyat? Atau, apakah tulisan-tulisan Muhammad Yamin dan Hasan Ahmad [Bandung] sahaja yang dibaca oleh nasionalis Melayu itu mengenai 'kemegahan' masa lampau Indonesia dan tentang Islam modenis dan *asabiah*?[64] Meskipun ini hanyalah spekulasi, namun yang juga jelas ialah latar belakang keintelektualan [atau pendidikan] tokoh-tokoh seperti Dr. Burhanuddin,[65] Ahmad Boestamam,[66] dan Ishak Haji Muhammad[67] sukar dibandingkan dengan Tan Cheng Lock,[68] John Eber,[69] Gerald de Cruz,[70] Philip Hoalim Sr.,[71] dan Lim Hong Bee[72] yang sepenuh hatinya menyangkal orang Melayu sebagai bumiputera Malaya dan menolak nasionalisme yang berasaskan Melayu/Indonesia Raya, sembari mampu mengemukakan argumen-argumen yang kukuh kepada British dalam membuat tuntutan politiknya. Dilihat dalam konteks latar belakang pendidikan masing-masing pula, jelas sekali mereka itu menerima pendidikan yang, pada zaman itu, agak lebih *enlightened* dan mempunyai pemahaman yang mendalam tentang dasar kolonial *vis-à-vis* politik berbilang kaum pascaperang di Malaya.

Untuk melihat dengan lebih dekat lagi sikap dan wawasan para pemimpin politik Melayu selepas gagalnya kerjasama antara kaum dalam merealisasikan cita-cita yang terkandung dalam gagasan yang menghasilkan Perlembagaan Rakyat, bab yang berikut akan membincangkan bagaimana berlangsungnya arus perkembangan politik orang Melayu sehubungan dengan semangat kebangsaan yang lahir sejak zaman sebelum perang dunia kedua higgalah ke waktu asas-asas citra pembentukan sebuah negara bangsa dibentuk pada tahun-tahun menjelang Malaya memperoleh kemerdekaannya daripada British, dan diikuti dengan proses pembinaan bangsa selepas Persekutuan Malaysia menjadi sebuah kenyataan.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Seminar 'Malaysia Menuju Kemerdekaan', Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (13 April 2007). Satu versi berbahasa Indonesia telah pun diterbitkan di dalam jurnal *Historia, jurnal pendidikan sejarah*, vol. 8, no.2, Disember 2007.

[2] Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya

[3] Sabak Bernam (Selangor), Sungai Manik, Bidor (Perak), Muar, Batu Pahat (Johor), dan Padang Lebar, Batu Kikir (Negeri Sembilan), adalah antara tempat-tempat yang menyaksikan pergaduhan bunuh-membunuh itu.

[4] Akhbar harian ini terbit dalam bulan September 1945. Abdul Wahab Jamaludin, "Sejarah Pertumbuhan Partai-Partai Politik Kiri Melayu di Negeri Perak, 1945-1950",

Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM, 1977, h. 56. Pada Disember 1945, sebuah terbitan berkala yang juga menggunakan nama *Suara Ra'ayat* telah diterbitkan, juga oleh Arshad Ashari, dan dicetak oleh Mercantile Press dua kali sebulan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Majalah *Suara Ra'ayat* adalah nama gantian kepada *Voice of the People*. Lihat *Suara Ra'ayat* Vol. 1, no. 4, December 25, 1945, halaman terakhir. Majalah *Suara Ra'ayat* keluaran ini memuatkan rencana yang ditulis oleh pemimpin dan penyokong PKMM, termasuk wakil MPAJA.

[5] CO 537/4742 Federation of Malaya Political Report for January 1949. Namun ada pula sumber perisik British tahun 1948 yang mengatakan bahawa jumlahnya ialah antara lima puluh ribu dan enam puluh ribu ringgit. Lihat P.I.J. serial 13/48, h. 477 dalam CO 537/3752.

[6] Satu sumber perisik British hanya menyebutkan PKMM ditubuhkan dalam bulan Oktober 1945. Lihat CO 537/4742, *ibid*.

[7] *Suara Ra'ayat* (edisi bahasa Inggeris) vol. 1, no. 4, December 25, 1945, h. 3.

[8] Lihat Abdul Wahab bin Jamaludin, 'Sejarah Pertumbuhan Parti-Parti Politik Kiri Melayu', h. 241, Lampiran 1, 'Rang Undang-undang 1946 Party Kebangsaan Melayu, Malaya'. Agak menghairankan saya bagaimana naskhah Rang Undang-undang PKMM 1946 yang dipetik oleh Ramlah Adam daripada Fail Setiausaha Agung UMNO no. 96/1946 boleh berbeza daripada naskhah asal Rang Undang-Undang 1946 PKMM yang disalin oleh Abdul Wahab bin Jamaludin, di mana pada fasal 1 tidak ada pun perkataan 'bangsa Malaya' dan 'Malayan' dicatat; pada hal pada rang undang-undang tersebut tercatat pada fasal x (lain-lain hal): 'Rang Undang-Undang ini telah disetujui dan disahkan oleh congress ke 1 Party [*sic*] Kebangsaan Melayu Malaya di Ipoh pada tanggal 30 November 1945.' Pada halaman terakhir tercatat pula: 'Party Kebangsaan Melayu Malaya. 20-1-1946'.

[9] Lihat Ibid. Walau bagaimanapun, Cheah Boon Kheng menyatakan bahawa lapan usul yang dikemukakan pada Kongres pertama PKMM itu mirip dengan program Parti Komunis Malaya. Malangnya Cheah tidak pula memberikan sumber yang membuktikan dengan jelas bahawa butiran 8 perkara yang menjadi usul PKKM itu benar-benar dipadankan daripada usul-usul PKM. Lihat Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades*, Times Books International, Singapore, 1979, h. 26 dan 64.

[10] *Suara Ra'ayat Dec*. 25, 1945, h. 4.

[11] Ibid., h.6.

[12] Menurut laporan yang dikutip daripada akhbar *Warta Negara* di Pulau Pinang, orang Melayu di Kedah telah menaikkan poster-poster yang memuatkan slogan: 'Sokong Malayan Union. Tolak Kerakyatan Yang Sama'; 'Hidup Sultan-Sultan dan hak orang Melayu'; 'Negeri China untuk Cina, India untuk orang India, dan Malaya untuk orang Melayu'. 'Taraf kera'ayatan yang sama bererti bunuh diri bagi orang Melayu'; 'Sokong Inggeris tetapi Malaya adalah untuk Melayu'. Lihat ibid., h. 21.

[13] Ibid., h. 22.

[14] United Malays National Organisation

[15] Winston Churchill, yang mewakili Great Britain dalam penandatanganan Piagam Atlantik, yang mengungkapkan cita-cita Bangsa-bangsa Bersatu pernah menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab negaranya terhadap tanah jajahan '*to develop Self-Government, to take due account of the political aspirations of the peoples, and to assist them in the progressive development of their free political institutions, according to the particular circumstances of each territory and its peoples, and their varying stages of advancements ...*' [Untuk menghasilkan pemerintahan sendiri, dan mengambil kira aspirasi rakyat secara wajar serta membantu mereka dalam pengembangan yang

progresif terhadap lembaga-lembaga politik mereka yang bebas menurut keadaan khusus bagi setiap wilayah dan rakyatnya dan tingkat-tingkat kemajuannya yang berbeza-beza ...]. Lihat Tan Cheng Lock, *Malayan Problems From A Chinese Point of View*, G. H. Kiat & Co. Ltd., Singapore, 1947, h. 61 - 62.

[16] API didirikan pada 17 Februari 1946 atas dayausaha Ahmad Boestamam, Abd. Rahman Rahim dan Abu Bakar Thareek. Tetapi kerana dianggap merbahaya lantaran ia kononnya "memperjuangkan kemerdekaan dengan darah" maka kerajaan British mengeluarkan kenyataan pada 16 Julai 1947 yang mengharamkan pertubuhan itu.

[17] Pada 25 Mac 1946 Sultan Perak, Selangor, dan Kedah serta Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan telah cuba mengambil sikap beralah kepada British apabila mencadangkan konsep Persekutuan, Lihat Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Oxford University Press, Singapore, 1991, h. 144.

[18] Parti ini dipimpin oleh pengerusinya, Philip Hoalim Sr, seorang peguam yang lantang menentang imperialisme British. Walaupun MDU diresapi oleh anasir-anasir komunis, dia sendiri bukanlah komunis. MDU adalah parti yang ramai dianggotai oleh para intelektual golongan kelas menengah yang berpendidikan Inggeris. Ia merupakan parti berbilang kaum dan kepemimpinannya terdiri daripada cendekiawan Cina, Serani dan India. Tidak kurang daripada tujuh orang ahli jawantankuasanya (daripada seramai 15 orang) adalah anggota PKM. Gerald de Cruz, seorang anggota PKM, merupakan salah seorang pemimpin pertubuhan itu. Sebagai wakil MDU de Cruz kemudiannya terpilih untuk memegang jawatan Setiausaha PMCJA.

[19] Lihat Chin Peng, *My Side of History*, Media Masters, Singapore, 2003, h. 155.

[20] Albert Lau, *The Malayan Union Controversy*, h. 130.

[21] Tan Cheng Lock, *Malayan Problems*, h. 167.

[22] atau Persatuan Cina Negeri Selat British. Persatuan ini didirikan dalam tahun 1900.

[23] Persatuan Tamil Selon

[24] Kesatuan Pekerja Perkeranian dan Pentadbiran Singapura

[25] Persekutuan Kesatuan Sekerja Seluruh Malaya

[26] Dewan Perniagaan India, Singapura

[27] atau Liga Belia Demokratik Baru. Pertubuhan ini muncul di Singapura pada 9 Disember 1946. Cawangan-cawangan lain kemudiannya didirikan di Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur.,

[28] Albert Lau, *The Malayan Union Controversy*, h. 213.

[29] CO 537/2140, FIR 'Malay Affairs'.Pihak perisik politik British menamakannya 'Malay Council of Action'. Terdahulu daripada itu sebuah 'Malay Council of Action' juga telah muncul di Singapura. Antara badan lain yang menganggotainya ialah: API, AWAS (Angkatan Wanita Sedar), GERAM (Gerakan Angkatan Muda), Majlis Agama Tertinggi Islam (MATA), dan Barisan Tani SeMalaya (BATAS). Insun Mustapha, *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, h. 459.

[30] Menurut Ramlah Adam pada waktu ini Dr. Burhanuddin telah pun dikucil daripada jawatan Pengerusi PKMM dan Ishak Hj. Muhammad telah menggantikan tempatnya. Tetapi laporan dari 'Fortnightly Intelligence Review' menunjukkan bahawa Dr. Burhanuddin telah dipilih sebagai Presiden PKMM bagi Malaya dalam bulan Disember 1946 untuk tempoh tahun 1947. Lihat CO 537/2140, F.I.R. no. 52, laporan hingga 12 Mac 1947.

[31] CO 537/2140, FIR No. 51. Mengenai tiga prinsip itu lihat h. 146 esei ini di atas.

[32] Lihat K. G. Tregonning, 'Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist', *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. x, no. 1, March 1979, h. 46.

[33] Tan Cheng Lock bersekolah di Raffles Institution, Singapura antara tahun 1899 [?] - 1908.

[34] Pandangan sejarah Tan Cheng Lock amat sempit, tanpa mahu memahami dan menerima hakikat kepulauan Melayu sebagai satu unit budaya dan bahawa sebelum kedatangan Inggeris, Belanda dan Sepanyol tidak ada 'Malaya' dan tidak ada 'Indonesia' atau 'Filipina'. Yang wujud adalah kepulauan Melayu dan kerajaan-kerajaan yang wujud pada zaman prapenjajahan mempunyai 'jajahan takluk' yang merentas sempadan pulau dan daerah. Istilah 'orang dagang' dalam tanggapan rakyat kepulauan Melayu tidak sama ertinya dengan 'pendatang' atau 'imigran'. Kendati demikian, pandangan bahawa orang Melayu pun imigran yang didiayahkan oleh orang Cina sejak tahun 1930-an, sangat menjengkelkan para nasionalis Melayu seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ibrahim Hj. Ya'acob. Mengenai hal ini, lihat ulasan Ibrahim Yaacob (IBHY), *Nusa dan Bangsa Melayu*, N.V. Al Ma'arif, Djakarta, 1951, h. 54- 56.

[35] *Malayanization*, menurut Tan Cheng Lock, ialah usaha membentuk semangat ke Malayaan dengan memberikan kerakyatan yang sama haknya tetapi membolehksan Malayan itu mengekalkan identiti individunya dari segi bahasa dan budaya. Bagi Tan Cheng Lock, bahasa Melayu itu tak perlu dipelajari oleh kanak-kanak bukan Melayu kerana "that language is useless to them for cultural purposes". [bahasa itu tak berguna kepada mereka untuk tujuan-tujuan budaya] Katanya juga, "*A satisfactory basis for a modern nationality is neither language nor religion nor race and not even a community of interest*" [asas yang memuaskan untuk satu kebangsaan moden bukannya bahasa ataupun agama, atau bangsa dan bahkan bukan pula demi suatu masyarakat yang berkepentingan. Lihat Tan Cheng Lock, *Malayan Problems*, h. 111 dan 119.

[36] Lima prinsip pokok ini mendasari pemikiran Tan Cheng Lock dalam tulisan-tulisannya baik dalam akhbar mahupun yang berbentuk memorandum kepada kerajaan British sebelum Persekutuan Tanah Melayu merdeka. Untuk memahami pemikiran Tan Cheng Lock bacalah karyanya, *Malayan Problems*, *passim*.

[37] Persidangan itu telah dihadiri semua perwakilan negeri, termasuk Singapura.

[38] Penulisan isi memorandum ini pun berasaskan pandangan Tan Cheng Lock.

[39] CO 537/2140 FIR No. 52 (hingga 12 Mac 1947).

[40] CO 537/2140, FIR No. 54 (hingga 9 April 1947).

[41] Ibid. Badan itu juga meminta tempoh selang 6 bulan sebelum ia membuat keputusan tentang Perlembagaan yang baru itu.

[42] CO 537/2140, FIR No. 55 (hingga 23 April 1947).

[43] CO 537/2145. Dalam rapat itu, ahli-ahli PUTERA dan PMCJA [*sic*] juga bertekad akan menggembleng tenaga untuk memusnahkan Cadangan Perlembagaan Persekutuan.

[44] CO 537/2140, FIR No. 61 (hingga 16 Julai 1947), 'Malay Affairs'.

[45] Proses *naturalization* untuk kerakyatan pun diterima juga bagi mereka yang telah tinggal di Malaya selama lapan daripada sepuluh tahun dan lulus dalam ujian bahasa Melayu lisan yang mudah.

[46] Tuntutan PUTERA agar bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan 'Melayu' sebagai rupa bangsa serta warna merah-putih dijadikan warna bendera kebangsaan mula-mulanya ditolak oleh AMCJA tetapi telah diterima kemudiannya oleh kerana PUTERA bersetuju menerima *jus soli* (kelahiran di Malaya) sebagai asas pemberian kerakyatan.

[47] Lihat Ban Ah Kam, *The People's Constitutional Proposals for Malaya* 1947, Pusat Kajian Bahan Sejarah Kontemporari Tempatan, Kajang, 2005, *passim*.

[48] Menurut K. G. Tregonning, kuota 55 peratus ini sebenarnya ditentang oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang terkemuka. Apabila mereka menuduh Tan Cheng Lock yang bertanggungjawab atasnya, Tan Cheng Lock menyatakan dia tidak menyetujui angka [55] peratus itu, sebaliknya apa yang dikehendakinya ialah 'perwakilan yang seimbang'. Lihat K. G. Tregonning, 'Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist', h. 47.

[49] Lihat CO 537/2148, Gent kepada Bourdillon, 4 Okt. 1947; dan lihat juga CO 537/2148, Bourdillon kepada Gent, 20 Nov. 1947.

[50] CO 537/2145, ulasan O. H. Morris kepada minit 'Memorandum on 1946 Constitutional Proposals' bertarikh 23 Julai 1947.

[51] CO 537/2148, Bourdillon kepada Gent,l 20 November, 1947; cf. CO 5371/2148, Gent kepada Bourdillon, 4 Oktober 1947.

[52] CO 537/2148, Gent kepada Bourdillon, 11 Dis. 1947.

[53] Ibid.

[54] Ibid. Minit H. T. Bourdillon pada 21 Feb. 1948. Lihat juga CO 537/3751, Secret Malayan Security Service Political Intelligence Journal, Serial no. 1/1948, 15 Januari, 1948, hal. 3. Maklumat perisik British menyatakan orang Cina tidak dapat mempercayai Tan Cheng Lock kerana pandangannya dianggap bersifat 'Malayan' dan bukan pandangan Cina.

[55] Lihat CO 537/3751, Minit O. H. Morris kepada Rees-Williams, bertarikh 6 Mei 1948.

[56] Ibid. Walau bagaimanapun, MDU masih lagi menganggotai AMCJA dalam bulan Mac. Setiausaha MDU merangkap Setiausaha AMCJA, Gerald de Cruz pun meletakkan jawatannya, sekalipun dia masih menjadi Setiausaha Tan Cheng Lock.

[57] Ibid.

[58] PETA diketuai oleh Wahi Anuar, seorang komunis, sebagai Presiden. Pada awal 1948 pertubuhan itu bermarkas di Seremban.

[59] Kongres PKMM tahun 1948 telah diadakan di Singapura. Pada waktu itu kedudukan kewangan PKMM juga dalam keadaan sakit; Parti itu terhutang sebanyak dua ribu ringgit dan markas parti juga terpaksa berpindah dua kali demi untuk mengelakkan intipan kerajaan British; sekali dari Kuala Lumpur ke Melaka dan sekali lagi dari Melaka ke Kuala Lumpur. Lihat CO 537/3751, *Political Intelligence Journal*, Serial no. 1/1948.

[60] Lihat CO 537/4742, *Federation of Malaya Political Report* No. 3 for January 1949.

[61] Terjemahan bebas dan penekanan penulis sendiri.

[62] Ketika mengulas peruntukan 55% daripada kerusi Dewan Perundangan Persekutuan, untuk selama 9 tahun (iaitu selama tiga penggal pertama), yang dibuat oleh penggubal Perlembagaan Rakyat, W. Linehan sampai bertanya: bolehkah orang Melayu bertahan selepas sembilan tahun, memandangkan dengan adanya dasar yang tidak diskriminatif terhadap imigrasi kaum asing, khasnya Cina, dan pemberian kerakyatan? Menurutnya, "... *they* [orang Melayu] *would be given a rope nine years long with which to hang themselves, for after this period of grace had expired, with no restriction on immigration, they would be submerged by locally born swarms of non-Malay immigrant races...*"[mereka akan diberi tali sepanjang sembilan tahun yang akan digunakan untuk menggantung diri mereka, kerana selepas tempoh kelonggaran ini tamat tanpa adanya had imigresen, mereka tentunya akan ditenggelamkan oleh kerumun bangsa-bangsa imigran bukan Melayu yang lahir secara tempatan]. Lihat CO 537/2148, *confidential*, minit bertarikh 23 September 1947.

[63] Lihat Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*, Penerbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972, h. 29. Begitu naifnya Boestamam atau memang agaknya dia tidak sensitif terhadap dasar pintu terbuka British mengenai imigresen kaum bukan 'rumpun Melayu' jelas kelihatan dalam kenyataannya ini. Dasar imigresen tanpa sekatan sebelum perang jelas telah menjadikan orang Melayu sebagai golongan minoriti di tanahairnya sendiri menjelang 1947. Menurut banci penduduk tahun 1947, peratusan orang Cina yang lahir di Semenanjung Tanah Melayu telah melonjak dari angka 21 peratus dalam tahun 1921 kepada 64 peratus menjelang 1947. Lihat K. G. Tregonning, 'Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist', h. 47. Jumlah penduduk Malaya (termasuk Singapura) pada pertengahan 1941 pula ialah: 5, 508,731 orang. Daripada jumlah ini 2, 277, 352 adalah terdiri daripada orang Melayu, 2, 377,990 Cina, 744, 202 India, 31, 366 Eropah, 19, 331 Serani, dan 58, 491 lain-lain bangsa. Lihat Jacques Amyot, *The Chinese and the National Integration in Southeast Asia*, Institute of Asian Studies, Faculty of Political Science, Chulalaongkorn University, Bangkok, 1968, h.6.

[64] Barangkali wajar kiranya disarankan agar penyelidikan dilakukan mengenai buku-buku yang dibaca oleh para nasionalis itu. Inilah suatu aspek kajian yang pastinya menarik untuk dikaji oleh mahasiswa sejarah nasionalisme Melayu dan para nasionalisnya.

[65] Setelah belajar di pesantren Sungai Jambu, Batu Sangkar di Sumatera Barat, selama sekitar enam bulan, Burhanuddin telah belajar di sekolah pondok Pulau Pisang, Jitra, Kedah. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke Madrasah Al-Mashor, Pulau Pinang, pada tahun 1927 dan tamat kuliah pada tahun 1933. Kemudian, pada tahun 1934 Burhanuddin meneruskan kuliahnya di Universiti Aligarh, New Delhi, tetapi hanya sampai tahun 1935 dalam bidang falsafah dan sastera. Sekembalinya ke Singapura dalam tahun 1936, melalui seorang rakan, iaitu Dr. (*Homeopathy*) Rajah, beliau mempelajari ilmu *homeopathy*. Untuk memperoleh ijazah dalam bidang itu, Burhanuddin kemudiannya telah pergi ke India demi mengambil peperiksaan di Ismailiyah Medical College. Pada tahun 1939 beliau lulus dengan ijazah doktor *homeopathy*. Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy, Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, h. 4 - 10.

[66] Ahmad Boestamam yang berketurunan Minangkabau, menerima pendidkannya di Sekolah Melayu dan Inggeris. Pada tahun 1933 beliau diterima belajar di Sekolah Menengah Anderson dan kemudiannya sampai ke kelas Junior Cambridge dalam tahun 1937, tetapi gagal untuk meraih sijil Junior Cambridge itu. Seyogia diingati kelulusan Junior Cambridge boleh disamakan dengan Sijil Rendah Pelajaran atau Penilaian Menengah Rendah zaman sekarang. Lihat Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam, Satu Biografi Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 2 - 12.

[67] Ishak Hj. Muhammad lahir dalam tahun 1910 dan menerima pendidikan Inggeris selain Melayu dan lulus peperiksaan yang melayakkannya memperoleh sijil Senior Cambridge dalam tahun 1929; dialah satu-satunya nasionalis kiri Melayu yang lulus Senior Cambridge, iaitu kelayakan tertinggi dalam sistem sekolah zaman kolonial.

[68] Lihat keterangan tentangnya di h. 148 - 149 di atas.

[69] Seorang peguam bangsa Serani yang pernah dipenjarakan oleh Jepun.

[70] De Cruz yang lahir dalam tahun 1920, adalah seorang anti-fasis; mula menganggotai Parti Komunis Malaya selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, dan menjadi salah seorang pengasas parti kiri, Malayan Democratic Union. Pada masa inilah dia aktif sebagai wartawan akhbar berbahasa Inggeris yang pro-komunis, *The Democrat*. Pada penghujung tahun 1948 setelah 'Darurat' diisytiharkan oleh kerajaan British, dan PKM pun diharamkan, dan ramai pula pemimpin komunis ditangkap dia meninggalkan Singapura untuk ke Eropah bersama-sama isterinya; dalam pelariannya itu dia sempat

singgah di India dan Pakistan sebelum ke Eropah Timur dan Itali, dan akhirnya setelah kecewa dengan komunisme dia dan isterinya sampai ke United Kingdom di mana mereka menetap selama enam tahun. Di England dia menjadi guru di sekolah kanak-kanak cacat dan secara sambilan menjadi propagandis untuk kemerdekaan Malaya.

[71] Juga salah seorang pengasas MDU yang non-komunis. Sebagai peguam dia memiliki ijazah *barrister*.

[72] Pelajar 'Queen's scholar' jurusan undang-undang yang mengendalikan *The Malayan Monitor*, suara rasmi PUTERA-AMCJA di London sejak pertengahan 1947. Lim, seorang yang berketurunan Cina Negeri Selat, adalah salah seorang pengasas MDU

9

Politik Melayu dan Semangat Kebangsaan[1]

Apabila kita berbicara mengenai politik Melayu kontemporari tidak dapat tidak ia harus diletakkan dalam konteks semangat kebangsaan atau nasionalisme Melayu. Hal ini ada kaitannya dengan tiga perkara dasar iaitu: i) hakikat bahawa semangat kebangsaan Melayu itu tampaknya masih bernyala di sanubari orang Melayu sampai ke hari ini, seperti yang kita saksikan setiap kali diadakan persidangan agung UMNO; ii) semangat itu juga seperti yang telah disarankan oleh ramai sarjana berkait rapat dengan konsep 'kemelayuan' atau '*Malayness*'[2] yang bererti semangat ingin mempertahankan kepentingan orang Melayu sebagai suatu bangsa; dan iii) penerusan semangat ini sampai kini seolah-olah menampakkan percubaan elit politik Melayu untuk menghidupkan nasionalisme Melayu yang pada ramai penelaah mengenainya telah gagal menghasilkan sebuah 'negara Melayu' seperti yang direncanakan sejak mula pertumbuhannya.[3] Bab ini akan cuba melihat permasalahan nasionalisme Melayu dalam konteks sejarah perkembangannya.

Pada hari ini Malaysia merupakan satu-satunya negara yang dianggap secara relatifnya berjaya memprakarsakan proses *nation-building* demi untuk mewujudkan sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang budaya. Tetapi sebagai sebuah nasion ketahanannya masih diuji berkali-kali seperti yang dimanifestasikan dalam polemik antara kaum yang kadang-kadang mirip bersifat rasial, baik dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Bahkan peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku selepas keputusan pilihan raya diumumkan merupakan ujian yang paling pahit. Prinsip yang mendasari polisi kerajaan Malaysia sejak merdeka ialah mewujudkan perpaduan antara kaum demi melestarikan sifat-sifat sebuah nasion yang mempunyai citra nasional yang menerima konsep kepelbagaian dan kemajmukan sebagai landasan pembinaan nasionnya. Kendatipun peri pentingnya usaha ini disedari, namun masalah besar yang dihadapi oleh pemerintah dan elit

politik negara ini ialah bagaimana hendak menggembleng perpaduan sedangkan bangsa-bangsa utama yang membentuk nasion Malaysia itu sendiri mempunyai sejarah sepunya yang amat singkat iaitu hanya sekitar setengah abad yang lalu. Sebelum itu, hubungan antara orang Melayu dan bukan Melayu hanyalah seperti yang ditanggapi dalam konsep masyarakat majmuk yang diketengahkan oleh Furnivall.[4] Polarisasi kaum memperlihatkan pengalaman sejarah yang tidak sepunya dan ciri-ciri nasion yang dibayangkan atau diidam-idamkan juga tidak benar-benar dikongsi secara bersama. Jika tesis Benedict Anderson mahu digunakan maka dapat ditafsirkan bahawa orang bukan Melayu mempunyai imej nasion yang menghendaki persamaan hak dengan orang Melayu dalam semua segi yang tidak menampilkan pendiskriminasian bangsa, tetapi tetap boleh melestarikan cara hidup, bahasa dan budaya nenek moyang mereka; manakala orang Melayu pula menganggap nasion ini tidak mungkin dapat memutuskan pertaliannya dengan masa silam yang sejarahnya mengiktiraf hak sejarah orang Melayu sebagai pemilik asal tanah air ini.

Tetapi persepsi orang Melayu sebagai bangsa bumiputera tidak semestinya dipersetujui oleh orang bukan Melayu, yang baik secara tertulis mahupun dalam ucapan, sering menyanggah tanggapan ini. Rata-rata mereka berpendapat bahawa orang Melayu pun sama-sama imigran iaitu juga dianggap kaum pendatang yang berasal dari Indonesia,[5] sekalipun Indonesia itu suatu jelmaan baru iaitu sesuatu yang terhasil daripada penjajahan Belanda (sama halnya dengan Malaysia yang merupakan produk penjajahan Inggeris). Oleh sebab itu boleh pula dikemukakan argumen bahawa kepulauan Melayu ini adalah dunia Melayu yang pada zaman sebelum masing-masing pulau atau 'negeri' dijajah oleh orang putih tidak wujud apa-apa perbatasan yang tetap[6]; dan oleh yang demikian bangsa-bangsa rumpun Melayu itu adalah rumpun yang tumbuh di kepulauan Melayu ini.

Suatu perkara yang kini mulai mempengaruhi pandangan sarjana-sarjana yang menelaah tentang bangsa dan politik Melayu masa kini ialah bahawa ungkapan 'bangsa Melayu' itu sendiri adalah ciptaan orang Inggeris. Pendapat ini menampilkan hujah bahawa Stamford Raffleslah yang mengetengahkan dalam bahasa Inggeris idea 'Melayu' sebagai suatu bangsa dengan menggunakan istilah '*the Malayu nation*'.[7] Kononnya menurut mereka yang terpengaruh dengan pandangan ini, orang Melayu tidak mengenali diri mereka sebagai suatu bangsa Melayu sebelum datangnya orang Inggeris.[8] Dengan yang demikian, menurut pandangan yang kontroversial ini, identiti 'Melayu' merupakan konstruksi Orientalis yang dibawa oleh 'colonial administrator-scholars'.[9]

Bukan tujuan bab ini hendak membicaraka secara rinci persoalan identiti Melayu, yang sifatnya memang kontroversial, kerana identiti juga bukanlah sesuatu yang tetap dan tidak berubah. Jika pada penghujung tahun-tahun 1930-an Abdul Rahim Kajai, pengarang akhbar *Majlis* (Disember 1931-Januari 1935) dan *Warta Jenaka* (September 1936- Disember 1941) telah menimbulkan polemik tentang siapa yang patut ditakrifkan sebagai Melayu Jati, dan siapa yang bukan, apabila dia memberi label kepada golongan 'peranakan Arab' dan 'Jawi Peranakan' dengan singkatan "DKA" (Darah Keturunan Arab) dan "DKK" (Darah Keturunan Keling)[10], pada hari ini tidak sedikit pula mereka yang digelar golongan

'Mamak' telah dianggap 'Melayu' dan diterima sebagai pemimpin Melayu.[11] Anjakan identiti atau jati diri Melayu yang berlaku pada masa ini sebenarnya menunjukkan betapa semangat kebangsaan Melayu itu tidak dapat dipisahkan daripada isu kemelayuan atau 'Malayness'; hanyalah sifat kemelayuan atau 'Malayness' itu boleh berubah-ubah mengikut keadaan dan zaman.

Seyogia diingati semangat kebangsaan Melayu tidak akan bangkit jika tidak kerana kehadiran bangsa-bangsa pendatang seperti Cina dan India. 'Perpaduan Melayu' yang bermaksud kesedaran sebagai suatu bangsa hanyalah wujud pada dasawarsa-dasawarsa awal abad yang lalu, iaitu pada tahun 1920-an dan terutamanya pada tahun 1930-an tatkala berkembangnya akhbar dan majalah Melayu. Melalui media cetak inilah orang Melayu mulai sedar betapa kehadiran bangsa-bangsa asing Asia telah memojokkan kedudukan mereka sehingga tercicir daripada kemajuan ekonomi dan kemajuan seperti yang terangkum dalam istilah 'kemodenan' (*modernity*). Pembinaan sekolah-sekolah,[12] maktab perguruan dan penyebaran media cetak tidak sedikit membantu dalam membina kesedaran kebangsaan ini. Kesedaran ini tidak sedikit didorong oleh penyebaran idea baru termasuk yang bersifat islah Islamiah yang dibawa oleh akhbar dan majalah tersebut di samping wujudnya prasarana komunikasi yang beransur-ansur menghakis pemisahan geografis orang Melayu. Penubuhan Sultan Idris Training College di Tanjung Malim dalam tahun 1922 memberi angin baru kepada kesedaran yang baru dikecap kerana di kolej itulah pelajar-pelajar dari negeri-negeri Melayu (termasuk Singapura dan Borneo British) belajar dan bermuzakarah di bawah satu bumbung yang tentunya menyuburkan semangat kebangsaan yang baru tumbuh.

Menjelang akhir dasawarsa itu terdapat tiga kelompok inteligensia yang mempunyai akar pada tiga aliran persekolahan, iaitu, Inggeris, Melayu dan Agama. Jika masa paruh kedua tahun-tahun 1920-an itu telah memperlihatkan lahirnya persatuan-persatuan yang bersifat sosiobudaya di bawah pimpinan mereka yang berpendidikan Inggeris, menjelang akhir 1930-an kesedaran untuk mengungkapkan semangat kebangsaan Melayu melalui pertubuhan politik telah diejawantahi (manifestasikan) dengan penubuhan di Melaka dan Pulau Pinang cawangan-cawangan Singapore Malay Union (SMU) yang didirikan oleh Eunos bin Abdullah pada tahun 1926. Pendirian politik SMU ialah "untuk melindungi orang Melayu daripada ditenggelamkan oleh pendatang-pendatang bukan Melayu, khasnya orang Cina". Hakikat bahawa pertubuhan politik Melayu yang pertama telah lahir di Singapura menunjukkan betapa defensifnya reaksi orang Melayu kerana berasa tidak selamat dan khuatir akan pupusnya budaya Melayu lantaran tersepit oleh penduduk Cina yang sangat ramai dan tekanan daripada orang asing begitu ketara apabila mereka melihat betapa kebanyakan orang Melayu semakin turun darjat, menjadi hamba kepada orang asing.[13] Inilah cetusan pertama semangat kebangsaan Melayu yang dikategorikan oleh para penelaah nasionalisme sebagai *ethno-nationalism* atau *ethnic nationalism*. Kepada orang Melayu yang berasa terancam itu nasion yang dibayangkan ialah nasion yang terdiri daripada bangsa Melayu dan menoloak orang asing untuk berkongsi tanah air.[14]

Periode tahun 1930-an memang telah memperlihatkan suara orang Cina yang lantang menuntut hak di Tanah Melayu. Hal ini disebabkan oleh hakikat

bahawa orang Cina sebenarnya telah lebih awal memiliki kesedaran politik berbanding orang Melayu. Ini berlaku justeru pergolakan di tanah besar China selepas tercetusnya Revolusi 1911 diikuti dengan tekun oleh kebanyakan orang Cina yang celik huruf. Pada tahun 1930 Parti Komunis Malaya telah didirikan dengan berpadankan pada Parti Komunis di tanah besar China. Kemudian pada tahun 1931 apabila Jepun melanggar Manchuria, diikuti dengan serangan ke atas Shanghai pada tahun 1932 telah menjadikan orang Cina di Tanah Melayu bertambah '*politicised*'. Tetapi politik mereka terbahagi dua iaitu ada yang menyebelahi Parti Kuomintang pimpinan Chiang Kai Shek dan ada pula yang menyokong Parti Komunis China yang dipimpin oleh Mao Tse Tung. Nasionalisme Cina di Tanah Melayu mencapai kemuncaknya apabila pecah perang China-Jepun dalam tahun 1937. Ketika inilah semangat kebangsaan Cina disebarkan melalui jaringan kerja sekolah-sekolah Cina.

Bagi orang Cina di Negeri-negeri Selat, seperti Melaka dan Pulau Pinang, kesedaran politik mereka telah disuarakan dengan menuntut hak-hak yang sama dengan orang Melayu. Kemelesetan ekonomi yang berlaku pada dasawarsa tiga puluhan itu juga mungkin telah memberanikan pemimpin-peminpin Cina Negeri Selat menuntut hak politik. Pada tahun-tahun 1930-an juga telah berlaku perbalahan politik antara inteligensia Melayu dengan elit kepemimpinan Cina. Nasionalisme Melayu yang sejak mula telah menganggap orang Cina sebagai bahaya yang mengancam bangsa Melayu, kemudiannya telah disalurkan melalui Kesatuan Melayu Muda yang didirikan oleh Ibrahim bin Haji Ya'acob pada tahun 1937. Perjuangan yang mendasari KMM ialah untuk menyelamatkan bangsa Melayu secara politik; maka itu cita-cita memerdekakan Malaya dan menyatukannya dengan Indonesia dalam wadah Melayu Raya mesti dijadikan kenyataan.

Masyarakat Cina yang datang ke Tanah Melayu adalah heterogen[*ous*] sifatnya, iaitu ia terdiri daripada suku-suku yang berasaskan dialek yang berbeza-beza. Tidaklah mudah kelompok-kelompok dialek ini bersatu. Tetapi melalui pendidikan dan kesedaran terhadap kebudayaan tanah air (iaitu tanah besar China) persatuan-persatuan yang berasaskan dialek itu menjadikan tanah air[15] nenek moyang mereka sebagai rujukan sepunya agar kumpulan-kumpulan dialek itu bersatu. Melalui persatuan-persatuan seperti Dewan Perniagaan Cina, muncul pemimpin-pemimpin yang merentasi kumpulan dialek dan menjadi pemimpin untuk masyarakat Cina yang menyeluruh (*pan-Chinese*). Perubahan-perubahan di tanah besar China turut mempengaruhi elit perdagangan dan kepemimpinan Cina di seberang laut, termasuk Malaya.[16] Sejak awal lagi orang Cina sangat mementingkan pendidikan Cina tetapi sekolah-sekolah itu berasaskan dialek. Tetapi gerakan Kebudayaan Baru di negeri China telah mendorong orang Cina di Tanah Melayu pada tahun 1920-an, untuk menjadikan Mandarin dan bukannya dialek sebagai bahasa pengantar sekolah kerana mencontohi trend persekolahan di tanah besar China.

Selepas Perang Dunia Kedua, perpaduan orang Cina ditandai dengan berkembangnya pendidikan Cina di Malaya dan Singapura yang menjadi projek dukungan bagi Dewan Perniagaan Cina dengan sokongan daripada elit

perniagaan pelbagai suku Cina. Justeru sekolah Cina yang mepunyai kandungan pelajaran yang menekankan aspek-aspek budaya seperti menghormati nilai-nilai budaya nenek moyang mengenai keluarga, hierarki, dan kebajikan adalah menjadi lambang yang menyatukan bagi elit kepemimpinan Cina.[17]Oleh yang demikian tentunya tidak menghairankan apabila didapati orang Cina tidak akan menerima tuntutan kebangsaan yang diperjuangkan oleh orang Melayu untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai satu-satunya bahasa pengantar untuk sistem persekolahan negara.

Sekalipun British menyedari pertentangan antara nasionalisme Melayu dan nasionalisme Cina dalam persoalan pendidikan Cina, mereka telah mencuba menggantikan dengan mewujudkan sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (selain bahasa Melayu), sesuai dengan saranan Laporan Barnes tahun 1951 yang menginginkan pembinaan satu *nationality* Malaya. Saranan ini membayangkan penghapusan sekolah suku kaum (vernakular) dengan mewujudkan satu jenis sekolah rendah yang bersifat kebangsaan untuk semua kaum. Pada tahun sama Jawatankuasa Fenn-Wu juga telah dibentuk untuk mengkaji kedudukan sistem pendidikan Cina. Jawatankuasa ini bersetuju dengan matalamat untuk menjadikan pendidikan sebagai alat pembentukan nasion Malaya tetapi menyokong agar sekolah Cina diberikan tempat yang wajar dalam sistem pendidikan negara.

Pada September 1951, laporan Jawatankuasa Penasihat Pusat yang meneliti kedua-dua laporan mengenai pendidikan itu telah dibentangkan di Majlis Perundangan Persekutuan oleh Ahli bagi Pendidikan dalam Majlis Perundangan Persekutuan, iaitu E. E. C. Thuraisingham, bagi tujuan menggubal satu dasar pendidikan kebangsaan. Ketika usul yang dibawanya iaitu agar diwujudkan satu sistem sekolah kebangsaan yang menekankan peri pentingnya bahasa Melayu dan Inggeris, yakni bahasa rasmi Persekutuan, diajarkan di semua jenis sekolah rendah, Tan Sew Sin telah membantah pengajaran bahasa Melayu. Dia menuduh saranan yang dibuat oleh Jawatankuasa Barnes sebagai sarat dengan "*racial bigotry, racial intolerance and deep-seated ignorance of fundamental political principles*".[18] Dengan mengambil contoh apa yang berlaku di Canada, Belgium dan Switzerland, yang masing-masing menggunakan pelbagai bahasa rasmi, dia mengkritik dasar satu bahasa kebangsaan yang katanya menekankan "perpaduan dalam pemikiran, bahasa dan agama".[19] Seorang Ahli Majlis yang lain, iaitu Encik Muhammad Yusof Ahmad telah menyatakan bahawa sekolah yang berasingan untuk kaum-kaum yang berbeza tidaklah wajar demi mencapai perpaduan (*unity*). Tetapi Tunku Abdul Rahman nampaknya bersetuju dengan Tan Siew Sin. Katanya,

> [...] *Let the Chinese be taught in their schools: let the Indians be taught in their schools: perhaps it is only right; it is not very material as far as we are concerned. It would of course be very good if everybody living in Malaya would speak a common language but that is probably asking too much at this particular moment. It would promote advancement and better understanding, no doubt but as the Honourable gentleman said yesterday the position in Canada, in Switzerland and various other States shows that a person can live happily*

> *together and yet pursue his own particular language. That I grant*[...] *So language, as far as I am concerned, is immaterial to the Malays*[...] *Our only concern is that the Malays must be lifted from the rut in which they live today, and it must also be remembered that Malay remain an official language of the country.*[20]

Melihat kata-kata Tunku di atas dapat kita tafsirkan bahawa nasionalisme Melayu seperti yang didukung oleh UMNO di bawah kepemimpinan Tunku Abdul Rahman adalah sangat liberal dan akomodatif terhadap kaum bukan Melayu. Namun, Dato' Abdul Razak yang turut membahaskan laporan tersebut berpendapat bahawa bahasa Melayu bukan sahaja bahasa orang Melayu yang dikatakannya sebagai "pendudk asal (*the original settlers*), bumiputera Tanah Melayu, ia juga adalah bahasa bagi majoriti penduduk negeri ini yang terdiri daripada semua bangsa; sebagai akibat yang logik daripada ini ialah sebarang pembangunan budaya dalam negara ini mestilah berpusat pada, dan dibina atas, bahasa Melayu yang pada akhirnya akan menjadi bahasa rasmi negara ini".[21] Ketegasan Dato' Abdul Razak jelas mengungkapkan semangat kebangsaan Melayu yang cuba untuk tidak mengalah kepada tuntutan orang Cina agar bahasa Melayu tidak dipaksakan menjadi mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah Cina. Prinsip menekankan bahawa orang Melayulah yang seharusnya mencorakkan pembinaan nasion masih lagi dipertahankan oleh kebanyakan orang Melayu sampai ke hari ini. Seperti yang diungkapkan oleh Dato' Onn Jaafar, orang Melayu dan kemelayuan [*Malayness*] mestilah dijadikan "sebagai teras kepada pohon kayu negara Malaya dan bukan kulitnya".[22]

Pada tahun 1952 apabila Ordinan Pelajaran diterbitkan, yang menandaskan hasrat kerajaan British menubuhkan satu sistem persekolahan kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris tetapi bahasa-bahasa Cina dan Tamil boleh diajar jika terdapat permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang murid, tentangan telah diluahkan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina. Penentangan keras terhadap dasar pendidikan, termasuk Dasar Pelajaran Razak yang digubal dalam tahun 1956 dan Dasar Pelajaran Rahman Talib dalam tahun 1961, telah menunjukkan betapa konsistennya pendirian orang Cina dalam soal bahasa dan pendidikan Cina dan betapa mereka tidak akan beralah kepada tunutan nasionalisme Melayu hingga ke hari ini.[23]

Walau bagaimanapun, pertelingkahan politik antara Melayu dan Cina (yang kelihatannya berlarutan hingga ke hari ini) menunjukkan nasionalisme Melayu yang agak merangsang pada periode 1945-1948, dengan kejayaannya menghapuskan Malayan Union dan dapat memaksa British menggantikannya dengan gagasan Persekutuan, tetapi akhirnya gagal menghasilkan sebuah nasion Melayu apabila kemerdekaan diperoleh. Pada periode 1949 – 1955 British secara halus dan lihai telah berjaya memujuk nasionalis Melayu di dalam UMNO agar membuka pintu kerakyatan, pada mulanya sedikit, tetapi kemudiannya pintu itu dibuka dengan lebih lebar kepada kaum imigran bukan Melayu yang telah memilih untuk menetap di Malaya. Ketika kaum komunis yang rata-ratanya terdiri daripada orang Cina, mengangkat senjata pada petengahan tahun 1948 menentang penjajahan British, demi memperjuangkan sebuah negara komunis,

yang berekoran dengan pengisytiharan Darurat oleh British, permusuhan antara orang Melayu dengan Cina yang telah berakar sejak zaman Jepun kembali menegangkan keadaan.[24]

Demi mewujudkan semangat muhibah antara kaum dan lantaran sedar perlunya orang Melayu tidak bermusuhan dengan kaum Cina, sesuai dengan kepentingan jangka panjang dasar kolonial British, kerajaan telah membentuk pada 10 Januari 1949 sebuah jawatankuasa muhibah Melayu-Cina yang kemudiannya dinamakan Communities Liaison Committee (CLC) atau Jawatankuasa Hubungan Kaum dengan bantuan Malcolm MacDonald.[25] Badan inilah wadah yang disediakan oleh British yang menjadi forum penting untuk elit politik Melayu dan elit kepemimpinan bukan Melayu membincangkan hal-hal yang bersangkutan dengan pembangunan perpaduan, kerakyatan, pendidikan dan secara umumnya hal-hal yang menyentuh soal pembentukan nasion Malaya yang bercirikan *multiracialism*. Tidak lama selepas penubuhan CLC, iaitu dalam bulan Februari 1949, atas dorongan Malcolm MacDonald[26] juga, sebuah parti politik Cina yang diberi nama Malayan Chinese Association telah ditubuhkan dengan Tan Cheng Lock sebagai presidennya. Tujuan penubuhannya ialah untuk mengalihkan sokongan kaum Cina terhadap Parti Komunis Malaya, di samping memperjuangkan hak politik orang Cina. Dalam pada itu, melalui CLC Malcolm MacDonald yang pintar, diplomatik dan lihai dalam mengatur strategi berunding dengan elit kepemimpinan Melayu agar sokongan orang Melayu terhadap gagasan Melayu Raya dapat ditumpulkan, telah membayangkan kepada Dato' Onn selaku presiden UMNO bahawa British akan mempersiapkan Malaya untuk kemerdekaan. Dibayangkan pula bahawa kemerdekaan tidak akan diberikan kepada Tanah Melayu sekiranya tidak wujud persefahaman dan kesanggupan untuk bekerjasama secara politik antara orang Melayu dengan bukan Melayu, khasnya kaum Cina.

Sebenarnya percubaan untuk mewujudkan kerjasama politik antara kaum telah pun dirintis oleh Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) melalui PUTERA-AMCJA yang pada suku akhir tahun 1947 telah mengemukakan, sebagai alternatif kepada perlembagaan Persekutuan, satu perlembagaan rakyat[27] yang berasaskan beberapa prinsip yang jelas menunjukkan bahawa semangat kebangsaan Melayu telah dijadikan asas pada perjuangan semua kaum dalam menghadapi penjajahan British.[28] Tetapi gerakan pan-Malayan yang diterokai oleh PUTERA-AMCJA pun sebenarnya mati di tengah jalan. Setelah British menolak Perlembagaan Rakyat dan bertekad melaksanakan gagasan Persekutuan walaupun ditentang oleh puak kiri dalam PUTERA-AMCJA, yang diketuai oleh Tan Cheng Lock, badan gabungan itu telah mengambil langkah terakhir dengan melancarkan hartal (tindakan menutup kedai) sebagai tanda protes puak kiri. Pada mulanya hartal yang dilaksanakan dalam bulan September 1947 nampaknya berjaya kerana mendapat sokongan Dewan Perniagaan Cina. Tetapi hartal kedua yang dilancarkan di Malaya dan Singapura pada Oktober jelas gagal dan ia tidak memberi kesan yang banyak kepada kerajaan. Ketika Persekutuan Tanah Melayu diwujudkan pada 1 Februari 1948 Dewan Perniagaan Cina pun menerima pelawaan menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan. Apabila komunis melancarkan

pemberontakannya dalam bulan Jun gabungan PUTERA-AMCJA pun mulai retak. Tan Cheng Lock yang menerajui badan gabungan itu telah keluar kerana kecewa. Pada Julai Presiden PKMM, Ishak Hj. Muhamad telah ditahan atas tuduhan bersubahat dengan anasir komunis.

Pengisytiharan Darurat membawa dilemma kepada nasionalis radikal Melayu yang berhaluan kiri. Majoriti orang Melayu tidak menyokong gerakan mereka. Penentangan puak kiri terhadap gagasan Persekutuan yang sebaliknya dialu-alukan oleh UMNO menyebabkan mereka dianggap bersekongkol dengan komunis. Walaupun ada pemimpin kiri yang termakan oleh propaganda komunis tetapi majoriti anggota PKMM dan PUTERA tidak prokomunis.Sebaliknya mereka, seperti Dr. Burhanuddin al-Hulaimy, sesungguhnya antipenjajahan.

Sementara itu ketika Darurat sedang berkecamuk, kerajaan British yang sedang berusaha untuk memujuk orang Cina agar tidak menyokong perjuangan gerila komunis, telah mengumpan mereka dengan janji untuk melebarkan pintu bagi mendapatkan kerakyatan dengan cara yang lebih mudah. Perkara itu ditimbulkan dalam perbincangan di mesyuarat CLC. Isu kerakyatan ini dibahas oleh CLC pada tahun 1950 dan timbul cadangan agar Perjanjian Persekutuan dipinda untuk membolehkan prinsip memberi hak kerakyatan yang diasaskan pada *jus soli* iaitu kerakyatan berasaskan kelahiran dilaksanakan. Sebagai imbalannya orang Melayu akan diberi peluang yang lebih untuk berkongsi kekayaan ekonomi dengan orang bukan Melayu. Hal ini membangkitkan kemarahan daripada kalangan pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaya yang mengemukakan argumen bahawa langkah untuk meningkatkan kebajikan ekonomi orang Melayu bukan mudah dilaksanakan; tetapi langkah merombak undang-undang kerakyatan akan dengan mudah memberi laluan kepada orang bukan Melayu mendapatkan kerakyatan. Pandangan para pelajar itu mendapat sokongan daripada Persatuan Siswazah Melayu yang menuduh anggota-anggota Melayu dalam CLC telah dipujuk dan dikelabui matanya; mereka juga menuduh Dato' Onn telah digula-gulakan oleh CLC dan para anggota bukan Melayunya. Mesyuarat khas UMNO pada 10 dan 11 Jun 1950 juga mengkritik Dato' Onn secara keras yang membuatkan Dato' Onn marah dan meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua. Beliau hanya kembali memimpin UMNO setelah dipujuk secara bersungguh-sungguh. Pada ketika isu kerakyatan itu dibincangkan semula dalam mesyuarat agung UMNO pada Ogos 1950 usul berhubung dengan rang undang-undang kerakyatan itupun disokong tetapi dengan sedikit pindaan.[29]

Periode 1950-1955 menampakkan politik Melayu yang termakan dengan rancangan besar British untuk mewujudkan Malaya sebagai nasion yang berbilang kaum dan berbilang budaya. Secara halus British memujuk pemimpin Melayu dan akhirnya terbitlah Ordinan tahun 1952 yang membuka peluang kepada orang Cina untuk menjadi warganegara.[30] Lantaran yakin pada hakikat bahawa hanyalah dengan mengiktiraf peri pentingnya pewujudan sebuah masyarakat majmuk baru British boleh berunding untuk memberikan kemerdekaan kedua-dua pemimpin UMNO, Dato' Onn dan Tunku Abdul Rahman telah meengambil pendekatan yang boleh mendapat sokongan British. Dato' Onn misalnya telah cuba memujuk UMNO agar sanggup menerima keanggotaan orang bukan Melayu

di dalam UMNO. Apabila usulnya ini ditolak dia bertindak keluar daripada UMNO dan menubuhkan Independence of Malaya Party (IMP) atau Parti Kemerdekaan Malaya yang bersifat berbilang kaum pada 16 September 1951. Manakala Tunku Abdul Rahman pula lebih terkehadapan apabila UMNO berjaya menjalin kerjasama dengan MCA untuk menghadapi pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952.

Walaupun kedua-dua nasionalis itu menganggap Malaya adalah negeri orang Melayu dan oleh sebab itu *polity* Melayulah yang akan mencorakkan Malaya yang merdeka, namun kedua-duanya terpaksa akur kepada kehendak British yang mahukan lahirnya sebuah negara yang bersifat *multiracial*. Apabila kemerdekaan diperoleh pada 31 Ogos 1957, di sebalik lambang-lambang dan penampilan ciri-ciri keMelayuan [*Malayness*] yang diperagakan dalam istiadat, jelas sekali negara yang baru lahir itu bukanlah nasion Melayu yang tulen tetapi nasion yang harus dibentuk bersama kerana konsep perkongsian kuasa seperti yang dijelmakan dalam kontrak sosial yang disebut politik tawar-menawar. Hingga ke hari ini proses tawar menawar antara nasionalisme Melayu dengan kaum bukan Melayu secara politik masih diteruskan sekalipun desakan dan tuntutan kaum bukan Melayu terhenti seketika apabila tercetus rusuhan antara kaum pada tahun 1969 yang memperlihatkan semula rangsangan nasionalisme Melayu.

Periode pasca 1969 merupakan suatu fasa baru dalam perkembangan nasionalisme Melayu. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan mengangkat kedudukan ekonomi orang Melayu telah menampakkan bermulanya nasionalisme yang menitikberatkan ekonomi orang Melayu. Kendatipun Dasar Ekonomi Baru tidak sepenuhnya tercapai, tetapi harus diakui ia telah memberi kesan yang amat besar ke arah penstrukturan masyarakat Melayu. Pada masa inilah berlakunya anjakan identiti keMelayuan yang melahirkan kumpulan 'Melayu' baru yang menumpang pada wahana '*Malayness*' seperti yang telah disebut di bahagian awal bab ini. Kemunculan elit ekonomi Melayu yang merangkumi golongan korporat pada tahun-tahun lapan puluhan secara beransur-ansur telah menghakis lambang-lambang nasionalisme Melayu yang awal iaitu bahasa dan kebudayan Melayu yang dahulunya diperjuangkan oleh guru-guru Melayu ketika guru-guru Melayu menjadi tulang belakang kekuatan UMNO. Tetapi kebangkitan elit ekonomi Melayu dan penerusan dasar ekonomi yang dipersepsikan oleh kaum bukan Melayu sebagai lanjutan Dasar Ekonomi Baru walaupun dalam bentuk yang berlainan kini mengundang rasa cemburu dan tidak puas hati kaum bukan Melayu yang melihat nasionalisme ekonomi Melayu sebagai penghalang yang cuba membatasi peluang mereka. Rasa tidak puas hati juga diluahkan oleh generasi Melayu yang merasa terpinggir daripada arus deras pengeksploitasian peluang-peluang ekonomi.

Quo Vadis Nasionalisme Melayu?

Pada umumnya para sarjana dan peneliti politik Malaysia dewasa ini sepakat mengatakan bahawa nasionalisme Melayu itu sejak mula lahirnya sudah terpintal dengan konsep '*Malayness*'; dan "*Malayness*' itu pula telah melalui transformasi

sejak dasawarsa ketiga dalam abad yang lalu hinggalah ke masa kini.[31] Berbeza dengan perjuangan nasionalisme di negara-negara lain, nasionalisme Melayu sejak awal kelahirannya telah dihadapkan dengan kehadiran kaum bukan Melayu yang dilihat sebagai pendatang yang dianggap mula-mulanya menumpang di kediaman tuan rumahnya tetapi kemudiannya beransur-ansur menuntut hak untuk berkongsi tinggal serumah. Walaupun ramai pula peneliti yang menganggap perjuangan nasionalisme itu telah gagal menghasilkan pembentukan sebuah nasion Melayu tetapi yang nyatanya nasionalisme itu belum lagi berhenti; ia masih digerakkan dengan agenda asalnya iaitu untuk menjadi tuan di rumah sendiri. Hasrat ingin menjadi tuan di rumah sendiri inilah yang menyebabkan elit kepemimpinan Melayu tidak berasa lelah atau kecewa untuk meneruskan agenda awalnya dalam perjuangan untuk memastikan kedudukan dan martabat orang Melayu tidak digoyahkan oleh tamunya yang sudah sebumbung dengannya. Sebenarnya timbulnya perasaan ini kerana orang Melayu berasa tidak selamat dalam rumahnya sendiri.

Masalah yang dihadapi oleh nasionalisme etnik Melayu ialah keadaan sudah berubah. Cabaran daripada globalisasi dan permasalahan membina nasion yang terdiri daripada masyarakat yang pelbagai kaum menuntut pendekatan yang baru iaitu yang menekankan ciri-ciri masyarakat madani. Pendekatan yang mengetepikan prinsip dan nilai manusiawi seperti sifat-sifat adab, adil, amanah, bersih dari korupsi, dan bertanggungjawab tidak mungkin dapat membendung sikap angkuh, tamak, keterlaluan dan jahil apabila nasionalisme itu diungkapkan tanpa berfikir; sebaliknya kebangkitan semangat untuk maju seharusnya dapat mengundang rasa hormat dan segan serta kesetiaan pihak lain yang kurang yakin dan kurang mengerti. Perjuangan asal nasionalisme Melayu yang ingin menuntut keadilan sejarah – yang berupa perjuangan mendapatkan kesaksamaan hak di bidang ekonomi terutama bagi golongan yang tercicir dan tertindas - nampaknya dihambat oleh krisis nilai dalam budaya orang Melayu sendiri. Penyisihan yang semakin ketara terhadap bahasa Melayu sehingga menggeser kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi jelas mengkhianati semangat kebangsaan Melayu. Sebagai kesimpulan, nampaknya sampai kini nasionalisme Melayu belum lagi berjaya menjadi asas untuk memimpin ke arah pembentukan suatu nasionalisme Malaysia.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn, Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru (1 - 4 Disember 2006).

[2] Lihat misalnya Shamsul A. B. 'The Economic Dimension of Malay Nationalism – The Socio-Historical Roots of the New Economic Policy and its Contemporary Implications –' dalam *The Developing Economies*, XXXV-3 (September 1997), h. 242.

[3] Rustam A. Sani, 'Merdeka! But are we a nation yet?' *Aliran Monthly*, September 15. 2006, h. 3. Cf. Rustam A. Sani, 'Class and Communal Lines: The Unsolved National Questions', kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar "Socialism 2005: Malaysia" anjuran Parti Sosialis Malaysia, 9 – 11 September 2005.

[4] Untuk penejelasan tentang konsep masyarakat majmuk, lihat J. S. Furnivall, *Colonial Policy and Practice*, New York University Press, New York, 1956, terutamanya h. 303 – 313.

[5] Lihat misalnya pendapat Prof. Wang Gungwu yang dalam sebuah makalah yang ditulisnya dalam tahun 1962 menyebut, "*The large immigrant population of Malaya, whether Indonesian (largely Sumatran Malay and Javanese), Chinese or Indian (to include Indians, Pakistanis and Ceylonese) have always been subject, to a greater or lesser extent, to pressures from outside the Peninsula.*" Wang Gungwu, 'Malayan Nationalism' dalam Wang Gungwu, *Community and Nation*, ASAA Southeast Asian Publications Series, ASAA in association with Allen & Unwin, 1992, h. 187.

[6] Kerajaan Sriwijaya misalnya menjangkau sampai ke wilayah-wilayah di Semenanjung, Selatan Siam, Champa, dan juga ke wilayah kepulauan yang hari ini dikenali dengan nama Filipina. Demikian pula kesultanan Melayu Melaka pun menjangkau ke daerah-daerah di Sumatera, dan kesultanan Johor-Riau Lingga mencakupi wilayah-wilayah yang hari ini dikenali sebagai Malaysia, Singapura dan Inonesia.

[7] Ungkapan ini menjadi tajuk makalah yang diterbitkan oleh Raffles di dalam *Asiatick Researches* pada tahun 1818. Ketika ia mula-mula digunakan dalam tahun 1809, Raffles menamakannya "the Malayan Nation". Lihat Sophia Raffles, *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles*, Oxford University Press, Singapore 1991, (edisi pertama oleh John Murray London, 1830), h. 15 - 17. Sebenarnya penulis tidak begitu bersetuju dengan dakwaan bahawa Raffleslah yang menonjolkan nama 'Melayu'. Pada perkiraan penulis Raffles secara logiknya memang terpaksa menggunakan istilah "bangsa Melayu" setelah banyak menerima surat-surat dan juga naskhah-naskhah Melayu daripada pembesar dan bangsawan Melayu pada sekitar tahun 1810 dan 1811 yang menunjukkan dengan jelas tentang pemakaian istilah-istilah seperti 'negeri tanah Melayu' (walaupun bukan merujuk kepada Tanah Semenanjung Melayu), 'raja-raja Melayu', 'Sejarah Melayu', 'Undang-Undang Melayu', dan 'bahasa Melayu'. Memanglah benar bagi orang Melayu pada zaman dahulu (sejak zaman kesultanan Melaka), lantaran menjadi rakyat raja di negeri tempat mereka bermastautin maka lebih keraplah negerinya (bukan bangsanya) disebut. Misalnya orang Melayu Kedah disebut orang Kedah, Melayu Jambi disebut orang Jambi, orang Melayu Siak disebut orang Siak. Sama juga halnya dengan orang Cina yang bererti orang negeri Cina; orang Keling yang merujuk kepada benua Keling atau Kalinga; orang Jawa yang merujuk kepada orang di pulau Jawa; orang Hollandes yang merujuk kepada orang dari negeri Holland (Belanda) dan orang Inggeris yang merujuk kepada orang dari negeri Inggeris. Sampai pada hari ini pun istilah 'Inggeris' seperti yang dipakai di Indonesia merujuk kepada negeri Inggeris (England). Seyogia juga diingati apabila disebut orang Perak, orang Cina atau orang Keling yang berada di Perak tidak dianggap orang Perak. Sesuatu yang silap dan amat mengelirukan ialah pendapat Anthony Reid yang mendakwa kononnya istilah 'Sejarah Melayu' itupun adalah ciptaan Raffles! Pada hal manuskrip 'Sejarah Melayu' itu sudah pun diketahui dan sememangnya dinamakan dalam bahasa sehari-harinya 'Sejarah Melayu' sekalipun nama rasminya ialah 'Sulalatus Salatin'.

[8] Lihat tulisan-tulisan Anthony Reid, Adrian Vickers, dan Shamsul A. B. dalam Timothy P. Barnard (ed.), *Contesting Malayness, Malay Identity Across Boundaries*, Singapore University Press, Singapore, 2004.

[9] Lihat Shamsul A. B., 'A History of an Identity, an Identity of a History: The Idea and Practice of 'Malayness' in Malaysia Reconsidered', dalam ibid. , h. 135 – 148.

[10] Kajai berpendirian bahawa Islam bukanlah bangsa. Kajai menolak Islam sebagai faktor yang mentakrifkan Melayu. Baginya DKA dan DKK memang beragama Islam tetapi mereka

bukanlah Melayu. Hanya mereka yang pada sebelah nisab bapanya Melayu baru boleh dianggap Melayu. Abdul Latiff Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, h. 372.

[11] Bahkan penglibatan ramai orang Melayu-Arab dalam menggerakkan terbitan berkala *Al-Imam* pada tahun 1906-1908 telah dipersoalkan tentang apakah mereka itu layak dipanggil pemimpin Melayu. Lihat Ariffin Omar, *Bangsa Melayu, Malay concepts of Democracy and Community 1945-1950*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1993, h. 14. Pada tahun 1930-an orang Melayu merasa cemburu terhadap golongan Jawi Peranakan dan Arab-Melayu yang lebih berkemampuan baik dalam kehidupan mereka mahupun sebagai pemimpin pertubuhan. Untuk perbincangan lanjut lihat W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Pustaka Ilmu, University of Malaya Press, Kuala Lumpur & Singapore, 1967, h. 120.

[12] Menjelang 1920 terdapat 400 buah sekolah Melayu dengan murid seramai 20,319 orang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Walaupun di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, angkanya agak lebih rendah, tetapi di negeri Johor dan Kedah terdapat 129 buah sekolah Melayu dengan bilangan murid seramai 9,000 orang. Selain sekolah Melayu pada tahun 1905 Malay College Kuala Kangsar telah didirikan untuk tujuan melatih anak-anak bangsawan Melayu yang diduga akan mengisi jawatan pentadbiran dalam pemerintahan kolonial pada satu masa kelak.

[13] T.H. Silcock dan Ungku Aziz, 'Nationalism in Malaya' dalam International Secretariat Papers Part 2, Lucknow Conference (1950), Vol. 5, h. 13.

[14] Pada tahun 1932 Abdul Rahim Kajai telah mendesak Pesuruh Jaya British agar menghentikan bangsa-bangsa asing daripada menuntut hak di Tanah Melayu. Lihat Ariffin Omar,*Bangsa Melayu*., h. 18.

[15] Yang boleh juga diertikan sebagai daerah atau tempat beradanya kampung halaman masing-masing suku

[16] Philip A. Kuhn, 'The Homeland: Thinking About the History of Chinese Overseas', The Fifty-eighth George Ernest Morrison Lecture in Ethnography, 1997, *passim* .

[17] Ibid.

[18] Federation of Malaya, *Report on the Proceedings of the Legislative Council*, Government Printing Press, Kuala Lumpur, 1951, h. 251.

[19] Ibid,, h. 252.

[20] Ibid., h. 260.

[21] Ibid., h. 263.

[22] Lihat Ramlah Adam, *Dato Onn Jaafar, Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, h. 283.

[23] Isu bahasa dan kebudayaan Cina juga menjadi persoalan yang diberi perhatian serius oleh parti-parti pembangakang Cina dan Melayu ketika berlangsungnya kempen menjelang pilihan raya 1969.

[24] Mengenai Darurat, lihat Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960 Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

[25] James P. Ongkili, *Nation-building in Malaysia 1946-1974*, Oxford University Press, Singapore, 1985, h.82-83.

[26] Sir Malcolm MacDonald adalah anak Ramsey MacDonald, bekas Perdana Menteri Britain dari Parti Buruh. Malcolm MacDonald pernah menjawat jawatan Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan dalam tahun 1935 dan 1938. Selepas Perang dia telah dilantik menjadi

Pesuruhjaya Agung bagi semua wilayah Britain di Asia Tenggara dan memegang jawatan Governor Malayan Union selepas Edward Gent. Hubungannya dengan Dato' Onn boleh dikatakan sangat rapat.

[27] Partai Kebangsaan Melayu Malaya lahir pada 17 Oktober 1945 apabila Parti Komunis Malaya dalam upayanya untuk membentuk front bersatu bagi menentang British, telah mengundang beberapa orang nasionalis radikal Melayu yang pro-Indonesia Raya bagi mendirikan sebuah parti politik yang masih belum wujud ketika itu untuk orang Melayu. Pemula PKMM ialah seorang komunis bernama Mokhtarudin Lasso. Pada Februari 1947, PKMM bersama-sama dengan beberapa pertubuhan kiri bukan Melayu yang lain yang bergabung di bawah All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) telah pun mendirikan PUTERA-AMCJA untuk menentang gagasan Persekutuan dan kemudiannya mengemukakan naskhah Perlembagaan Rakyat yang telah disediakan dalam bulan Ogos 1947 dan dikirimkan kepada kerajaan British sebagai alternatif kepada perlembagaan Persekutuan.

[28] Antara prinsip-prinsip yang utama ialah: i) Malaya yang bersatu dengan Singapura di dalamnya; ii) hak politik yang sama bagi semua kaum yang memberikan kesetiaan kepada Malaya; iii) rupa bangsa atau kerakyatan Malaya diberi nama 'Melayu' tanpa ada kaitannya dengan agama; iv) raja-raja Melayu bertaraf raja-raja berperlembagaan; v) bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi tetapi bahasa-bahasa asing yang lain boleh digunakan; vi) hal-hal yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat Melayu diletakkan di bawah kawalan orang Melayu; vii) sebuah majlis bangsa-bangsa diwujudkan untuk memantau sebarang undang-undang yang membawa implikasi pendiskriminasian kaum; viii). pemerintahan kerajaan berasaskan wujudnya dewan perundangan pusat (federal) dan negeri dan ix) perhatian khas akan diberikan kepada masalah memajukan orang Melayu. Untuk keterangan yang lebih rinci mengenai Perlembagaan Rakyat 1947 itu lihat *The People's Constitutional Proposals for Malaya*, yang diterbitkan oleh Ban Ah Kam, Pusat Kajian Sejarah Kontemporari Tempatan, Kajang, 2005, berdasarkan naskhah asal dari Pejabat Kolonial Great Britain, London.

[29] UMNO menetapkan bahawa hanya mereka yang lahir di negeri-negeri Melayu dengan ibu bapanya telah pun menjadi rakyat raja Melayu layak memohon kerakyatan negeri yang sekali gus pula memberikan hak untuk menjadi rakyat Persekutuan. Juga disyaratkan untuk pemohon ialah bahawa permastautin di negeri Melayu perlu sekurang-kurangnya tinggal sembilan daripada dua belas tahun secara tak putus; mereka juga mesti boleh bercakap Melayu.

[30] Kesannya, menjelang September 1952 kira-kira 1,200,000 orang Cina yakni sekitar 60 peratus daripada bilangan kaum itu telah diberi hak kerakyatan. Turut menerima hak itu ialah 180,000 orang keturunan India.

[31] Lihat Shamsul A. B., 'The Economic Dimension [...]'; Joel S. Kahn, 'The Premise of Difference: Race, culture, nation and cosmopolitan practice in (pen)insular Southeast Asia', teks ceramah yang disampaikan di Anteneo de Manila University, 9 February 2004.

10

Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan: Sikap Orang Cina Malaysia Terhadapnya[1]

Dalam mentakrifkan erti sebuah negara atau *nation*, Joseph Stalin (1913) memberikan lima ciri utama yang membentuk sesebuah nasion:[2] a) wujudnya sebuah komuniti yang stabil dan berkesinambungan; b) memiliki suatu bahasa kebangsaan yang sepunya (*common national language*); c) sebuah wilayah yang jelas; d) kepaduan ekonomi; dan e) terdapatnya sifat-sifat kolektif. Menurut Eric Hobsbawn pula, sesebuah nasion dikenal pasti melalui dua sifat asas iaitu: i) kewarganegaraan yang membawa pengertian bahawa di dalam nasion itu terkandung kedaulatan kolektif yang berasaskan partisipasi politik sepunya dan ii) etnisiti yang bererti nasion itu terdiri daripada cirri-ciri seperti bahasa sepunya (*common language*), sejarah yang sama dan identiti budaya yang lebih luas dimiliki oleh anggota-anggota nasion itu.[3] Kehadiran sifat-sifat asas ini dikatakan boleh melahirkan nasionalisme. Jika takrifan ini diterima pakai, maka kaum nasionalis adalah mereka yang menjadikan nasion sebagai tumpuan kesetiaan mereka.

Konsep nasion berasal dari Barat. Ia berkait rapat dengan identiti nasional. Identiti dapat dikenal pasti dari sudut politik, yakni kewarganegaraan, dan budaya, iaitu kebudayaan warga nasion itu. Pembinaan sesebuah nasion, seperti yang telah pun dialami oleh Malaysia, tidaklah boleh dilakukan dalam waktu yang singkat. Gejala masyarakat majmuk yang sudah pun cukup jelas wujud di wilayah yang disebut Malaya selepas Perang Dunia Kedua, memperlihatkan betapa sukarnya usaha mewujudkan partisipasi politik sepunya demi memungkinkan kedaulatan secara kolektif dihayati bangsa Bumiputera dan bangsa-bangsa bukan peribumi. Selain dianggap bangsa imigran oleh bangsa Melayu, orang Cina dan India, yang semakin cenderung untuk tinggal tetap di Malaya dan berhasrat memiliki hak-hak kewarganegaraan selepas Perang Dunia Kedua, masih kental dengan keinginan mengekalkan keterasingan mereka sebagai komuniti yang mempunyai bahasa, kebudayaan dan sistem nilai yang berbeza daripada bangsa-bangsa Bumiputera.

Dalam pergolakan yang berlaku pada zaman selepas perang tamat, jelas kelihatan usaha British untuk merapatkan jurang keterpisahan antara golongan etnik di Malaya dengan menggalakkan kerjasama politik antara kaum. Walaupun British sedar akan hakikat bahawa orang Melayu adalah peribumi Tanah Melayu, tetapi demi kepentingan dasar penjajahan pasca empat puluh limanya, mereka harus cuba membina kesepakatan antara kelompok-kelompok etnik yang lebih banyak mempunyai perbezaan daripada kesepunyaan, sebagai upaya menjadikan Malaya sebuah negara yang majmuk sifatnya.

Tidak dapat disangkal bahawa sejak lahirnya kesedaran berpolitik dalam kalangan bangsa Melayu dan kesungguhan bangsa-bangsa Cina dan India memperjuangkan kepentingan politik mereka di Malaya sehinggalah ke zaman lahirnya Persekutuan Malaysia, secara konsisten usaha orang Melayu adalah untuk menegaskan kedudukan mereka sebagai bangsa peribumi di Tanah Melayu. Penegasan ini lebih banyak dibuat melalui perjuangan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kebudayaan Melayu sebagai asas pembinaan sebuah kebudayaan kebangsaan. Makalah ini bertujuan untuk melihat persayembaraan politik antara orang Melayu dan Cina yang menunjukkan ketegasan masing-masing dalam mencorakkan citra Malaya yang mereka bayangkan. Kelihatan pada tahun lima puluhan, orang Cina yang melihat diri mereka sebagai "Huaren" (bangsa Hua, iaitu Cina), secara konsisten menolak usaha orang Melayu untuk mengintegrasikan mereka kedalam kerangka pembentukan nasion yang berlandaskan faktor sejarah Semenanjung Tanah Melayu serta kebudayaan dan *polity* Melayu dengan menjadikan kesepunyaan bahasa, sejarah dan kebudayaan (yang merangkumi unsur-unsur kemelayuan) sebagai asas pembinaan nasion. Kemampuan mereka menolak usaha tersebut kerana angka penduduk Cina etnik di Malaysia agak besar dan lantaran itu persoalan identiti lokal mereka menjadi problematik.[4] Sayembara politik kebudayaan ini berterusan sejak Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya sehinggalah tertubuhnya Malaysia dan selesainya pilihan raya 1969.

Lebih suku abad[5] telah berlalu sejak Dasar Kebudayaan Kebangsaan dirumuskan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan di Universiti Malaya pada pertengahan Ogos 1971. Seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi Bersama Kongres tersebut, Tan Sri Nik Ahmad Kamil, "... ia [Kebudayaan Kebangsaan] bukan sahaja akan menjadi alat bagi membentuk suatu nasion yang tunggal dan menyatukan semua kaum tetapi juga mencerminkan identiti Malaysia di luar negara". Kongres tahun 1971 itu yang diadakan selepas dua tahun berlakunya peristiwa rusuhan antara kaum yang lebih dikenali sebagai Rusuhan 13 Mei, antara lain, merumuskan bahawa pembentukan sebuah Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berlandaskan pada tiga prinsip:

1. Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
2. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan.
3. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Ternyata garis besar yang dijadikan panduan pembentukan satu kebudayaan kebangsaan itu telah menimbulkan kritikan dan penolakan yang amat lantang dari pihak kaum bukan bumiputera [baca Cina] di negara ini. Penyuaraan penentangan tersebut terang-terangan berlaku setelah sepuluh tahun dasar tersebut belaku dan bantahan pun disuarakan apabila kerajaan, melalui Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa itu, Datuk Mokhtar Hashim, menyatakan bahawa usaha dan langkah-langkah pelaksanaan dasar itu akan ditinjau kembali bagi mendapatkan maklum balas dari semua pihak. Justeru antara penghujung tahun 1981 dan akhir 1984 tidak putus-putus ulasan dan kritikan terutamanya daripada kalangan cendekiawan bukan bumiputera disiarkan oleh akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dan Cina.[6]

Parti yang terbesar pengaruhnya dalam kalangan orang Cina, iaitu Malaysian Chinese Association[7] pun, ketika menganjurkan Seminar Ekonomi Nasional pada Oktober 1989, memperkenalkan gagasan Malaysian Unity Plan (Rancangan Perpaduan Malaysia)[8] yang antara lain cuba mengungkapkan pendirian MCA tentang beberapa isu negara pasca-Dasar Ekonomi Baru; salah satu daripada isu yang dibangkitkan ialah Kebudayaan Kebangsaan. Dari sudut kebudayaan, MUP menggariskan strategi MCA yang mendesak agar:

> sebarang garis panduan rasmi yang diambil oleh kerajaan bagi pembangunan kebudayaan hendaklah berupa hasil rundingan dan perbincangan umum di kalangan berbagai kaum [...][9]

MCA juga menyeru agar kerajaan "memberhentikan kontroversi yang dibangkitkan oleh pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan [...]"[10]

Parti itu melalui MUPnya juga mencadangkan agar asas pembangunan kebudayaan dan keagamaan dibentuk berdasarkan Perlembagaan dan Rukunegara. MCA mendesak agar kerajaan "membuang segala rintangan birokrasi dan perundangan dan halangan yang menahan rakyat Malaysia daripada mengamalkan hak-hak budaya mereka [...][11]

Seterusnya parti itu menegaskan agar "*multiculturalism*" dan "*interculturalism*" digalakkan. Selain itu dituntut juga agar *reform* perundangan dilakukan untuk mengetepikan atau mengelakkan pengasimilasian kebudayaan/keagamaan secara paksa. *Reform* yang disarankan ialah:

a) membuat pindaan kepada fasal 36 (1) Akta Pendidikan 1961 untuk memastikan tidak ada murid diwajibkan menghadiri pelajaran mengenai agama yang lain daripada apa yang dianuti oleh ibu bapanya, kecuali dengan izin bertulis ibu bapanya.
b) Penambahan suatu fasal di bawah Artikel 38 dari Akta Pendidikan 1961 untuk menghalangi penguasa pendidikan daripada memaksakan nilai-nilai keagamaan yang berhubung dengan pakaian, percakapan dan kelakuan.[12]

MCA juga melalui MUPnya berkali-kali menegaskan betapa perlunya "kepelbagaian kebudayaan" dipupuk dan dikembangkan. Bahkan parti itu juga mencadangkan agar diwujudkan lembaga-lembaga atau jawatankuasa

tertentu di beberapa kementerian, agensi dan sektor awam demi "kepelbagaian kebudayaan" itu.[13]

Berdasarkan rumusan-rumusan yang dibuat oleh Malaysian Unity Plan MCA di atas amat nyata bahawa MCA atau orang Cina tidak sekali-kali mahu melihat terbentuknya satu kebudayaan Malaysia yang dihasilkan oleh proses asimilasi. Bagi MCA dan orang Cina umumnya, ciri kemajmukan yang sedia ada hendaklah dipupuk dan masing-masing kumpulan etnik hendaklah diberikan kebebasan mengamalkan kebudayaan dan juga nilai kumpulan itu. Seperti dinyatakan oleh Presiden MC, Dr. Ling Liong Sik:

> We have consistently fought for the right of non-Malay Malaysians to use and develop their ethnic languages. This is consistent with our position that, whilst Bahasa Malaysia in the Rumi script is the official national language and has through common usage become the lingua franca of our multi-lingual society, this should not prejudice the right of the Federal Government or State Governments to preserve and sustain the use and study of the languages of the other communities.[14]

Menyentuh tentang Kebudayaan Kebangsaan, Presiden MCA itu juga berkata:

> [...] the role of the MCA is to help in the evolution of a multiracial national culture that evolves naturally and includes elements of our rich and diverse heritage, Chinese, Malay, Indian, Kadazan, Iban and others [...][15]

Pandangan yang diluahkan oleh pemimpin MCA di atas juga dikongsi oleh Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang seolah-olah menyesalkan hakikat bahawa:

> [...] elemen-elemen budaya Melayu telah dititikberatkan sebagai teras Kebudayaan Kebangsaan dengan mengabaikan ciri-ciri kebudayaan-kebudayaan kaum lain terutamanya dalam perkara-perkara seperti corak pakaian dan pertunjukan kesenian dalam upacara-upacara rasmi.
>
> Corak pemikiran di belakang dasar ini ialah bahawa oleh kerana orang Melayu adalah kaum peribumi, dan Semenanjung ini dikenali [*sic* sebagai] Tanah Melayu, maka kebudayaan Melayu harus dijadikan Kebudayaan Kebangsaan, kalau tidakpun menjadi aliran yang tunggal. Ciri-ciri kebudayaan lain dianggap sebagai kebudayaan "pendatang" atau "asing" [...][16]

Betapapun demikian, Parti Gerakan, di sebalik menekankan sifat "*multicultural*" masyarakat Malaysia yang majmuk, tidak pula menolak kemungkinan berlakunya "pertembungan budaya yang membawa kepada integrasi [...]"[17]

Setelah sepuluh tahun Dasar Kebudayaan Kebangsaan berjalan, boleh dikatakan semua pertubuhan Cina sepakat mengatakan bahawa tiga prinsip yang dijadikan landasan bagi pembinaan sebuah Kebudayaan Kebangsaan itu adalah dibuat "tanpa perundingan yang wajar dan perbincangan yang luas antara berbagai komuniti di Malaysia".[18]Bahkan Kua Kia Soong, seorang aktivis Cina yang secara konsisten memperjuangkan *multi-culturalism*, menekankan:

> A policy as important as the "National Culture" needs to be delicately formulated only after due democratic consultations with all the ethnic communities that make up Malaysia. Above all, this should involve the representation of all the guilds and associations and other educational/cultural organizations in the various communities.[19]

Pandangan orang Cina terhadap perlaksanaan tiga prinsip asas pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu ialah ia lebih mencerminkan nasionalisme Melayu atau "*Malay-centrism*". Ia berkecenderungan untuk memaksakan proses asimilasi bagi lain-lain kebudayaan tanpa mengambil kira demokrasi budaya.[20]

Dilihat dalam konteks sejarah pembentukan nasion Malaysia, amat jelas bahawa pandangan yang mewakili orang Cina mengenai isu-isu yang bersangkut-paut dengan simbol "ketuanan"[21] Melayu atau kesinambungan sejarah yang menunjukkan kebumiputeraan orang Melayu adalah, pada umumnya senantiasa konsisten sejak zaman selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

Walaupun secara umumnya orang Cina tidak menafikan keperibumian orang Melayu di Semenanjung Malaysia khususnya, namun penerimaan itu ada kualifikasinya. Orang Melayu dikatakan bukan bumpitera yang pertama berada di Tanah Semenanjung. Usaha menyanggah dakwaan orang Melayu sebagai peribumi sebenarnya telah pun disuarakan sejak dari tahun 1931 lagi, apabila Lim Ching Yan, seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang, dalam ucapannya di sebuah pertemuan pertubuhan Hun Yu Siah berkata:

> Siapa kata ini negeri Melayu? [...] apabila Captain Light datang kemari adakah dijumpainya orang Melayu atau kampung Melayu? Nenek moyang kita telah datang ke negeri ini dan telah bekerja dengan kuat menjadi kuli – tidak ada malu dengan sebab menjadi kuli – mereka itu tidak menghantarkan wangnya balik ke negeri China. Mereka itu kahwin dan membelanjakan wangnya di sini dan dengan jalan itu dapatlah kerajaan membuka negeri ini daripada hutan kepada negeri yang bertamadun. Kita sudah menjadi sebati dengan negeri ini. Ini kita punya negeri [...][22]

Perasaan tidak puas hati terhadap kedudukan unggul orang Melayu di dalam Tanah Melayu diungkit lagi dalam tahun 1936 apabila Tan Cheng Lock menghantar memorandum yang menyentuh isu desentralisasi kepada Setiausaha Rendah bagi Tanah Jajahan Inggeris. Melalui memorandum itu Tan Cheng Lock menuntut supaya orang Cina diberi hak untuk duduk di dalam Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu oleh kerana dia berasa jengkel melihat majlis mesyuarat negeri didominasi oleh orang Melayu dan seorang Residen yang pro-Melayu; dan majlis itu pula berkuasa mempengaruhi penggubalan undang-undang yang bersangkutan dengan tanah, pendidikan dan lain-lain dasar yang dianggapnya akan merugikan orang Cina.[23]

Jangka masa tahun tiga puluhan menampakkan pertentangan yang jelas antara Melayu dengan Cina. Orang Melayu pada periode tersebut meneriakkan slogan: "Tanah Melayu untuk orang Melayu". Manakala orang Cina pula melaungkan pendirian bahawa Malaya adalah untuk bangsa "Malayan", yakni

menandakan buat pertama kalinya orang Cina memperjuangkan hak kaum bukan bumiputera di Tanah Melayu. Pendirian Melayu-Cina yang bertentangan ini sebenarnya adalah akibat daripada ketakseimbangan bilangan penduduk di Tanah Melayu yang pada tahun 1930-an mulai mencelikkan kesedaran politik orang Melayu. Buat pertama kalinya dalam sejarah Tanah Melayu, orang Melayu telah dikejutkan secara politik apabila banci kependudukan tahun 1931 jelas mendedahkan hakikat bahawa bilangan penduduk Melayu di Tanah Melayu telah diatasi oleh bilangan penduduk kaum imigran Cina dan India dengan nisbah 44.7 peratus Melayu lawan 39.0 peratus Cina (merangkumi angka kelahiran tempatan dan asing) dan 14.2 peratus India. Menjelang tahun 1931 juga peratusan orang Cina yang lahir di Malaya telah meningkat ke angka 31 peratus, berbanding dengan 22 peratus dalam tahun 1921.[24] Pertambahan penduduk bukan bumiputera secara mendadak ini menimbulkan suasana kegawatan kepada orang Melayu. Sebagai akibatnya, muncullah gerakan berpersatuan dalam kalangan orang Melayu di setiap negeri; dan menjelang tahun 1937 Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang antipenjajahan dan antikaum asing pun ditubuhkan dengan cita-cita untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada wadah politik Nusantara.

Kebimbangan terhadap penaklukan secara kelebihan angka oleh kaum bukan Melayu, ditambah dengan keadaan serba mundur orang Melayu di bidang ekonomi, pelajaran dan politik, menyebabkan para pemimpin KMM mendakyah gerakan untuk bersatu di dalam perjuangan mencapai Indonesia Merdeka dan membentuk nasion yang disebut *Melayu Raya* yang dianggap akan menyatukan semua kelompok bangsa Melayu di Nusantara.

Kelantangan suara orang Cina di Malaya dalam memperjuangkan hak dan kepentingan mereka pada dasawarsa tiga puluhan telah mempertajam perasaan anti orang Cina dalam kalangan orang Melayu, paling tidak di kalangan elit vernakularnya. Melalui akhbar-akhbar Melayu sentimen kebangsaan Melayu ini dikumandangkan ke seluruh tanah air. Serbuan Jepun ke atas Tanah Melayu pada akhir 1941 telah menyebabkan bibit nasionalisme Melayu yang baru mengembang itu teralih kepada suatu suasana yang baru. Tidaklah menghairankan jika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah membawa ketegangan kepada orang Melayu dari segi pendirian politiknya terhadap orang Cina. Bahkan Jepun telah memperalatkan gerakan nasionalisme Melayu yang baru berkembang untuk kepentingan peperangannya. Tetapi sikap orang Melayu yang telah "memberi laluan" kepada penyerbuan Jepun dengan mudah untuk menduduki Tanah Melayu dan seterusnya Singapura, telah membawa padah kepada orang Melayu sendiri apabila Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945.

Sekembalinya tentera British ke Malaya dalam September 1945, keadaan politik sebelum perang yang menunjukkan gejala perkauman antara orang Melayu dengan Cina dan kemudiannya permusuhan itu dipertajam lagi oleh dasar Jepun (yang seolah-olah lebih menyebelahi orang Melayu dalam hubungannya dengan orang Cina), telah mencambahkan bibit-bibit permusuhan antara Cina dengan Melayu dan akhirnya bangkit meletus dalam bentuk pergaduhan antara kaum. Anggota Malayan People's Anti-Japanese Army (Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya) yang rata-rata terdiri daripada orang Cina telah menebus dendam

terhadap orang Melayu yang pada pandangan mereka telah bekerjasama dengan Jepun. Tindakan orang Cina itu membawa tindak balas yang setimpal pula daripada orang Melayu yang akhirnya membawa ketegangan dan kekeruhan dalam hubungan antara Cina dengan Melayu.

Dalam pada itu, British pula telah bertekad mahu merubah format politik penjajahannya dengan menukar ciri keperlembagaan, daripada Tanah Melayu sebagai negeri naungan British menjadi tanah jajahan mahkota Britan. Kaedah yang digunakan adalah dengan memperkenalkan konsep Kesatuan Malaya yang akan menempatkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat ke dalam sebuah Kestuan atau *Union* yang bukan sahaja secara pentadbirannya dipersatukan, tetapi juga hak kewarganegaraan yang sama taraf akan diberikan kepada orang bukan bumiputera yang telah terbukti setia kepada British ketika Jepun melanggar Tanah Melayu dan Singapura. Ini bererti Britsh akan beranjak daripada dasar pro-Melayunya kepada dasar yang pro-kaum imigran yang ingin menjadikan Malaya sebagai tanah airnya. Ini juga bererti pengiktirafan semu British terhadap kedaulatan Raja-raja Melayu akan diluputkan.

Sikap British yang demikian itu memang bukan lahir dengan tiba-tiba, kerana semenjak Jepun mula memerintah Malaya lagi, para pegawai di Pejabat Kolonial di London telah pun mengatur rancangan untuk merekayasa bentuk penjajahan yang baru dengan memberi pertimbangan istimewa kepada keadaan kaum-kaum imigran Cina dan India yang sejak satu dasawarsa telah melaung-laungkan tuntutan hak politik mereka.[25] Pertimbangan British itu mendapat ransangan pula daripada dua orang Melayu yang sedang berada di India, iaitu Tengku Mahyiddeen dan Mohd. Suffian Hashim, yang pada April 1943 telah menggesa supaya diwujudkan "kewarganegaraan Malaya" yang akan memberi hak kepada semua bangsa yang tinggal di Malaya (dan dengan itu melepaskan rupa bangsa mereka sebelumnya. Menurut Mahyiddeen, pemberian hak kewarganegaraan itu akan membolehkan orang Cina dan India memiliki hak politik dan sebagainya, sama seperti orang Melayu. Tengku Mahmood Mahyiddeen juga mengusulkan penubuhan sebuah "Dewan Perhimpunan Malaya" yang anggotanya terdiri daripada orang Melayu dan bukan Melayu yang sama banyaknya.[26] Suffian sendiri menganggap bahawa pemberian kewarganegaraan itu akan menyelesaikan apa yang disebut "masalah Cina".

Selain daripada itu, pegawai-pegawai di Pejabat Kolonial juga telah menerima desakan dari Tan Cheng Lock yang juga telah mencari suaka di India sebaik sahaja Jepun menakluki Tanah Melayu dan Singapura. Tan Cheng Lock telah pada November 1943 mengirimkan memorandum kepada kerajaan British di London agar "persamaan hak dari segi politik, ekonomi dan sebagainya diberikan kepada semua bangsa-bangsa yang merangkumi penduduk Malaya." Tan juga menegaskan bahawa pada tahun 1940 majoriti penduduk Malaya bukanlah orang Melayu. Dia juga mengingatkan bahawa daripada sejumlah 2, 300, 000 orang Melayu, separuh daripadanya adalah imigran dari Indonesia dan mereka itu "bukanlah benar-benar Melayu."[27]

Peluang untuk mendapatkan hak politik menjadi terbuka luas kepada bangsa bukan bumiputera apabila British memperkenalkan gagasan *Malayan Union*nya pada 1 April 1947. Tetapi lantaran bantahan yang habis-habisan daripada orang Melayu, gagasan itu akhirnya ditarik balik dan digantikan dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada awal 1950-an apabila British menunjukkan kecenderungan untuk mempersiapkan Malaya bagi penyerahan hak bekerajaan sendiri dengan menggalakkan kerjasama antara kaum, khasnya di tahap politik, Dato' Onn Jaafar yang menyedari pentingnya UMNO memprakarsai upaya menjadikan UMNO sebagai parti berbilang kaum (tetapi dengan syarat orang Melayu sendiri sebagai penentu dasar dan pembentuk citra nasion Malaya yang majmuk itu), telah memulakan pendekatan politik berbilang kaum. Dato' Onn menginginkan agar UMNO membuka keahliannya kepada orang bukan Melayu.[28] Kegagalannya di dalam UMNO telah menyebabkan dia kemudiannya berusaha melanjutkan pendekatan politik berbilang kaum melalui *Independence of Malaya Party*[29] yang dilancarkannya pada 16 September 1951.

Sepeninggalan Dato' Onn, kepemimpinan UMNO telah diambil alih oleh Tunku Abdul Rahman. Tunku telah menemui formula baru dengan membentuk koalisi atau perikatan UMNO-MCA yang bererti menerima hakikat parti-parti perkauman mewakili kaum masing-masing; konsep koalisi yang berasaskan kerjasama secara muafakat akhirnya menjadi asas politik antara kaum yang diamalkan oleh Barisan Nasional hingga ke hari ini. Formula ini ternyata berjaya menarik sokongan rakyat Malaya dan sekali gus melemahkan perjuangan IMP untuk menyaingi UMNO.

Dalam pada itu, pada suku perama tahun 1950 orang Melayu yang masih memperjuangkan sebuah Malaya Merdeka yang berasaskan kewarganegaraan Melayu dan pembentukan nasion yang berteraskan Melayu, telah cuba menghidupkan semangat Parti Kebangsaan Melayu Malaya melalui Barisan Kebangsaan Melayu yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al Helmy.[30]

Adanya gerakan yang ingin menjaga kepentingan politik dan hak kebumiputeraan Melayu ini menyebabkan UMNO, atas desakan para ahlinya, menjadi sangat prihatin terhadap isu menjaga citra Malaya sebagai negeri Melayu, tetapi menerima hakikat dan kenyataan bahawa orang bukan Melayu pun perlu diterima dan diakui sebagai warganegara Malaya yang bakal merdeka. Oleh yang demikian, dalam rundingan antara UMNO dan MCA, isu-isu dasar seperti bahasa Melayu perlu diterima sebagai Bahasa Kebangsaan, dan raja-raja Melayu mempunyai kedudukan yang terjamin, serta keistimewaan kedudukan orang Melayu sebagai bangsa peribumi atau bumiputera Tanah Melayu diperakui, tidaklah dapat ditolak ansur. UMNOpun menerima hakikat bahawa orang Cina dan India perlu diberikan hak sebagai warganegara dengan syarat-syarat yang tidak terlalu longgar.

Di pihak orang Cina, yang merupakan golongan terbesar yang mewakili kaum bukan bumiputera, mereka seboleh mungkin ingin melunturkan simbol keperibumian orang Melayu di samping cuba mengukuhkan kedudukan bangsa,

kebudayaan dan bahasa mereka.[31] Oleh yang demikian, perjuangan masyarakat Cina dari kelompok manapun pada tahun-tahun 1950-an menjelang kemerdkaan, ialah untuk menegakkan asas dasar penggunaan pelbagai bahasa di tingkat yang rasmi dalam politik Malaya. Ini bermakna mereka memperjuangkan dasar "*multi-lingualism*" sebagai langkah mengelakkan pembentukan nasion Malaya merdeka yang menampilkan citra keMelayuan, yang berpijak pada *polity* Melayu dan latar belakang sejarahnya. Dalam bentuk tawar-menawar yang digunakan sebagai pendekatan oleh UMNO dan MCA pada tahun 1950-an, isu yang paling sukar diterima oleh MCA yang mewakili semua orang Cina ialah isu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan. Tersimpul dengan isu ini ialah dasar pendidikan yang akan menjadi asas perpaduan kaum dan selanjutnya pembinaan nasion.

Pertama kali soal dasar pendidikan ini muncul di Tanah Melayu ialah pada tahun 1949 apabila Jawankuasa Perhubungan Kaum (*Communities Liaison Committee*) mencadangkan bahawa "pengajaran bahasa Melayu dan Inggeris hendaklah diwajibkan di semua sekolah Kerajaan dan sekolah rendah bantuan Kerajaan."[32]

Langkah pertama kerajaan British untuk memikirkan secara serius dasar pendidikan sebagai asas atau fondasi bagi pembinaan nasion ialah dengan melantik sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh L.J. Barnes, Pengarah Latihan Sosial Universiti Oxford, untuk mengkaji sama ada cukup atau tidak kemudahan pendidikan yang disediakan untuk orang Melayu. Selain pengerusinya, jawatankuasa ini dianggotai oleh 9 orang Melayu dan 5 Eropah. [33]Laporan yang dihasilkan oleh jawatankuasa ini, yang kemudiannya dikenali sebagai Laporan Barnes, ternyata mempunyai wawasan mengenai pembinaan 'nasion' Malaya dengan cara berikhtiar supaya kaum bukan Melayu diterapkan dengan nilai-nilai kemalayaan. Menurut laporan itu, orang Melayu telah diperhambakan dari segi ekonomi di dalam negara mereka sendiri, sedangkan masyarakat British dan kaum-kaum imigran yang lain semakin bertambah makmur sehingga menguasai semua bidang kecuali pentadbiran. Kalaupun orang Melayu mahukan pendidikan mereka sebenarnya tidak mampu; pada hal anak-anak kaum imigran Cina dan India telah mengambil kesempatan sepenuhnya daripada upaya British mengembangkan pendidikan.[34] Dalam hujahnya mengenai pembinaan masyarakat Malaya yang bersatu padu, Jawatankuasa Barnes itu menyarankan agar diwujudkan pada akhirnya hanya satu jenis persekolahan, yakni Sekolah Kebangsaan, yang di peringkat pendidikan rendah wajib menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris:

> [...] sekolah rendah [...] haruslah digunakan sebagai alat untuk membina suatu rupabangsa (*nationality*) Malaya yang sepunya, berasaskan elemen-elemen yang wujud di kalangan penduduk yang menganggap Malaya sebagai tanah air mereka yang tetap dan sebagai tumpuan taat setia mereka [...] langkah pertama kami ialah mempersoalkan [perlunya] [...] mengekalkan sekolah vernakular yang berasingan, walau dari suku bangsa apapun, dan sebaliknya mencadangkan satu jenis sekolah rendah yang terbuka kepada murid-murid dari semua bangsa dan diajar oleh guru-guru berbangsa apapun,

> asalkan sahaja guru-guru tersebut mempunyai kelayakan yang patut dan menjadi warga negara Persekutuan.[35]

Sekolah Kebangsaan yang disyorkan itu disarankan supaya menggunakan hanya bahasa Melayu dan Inggeris kerana menurut laporan jawankuasa tersebut sekolah yang ditanggapi adalah:

> [...] sebuah sekolah kewarganegaraan, sekolah pembinaan nasion. Kami telah meletakkan kedwibahasaan dalam bahasa Melayu dan Inggeris sebagai objektifnya kerana kami yakin bahawa semua ibubapa yang menganggap Malaya sebagai tempat bermastautinnya yang tetap dan sasaran kesetiaannya yang tidak berbelah bagi akan bergembira membiarkan anak-anak mereka dididik dalam kedua-dua bahasa itu. Jika ada ibubapa yang tidak menyenangi mengenai ini, ketidaksenangan mereka itu bolehlah dianggap sebagai tanda bahawa mereka tidak menganggap Malaya [sebagai tanah air mereka]. Sebaliknya pula, semua ibubapa bukan Melayu yang menerima kemudahan-kemudahan ini, dan [sanggup] mengenepikan keterikatan mereka pada bahasa-bahasa vernakular demi kepentingan pemersatuan sosial yang baru, adalah berhak untuk dialu-alukan tanpa keberatan oleh orang Melayu sebagai pembina bersama dan warga negara sesama.[36]

Reaksi orang Cina terhadap laporan tersebut tentulah tidak sukar diagak. Mereka telah mengkritik laporan itu habis-habisan dan menuduhnya sebagai sarat dengan sentimen nasionalisme Melayu. Mereka dengan lantang membidas usaha hendak menutup sekolah-sekolah Cina. Pada 25 Ogos 1951 guru-guru dari sekolah-sekolah Cina telah mendirikan United Chinese School Teachers Association atau UCSTA (Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Bersatu) bagi melancarkan gerakan menentang perlaksanaan Laporan Barnes. Bagi menenangkan keadaan, British kemudiannya bertindak menubuhkan satu lagi jawatankuasa yang dianggotai oleh dua orang Cina Amerika, Dr. William P. Fenn dan Dr. Wu Teh-Yau. Jawatankuasa ini cuba melihat bagaimana boleh dijambatani sistem persekolahan yang bersifat perkauman dengan menekankan penggunaan bahasa Inggeris dan Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa-bahasa lain sebagai mata pelajaran pilihan. Tetapi untuk meredakan kemarahan orang Cina Jawatankuasa Fenn-Wu mencadangkan agar sekolah Cina di beri tempat yang wajar di dalam sistem pendidikan. Namun demikian, jawatankuasa ini juga menyokong matlamat pembinaan nasion dan menyarankan antara lain:

> [...] tidak ada faedah sebenarnya bagi kebudayaan Cina untuk mengekalkan bentuk ataupun kaedah-kaedah dan isi kandungan sekolah-sekolah di negeri Cina. Politik asing dalam bentuk apa juapun, haruslah disingkirkan daripada sekolah-sekolah Cina, dan buku-buku teks yang sesuai untuk kegunaan di Malaya perlulah dikeluarkan.[37]

Laporan Fenn-Wu itu, walau bagaimanapun, beranggapan bahawa satu kebudayaan Malaya yang baru hanya boleh tercipta setelah berlakunya

pengadunan dan percampuran secara semulajadi antara elemen-elemen budaya yang berbagai-bagai, dan ini akan memakan waktu.

Persoalan pendidikan ini seterusnya mendapat perhatian Majlis Perundangan Persekutuan yang telah membentuk sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh E.E.C. Thuraisingham bagi mengkaji persoalan pendidikan secara menyeluruh. Hasil kajian jawatankuasa ini yang juga mengambil kira saranan-saranan yang dibuat oleh Laporan Barnes, kemudiannya telah dimasukkan ke dalam Ordinan Pendidikan 1952. Ordinan ini menggariskan perlaksanaan suatu sistem Sekolah Kebangsaan dengan bahasa Melayu dan Inggeris dijadikan sebagai bahasa pengantar; tetapi ordinan itu juga menyebut bahawa pengajaran bahasa vernakular yang lain (Cina dan Tamil) akan dibenarkan jika terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid menghendakinya.

Tidak menghairankan, Ordinan Pendidikan 1952 pun dilihat sebagai ancaman terhadap bahasa Cina dan justeru kerana itu ia ternayata mendapat tentangan hebat daripada masyarakat Cina. Walaupun MCA yang mempunyai wakil di dalam jawatankuasa Thuraisingham telah pada mulanya menyatakan rasa puas hatinya terhadap laporan jawatankuasa itu, namun amat jelas kemudiannya ia dikecam hebat oleh para ahli parti itu.

Namun demikian, usaha menjadikan dasar pendidikan sebagai asas utama bagi pembinaan nasion ternyata tidak dapat diabaikan oleh mana-mana pihak walau dari kaum apapun, kerana realiti yang ada di Malaya pada waktu itu ialah bahawa kemerdekaan tidak mungkin tercapai jika tidak ada kerjasama antara kaum terutamanya antara orang Melayu dan Cina. Menyedari akan kenyataan inilah yang menyebabkan MCA dan masyarakat Cina umumnya akhirnya terpaksa menerima Ordinan Pendidikan 1952 itu. Namun, di kalangan kebanyakan orang Cina, mereka tetap merasa tidak puas hati terhadap usaha menjadikan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan di Tanah Melayu. Kedinginan sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat Cina akhirnya menjadi salah satu daripada sebab utama mengapa Ordinan Pendidikan 1952 gagal dilaksanakan secara sempurna kemudiannya.

Keprihatinan orang Cina terhadap pendidikan Cina sekali lagi menjulang apabila pada tahun 1953 timbul usaha di kalangan masyarakat itu untuk mendirikan sebuah universiti berbahasa Cina. Usaha menubuhkan Universiti Nanyang di atas sebidang tanah yang diwakafkan oleh Persatuan Hokkien di Singapura, bukan sahaja mendapat dukungan dan sokongan kewangan orang Cina kebanyakan tetapi juga dari kalangan para dermawan Cina ternama seperti Tan Lark Sye dan Aw Boon How dan juga pertubuhan-pertubuhan Cina seperti Dewan Perniagaan Cina, Malayan Chinese Association dan juga persatuan atau guil-guild Cina, baik yang berada di Singapura mahupun di Tanah Melayu.

Menjelang tahun 1955, walau bagaimanpun, ketika parti Perikatan sedang rancak membuat persiapan untuk memperoleh kemerdekaan Tanah Melayu, MCA dengan didampingi oleh beberapa persatuan Cina telah mengadakan rundingan dengan UMNO untuk mengetengahkan pandangan orang Cina agar bahasa Cina dijadikan sebagai salah satu bahasa rasmi di dalam sebuah Malaya yang

merdeka.[38] Tunku Abdul Rahman Putra yang menegaskan pandangan UMNO telah menolak permintaan pertubuhan-pertubuhan Cina itu. UMNO sebagai tulang belakang parti Perikatan merasakan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dan bahasa rasmi dalam Malaya yang merdeka tidak dapat dikompromikan.

Menjelang pilihanraya 1955 dan justeru kerana keperluan anggota-anggota parti Perikatan bekerjasama untuk menghadapi pilihanraya Persekutuan maka mahu tidak mahu MCA terpaksa akur dengan pandangan bahawa pembentukan suatu masyarakat Malaya yang bersatu padu perlu diutamakan dan untuk tujuan tersebut disedari juga akan betapa pentingnya usaha membentuk sebuah sistem pendidikan kebangsaan. Sementelahnya pula ketika menghadapi pilihanraya 1955 itu, bilangan majoriti pengundi yang sah layak memilih adalah terdiri daripada orang Melayu.[39] Oleh yang demikian, Perikatan telah bersepakat memasukkan ke dalam manifesto parti Perikatan janjinya untuk menubuhkan satu jenis Sekolah Kebangsaan yang akan dapat diterima oleh semua rakyat Malaya yang akan mengisi keperluan mereka dalam "memupuk pembangunan kebudayaan, ekonomi dan sosial mereka sebagai sebuah nasion [...]"[40] Turut dijanjikan oleh manifesto tersebut ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di samping membenarkan bahasa-bahasa kaum yang lain dikekalkan.

Selepas tertubuhnya Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri, perhatian kepada isu pendidikan terus diberi keutamaan. Pada tahun 1956, sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Dato Abdul Razak bin Hussein telah ditubuhkan. Tujuan penubuhannya ialah bagi melaksanakan janji yang dibuat oleh Perikatan ketika menghadapi pilihanraya 1955.

Laporan yang dihasilkan oleh Jawatankuasa itu, yang lebih dikenali sebagai Laporan Pelajaran Razak, telah mengambil kira pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Laporan Barnes, Fenn-Wu dan Thuraisingham. Laporan Razak menekankan betapa pentingnya sukatan pelajaran sekolah-sekolah di Malaya disamakan demi untuk mencapai perpaduan kaum. Menurut laporan itu juga, walaupun bahasa Melayu akan pada akhirnya, menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah, namun bahasa Inggeris, Cina dan Tamil akan terus digunakan. Sekolah Cina dan Tamil yang berasingan akan dibenarkan wujud sehinggalah ke suatu masa apabila lahir konsensus untuk mewujudkan hanya Sekolah Kebangsaan sahaja.

Tetapi sekali lagi reaksi masyarakat Cina menunjukkan konsistensinya. Kepada kebanyakan orang Cina Laporan Pelajaran Razak adalah bertujuan untuk menghapuskan sekolah Cina dan juga Tamil yang menggunakan bahasa pengantar Cina dan juga Tamil. Melalui pertubuhan-pertubuhan Cina yang berpengaruh mereka juga menentang cadangan Laporan Razak yang menetapkan bahawa hanya bahasa Melayu dan Inggeris sahaja dibenarkan di dalam peperiksaan umum dan peperiksaan untuk tujuan memasuki perkhidmatan awam kerajaan. Mereka mempertahankan hak untuk mengizinkan murid-murid Cina mengambil peperiksaan dalam bahasa Cina. Penafian hak ini dianggap oleh pertubuhan seperti Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Bersatu (UCSTA) dan Jawatankuasa

Pengurusan Sekolah Cina Se Malaya (*All-Malaya Chinese Schools Management Committee*), iaitu dua buah pertubuhan Cina yang sangat lantang dan gigih memperjuangkan kepentingan bahasa dan kebudayaan Cina, sebagai upaya untuk meremehkan penggunaan bahasa Cina.

Walaupun MCA mempunyai wakil dalam jawatankuasa penggubalan Laporan Pelajaran Razak, masyarakat Cina telah mengkritiknya dengan lantang dan menuduh MCA bersubahat mengorbankan kepentingan dan kebudayaan Cina di Malaya.[41] Bahkan terdapat juga rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli MCA sendiri dan hakikat ini memaksa MCA mengadakan sebuah Jawatankuasa Pendidikan Pusat yang ditugaskan mengkaji implikasi daripada Laporan Razak itu.

Hasil daripada kajian tersebut memperlihatkan pada bulan Februari 1957 jawatankuasa itu menolak bahagian yang melibatkan sekolah Cina dalam Laporan Razak. Tetapi pemimpin kanan MCA yang menyedari bahawa penolakan MCA terhadap laporan itu akan mengusutkan hubungan antara MCA dan UMNO, dan akan membawa padah pula dari segi usaha mendapatkan kemerdekaan, telah memilih jalan yang sederhana. Pada masa laporan itu dibentangkan ternyata tidak ada bangkangan daripada ahli-ahli MCA dan akhirnya Ordinan Pendidikan 1957 pun diluluskan oleh Majlis Undangan Persekutuan. Betapapun demikian, perasaan tidak puas hati tetap membara di kalangan anggota masyarakat Cina umumnya, dan kejengkelan mereka itu mereka tunjukkan di dalam pilihanraya kecil yang diadakan di kawasan Mengelembu, Ipoh pada tahun 1957 ekoran perletakan jawatan wakil MCA, Leong Yew Koh, yang telah dilantik menjadi Gabenor negeri Melaka. D.R. Seenivasagam, calon Parti Progresif Rakyat, telah mengalahkan calon Perikatan dengan mudah dan jelas isu bahasa dan Dasar Pendidikan telah menentukannya.

Perasaan tidak puas hati terhadap Dasar Pendidikan kerajaan Perikatan yang diasaskan pada Laporan Razak itu jelas menimbulkan kegelisahan di kalangan ahli-ahli MCA setelah Malaya merdeka. Pada tahun 1958, rasa tidak puas hati para pemimpin MCA ditunjukkan pula terhadap kepemimpinan Tan Cheng Lock dengan menggulingkannya sebagai Presiden di dalam Persidangan Agung MCA tahun itu. Di persidangan itu, Dr. Lim Chong Eu, seorang yang dianggap lebih akrab dan peka kepada perasaan dan sentimen orang Cina, serta lebih mendapat kepercayaan dan sokongan *guild-guild* Cina, dan justeru itu dianggap akan lebih tegas dalam hal-hal yang melibatkan masyarakat Cina, telah dipilih sebagai Presiden. Tetapi ternyata pula pendirian Lim Chong Eu pada zaman itu menyebabkan hubungan MCA dengan UMNO menjadi begitu formal sifatnya dan pada tahun 1959 menjelang pilihanraya kebangsaan, hubungan itu menjadi semakin tegang akibat tindak-tanduk MCA di bawah kepemimpinannya.[42]

Keprihatinan masyarakat Cina terhadap persoalan bahasa, pendidikan dan kebudayaan Cina tetap ampuh sejak zaman negara ini mencapai kemerdekaannya. Bahkan sepanjang waktu negara ini bergulat dengan persoalan pembinaan nasion dan cuba mewujudkan jatidiri negara yang berasaskan sejarah dan kepribumian bangsa-bangsa bumiputera negara ini serta faktor budaya alam Melayu, maka segigih itu pula masyarakat Cina terus mempertahankan ciri-ciri keterasingan

budaya bagi kaum mereka dengan mengemukakan kerangka masyarakat majmuk yang "berbilang bahasa dan berbilang kebudayaan".[43] Oleh yang demikian setiap kali dasar pendidikan dibahas, kaji semula, pinda dan/atau dirubah, para pendidik dan budayawan aliran Cina akan bahu-membahu bersama pemimpin politik mereka untuk menegakkan keadaan yang sedia ada.

Kegigihan mempertahankan kebudayaan dan bahasa Cina ini sebenarnya merupakan sumbangan jitu masyarakat Cina Malaysia dalam mencitrakan bentuk dan sifat Kebudayaan Kebangsaan Malaysia yang pada pandangan masyarakat ini hendaklah bercirikan gabungan kebudayaan-kebudayaan berbagai etnik dan rencam sifatnya, sama seperti kehadiran parti-parti politik berbagai kelompok etnik dalam gabungan parti politik yang berasaskan konsep perikatan atau koalisi. Parti-parti perkauman ini cuba mencari titik pertemuan di dalam sesuatu ideologi hanya apabla ia tidak menjejaskan kepentingan suku-suku kaum terbesar.

Justeru kerana itu, tidaklah menghairankan apabila pada 27 Mac 1983 masyarakat Cina Malaysia telah mengambil daya usaha mengadakan satu Kongres Kebudayaan Cina sebagai respons kepada himbauan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1981 agar kaum-kaum di Malaysia memberikan pandangannya terhadap usaha mengulangkaji Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kongres itu dihadiri oleh 13 pertubuhan negeri yang terdiri daripada *guild-guild* dan persatuan-persatuan Cina, Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Malaysia Bersatu atau UCSCAM (United Chinese School Committees Association of Malaysia, sarjana dan budayawan Cina. Kongres itu telah menghasilkan sebuah memorandum yang "membantah dasar-dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berasaskan 3 prinsip" seperti yang diputuskan oleh Kongres tahun 1971. Sebuah memorandum yang dihasilkan oleh kongres tersebut sebaliknya mengemukakan satu alternatif yang berasaskan 4 prinsip bagi pembinaan sebuah Kebudayaan Kebangsaan, iaitu:

1. Unsur-unsur halus dari kebudayaan setiap komuniti etnik hendaklah dijadikan asas Kebudayaan Kebangsaan.
2. Garis panduan ke arah penubuhan suatu kerangka nilai kebudayaan sepunya adalah demokrasi, sains, pemerintahan undang-undang dan patriotisme.
3. Nilai-nilai budaya yang sepunya hendaklah diungkapkan melalui bentuk-bentuk yang multietnik.
4. Proses pembentukan Kebudayaan Kebangsaan hendaklah konsisten dengan prinsip persamaan bagi semua kumpulan etnik dan kaedah berunding secara demokratik.[44]

Secara lahiriah empat prinsip alternatif yang dikemukakan oleh Kongres Kebudayaan Cina itu mungkin tidak terlalu sukar diterima oleh kaum peribumi. Hanyalah kesamaran pada prinsip keempat itu boleh ditafsirkan bahawa masyarakat Cina mahukan persamaan dengan bangsa-bangsa peribumi tetapi tidak mahu menerima hakikat bahawa mereka perlu pula tidak merintangi upaya menggalakkan pengasimilasian unsur-unsur budaya dari kalangan semua penduduk Malaysia dengan berpandukan 3 prinsip yang diutarakan oleh Kongres

Kebudayaan Kebangsaan 1971. Prinsip "berunding secara demokratik" juga agak kabur kerana bagaimanakah pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu dirundingi secara demokratik? Apakah ia berasaskan bilangan majoriti penduduk? Jika angka majoriti dijadikan asas maka tidaklah luarbiasa jika kebudayaan alam Melayu yang pada dasarnya dihayati oleh semua kelompok bumiputera di Malaysia dijadikan teras. Apakah waajar orang Cina dan kaum imigran yang lain terus-menerus menuntut agar dibiarkan kebudayaannya yang asing atau imigran sifatnya diamalkan supaya jatidirinya sebagai "bangsa sing" itu dikekalkan di dalam negeri yang diangkat atau diadopsinya?[45]

Namun demikian, seyogia pula diingati bahawa pihak peribumi, khasnya orang Melayupun amat perlu memperjelaskan lagi apakah yang dimaksudkan dengan prinsip yang pertama itu. Apakah "kebudayaan rakyat asal rantau ini" harus merangkumi unsur-unsur kebudayaan yang 'feudal', yang kolot, anti-kemajuan dan korup? Atau mungkin ia bermaksud membentuk suatu kebudayaan kebangsaan yang sifatnya berasaskan unsur-unsur yang terdapat di dalam kebudayaan rumpun Melayu?

Orang Melayu pun perlu menghadapi kenyataan bahawa model politik tawar-menawar dan tolak-ansur yang telah terserap ke dalam jalinan fabrik sosial Malaysia kini (dan ini terbayang dalam ucapan dan perbuatan para pemimpin politik Melayu beberapa tahun kebelakangan ini) nampak sangat mencerminkan pembangunan budaya yang terpisah-pisah dan sendiri-sendiri. Hakikat pengizinan kewujudan sekolah vernakular yang berasingan adalah contoh yang jelas.[46] Ini tidak bermakna bahawa gejala keterpisahan fizikal, sosial dan politik di kalangan bangsa-bangsa di Malaysia adalah sesuatu yang patut digalakkan terus-menerus. Tetapi dalam keadaan di mana elit politik bumputera dan kelas menengah atas Melayu tidak begitu berminat atau setidak-tidaknya, tidak menghiraukan persoalan Kebudayaan Kebangsaan, bahkan dalam gaya kehidupan, pertuturan dan kecelikan (*literacy*) budayanya lebih cenderung ke Barat, maka usaha pembentukan Kebudayaan Kebangsaan mahu tidak mahu terpaksa diserahkan kepada evolusi sejarah.

Dua puluh tahun setelah diadakan Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan pula konsep "pembinaan bangsa Malaysia" seperti yang terungkap dalam ucapannya yang menggalurkan masa depan Malaysia menjelang tahun 2020. Dr. Mahathir mengungkapkan harapannya agar menjelang tahun itu akan lahir suatu "bangsa Malaysia" yang memiliki perspektif keMalaysiaan dari segala segi dan lapangan kehidupan. Perspektif yang dibayangkan itu nampaknya menuju kepada pengiktirafan ciri-ciri kemajmukan kebudayaan yang diharap akan menjadi "kebudayaan bangsa Malaysia" yang bersifat pelbagai.[47]

Proses integrasi budaya bukanlah tiada langsung berlaku di Malaysia. Di Sabah integrasi kaum lebih mudah berlaku, khasnya antara orang Cina dengan Dusun atau antara beberapa suku kaum yang lain. Ganjaran dalam bentuk undang-undang yang membolehkan orang Cina yang berkahwin dengan Dusun atau sebarang suku peribumi lain mendapat hak pemilikan tanah peribumi atau hak

membeli unit Amanah Saham Bumiputera adalah salah satu pendorong dalam proses ini. Tambahan pula perkahwinan campur antara orang Cina dan Dusun memberikan hak dan status peribumi kepada suku kaum kacukan, seperti Sino-Kadazan. Dan di Sabah suku kaum inilah yang semakin menonjol di kalangan elit ekonomi dan politik yang mewakili kaum Kadazan.[48]

Jika orang Cina di Thailand boleh dijadikan contoh, proses integrasi dan asimilasi etnik dan budaya lebih mudah berlaku di kalangan orang Cina Siam, bahkan lebih berjaya, justeru kerana tiada hambatan keagamaan. Pendekatan secara "ganjaran dan denda" yang digunakan oleh masyarakat Thai telah berjaya mengasimilasikan orang Cina. Bangsa Thai memberi ganjaran dalam bentuk memberikan kesaksamaan hak dalam kebudayaan nasional dan politiknya kepada orang Cina yang mengadopsi atau mengambil identiti Thai, termasuk bahasa dan kebudayaannya. Bangsa Thai juga mengenakan 'denda' kepada mereka yang ingin kekal sebagai orang Cina baik dari segi praktik kebahasaan mahupun kebudayaannya. Selain itu bangsa Thai juga memberi kemudahan kepada orang Cina untuk memperoleh pendidikan Thai tetapi mengenakan sekatan terhadap golongan yang ingin mendapatkan pendidikan Cina. Dasar seperti ini tentulah mempercepatkan akulturasi budaya dan mempermudahkan asimilasi.[49]

Pada hari ini orang Cina di Thailand adalah dianggap "bangsa Thai yang berketurunan Cina"; bahkan di Thailand juga orang Cina boleh mengekalkan identiti etnik Cinanya sambil memegang identiti nasional Thai. Identiti berganda ini dapat dipegang justeru kerana bangsa Thai mendefinisikan identiti kebangsaannya dari segi politik, kebudayaan dan ideologi. Seseorang warga negara Thai wajib menghayati ideologi negara yang merangkumi kesetiaan kepada nasion, agama (yakni agama Buddha) dan raja Thai. Di Thailand orang Cina bebas mengamalkan adat para leluhur mereka tetapi di samping itu mereka juga menyerap kebudayaan Thai dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Di Malaysia, harus diakui perancangan Kebudayaan Kebangsaan adalah sesuatu yang amat rumit. Suatu hal yang menyukarkan juga ialah bahawa tidak tercatat di mana-mana di dalam Perlembagaan Malaysia tentang perkara Kebudayaan Kebangsaan. Kalaupun ada semangat yang tersirat ia hanyalah tersimpul dalam Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan negara. Walaupun bahasa merupakan komponen yang signifikan dalam upaya memmbina suatu kebudayaan kebangsaan, namun perancangan bahasa sebagai asas pertimbangan dalam pembinaan nasion pun telah menempuh dugaan yang banyak dan menyulitkan; dan dewasa ini ia malah sedang melalui jalan yang sangat payah pula setelah bahasa Inggeris, secara praktiknya, mengambil alih peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi di bidang keintelektualan, ekonomi dan perdagangan.

Bahawa isu Kebudayaan Kebagsaan pada hari ini tidak lagi dianggap begitu penting dan oleh yang demikian, secara perbandingan, tidaklah mendapat perhatian yang utama seperti Bahasa Kebangsaan, juga terbukti dengan beberapa petunjuk daripada kepentingan kerajaan Dr. Mahathir Mohamad yang membawa isyarat bahawa kepelbagaian dan kerencaman kebudayaan masyarakat majmuk adalah ditoleransi sehingga ke peringkat acara rasmi. Pelaksanaan dasar yang

lebih terbuka terhadap penampilan kebudayaan Cina dan Tamil etnik nampaknya juga tidak memancing bantahan atau sanggahan orang Melayu pada umumnya.

Sejarah pembentukan bangsa Malaysia telah melalui jalan yang berliku-liku. Kehadiran berbagai suku bangsa yang nenek moyangnya dari kaum imigran yang datang ke tanah air ini telah membawa tradisi dan elemen-elemen budayanya yang asing sifatnya apabila dilihat dalam konteks kebudayaan setempat dan rantau kepulauan Melayu. Kini keturunan kaum imigran itu mahu mengekalkan terus identiti kebudayaan masing-masing. Persoalan ini rapat kaitannya dengan perlumbaan dan persaingan politik yang telah berlaku sejak zaman pasca perang dunia kedua, bahkan sejak tahun 1930-an lagi apabila orang Cina mendapati bilangan kaum imigran telah mengatasi bilangan penduduk Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Kira-kira sejak beberapa belas tahun yang lalu suara keturunan kaum imigran ini, terutamanya orang Cina, semakin lantang menuntut agar mereka tidak dipaksakan menerima konsep Kebudayaan Kebangsaan yang berasaskan prinsip-prinsip yang dinyatakan pada permulaan makalah ini. Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh para pemimpin Cina sekarang ini, amatlah jelas bahawa pembinaan bangsa melalui Kebudayaan Kebangsaan seperti yang diharap dan diungkapkan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 adalah sesuatu yang rumit, bahkan sukar mencapai kejayaan. Perkembangan terkini juga menunjukkan bahawa golongan elit politik Melayu, yang sebahagian besarnya juga merupakan pemimpin korporat yang berkepentingan, semakin terbuka sikapnya terhadap isu kepelbagaian kebudayaan. Penerimaan konsep "multikebudayaan" ini juga dibantu secara besar-besaran oleh pembanjiran unsur-unsur 'budaya popular' yang berlaku dengan derasnya melalui media elektronik. Oleh yang demikian sangatlah mustahil keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971 itu dapat dilaksanakan.

Tentang permasalahan kebudayaan kebangsan yang tidak pernah terselesai itu dan hambatan-hambatan besar yang dihadapinya dibicarakan lagi dalam bab yang berikut ini.

Nota

[1] Makalah ini berasal daripada kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebudayaan Kebangsaan Serantau, anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 12-13 Disember 1995. Ia kemudiannya diterbitkan di dalam *MANU, jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, bil. 1, 1998.

[2] Istilah nasion sengaja digunakan lantaran ia lebih tepat daripada 'bangsa' dan lebih padan pula dengan istilah nasionalisme yang biasa dipakai.

Eric Hobsbawn, *Nations and Nationalism since 1780: Programme, Myth, Reality*, Cambridge University Press, Cambridge, 1990, h. 18-20.

[3] Lihat Eric Hobsbawn, *Nations and Nationalism since 1780: Programme, Myth, Reality,* Cambridge University Press, Cambridge, 1990, h. 18-20.

[4] Leo Suryadinata, 'Ethnic Chinese in Southeast Asia: Overseas Chinese, Chinese Overseas or Southeast Asians?' dalam Leo Suryadinata (ed.), *Ethnic Chinese as Southeast Asians*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 1997, h. 20.

[5] Yakni dihitung sampai tahun 1998 ketika makalah ini ditulis.

[6] Tulisan yang bersifat debat mengenai Kebudayaan Kebangsaan yang disiarkan di dalam akhbar *Straits Times* dan *The Star* telah pun diterbitkan dalam bentuk buku. Lihat Kua Kia Soong (ed.), *National Culture and Democracy*, Kersani Penerbit-Penerbit [sic!] Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985 dan edisi keduanya yang diterbitkan dengan judul *Malaysian Cultural Policy & Democracy* oleh The Resource and Research Centre, Selangor Chinese Assembly Hall, 1990. Tulisan-tulisan yang terkandung di dalam buku ini patut sangat dibaca oleh kaum Bumiputera untuk mengetahui fikiran dan sikap kaum bukan Bumiputera mengenai isu Kebudayaan Kebangsaan.

[7] Singkatan MCA akan digunakan untuk selanjutnya.

[8] Singkatan MUP akan digunakan untuk selanjutnya.

[9] Lihat Kok Wee Kiat et al., *The Malaysian Challenges in the 1990's – Strategies and Development*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1990, h. 15.

[10] Ibid., l. 161.

[11] Ibid., h. 162.

[12] Ibid, ha. 248. Implikasi daripada tuntutan ini ialah bahawa MCA tidak sekali-kali menginginkan nilai-nilai Islam diajarkan terutamanya kepada anak-anak Cina yang bukan beragama Islam.

[13] Loc. Cit.

[14] Lihat Ling Liong Sik et al., *The Future of [the] Malaysian Chinese, Malaysian Chinese Association, Kuala Lumpur*, 1988, h. 8.

[15] Ibid., h. 6.

[16] Lihat Parti Gerakan Rakyat Malaysia, *Memorandum Mengenai Kebudayaan Parti Gerakan Rakyat Malaysia*, Parti Gerakan Rakyat Malaysia, Pulau Pinang, 1983, h. 12.

[17] Ibid., h. 14.

[18] Ibid., hl. 16

[19] Lihat Kua Kia Soong, *National Culture*, h. 1 (*Introduction*).

[20] Ibid., h. 3.

[21] K. Das menggunakan istilah '*pre-eminence*' untuk menunjukkan 'kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini. Lihat K. Das, *Malay Dominance? The Abdullah Rubric*, K. Das Ink., Kuala Lumpur, 1987, h. 36. Lihat misalnya tulisan Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, Institute for Social Analysis, Petaling Jaya, 1984, h. 9-10. Lihat juga Hua Wu Yin, *Class & Communalism in Malaya: Politics in a Dependent Capitalist State*, Zed Books Ltd., in conjunction with Marram Books, London, 1983, h. 10.

[22] *Al-ikhwan*, 16 Februari 1931.

[23] Leon Comber, 13 May 1969, *Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Heinemann Asia, Kuala Lumpur, 1983, h. 13.

[24] Menjelang tahun 1941 pula jumlah penduduk Melayu di Tanah Melayu hanyalah 41 peratus daripada keseluruhan penduduk.

[25] Untuk perbincangan lanjut mengenai isu ini, lihat Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Oxford University Press, Singapore, 1991, terutama Bab 1 dan 3.

[26] Cadangan kedua-dua orang Melayu itu aneh dan agak ironis. Richard Winstedt sendiri, seorang yang sangat bersimpati dengan orang Melayu, beranggapan jika cadangan itu diterima ia akan membawa kepada "kegerhanaan" orang Melayu. Bagi Winstedt, jika

penubuhan Dewan Perhimpunan Malaya itu menjadi kenyataan, ketiadaan bilangan orang Melayu berpelajaran yang mencukupi akan merugikan mereka kerana mereka tidak akan memberi penyertaan yang berkesan. Winstedt juga berkata bahawa oleh sebab lingkungan pengundi Melayu belum berkebolehan atau cekap maka berertilah mereka akan didominasi oleh orang Cina dan India. Lihat ibid., h. 65-66.

[27] Leon Comber, *13 Mei 1969*, h. 29.

[28] Tujuannya ialah supaya orang Melayu segera bertindak dan secara jujur bekerjasama dengan kaum-kaum lain demi menjayakan cita-cita UMNO, yakni mewujudkan satu rupa bangsa yang rakyatnya menuturkan satu bahasa. Tetapi Dato' Onn gagal; sekalipun dia berjaya memasukkan orang bukan Melayu menjadi ahli bersekutu UMNO, tetapi mereka tidak mempunyai hak mengundi. Kegagalannya inilah yang menyebabkan dia keluar daripada UMNO. Lihat James Ongkili, *Nation-Building in Malaysia 1949-1974*, Oxford Unversity Press, Singapore, 1985, h. 92.

[29] Untuk seterusnya singkatan IMP akan digunakan.

[30] Barisan Kebangsaan Melayu adalah pertubuhan yang lahir daripada usaha nasionalis Melayu yang bergerak di dalam Kongres Pemuda Melayu, sebuah badan yang mendukung cita-cita memperjuangkan satu bahasa, satu negara dan satu kebangsaan Melayu.

[31] Bahkan salah satu tujuan MCA seperti yang diungkapkan di dalam undang-undang tubuhnya pada tahun 1949 ialah "... berusaha untuk memelihara dan melindungi kebajikan sosial, politik, kebudayaan dan ekonomi orang Cina di Malaya ...". Lihat Kho Thong Soon, "Perkembangan Politik Orang Cina Tanah Melayu antara Tahun 1948 hingga 1957", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994, hal. 80.

[32] Cadangan ini adalah antara beberapa cadangan yang dikemukakan dalam laporan jawatankuasa tersebut pada bulan September 1949 dalam rangka menyediakan asas-asas pembinaan keperlembagaan dan politik Malaya bagi mengelakkan perbalahan antara kaum. Jawatankuasa tersebut telah berbincang dan membuat saranan-saranan berhubung soal kewarganegaraan, dasar pendidikan dan pengadaan pilihanraya di peringkat majlis tempatan dan persekutuan, di samping memikirkan dasar ekonomi untuk membantu orang Melayu. Untuk perbincangan lanjut mengenai hal ini lihat Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, Hodder and Stoughton, London, 1976, hal. 123.

[33] Di antara orang Melayu yang menjadi ahli jawatnkuasanya ialah: Tunku Ya'acob bin Sultan Abdul Hamid, Menteri Besar Kedah, Mahmud Mahyiddeen, Dr. Mustapa bin Osman, Che Tom bti Dato Abdul Razak, Aminuddin bin Baki, S.M. Zainal Abidin B. A., Syed Esa bin Alwee, Syed Nasir bin Ismail, dan Mohamed Nor bin Suleiman.

[34] Lihat *Report of the Committee on Malay Education, Federation of Malaya* [Barnes Report], Printed at the Government Press by G. A. Smith, Acting Government Printer, Kuala Lumpur, 1951 (dicetak semula oleh Malayan Teachers College, Johore Bahru, 1967), Bab II , hal. 8, perenggan 3 dan 4.

[35] Ibid., Bab IV, hal. 20, perenggan 2 dan 3.

[36] Lihat ibid., hal. 23-24.

[37] Ibid., hal. 109

[38] Rundingan ini telah didahului oleh memorandum dari para pemimpin Dewan Perhimpunan Cina dan Persatuan Cina Perak serta anggota-anggota di dalam UCSTA yang antara lain mendesak supaya bahasa Cina dijadikan bahasa rasmi di samping bahasa Melayu, Inggeris dan Tamil. Lihat Kho Thong Soon, "Perkembangan Politik", hal. 131.

[39] Pada tahun 1955 bilangan pengundi yang layak memilih ialah 1, 280,000 orang. Daripada angka ini satu juta terdiri daripada orang Melayu.

[40] Oong Hak Ching, "British Policy and Chinese Politics", hal. 109

[41] Ibid., hal. 111.

[42] Kira-kira sebulan sebelum pilihanraya diadakan, MCA yang telah diperuntukkan 28 kawasan untuk calon-calonnya bertanding telah menuntut agar 40 kerusi diperuntukkan bagi MCA. UMNO yang telah diperuntukkan oleh Majlis Kebangsaan Parti Perikatan sebanyak 74 kerusi untuk direbut, telah membantah. Selain daripada isu kerusi pilihanraya, MCA juga telah menuntut supaya calon-calonnya dipilih olehnya sendiri dan bukan Majlis Kebangsaan Perikatan. MCA juga menuntut supaya Dasar Pendidikan dikaji semula. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila kenyataan akhbar yang dibuat oleh Ketua Penerangan MCA seolah-olah mengancam akan meletakkan calon-calon MCA atas tiket Parti Bebas jika tuntutan MCA berhubung dengan isu pendidikan Cina dan pencalonan 35 orang calon MCA sebagai calon Perikatan tidak dilayani. Sebagai reaksi, Tunku Abdul Rahman Putra telah memberi jawapannya dengan tegas: MCA boleh sama ada patuh kepada Perikatan ataupun menarik diri daripada parti gabungan itu. Jawapan Tunku itu membuat MCA terpaksa berfikir dua kali. Lihat Means, *Malaysian Politics*, hal. 212-213.

[43] Kua Kia Soong, *National Culture*, hal. 2-4.

[44] Lihat Shirle Gordon, 'Social Implications of Communalism', *Intisari*, vol.3, no.2, 1968, hal. 28.

[45] Pada masa sekarang inipun [1998] masih wujud sekitar 60 buah sekolah menengah swasta Cina yang nampaknya tidak ingin mengorbankan citra keCinaannya dan kerana itu enggan diserap ke dalam arus utama sistem persekolahan kebangsaan.

[46] Seperti yang disebut dalam ucapannya pada majlis perasmian Persidangan Hokkien Sedunia Kedua.

[47] Di Sabah, tidaklah menjadi sesuatu yang menghairankan apabila sesebuah keluarga luas mempunyai anak-menantu yang dari suku kaum atau agama yang berrlainan. Misalnya pemberitahuan kematian (*obituary*) yang tersiar di akhbar-akhbar Kota Kinabalu sering menyenaraikan nama si mati sebagai orang Cina, balunya Dusun, tetapi menantunya Kadazan atau peribumi lain; bahkan daripada nama-nama menantu dan cucu si mati yang disiarkan adakalnya dapat ditafsirkan dengan jelas agama yang dianuti yang biasanya bersifat pelbagai di dalam keluarga tersebut.

[48] Lihat L.A. Peter Gosling, 'Changing Chinese Identities in Southeast Asia: An Introductory Review' dalam L.A. Peter Gosling & Linda Y. C. Lim (eds.), *The Chinese in Southeast Asia, vol.2, Identity, Culture and Politics*, Maruzen Asia, Singapore, t.t., hal. 7.

[49] Supang Chantanavich, 'From Siamese-Chinese to Chinese-Thai: Political Conditions and Identity Shifts Among the Chinese in Thailand', dalam Leo Suryadinata (ed.), *Ethnic Chinese as Southeast Asians*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 1997, hal. 254.

11

Permasalahan Kebudayaan Kebangsaan: Menjenguk Kembali Isu-Isunya[1]

Perbincangan mengenai isu kebudayaan kebangsaan kini telah mencapai usia hampir setengah abad. Kali pertama isu kebudayaan kebangsaan dibahaskan ialah pada Kongres Kebudayaan Melayu pertama, yang diadakan di Melaka, pada 30 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958. Dalam kongres itu telah dibuat beberapa rumusan yang pada dasarnya memutuskan bahawa teras kebudayaan kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu seharusnyalah kebudayaan Melayu. Ketika kongres diadakan pemuka dan peserta kongres adalah rata-ratanya terdiri daripada orang Melayu; hal ini dapat difahami jika kita mengingat bahawa pada ketika itu semangat kebangsaan Melayu berada pada zaman pasangnya. Lagi pula, pada zaman itu, seingat saya, masyarakat bukan Melayu tidak berminat membicarakan isu-isu pembinaan nasion yang baru dilahirkan. Tanah Melayu waktu itu baru saja merdeka, dan beberapa bulan sebelum kongres diadakan para pemimpin pertubuhan-pertubuhan Melayu dari negeri Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah dan Singapura telah pun bermuafakat untuk "menyiasat" soal kebudayaan Melayu dan "mencari teras kebudayaan Kebangsaan". Tetapi seperti yang diungkapkan oleh Drs.Li Chuan Siu, "selepas kongres itu tidak pernah ada khabar ceritanya".[2] Sekalipun dalam tahun 1960 Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, pernah menyatakan di Dewan Rakyat tentang betapa tepatnya kebudayaan Melayu dijadikan teras kebudayaan kebangsaan, konsep yang lebih jelas dan usaha yang lebih tersusun belum lagi kelihatan. Hanyalah setelah meledaknya peristiwa 13 Mei 1969 baru persoalan kebudayaan kebangsaan dibahaskan semula dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan di Universiti Malaya pada 16 – 20 Ogos 1971; seterusnya, selepas itu, terguballah dasar kebudayaan kebangsaan.

Kini tempoh sekitar tiga puluh lima tahun telah berlalu sejak dasar itu dihebahkan. Seminar demi seminar, wacana demi wacana telah dijadikan forum

untuk membahaskan perosoalan Kebudayaan Kebangsaan,[3] namun isu ini masih *elusive* dan setiap perbincangan mengenainya mendatangkan dampak politik yang negatif dari segi hubungan ras, khasnya hubungan Melayu-Cina. Sepuluh tahun selepas dasar itu diumumkan, Menteri Kebudayaan Sukan dan Belia waktu itu, Datuk Mokhtar Hashim, menyatakan bahawa usaha dan langkah-langkah perlaksanaannya akan ditinjau kembali bagi mendapatkan *feedback* dari semua pihak. Respons parti-parti politik Cina amatlah jelas. Yang paling lantang menyuarakan bangkangan terhadap usaha menjadikan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan ialah MCA[4]. Parti itu menuntut agar sebarang garis panduan rasmi yang diambil kerajaan bagi pembangunan kebudayaan "hendaklah berupa hasil rundingan dan perbincangan umum di kalangan pelbagai kaum."[5] MCA juga menegaskan agar *multiculturalism* dan *interculturalism* diberi keutamaan.

Parti Gerakan Malaysia yang juga mendukung *multiculturalism* sebagai ciri kebudayaan Malaysia juga menyanggah upaya menjadikan kebudayaan Melayu sebagai asas Kebudayaan Kebangsaan. Selain itu, Kua Kia Soong, seorang aktivis yang mempunyai kaitan akrab dengan pergerakan Dong Jiao Zhong yang gigih meperjuangkan bentuk masyarakat Malaysia yang bersendikan *multilingualism* dan *multiculturalism*, juga menyatakan:

> *A policy as important as the 'National Culture' needs to be deliberately formulated only after due democratic consultations with all the ethnic communities that make up Malaysia [...]*[6]

Pada umumnya orang Cina menganggap perlaksanaan tiga prinsip asas[7] bagi pembentukan Kebudayaan Kebangsaan lebih mencerminkan "*Malay-centrism*" atau mengejawantahkan nasionalisme Melayu.[8] Pandangan ini, jika dilihat dari sudut sejarah, jelas merupakan pandangan dasar komuniti Cina amnya di negara ini yang secara konsisten cuba menafikan kedudukan orang Melayu sebagai bangsa peribumi yang hakiki di negara ini. Memang sejak dasawarsa terakhir sebelum Jepun menduduki negara ini persaingan dan rasa cemburu antara orang Cina dan Melayu telahpun muncul dan ini berlanjutan sampai tempoh selepas tamatnya Perang Dunia Kedua yang menyaksikan pergaduhan Melayu-Cina di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia sebaik sahaja Jepun menyerah kalah.

Tahun-tahun lima puluhan pula telah menajamkan lagi persaingan ini. Kelemahan dari segi penghayatan suatu sejarah yang dapat dikongsi bersama pada period itu walau bagaimanapun telah menimbulkan usahasama yang pragmatik untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Dan sememangnya menjadi syarat Inggeris kepada pemimpin politik orang Melayu bahawa tanpa wujudnya kerajasama antara kaum (yang bererti bahwa jika orang Melayu tidak mahu menerima hak-hak politik orang bukan Melayu), tidak mungkin kemerdekaan dapat diserahkan.[9] Faktor ini jugalah yang mendorong Dato' Onn bin Jaafar dalam tahun 1951 untuk mengajak orang Melayu supaya membenarkan penduduk bukan Melayu menganggotai UMNO. Apabila gagal memujuk orang Melayu, pada tahun yang sama Dato' Onn, yang seolah-olah yakin dengan prinsip

menjadikan Malaya negara yang mengamalkan politik berbilang kaum, telah mendirikan Independence of Malaya Party, yang membawa semangat berbilang kaum, tetapi tetap hendak menjadikan "orang Melayu sebagai teras kepada pohon kayu negara Malaya, dan bukan kulitnya".[10]

Pendirian yang sama juga diambil oleh Tunku Abdul Rahman sebagai pengganti Dato' Onn untuk memimpin UMNO, iaitu menjalin kerjasama dengan MCA untuk menubuhkan gabungan UMNO-MCA[11] bagi menghadapi pilihanraya majlis perbandaran Kuala Lumpur dalam bulan Februari 1952, sekalipun Tunku menekankan bahawa Persekutuan Tanah Melayu adalah negeri orang Melayu.

Tetapi setelah bergerak di dalam IMP ternyata Dato' Onn kecewa terhadap usaha-usaha orang Cina untuk memperalatkan kedudukannya sebagai Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri di dalam Majlis Perundangan Persekutuan bagi mendapatkan hak-hak kerakyatan yang lebih longgar[12]; melobi agar undang-udang imigresen (pelarangan) 1952 dikendurkan untuk membolehkan orang asing masuk ke Tanah Melayu dengan lebih mudah; dan menghapuskan rang undang-undang pendaftaran perniagaan yang mewajibkan sebarang perniagaan didaftarkan. Semua ini menunjukkan betapa sulitnya orang Melayu mempercayai orang Cina pada zaman itu. Sesungguhnya, dari segi upaya pembinaan nasion, sejarah semasa Malaysia menampakkan persaingan, yang kemudiannya menjadi pertikaian (*contestation*) antara Melayu dengan Cina dalam berbagai bidang, terutamanya, politik, bahasa dan kebudayaan, dan ekonomi.[13]

Tulisan-tulisan mengenai rusuhan kaum 13 Mei 1969 amat kurang memberi perhatian kepada faktor bahasa dan budaya sebagai salah satu punca pencetusnya, sekalipun ia tidak sedikit menyumbang kepada rasa tidak puas hati masyarakat Melayu dewasa itu selain faktor-faktor ekonomi dan politik. Kendatipun demikian, apabila kerajaan memutuskan untuk menjadikan isu Bahasa Kebangsaan, kedudukan raja-raja dan kerakyatan sebagai tabu untuk diungkit oleh mana-mana pihak, kelihatan sedikit perubahan dari segi pelaksanaan menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang sebelum itu tidak didukung atau disokong oleh semua kaum di negara ini. Tetapi sayangnya dalam ketaksuban untuk mendaulatkan kedudukan Bahasa Kebangsaan itu orang Melayu lupa tentang peri pentingnya mengimbangi hasrat luhur mereka dengan aspek pragmatik dalam menguasai bahasa Inggeris untuk kepentingan jangka panjang.

Kealpaan ini, walau bagaimanapun, telah dikejutkan oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada saat-saat penghujung Dasar Ekonomi Baru apabila secara melulu bahasa Inggeris diangkat martabatnya dan dibiarkan menggeser, bahkan meminggirkan, Bahasa Kebangsaan yang baru kira-kira dua dasawarsa sahaja diberi nyawa yang segar. Padahnya ialah penghormatan terhadap Bahasa Melayu pun menurun. Golongan elit Melayu sendiri, yang seolah-olah seperti burung kakatua, pun hilang pedoman. Penampilan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tidak begitu dihiraukan lagi bukan sahaja oleh sebilangan besar rakyat bukan Melayu tetapi juga oleh elit Melayu sendiri. Mesyuarat-mesyuarat yang dikendalikan oleh golongan birokrat kerajaan, orang-orang politik (termasuk yang dari parti pemerintah), golongan korporat dan juga orang akademik merasa janggal untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Memang orang bukan

Melayu secara umumnya menyokong penggunaan Bahasa Melayu tetapi hanya sebagai bahasa pasar dan bukan bahasa intelektual atau bahasa utama yang dapat mengungkapkan idea yang bernas dan komunikasi yang berkesan. Pada masa sekarang inipun, ada juga ibubapa Melayu dari kalangan kelas menengah yang cuba bertutur sepatah-sepatah dalam Bahasa Inggeris kepada anaknya yang masih berusia satu atau dua tahun. Kononnya nak membolehkan anaknya terbiasa dengan Bahasa Inggeris.

Di universiti, sesiapa yang biasa membimbing pelajar dalam penulisan latihan ilmiah atau tesis ataupun seseorang pensyarah yang menjadi pemeriksa luar untuk sesebuah tesis atau menjadi pembaca luar untuk sebuah karya yang hendak diterbitkan akan, pada keseluruhannya, menemui penggunaan Bahasa Melayu yang jelek yang tidak mencerminkan kemampuan penggunanya menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan.

Mengapakah kualiti Bahasa Melayu dewasa ini penting dibicarakan? Tidak lain kerana Bahasa Melayu itulah yang boleh menjadi bahasa pengungkapan Kebudayaan Kebangsaan seandainya rakyat Malaysia masih merasakan Kebudayaan Kebangsaan itu perlu. Kini wajar ditanyakan: apakah Kebudayaan Kebangsaan itu relevan dalam sebuah masyarakat berbilang kaum?

Berdasarkan pandangan-pandangan orang bukan-Melayu (khasnya Cina) di Malaysia yang dapat diikuti, mereka jelas menolak tiga prinsip asas pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Sebagai alternatifnya, mereka secara halus menyokong pemakaian Bahasa Inggeris dan menggalakkan pembelajaran Bahasa Mandarin. Ciri-ciri *multilingualism* ini pada akhirnya akan membentuk kebudayaan yang bersifat *multiculturalism*. Istilah ini dianggap akan merangkul jaminan kedudukan kebudayaan dan bahasa serta pendidikan Cina yang integral di dalam 'identiti kebangsaan Malaysia'. Seperti yang dirumuskan oleh Lim Kit Siang, "[...] politik orang Cina zaman pasca-merdeka Malaysia adalah terutamanya politik identiti kebangsaan dalam proses pembinaan nasion Malaysia, hak kewarganegaraan mereka dari segi politik, ekonomi dan pendidikan dan pengiktirafan dan penghormatan terhadap bahasa, pendidikan bahasa ibunda, kebudayaan dan agama mereka". [14]

Di pihak orang Melayu pula, merekapun sedar bahawa tanpa Bahasa Inggeris tidak mungkin mereka dapat memacu kemajuan. Bahkan, keperluan mengatasi masalah tertentu juga mendorong setengah-setengah orang Melayu untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah Cina. Benar atau tidak, ada anggapan bahawa mutu pendidikan di sekolah Cina lebih baik daripada sekolah kebangsaan. Dan penguasaan Bahasa Mandarin juga dianggap dapat membantu seseorang di bidang pekerjaan. Hal-hal yang sedang berlaku dalam masyarakat Malaysia kini terutama kedudukan Bahasa Kebangsaan yang tidak bermaya tentunya membuat kita berfikir apakah tidak mungkin suatu masa yang terdekat nanti akan lahir sebuah kebudayaan Malaysia yang lebih bersifat *multicultural*?

Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan lebih daripada tiga puluh tahun dahulu tidak pernah menyangka fenomena dunia yang bernama globalisasi akan mencirikan millennium ini. Kini globalisasi, sesuatu yang tidak diundang, dan tidak difahami muslihat yang terkandung di dalamnya, sudah menjadi

kenyataan. Dalam konteks globalisasi satu aspek kebudayaan yang menonjol ialah tersebarnya budaya popular yang sebenarnya merupakan ciptaan yang dihasilkan sebagai *cultural objects* yang ditujukan untuk pasaran. Kebudayaan popular atau *popular culture* [15]yang disebarkan melalui media elektronik khasnya television, menampilkan sifatnya sebagai sebuah industri dan industri bersifat teknologi yang memproduksi hiburan yang bersifat kommersil untuk khalayak ramai. Sesuai dengan ciri-ciri globalisasi itu sendiri sebagai manifestasi daripada kapitalisme dan imperialisme baru, maka budaya popular kini menjadi ancaman kepada budaya yang menjadi warisan rakyat. Dalam konteks Kebudayaan Kebangsaan tentulah globalisasi amat memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan Kebudayaan Kebangsaan yang menekankan identiti kebangsaan sesebuah nasion.

Bagi Malaysia amat jelas perbincangan mengenai Kebudayaan Kebangsaan menjadi sukar apabila kita menghadapi realiti yang wujud. Apabila misalnya sesebuah saluran tv cuba menyalurkan acara-acara kebudayaan yang dianggap warisan kepada masyarakat negara ini, saingan yang diberikan oleh budaya popular, dalam bentuk filem-filem Hollywood atau filem-filem asing bersiri seperti *soap opera* dari Korea, Jepun, Taiwan dan Filipina, yang mudah menarik minat rakyat jelata tentunya sangat mencabar bagi kebudayaan warisan Malaysia dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya.

Oleh yang demikian wajar dipertanyakan: sejauh manakah upaya melestarikan sebuah Kebudayaan Kebangsaan itu dapat bertahan? Apakah tidak mungkin nilai-nilai baru yang bersumber dari luar itu akan membentuk satu kebudayaan baru yang global sifatnya? Tetapi kita mungkin juga boleh bertanya: apakah akan jadi kepada masyarakat kita seandainya *multiculturalism* dijadikan wadah pembentukan idetiti kebangsaan kita?

Dilemma yang dialami oleh banyak negara apabila berlaku pertembungan antara budaya menunjukkan sekarang ini di setengah-setengah negara Eropah *multiculturalism* bukan lagi dilihat sebagai pilihan yang bijak. Kerajaan dan masyarakat Belanda, misalnya, tidak silu-silu lagi menolak *multiculturalism* apabila mereka dihadapi dengan kenyataan bahawa mereka harus berkongsi negara dan budaya dengan masyarakat Turki dan Arab yang beragama Islam yang mempunyai sistem nilai yang berbeza. Laungan agar Nederland kembali kepada identiti kebangsaan Belanda yang menghendaki agar kebudayaan kebangsaannya diteguhkan demi mewujudkan kohesi sosial semakin mendapat dukungan orang Belanda dari pelbagai lapisan sejak tahun-tahun 1990an.[16]

Sekarang ini pemimpin-pemimpin negara sering melaungkan Malaysia sebagai negara pelbagai budaya yang aman. Tetapi yang nyata ialah setelah hampir lima puluh tahun negara ini merdeka dari penjajahan, bangsa-bangsa yang berada di Malaysia yang kononnya membentuk satu nasion masih sukar untuk bersatu. Sebagai sebuah nasion, kita masih mengamalkan sekolah-sekolah yang berasaskan pemisahan kaum. Di kampus-kampus universiti, sekalipun para pelajar digalakkan tinggal di asrama yang berbilang kaum tetapi dalam pergaulan mereka sehari-hari kecenderungan untuk bergaul dengan anggota kaum masing-masing sangat ketara. Polarisasi kaum juga sangat jelas terungkap melalui internet. Jika anda rajin membaca blog-blog popular di internet amat jelas betapa kuatnya semangat

perkauman diluahkan dalam ulasan-ulasan yang mungkin dibuat oleh penulis yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan orang bukan Melayu. Ulasan-ulasan itu rata-rata mencaci, menyindir dan menghentam apa saja yang bersifat Melayu dan atau Islam. Ada anggapan sepunya bahawa orang bukan Melayu sangat didiskriminasi oleh kerajaan yang diterajui oleh parti Melayu. Juga amat ketara ialah betapa mereka itu memandang rendah terhadap kebudayaan Melayu.

Semua ini menampakkan betapa buruknya keadaan hubungan ras di Malaysia. Tetapi apakah yang dapat dibuat oleh rakyat Malaysia yang mahukan kedamaian dan kesejahteraan?

Perbincangan ini tidak menafikan peri pentingnya peranan sebuah Kebudayaan Kebangsaan. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan pada masa ini untuk memulihara dan melestarikan warisan dan kesenian anak negeri adalah suatu cara menuju ke arah penciptaan identiti budaya negara. Tetapi Kebudayaan Kebangsaan harus menjangkau lebih daripada mempamerkan budaya warisan dan seni *material*. Apa yang cuba diketengahkan dalam bab ini ialah argumen bahawa Kebudayaan Kebangsaan seperti yang dihasratkan, iaitu berlandaskan kebudayaan Melayu tidak mungkin dapat direalisasaikan jika peranan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang berwibawa tidak dapat diperkasakan. Tetapi pemerkasaan kedudukan Bahasa Melayu tidak bererti Bahasa Inggeris tidak dipentingkan langsung. Berkaitan dengan isu ini juga ialah soal kemerosotan kualiti pendidikan di semua peringkat. Dalam upaya menyelesaikan masalah ini barangkali wajar difikirkan dengan serius sama ada perlu atau tidaknya sistem dan dasar pendidikan kebangsaan disemak semula.

Permasalahan Kebudayaan Kebangsaan juga tidak akan terselesai jika faktor-faktor politik, ekonomi dan prasangka antara ras tidak diambil kira dan diberikan perhatian. Persoalan membentuk Kebudayaan Kebangsaan juga memerlukan penyertaan dan sumbangan dari masyarakat Melayu dan bukan Melayu, khasnya dari kalangan elitnya. Sikap menanam tebu di bibir oleh golongan elit Melayu dan bukan Melayu terhadap dasar Bahasa Kebangsaan tidak akan memungkinkan sebuah etos kebangsaan dan identiti kebangsaan dilahirkan. Sebagai kesimpulannya, permasalahan Kebudayaan Kebangsaan, saya fikir, masih jauh daripada punca penyelesaiannya. Bahkan masalah Kebudayaan Kebangsaan pun bukanlah boleh dipisahkan daripada sejarah awal politik orang Melayu dan bagaimana elit politik mereka berhadapan dengan kelincahan politik suku kaum yang terbesar daripada kalangan warga negara yang asal-usulnya merupakan pendatang di rantau Melayu. Justeru kerana keunikan proses pembinaan sebuah masyarakat majmuk di Malaysia yang banyak ditunjuk arah oleh dasar-dasar kolonial yang lebih mengutamakan kepentingan kolonial semata-mata, maka proses *nation-building* untuk Malaysia jauh lebih sukar daripada negara jiran terdekat, misalnya, proses pembinaan bangsa di Indonesia.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan untuk sidang perbincangan di Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu VII , Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 7 November 2006.

[2] Lihat Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1967, hal. 251-252.

[3] Tidak ketinggalan membincangkannya ialah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, yang mengadakan perbincangan pada 23 Mac 1991.

[4] Malaysian Chinese Association.

[5] Kok Wee Kiat *et al.* 1990. *The Malaysian Challenges in the 1990's – Strategies and Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, hal. 15.

[6] Kua Kia Soong (ed.), *National Culture and Democracy*. Petaling Jaya: Kersani Penerbit-Penerbit Sdn. Bhd., hal. 1.

[7] Tiga prinsip asas itu ialah: i) Kebudayaan Kebangsaan haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini; ii) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu.

[8] Untuk perbincangan selanjutnya, lihat .makalah yang terdahulu, di atas.

[9] Rujukan yang baik mengenai sikap British terhadap pemimpin politik Melayu dan bentuk kemerdekaan yang direncanakan oleh pihak penjajah ialah karya T. H. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya,* Cambridge University Press, , Cambridge, 1999.

[10] Lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar, Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal. 283.

[11] Parti Perikatan secara rasminya ditubuhkan dalam bulan Mac 1953, selepas pilihan raya majlis perbandaran Kuala Lumpur. Lihat *ibid*., hal. 278.

[12] *Chinese Advisory Body* yang ditubuhkan oleh Dato' Onn sebagai badan penghubung dengan masyarakat Cina telah mendesaknya supaya memperjuangkan pelonggaran Udang-undang Kerakyatan Negeri 1951 demi membolehkan lebih ramai orang Cina menjadi warga negara. Undang-undang ini mensyaratkan bahawa jika seseorang mahu menjadi rakyat negeri, tidaklah cukup dia lahir di negeri Melayu sahaja, tetapi ibu bapanya juga mestilah lahir di negeri Melayu dan menjadi rakyat raja. Syarat ini yang dituntut oleh UMNO mengetatkan lagi syarat *jus soli* yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Hubungan Kaum dalam tahun 1949.

[13] Untuk perbincangan lanjut mengenai pertandingan budaya ini sila lihat Zawawi Ibrahim (ed.), *Cultural Contestations mediating identities in a changing Malaysian society*, Asean Academic Press, London,1998.

[14] Lim Kit Siang, "Chinese or Malaysian Identity? Issues and Challenges", kuliah awam yang disampaikan pada Pusat Kajian Diaspora Selatan (CSCSD) di Australian National University pada 1 Mei 2000. Lihat http://rspas.anu.edu.au/cscsd/online/lim.html.

[15] Lihat Ahmat Adam 1996, "Budaya Popular dan Budaya Sepunya: kearah pembentukan kebudayaan kebangsaan" dalam Mohd Yaakub Hj. Johari *et al.*, *Agenda Pembinaan Negara-Bangsa Malaysia dalam Era Kebangsaan*, Kota Kinabalu: Yayasan Konrad Adenauer dan Institut Kajian Pembangunan Sabah, 1997.

[16] Frank Lechner, "Re-placing National Culture: Globalization and the Collective Identity in the Netherlands", makalah yang dibentangkan di persidangan ICIS tentang *Re-placing Cultures*, 28 Januari 2005.

12

Pembinaan Nasion dan Masalah-Masalahnya: Pengalaman Malaysia[1]

Benedict Anderson dalam karya pentingnya, *Imagined Communities*, mengetengahkan teori bahwa nasionalisme dicetuskan oleh apa yang disebutnya sebagai *print-capitalism*, yang membawa arti tersebarnya budaya percetakan dalam skala yang meluas.[2] Definisi yang diberikan oleh Anderson tentang nasionalisme sebetulnya memang lebih tepat jika gejala kebangkitan nasionalisme di Indonesia dijadikan contoh di mana pers peribumi sesungguhnya telah memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan dan penyebaranya. Lewat 'kaptalisme cetak' konsep nasion Indonesia itu 'diimajinasikan' oleh banyak pihak sesuai dengan hasrat melahirkan komunitas yang diangan-angankan oleh mereka.

Di Malaysia pun, kemunculan nasionalisme boleh dikaitkan dengan peranan komoditas cetak yang disarankan oleh Anderson. Namun, dari segi isi dan bentuknya, nasionalisme-nasionailsme yang muncul adalah tidak terlepas dari soal 'bangsa' itu sendiri. Barangkali, situasi yang wujud di Malaya, bisa lebih mudah diuraikan jika pendekatan Anthony Smith yang memberi fokus kepada soal etnisitas dipakai untuk menerangkan gejala nasionalisme yang tumbuh dalam masyarakat Malaya (kemudiannya Malaysia) yang multietnis. Pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua, tidak wujud satu 'nasionalisme Malaya'; yang ada ialah nasionalisme Melayu dan nasionalisme Tionghoa. Nasionalisme Tionghoa yang juga didorong oleh faktor etnis, walau bagaimanpun, telah berkembang menjadi nasionalisme sosial, iaitu yang menekankan rasa kebersamaan pada satu identitas nasional[3] – walaupun nasion yang ditanggapi itu bukan Malaya tetapi Tiongkok.

Pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua, hanya nasionalisme Melayu yang menjadikan Malaya sebagai objek perjuangannya tetapi itupun untuk merealisasikan sebuah nasion Melayu – walaupun, pada akhirnya, komunitas yang diangan-angankan itu tidak pernah kesampaian. Sekalipun usaha telah dijalankan

oleh rakyat Malaya yang multietnis dan multikultural untuk membangkitkan sebuah nasionalisme Malaya dan kemudiannya Malaysia, namun usaha-usaha ini tidak berhasil dan sehingga ke hari ini pun sebuah 'nasionalisme Malaysia' masih di'konstruk'. Keadaan inilah yang mendorong setengah-setengah cendekiawan Malaysia mengungkapkan kata-kata bahwa Malaysia adalah "one state, many nations".[4] Fenomena kesukuan – yang kuat dipengaruhi oleh *ethnonationalism*, seperti yang dibicara oleh Smith itu – masih sangat menjiwai kumpulan-kumpulan etnik yang besar di Malaysia dan secara politik ia menjadi hambatan kepada upaya-upaya membina nasion di Malaysia. Dengan latar belakang inilah, maka bab ini cuba melihat pertumbuhan dan perkembangan nasionalisme di Malaya dan upaya-upaya ke arah *state-building* sehingga lahirnya sebuah *nation-state* pada tahun 1957.

Sebagai sebuah nasion, usia Malaysia sebetulnya masih terlalu muda. Kemerdekaan politik hanya diperolehinya dari British pada 31 Augustus 1957 dan iapun adalah hasil dari usaha yang dijalankan oleh tiga kaum terbesar di Malaya ialtu Melayu, Cina dan India. Upaya untuk mendapatkan kemerdekaan itupun hanya baru bermula pada ketika Perang Dunia Kedua berakhir. Ini tidak pula berarti bahwa sebelum 1945 tidak ada perjuangan untuk memperolehi kemerdekaan dari belenggu penjajahan British. Secara berorganisasi, sekitar suku terakhir tahun 1945 telah pun wujud Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pimpinan orang Melayu yang bukan dari golongan bangsawan yang berjuang untuk menyatukan Malaya dengan Indonesia di bawah gagasan yang di Malaya disebut 'Melayu Raya' tetapi di Indonesia di panggil 'Indonesia Raya'. Ide untuk merdeka dari penjajahan British ini pada mulanya dibangunkan oleh Ibrahim bin Haji Yaakub pada dasawarsa tiga puluhan -- ide yang sebetulnya telah diilhami oleh Tan Malaka sejak tahun 1926, iaitu apabila terbit buku kecilnya di Singapura yang berjudul *Massa Actie*. Gagasan Melayu Raya ini menjadi landasan wawasan Ibrahim Yaakub dan rekan-rekannya lewat organisasi politik yang bernama Kesatuan Melayu Muda (KMM), nama yang juga diilhami oleh organisasi seperti Jong Sumatranen Bond, Jong Java dan Jong Minahassa. Sebagai sebuah organisasi, Kesatuan Melayu Muda yang didirikan di Kampung Baru, Kuala Lumpur, telah didaftarkan pada tahun 1938. Pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua kebanyakan penduduk Kampung Baru terdiri atas orang Indonesia yang berketurunan Minangkabau. Seyogia pula disebutkan di sini bahwa penubuhan KMM juga diperbantu oleh seorang komunis berasal dari Minangkabau yang bernama Sutan Djenain.[5]

Lama sebelum berdirinya KMM di Malaya, grup yang aktif politik sebetulnya diwakili oleh orang Tionghoa. Mula-mula mereka itu bergerak dalam cabang partai nasionalis Tionghoa, Kuomintang (KMT) yang didirikan di Singapura dalam bulan Desember 1912.[6] Organisasi induknya, Partai Kuomintang yang dipimpin oleh Chiang Kai-shek telah didirikan pada 13 Augustus 1912 di negeri China. Kebangkitan kesadaran kebangsaan Tionghoa di Malaya digerakkan oleh nasionalisme yang tersebar di tanah besar Cina akibat dari kekalahan Tiongkok di tangan Jepang apabila berlaku perang Cina-Jepang pada tahun 1894-1895. Efek dari kekalahan ini memaksa Tiongkok menandatangani satu perjanjian yang sangat memalukannya

pada tahun 1895 iaitu Perjanjian Syimonoseki. Pukulan yang paling kuat -- selain harus membayar kompensasi 200 juta tael[7] kepada Jepang -- ialah Tiongkok juga harus menyerahkan Taiwan kepada Jepang. Peristiwa ini sangat menggegerkan orang Cina di Malaya. Maka justru itu mereka pun mulai menggerakkan komunitas mereka dengan cara mengembangkan pers Tionghoa di Malaya. Pada waktu peralihan dari abad ke-19 ke abad ke-20 gerakan reformis Cina di Asia Tenggara telah menampakkan betapa ide-ide Konghucu (atau Konghucuisme) disebarkan. Pada waktu inilah mulanya kebangkitan gerakan pan-Cina, bukan saja di Malaya dan Singapura[8] tetapi juga di Indonesia yang mempengaruhi penubuhan organisasi seperti Tionghoa Hwee Koan (1900), Siang Hwee (1908), dan Soe Po Sia (1908). Di Malaya, tokoh besar yang menanamkan bibit nasionalisme Cina ialah Dr. Sun Yat Sen yang, antara tahun 1900 dan 1911, telah sebanyak delapan kali berkunjung ke Malaya. Organisasi Tionghoa yang bergerak waktu itu ialah Tung Meng Hui, iaitu organisasi revolusioner Sun Yat Sen sendiri, yang telah mendirikan cabang-cabangnya di setiap kota di Malaya yang mempunyai penduduk Cina yang ramai. Organisasi Tung Meng Hui inilah yang mengumpulkan uang untuk dikirim ke Tiongkok buat membantu revolusi Tiongkok.[9]

Kebangkitan Cina yang begitu agresif dan efektif ini membawa kekhawatiran kepada British. Seperti yang kita sedia maklumi, revolusi Cina yang bermula dengan Pemberontakan Wuchan pada 10 Oktober 1911 membawa dampak yang kuat kepada orang Cina baik di Malaya mahupun di Indonesia. Di Indonesia, khasnya di Jawa, nasionalisme Cina muncul dalam bentuknya yang penuh keangkuhan. Faktor inilah yang menjadi salah satu sebab yang mempercepatkan gerakan Sarekat Islam yang mulanya disusun oleh R.M Tirto Adhi Soerjo, kemudiannya diteruskan oleh Haji Samanhoedi, dan Umar Said Tjokroaminoto. Sifat arogan Cina di Malaya pun menyaksikan komunitas itu menukar Tung Meng Hui menjadi Partai Kuomintang pada bulan Disember 1912. Partai ini walaupun bergerak di Malaya tetapi perjuangannya adalah untuk tanah besar China. Seperti yang dinyatakan tadi, sifat agresif partai ini sangat mencemaskan British yang khawatir terhadap kegiatan-kegiatannya yang dianggap subversif. Dalam pandangan British KMT telah menyebarkan risalah propaganda yang bersifat anti-British. British juga khawatir bahwa jika aktivitas KMT diberi pengakuan, kewibawaan British atas organisasi-organisasi Tionghoa seperti sarekat buruh, kamar dagang, sekolah-sekolah, dan dewan daerah yang dianggotai oleh orang Tionghoa akan sukar dikontrol. Pemerintah juga melihat bahwa nasionalisme Cina yang meluap itu bisa merusakkan langkah British untuk melaksanakan dasar desentralisasinya di Malaya. Oleh yang demikian British pun mengambil langkah melarang kewujudan Kuomintang pada tahun 1925.

Tetapi sekalipun ia menjadi organisasi yang terlarang, KMT terus aktif sampai pada tahun-tahun empat puluhan dan awal lima puluhan --- yakni zaman pasca Perang Dunia Kedua. Lebih-lebih lagi, pada tahun 1926 Partai Kuomintang di Tiongkok telah berjaya merangkul kekuasaan di bawah pimpinan Chiang Kai-shek. Bagi pemerintah British, keaktifan KMT di Malaya, walau bagaimanpun, perlu ditangani sebaik mungkin. Pada penghujung tahun 1930 sikap British terhadap

orang Cina yang menganggotai partai KMT mulai lebih lunak. Pada tahun yang sama, partai KMT juga mula disaingi oleh Partai Komunis Malaya (PKM) yang didirikan dalam bulan April 1930 di Singapura.[10] Lewat dua buah organisasi politik Cina inilah orang Cina di Malaya menggembleng kepedulian bangsa Cina kepada tanah besar China. Pada mulanya, selepas Partai Komunis Cina (PKC) di dirikan, orang Cina di Malaya bergerak di bawah kedua-dua organisasi. Tetapi selepas perpecahan KMT dari PKC dalam tahun 1924 persaingan yang hebat untuk mendapat pengaruh berlaku di antara KMT dan PKC. Pada masa Malaya belum diserang oleh tentara Jepang, partai yang terkuat ialah Kuomintang, walupun dari setiap 200 orang Cina, seorang darinya pastilah menganggotai KMT.[11] Dengan berlatarkan kegiatan politik dua aliran komunitas Cina di Malaya inilah nasionalisme Melayu itu lahir.

Berbeda dengan situasi di Indonesia dari sudut statistiknya, angka penduduk Cina di Malaya jauh lebih besar lagi, ketimbang penduduk peribuminya. Politik pintu terbuka British dalam hal imigrasi ke Tanah Melayu sejak awal abad ke-19 telah pada satu waktu mencemaskan orang Melayu. Pada tahun 1901, angka penduduk Cina di Selangor, sebuah negara bagian yang terkenal kaya dengan timah, telah mencapai 65 persen dari keseluruhan penduduknya; demikian pula di Perak angka penduduk Cinanya ialah 45 persen dari keseluruhan populasinya. Setelah British membuka kawasan-kawasan urban yang baru sehingga bisa membangun kota-kota seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping dan Seremban, yang sebetulnya merupakan daerah-daerah yang kaya dengan timah, lebih ramai pula imigran Cina yang datang. Tetapi kehadiran mereka itu juga didampingi oleh kemunculan *triad societies* (organisasi rahasia yang melakukan aksi kriminal), yang memberikan proteksi kepada tauke-tauke pemilik pertambangan timah dan firma dagang. Pada waktu itu pihak yang sebetulnya 'berkuasa' adalah pemimpin-pemimpin organisasi rahasia *triad* ini.

Pada thaun 1931 sensus populasi di Malaya menunjukkan bahwa jumlah penduduk Melayu ialah 44.7 persen dari seluruh penduduk Malaya, sedangkan angka pendudak Cina dan India ialah masing-masing pada kadar 39.0 persen dan 14.2 persen.[12] Sepuluh tahun kemudian, iaitu pada pertengahan tahun 1941, angka populasi Melayu di Negeri-Negeri Melayu[13] ialah 1,968,301 berbanding dengan bilangan orang Cina, 1,455,527, dan India 595, 579. Jika dijumlahkan kedua-dua angka orang Cina dan India, maka total penduduk non-Melayu adalah 2,051,106 — jelas mengatasi bilangan orang Melayu. Manakala di Negeri-Negeri Selat (Melaka dan Pulau Pinang)[14] pula jumlah orang Melayu ialah 309, 051 orang berbanding dengan gabungan populasi imigran Cina dan India seramai 1,071,086 orang. Ini menunjukkan bahwa angka kaum imigran di Tanah Melayu bagi tahun 1941, yang berjumlah 3,122,192 orang, merupakan 57.8% dari seluruh populasi Malaya; sedangkan angka penduduk Melayu hanyalah 42.2 persen saja. Dari angka statistik ini jelas kelihatan bahwa orang Melayu dalam tahun 1941 itu sudahpun menjadi golongan minoritas ketimbang imigran asing. Bahkan keadaan yang sama juga berterusan pada tahun 1948. Pada waktu itu, ketika Partai Komunis Malaya mengambil keputusan untuk melaksanakan perang gerilyanya, bilangan

penduduk Cina di Malaya masih tetap tinggi, iaitu 45 persen berbanding 43 persen Melayu. Realitas inilah yang menyadarkan orang Melayu dan membangkitkan nasionalisme Melayu.

Di sini juga kelihatan bahwa berbeda dari apa yang berlaku di Indonesia, nasionalisme Melayu yang lahir di Malaya dicetuskan pada mulanya oleh faktor *racial survival* dan hanya mengambil bentuk anti-imperialisme pada masa kemudiannya. Keadaan yang unik ini diakui oleh Tan Malaka sendiri apabila dia menulis dalam tahun 1926:

> [...] Tjilaka soenggoeh, tak dapat bangsa Indonesia [baca Melayu] di Semenandjoeng Malaka [Malaya] mempertahankan diri dari kebandjiran bangsa India dan Tiongkok jang teroes mengalir kesana – Boemipoetera di kota-kota pesisir senantiasa didesak ke pinggir kota, dan jang tinggal di laoet makin sehari makin djaoeh menjingkir ke poentjak-poentjak goenoeng.[15]

Keprihatinan Tan Malaka ini kemudiannya diulangi oleh Ibrahim Yaakub, seorang wartawan pada suratkabar *Majlis* di Kuala Lumpur, yang pada tahun 1937 telah mendirikan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Bagi Ibrahim, yang menulis dalam tahun 1941, satu-satunya jalan untuk menyelamatkan orang Melayu ialah dengan mengusahakan secara politik penyatuan semula orang Melayu. Katanya "cita-cita untuk bersekutu" itu telah muncul "bukannya sahaja di antara umat-umat Melayu dua million di Tanah Melayu ini, tetapi dengan umat (rumpun) Melayu di Indonesia seramai enam puluh lima miliun itu. Mereka ingin hendak bersatu bekerjasama menggerakkan ikatan kebangsaan bersama menuju Indonesia Raya"[16] Maksud Ibrahim ialah untuk memperjuangkan penyatuan Malaya dengan Indonesia. 'Mimpi' Ibrahim Yaakub inilah yang dijadikan landasan perjuangan Kesatuan Melayu Muda dan organisasi nasionalis selepas perang, iaitu Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Perjuangan KMM untuk memerdekakan Malaya bersama Indonesia, walau bagaimanapun, tidak bisa tercapai apabila Jepang menyerah kalah. Situasi di Malaya di mana kaum imigran Cina dan India begitu besar bilangannya tidak membolehkan Ibrahim dan rekan-rekannya memobilisasi seluruh penduduk untuk menyokong gagasannya. Walaupun Ibrahim selaku ketua *Giyu Gun* (tentara sukarela yang didirikan oleh administrasi militer Jepang), cuba meminta pertolongan dari Malayan People's Anti-Japanese Army (Tentara Anti Jepang Rakyat Malaya) iaitu pasukan gerilya komunis yang rata-rata terdiri atas orang Cina, bantuan yang diharapkannya sia-sia belaka. Berbeda dari situasi di Jawa, Malaya tidak pernah menyaksikan aktivitas gerakan pemuda yang berarti. Malah rencana KMM dan Kesatuan Rakyat Istimewa [Indonesia] Semenanjung (KRIS)[17] untuk menubuhkan pemerintah Demokratik Rakyat Malaya pun tidak membuahkan apa-apa hasil. Justru yang demikian mimpi Ibrahim Yaakub untuk memerdekakan Malaya bersama Indonesia tidak menjadi kenyataan. Pada 19 Augustus 1945, Ibrahim mengambil keputusan meninggalkan Malaya dan kemudiannya ikut bergerak dalam revolusi Indonesia. Kegagalan KMM itu, walau bagimanapun, tidak habis begitu saja.

Nasionalisme Melayu yang berorientasi ke Indonesia ini terus didukung oleh sebagian orang Melayu yang bukan dari golongan aristokrat sampai pada waktu British kembali mejajah semula Malaya, Singapura, dan wilayah-wilayah Borneo Utara iaitu kira-kira dua minggu selepas Jepang mengaku kalah dalam peperangan pada 15 Augustus 1945. Sekitar dua bulan selepas itu, iaitu pada 17 Oktober 1945 atas prakarsa Partai Komunis Malaya[18], diupayakan pula penubuhan Partai Kebangsaan Melayu Malaya[19]. Orang tengah yang ditugaskan merealisasikan penubuhan PKMM ialah Mokhtaruddin Lasso, seorang komunis yang berasal dari Sumatera Barat. Pada kongres pertama PKMM, yang diadakan pada 30 Nopember 1945 di Ipoh, Mokhtrauddin pun dipilih untuk mengetuai partai politik Melayu yang mendahului United Malays National Organisation (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang resminya didirikan pada 11Mei 1946.[20]

PKMM walau bagaimanapun tidak mudah mendapat sokongan kaum elit Melayu dari kalangan aristokrasi. Sekalipun pengikutnya terdiri dari kalangan rakyat di luar kota, masalah besar yang dihadapinya ialah kekurangan pemimpin yang berkaliber. Selepas Ketua pertamanya, Mokhtaruddin, menghilangkan diri, PKMM telah dipimpin oleh Burhanuddin al-Helmy, seorang dokter *homeopathy* yang mempunyai pemikiran yang sejalan dengan Muhammad Yamin dan Sukarno. Dr. Burhanuddin, adalah seorang Islamis yang punya komitmen kepada ide bangsa Melayu sebagai pencitra definitif dalam merangka identitas nasional Malaya. Dia beranggapan bahwa sifat Malaya yang multi-rasial dan multikultural itu mestilah bermula dengan menjelaskan nama bangsa atau *citizenship* (kewarganegaraan)nya --- yang menurutnya mestilah dinamakan "Melayu".[21] Dr. Burhanuddin, bersama-sama dengan Ahmad Boestamam, dan Ishak Haji Muhammad sesungguhnya berperan besar dalam berkonsultasi dan membuat *bargaining* (tawar-menawar) dengan para pemimpin suku-suku kaum non-Melayu, terutamanya Cina, India dan Eurasia[22] Sebagai taktik untuk menampilkan kepelbagaian organisasi Melayu yang beraliran kiri, sebuah konfederasi yang dinamakan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) telah dibentuk pada 22 Februari 1947 bagi menjalankan negosiasi dan *bargaining* bersama-sama organisasi-organisasi kiri non-Melayu yang duduk dalam gabungan All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA).[23] Hasil pembicaraan yang dicapai ialah penubuhan sebuah pakatan interkomunal yang diberi nama PUTERA-AMCJA bagi tujuan menghadapi kekuatan kolonial British yang jelas lebih merasa senang untuk berkonsultasi dengan UMNO dalam hal-hal konstitusional berbanding dengan puak kiri yang radikal.

Seyogia diingati, sebaik saja British menjajah semula Tanah Melayu, mereka telahpun mempunyai rencananya sendiri tentang *state-building* di Malaya. Rencana ini mengambil kira situasi politik pada 1930an yang telah membuka mata British bahwa di Malaya telah muncul masyarakat kolonial yang majmuk sifatnya. Periode itu juga memperlihatkan suara-suara lantang sebagian orang Tionghoa menuntut hak-hak politik yang sama dengan anak negeri. Ketika Jepang menyerang pertahanan British di Malaya dan Singapura, yang berakhir dengan penaklukan tentara Jepang dengan mudah ke atas wilayah jajahan British di Asia Tenggara, dan disusuli pula dengan situasi politik yang berbeda apabila Malaya diperintah oleh Jepang, tampak kepada pihak kolonial British bahwa

yang bersungguh-sungguh menentang Jepang adalah dari kalangan penduduk Tionghoa. Dalam diam-diam rupa-rupanya sejak tahun 1943, Whitehall, iaitu kantor kolonial di London, telah mempersiapkan satu rancangan yang bakal mengubah format pemerintahan kolonial zaman pasca Perang Dunia Kedua untuk Malaya.

Menurut rencana para anggota British Malaya Planning Unit di London, sudah sampai waktunya untuk memutuskan situasi terkini dari masa lampau Malaya dengan merevisi semula perjanjian-perjanjian lama British dengan raja-raja Melayu. Perubahan yang paling utama direncanakan ialah bahwa sebuah pemerintahan Malaya yang disatukan dengan administrasi yang bercirikan sentralisasi perlu dilaksanakan. Ini berarti bahwa dalam tanah jajahan Kesatuan Malaya (Malayan Union) yang bakal diwujudkan itu, raja-raja Melayu seharusnya akan melepaskan hak-hak kedaulatan mereka kepada kerajaan British bagi mempersatukan tiga unit pemerintahan yang berjalan selama ini iaitu Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States), Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Unfederated Malay States) dan Negeri-negeri Selat (Straits Settlements). Menurut rencananya ketiga-tiga unit administratif ini akan bersatu dalam sebuah kerangka konstitusional yang dinamakan Malayan Union. Lewat Union ini British juga merencanakan untuk menyelesaikan masalah populasi imigran yang amat besar di Malaya, khasnya orang Cina. Kepada British satu kerakyatan yang sama bagi semua orang harus diantisipasikan. Keberadaan orang asing yang begitu besar jumlahnya yang secara ekonomisnya pula sangat dominan perlu diberikan perhatian. Tambahan pula, dalam dasawarsa tiga puluhan orang Cina yang lahir di Negeri-Negeri Selat telahpun melaungkan tuntutan agar mereka diberikan hak-hak politik yang sama dengan orang Melayu.[24]

Tetapi tanpa diduga British, begitu mereka mempermaklumkam rencana Malayan Unionnya, dengan serentak pula bangkit suara oposisi orang Melayu terhadapnya. Kebangkitan orang Melayu ini anehnya dikepalai oleh elit Melayu yang berpendidikan Inggeris yang rapat hubungannya dengan golongan aristokrasi. Di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar, seorang mantan Menteri Besar Johor, UMNO bangkit sebagai suara nasionalisme Melayu yang lantang menuntut agar Malayan Unon dibubarkan. Melihat betapa UMNO mendapat dukungan kuat rakyat Melayu, PKMM pun terpaksa bersuara pula membantah perlaksanaan Malayan Union, yang pada mulanya disokong lantaran idenya yang progresif dari segi mempersatukan Malaya dan mengurangi kuasa raja-raja.

Bagi British, kebangkitan umat Melayu buat kali pertamanya secara besar-besaran itu sangat mengkagetkan mereka. Di kalangan mantan pejabat-pejabat kolonial British yang pensiun di London pun terdapat kritikan keras terhadap dasar British yang baru itu. Mereka pun menyokong imbauan orang Melayu agar Malaya dikekalkan sebagai milik orang Melayu. Demonstrasi, protes, dan juga petisi pemimpin-pemimpin Melayu itu akhirnya berjaya menggagalkan Malayan Union walaupun ia telah dilaksanakan pada 1 April 1946. Gubernur Malayan Union yang pertama, Sir Edward Gent terpaksa mundur karenanya. Tidak lama selepas itu UMNO pun muncul sebagai partai politik yang bakal menyuarakan kehendak dan tuntutan orang Melayu. Maka berlakulah re-negosiasi antara British, UMNO

dan wakil-wakil Raja Melayu. Tetapi ketika negosiasi dan tawar-menawar ini dilangsungkan tampak jelas bahwa pemerintah British telah meminggirkan para pemimpin PUTERA-AMCJA. British dengan terus terang menganggap negosiasi hanya bisa dijalankan dengan UMNO justru, katanya, hanya orang-orang UMNO yang bisa dipercayai.

Kegagalan pakatan gabungan PUTERA-AMCJA itu membawa padah pula kepada kerjasama antara pemimpin kiri Melayu dan Cina. Pada Januari 1948, Kamar Dagang Cina yang berpengaruh telah menarik kembali dukungannya kepada organisasi gabungan itu. Sikap pro-Indonesia yang dianuti oleh PKMM dengan wawasan Melayu Rayanya, dan tuntutan agar 'Melayu' dijadikan asas identitas nasional untuk semua yang memegang kewargangeraan Malaya, serta bahasa Melayu dijadikan bahasa resmi Malaya yang semuanya dijadikan asas 'Konstitusi Rakyat' telah menimbulkan keraguan kepada bangsa-bangsa non-Melayu, khasnya Cina.

Yang lebih mengecewakan gabungan PUTERA-AMCJA itu ialah apabila British besepakat dengan UMNO dan Raja-Raja Melayu agar diimplementasi Konstitusi Federal bagi menggantikan konstitusi Malayan Union pada 1 Februari 1948, tanpa Singapura dimasukkan di dalam Malaya. Konstitusi Federasi Malaya yang dalam bahasa Melayunya disebut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menggariskan beberapa titik fundamental yang kemudiannya menjadi *precedent* (contoh) pada waktu konstitusi Merdeka dan konstitusi Malaysia dirangka. Misalnya, beberapa tuntutan orang Melayu seperti pengakuan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional Malaya, kedudukan khas atau istimewa orang Melayu dari segi pengambilan (*recruitment*) ke dalam dinas pemerintah, pemberian beasiswa negeri dan surat ijin perniagaan, dan tanah cadangan (simpanan) untuk orang Melayu adalah perkara-perkara pokok yang dimasukkan ke dalam konstitusi Federasi 1948. Aksi British dan UMNO ini dengan sendirinya menjadikan koalisi PUTERA-AMCJA yang mahukan sebuah konstitusi alternatif diimplementasi untuk Malaya pecah. Kejayaan British mengelakkan perpecahan dengan elit tradisional Melayu membawa kepada tahap kedua dalam upaya British meneruskan rencana *state-building*nya.

Negosiasi British dengan elit Melayu yang berpendidikan Barat di dalam UMNO itupun bukanlah tanpa kericuhan. Dato' Onn yang tidak percaya kepada sikap British, pada mulanya bersikeras mahu mempertahankan ciri kemelayuan sebagai asas pembinaan 'nasion' Malaya pada waktu itu. Menyadari bahwa orang Melayu berada di tangga yang paling lemah jika berlomba dengan orang Cina khasnya dalam hampir semua bidang kehidupan, Dato' Onn bahkan tidak terburu-buru merencanakan kemerdekaan yang segera untuk Malaya. Tetapi di pihak British sendiri mereka merasakan bahwa sekalipun Malayan Union (tanpa Singapura) yang mereka rencanakan telah gagal, namun mereka berasa senang apabila konsep Federasi (Persekutuan) diterima oleh UMNO, karena gagasan itupun mempunyai ciri-ciri utama yang terkandung dalam Malayan Union, iaitu hasrat untuk memberikan hak kewarganegaraan kepada penduduk Cina dan India. Oleh yang demikian, sekalipun pada mata kasarnya supremasi politik telah

dikembalikan kepada orang Melayu, namun pada hakikatnya sifat multietnis yang ditekankan oleh British akan terus menjadi asas yang fundamental bagi kemerdekaan Malaya dan kemudiannya penubuhan Malaysia.

Keseriusan British untuk merealisasikan sebuah negara bangsa yang bersifat multirasial dapat dilihat pada cara dan strategi kuasa kolonial itu menghadapi zaman 'Darurat' yang dideklarasi pada pertengahan tahun 1948[25] apabila Partai Komunis Malaya -- yang kecewa dengan kegagalan British melaksanakan aksi-aksi demoktratis yang dituntutnya -- telah mengambil keputusanan untuk memberontak. Dengan menggunakan alasan untuk memenangi hati komunitas Cina[26] agar tidak mendukung gerakan komunis di Malaya, British di samping mensponsor penubuhan partai Malayan Chinese Association dalam bulan Januari 1949, juga mendesakkan Dato' Onn Jaafar, pemimpin UMNO waktu itu agar bersetuju untuk melebarkan peluang-peluang bagi membolehkan orang Cina memiliki kewarganegaraan Malaya dengan berasaskan prinsip *jus soli*.[27]

Dukungan yang diberi oleh Onn Jaafar terhadap Komite Hubungan Komunitas[28] yang mengusulkan agar prinsip *jus soli*, dipakai untuk pemberian kewarganegaraan secara otomatis -- yang berarti bahwa barang siapa yang lahir di Malaya wajar diberikan kewarganegaraan Malaya – tanpa diduganya telah mendatangkan oposisi dari kalangan orang Melayu. Pada bulan Mei para mahasiswa Melayu di Universitas Malaya di Singapura telah mengkritik usul Komite Hubungan Komunitas yang disokong Dato' Onn itu. Lewat memorandum yang dikirim, Presidennya menyesalkan aksi komite itu. Menurutnya, sekalipun ada tanda-tanda bahwa British akan membantu kesejahteraan orang Melayu seperti mendirikan Federal Malay Development Board (Lembaga Pembangunan Melayu Federal) dalam bulan Desember 1949 (yang kemudiannya dikenali dengan nama Rural Development Authority atau R.I.D.A. (Otoritas Pembangunan Desa), namun adalah tidak masuk akal untuk menukarkan aksi itu dengan pemberian kewarganegaraan kepada ratusan ribu imigran dalam sekejap mata. Protes para mahasiswa Melayu itu turut disokong oleh Malay Graduates Society (Persatuan Lulusan Melayu Berijazah) yang menuduh Dato' Onn Jaafar terjebak oleh bujukan dari anggota-anggota non-Melayu dalam Komite Hubungan Komunitas.

Ketika resolusi itu ingin dibahaskan dalam rapat besar UMNO pada bulan Mei 1950, iapun menjadi terlalu hangat sehingga rapat UMNO itu terpaksa ditunda kepada tanggal lain – iaitu 10 dan 11 Juni 1950. Sebetulnya, tujuan British meminda konstitusi 1948 itu ialah untuk membolehkan rakyat yang bukan terdiri atas kaum bumiputera di negara bagian yang diperintah oleh Raja-raja Melayu diberikan hak kewarganegaran dengan dikenakan beberapa syarat:

a) Orang Asia atau Eurasia yang lahir di negara bagian yang diperintah oleh Raja Melayu sebelum atau selepas tanggal perlaksanaan undang-undang itu dengan proviso bahwa ibu atau bapanya telah lahir di negara bagian tersebut;
b) Mana-mana orang Asia atau Eurasia yang lahir di negara bagian yang diperintah oleh Raja Melayu walaupun ibubapanya tidak lahir di negara bagian itu, tetapi bersumpah bahwa kesetiaannya ialah kepada Raja Melayu;

c) Orang yang ibu atau bapanya tidak lahir di negara bagian tetapi menjadi rakyat Raja sekalipun orang itu tidak lahir di negara bagian tersebut. Merekapun bisa mejadi rakyat asalkan mengaku setia kepada negara bagian itu; dan
d) Mereka yang di bawah umur pun bisa menjadi warganegara asalkan bapanya menjadi rakyat Raja.[29]

Upaya untuk memudahkan pemerolehan kewargnegaraan ini, walau bagaimanapun, ditentang habis-habisan oleh UMNO dalam rapat luar biasanya pada 10 dan 11 Juni 1950. Komite Sentral partai itu sebaliknya menghendaki hanya dua jenis kewarganegaraan diakui: i) kewarganegaraan negara bagian untuk mereka yang lahir di negara bagian di mana ibu bapanya dilahirkan; dan ii) kewarganegaraan Federal yang diperolehi lewat "operation of law" (operasi hukum), atau lewat pendaftaran atau naturalisasi.[30]

Begitu kerasnya oposisi yang dilakukan UMNO sehingga Dato' Onn terpaksa menyatakan mundur dari menjadi pemimpin partai itu. Walaupun dia kemudiannya dapat dibujuk untuk kembali memimpin UMNO, namun rasa malu dan bosan dengan pendirian partai yang dianggapnya terlalu rasial, mendorongnya mengambil keputusan pada 26 Augustus 1951 untuk keluar dari UMNO buat selama-lamanya, dan tidak lama kemudian iaitu pada 16 September 1951 dia pun mendirikan Partai Kemerdekaan Malaya (Independence of Malaya Party).

Oposisi dari UMNO terhadap isu kewarganegaraan itu sebenarnya tidaklah efektif. Hasil dari politik lihai British, pindaan yang dibuat pada Konstitusi Federasi (1948) telah menghasilkan Ordonansi 1951 yang lantas mengimplementasikan saranan Komite Hubungan Komunitas mengenai kewarganegaraan.[31] Maka hasilnya ialah, pada tengah malam 14 September 1952, bilangan orang Cina dan India yang menjadi warganegara Malaya pun mencapai angka 1,200,000 orang (yakni 60 persem dari seluruh penduduk Cina di Malaya), manakala orang India mencapai angka 180,000.[32] Mereka yang menjadi warganegara Federal lewat pendaftaran dan netralisasi pula ialah 351,826 orang.[33] Kelonggaran undang-undang yang telah membolehkan orang Cina, India dan lain-lain mendapatkan hak kewarganegaraan ini membawa implikasi yang besar terhadap politik pembinaan nasion Malaya di kemudian harinya. Lewat Ordonansi 1951 itu, pada penghujung tahun 1953, sekitar 4,424,650 orang telah sama ada menjadi warganegara, ataupun memiliki syarat kelahiran yang diperlukan untuk didaftar sebagai warganegara.[34]

Seperti yang telah dinyatakan, isu pindaan Konstitusi 1948 itu sememangnya tidak populer di kalangan orang Melayu, Pada umumnya, anggapan mereka ialah bahwa Malaya adalah negeri Melayu. Prinsip 'Malaya untuk orang Melayu' ini pun dilaungkan oleh Persatuan Melayu Semenanjung, sebuah partai yang didirikan pada 3 September 1950.[35] Selain dari isu ini, ikhtiar Dato' Onn untuk membuka keanggotaan partai itu kepada orang Cina dan India juga telah ditentang oleh anggota-anggota UMNO. Inilah juga yang menyebabkan dia meninggalkan UMNO dan lantas mendirikan Partai Kemerdekaan Malaya atau Independence of Malaya Party (IMP).

Dalam pidatonya pada acara meresmikan penubuhan IMP, Dato' Onn berkata: 'Objektif IMP ialah untuk mendirikan sebuah negara Malaya yang berdaulat, yang tujuannya adalah kesejahteraan dan kemajuan rakyat berdasarkan persamaan kesempatan dan hak-hak serta obligasi politik, sosial dan ekonomi.'[36] Tetapi penampilan citra multi-etnik ini yang dibuat oleh Dato' Onn lewat IMP pun tidak mendapat dukungan orang Cina. MCA yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock dan mereka yang pernah bergerak di dalam KMT malah lebih senang memilih UMNO sebagai rekan yang bakal menyertai pemilihan umum untuk dewan kotapraja dan negara bagian yang bermula pada Desember 1951.

Tahun 1951 mencatat sejarah penting bagi Malaya. Pembunuhan Komisaris Tinggi (*High Commissioner*) Henry Gurney oleh Partai Komunis Malaya pada 17 Oktober tahun itu membawa petanda bahwa gerakan komunis di Malaya telah mencapai efek yang berkesan dalam perang militer mereka melawan British. Tahun itu juga memperlihatkan kekalahan Partai Bruruh di tangan Partai Konservatif di Inggeris. Huruhara yang ditimbulkan oleh PKM mendorong Sekretaris Negara bagi Jajahan, Mr. Oliver Lyttleton, berkunjung ke Tanah Melayu pada bulan Nopember 1951 dengan tujuan untuk membuat evaluasi terhadap situasi politik di Malaya, khasnya isu pembunuhan Komisaris Tinggi British dan pertukaran kepemimpinan UMNO. Pada kesempatan lawatan Sekretaris Lyttleton itu, Tunku Abdul Rahman dan anggota delegasinya dari UMNO cuba menimbulkan isu kemerdekaan untuk Malaya tetapi mendapat jawapan yang bersifat menghindar.[37]

Betapapun demikian, apabila Sir Gerald Templer ditunjuk sebagai Komisaris Tinggi yang baru, sikap British terhadap situasi politik di Malaya berubah kepada dasar dwi-fungsi yang lebih agresif. Dengan memperkenalkan Briggs Plan, Templer bertujuan memerangi komunis secara lebih intens. Panglima Tentara Lt. General Harold Briggs berencana untuk memisahkan anggota komunitas Cina yang menjadi sumber sokongan PKM dari mereka yang berpendirian netral. Untuk itu kampung-kampung baru di seluruh Malaya pun di bina untuk tujuan pemisahan anggota-anggota komunitas Cina yang dianggap sebagai simpatisan komunis itu. Hasilnya, sekitar 532,000 orang telah dipindahkan ke kampung-kampung baru Cina. Pada waktu yang sama orang Cina juga diberikan hak kewarganegaraan demi membujuk mereka agar tidak menyokong PKM. Pada waktu inilah British mulai menunjukkan tanda-tanda untuk mempersiapkan prasarana bagi tujuan kemerdekaan untuk sebuah Malaya yang sifatnya multietnik dan non-komunis. Langkah pertamanya ialah dengan mengadakan pemilihan untuk dewan kotapraja dan kotamadya. Dalam konteks ini jugalah harus dilihat langkah menganjurkan dialog, kerjasama dan permuafakatan antara etnis seperti yang terbukti dari kewujudan Komite Hubungan Komunitas, upaya dan percubaan Dato Onn membuka pintu UMNO kepada anggota non-Melayu, dan permuafakatan UMNO-MCA mendirikan partai aliansi, Perikatan.

Kesepakatan mendirikan partai Perikatan (Alliance), UMNO dan MCA ternyata telah menyebabkan aliansi itu muncul sebagai pemenang dalam pemilihan yang diadakan bagi memilih anggota Dewan Pemerintahan Kotapraja Kuala Lumpur dalam tahun 1952. Dari 12 daerah konstituen, Partai Perikatan memenangi 9 kursi, sedangkan IMP yang ikut serta dalam pemilihan itu hanya

memenangi 2 sahaja dan satu kursi dimenangi oleh calon independen. Kejayaan ini mendorong partai Perikatan untuk meneruskan kerjasama politik antara komunitas.

Sepanjang periode 1952 – 1953 partai Perikatan terus menunjukkan sukses dalam pemilihan-pemilihan yang diadakan untuk konstituante dewan kota praja, kota madya dan negara bagian. Kejajayaan-kejayaan yang diraih Perikatan atau 'Alliance' itu mendorong para pemimpinnya untuk menjadikan gabungan kerjasama dalam aliansi tersebut sebagai organisasi yang permanen, bukan saja untuk tujuan-tujuan politik tetapi juga untuk menggembleng kerjasama inter-rasial dalam memperjuangkan kemerdekaan.[38] Atas usaha partai Perikatan, tuntutan pun dibuat agar pemilihan umum diadakan dalam tahun 1954;[39] Tetapi tuntutan ini bukanlah mudah dipenuhi oleh pemerintah British, seperti yang dialami oleh Tunku Abdul Rahman.[40] Halangan dan rintangan yang dialaminya akibat tindak-tanduk pejabat kolonial, termasuk dari raja-raja Melayu sendiri pada masa-masanya mencetuskan hubungan yang tegang sehingga Tunku sebagai ketua Perikatan membuat ancaman bahwa jika pemerintah British tidak bersetuju dengan tuntutan Perikatan itu maka partai aliansi itu akan mengadopsi politik non-kooperasi. Lantaran khawatir tentang kemungkinan Partai Negara[41] Dato' Onn menjadi pilihan alternatif kepada rakyat Malaya, maka British akhirnya bersetuju dengan beberapa kondisi tuntutan itu: iaitu tentang tanggal pemilihan umum dan penubuhan sebuah Komisi Bebas bagi mengkaji persiapan konstitusional untuk kemerdekaan Malaya. Akhirnya, British pun bersetuju untuk mengadakan pemilihan umum pada tahun 1955.

Apabila pimilihan umum untuk seluruh Malaya diadakan pada tahun 1955 tampak jelas bahwa kerjasama UMNO-MCA itu berhasil. Pada tahun 1953 partai Alliance telah disertai oleh Malayan Indian Congress (MIC) yang mewakili komunitas India.[42] Tetapi ketika pemilihan umum hendak dijalankan, telah timbul masalah mengenai dua perkara yang menguji persatuan partai gabungan itu. Pertama ialah mengenai distribusi konstituansi. Dari 52 kawasan konstituen yang dikonteskan, anggota-anggota UMNO mahukan proporsi pembagian diikut menurut nisbah penduduk. Sebelum itu nisbah yang dipersetujui ialah 40 kursi konstituen untuk UMNO dan 12 untuk calon MCA. Tetapi anggota-anggota MCA mahukan lebih dari 12 kursi. Apabila para anggota UMNO menghendaki lebih dari 40 kursi maka perbalahan antara Melayu-Cina itu menjadi serius sehinggga Ketua partai Perikatan, Tunku Abdul Rahman pun mengugut untuk mundur dari jabatan presiden partai itu jika nasehatnya tidak didengari. Namun, pada akhirnya yang mengalah ialah UMNO sendiri karena Tunku Abdul Rahman telah membenarkan MCA diberikan 15 kursi konstituen dan dua kursi kepada partai MIC yang baru menjadi anggota.

Perkara kedua -- yang sebetulnya lebih serius -- ialah mengenai upaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan bahasa resmi Malaya. MCA tidak bersetuju dengan usul ini, dan sebaliknya menuntut agar bahasa Cina juga dijadikan bahasa resmi selain bahasa Melayu. Bahkan ada pula anggota ekstremis di dalam partai itu yang mahukan kebijakan berbilang bahasa (*multilingualism*) diadopsi untuk pemakaian dalam rapat di dewan negara bagian

dan federal. Tidak mengherankan, tuntutan ini dilawan oleh UMNO. Perbalahan bertambah parah apabila desakan menjadikan bahasa Cina sebagai bahasa resmi Malaya itu disalurkan lewat beberapa *guild* (serikat sekerja) Cina. Namun atas rayuan Tan Cheng Lock, Presiden MCA, usul itu kemudiannya telah digugurkan. Inilah kali pertama konflik antara Cina-Melayu mengenai isu bahasa terserlah. Masalah bahasa yang ada kaitannya dengan sistem pendidikan nasional timbul semula pada tahun 1956 apabila Komite Pelajaran Razak mencapai resolusi untuk mewujudkan sekolah kebangsaan yang akan mengutamakan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar. Laporan Razak itu kemudiannya melahirkan Ordonansi Pendidikan 1957 yang antara lain mengusulkan agar Sekolah Dasar Standar Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar sedangkan Sekolah Dasar Jenis Standar menggunakan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai pengantar utamanya. Manakala di peringkat menengah, hanya akan wujud Sekolah Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dan silabus yang sama untuk semua. Laporan Razak yang juga menetapkan bahwa hanya bahasa Melayu dan Inggeris saja yang akan diizinkan untuk mengambil ujian negeri telah ditentang keras oleh komunitas Cina lewat Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Bersatu dan Komite Manajemen Sekolah Seluruh Malaya.

Walaupun pemilihan umum yang diadakan pada bulan Juli 1955 itu telah memperlihatkan partisipasi partai-partai Melayu seperti Partai Islam Se Tanah Melayu (PAS), yang didirikan pada tahun 1953, Partai Negara yang didirikan oleh Dato' Onn pada awal 1954, Partai Buruh, dan beberapa partai kecil Melayu dan non-Melayu lain, partai Perikatan tetap meraih kemenangan. Tampak jelas munculnya dua aliran pendirian dalam pemilihan umum 1955 itu. Satu aliran mahukan agar identitas 'Malaya yang multietnis' ditonjolkan dengan memberikan kedudukan istimewa kepada orang Melayu, dan satu lagi yang memperjuangkan Malaya untuk orang Melayu seperti yang disuarakan oleh Dato' Onn lewat Partai Negaranya. Demikian pula, upaya Dr. Burhanuddin Helmy untuk menggerakkan golongan pemuda lewat Kongres Belia Melayu Se Malaya, agar bisa menguatkan lagi suara yang ingin mengekalkan Malaya untuk orang Melayu pun sia-sia belaka. Dari 52 daerah lonstituen yang dikontesnya, partai Perikatan telah memenangi 51 kursi. Hanya satu kursi dimenangi oleh Partai Islam Se Tanah Melayu (PAS). Ironisnya ialah bahwa keputusan suara dalam pemilihan umum 1955 itu menunjukkan bahwa yang menentukan kemenangan mana-mana partai adalah orang Melayu karena dari angka 1,280,000 orang penduduk yang diperboleh mengundi, 84.2 persen adalah terdiri atas orang Melayu, 11 persen Cina dan kurang dari 5 persen India.[43]

Kemenangan Perikatan yang begitu signifikan ini membolehkan pemimpinnya dari UMNO, Tunku Abdul Rahman Putra, untuk membentuk pemerintahan sendiri atau *self-government* dengan dia dipilih sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Pembentukan 'kerajaan' Perikatan itu mencatat permulaan pada langkah mempersiapkan Malaya untuk kemerdekaan dengan menekankan metode politik kerjasama inter-rasial yang berasaskan "*consociational politics*" atau politik tawar-menawar. Sebagai upaya hendak menyelesaikan masalah Darurat yang masih berjalan, pada hujung Desember

1955, Tunku Abdul Rahman dan anggota kabinetnya telah mengadakan negosiasi dengan Partai Komunis Malaya tetapi usaha ini tidak mencapai sebarang sukses.

Kejayaan Partai Perikatan memenangi pemilihan umum pertama dalam sejarah perlaksanaan demokrasi di Malaya telah mendorong Tunku Abdul Rahman untuk mengadakan negosiasi dengan peemerintah British di London. Sebuah 'Misi Merdeka' yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman telah berkunjung ke London bagi mengadakan negosiasi dengan pihak pemerintah British pada bulan Februari 1956. Pada waktu itu partai yang memerintah Britain ialah Partai Buruh, yang dari segi pendirian kolonialnya lebih terbuka untuk memberikan kemerdekaan kepada Malaya.

Bagi British, syarat untuk Malaya merdeka telah dipenuhi apabila wujud kerjasama antara dua komunitas etnik yang utama, iaitu Cina dan Melayu. Sikap toleransi (yang di Malaysia dipopulerkan dengan ungkapan 'tolak-ansur') menjadi asas kerjasama interetnik sehingga kini. Untuk merangka Undang-Undang Dasar Malaya yang merdeka, UMNO dan MCA telah mencapai kesepakatan agar dibentuk sebuah komisi konstitusi yang independent dalam tahun 1956, iaitu Komisi Reid dengan dikepalai oleh Lord Reid, seorang Anggota Parlemen British yang pernah menjadi Jaksa Agung, dan hakim Mahkamah Apel yang kesohor di Britain. Komisi yang dianggotai oleh lima orang yang prominen bertanggungjawab untuk meneliti dengan saksama segala usul dan proposisi yang datang dari semua komunitas lewat organisasi masing-masing untuk dimasukkan kedalam konstitusi yang hendak dirangka.[44] Tujuan utama Komisi itu ialah untuk merangka sebuah konstitusi yang akan menjadikan Malaya sebuah negara yang demokratik. Dalam menyaring dan merangka konsitusi itu Komisi Reid, yang menerbitkan laporannya pada bulan Februari 1957, ternyata telah menunjukkan kepekaannya teradap persoalan 'kedudukan istimewa' orang Melayu, justru sebagai pengakuan bahwa orang Melayu adalah pemilik asal Tanah Melayu, suatu hal yang didasarkan atas perjanjian-perjanjian dan traktat antara British dan Raja-raja Melayu sejak zaman terdahulu. Tetapi sebagian masyarakat Cina di Malaya tetap tidak puas hati dengan hasil yang dilapor oleh Komisi Reid.

Mengenai kedudukan orang Melayu, Pasal 19 (i) (d) dalam Perjanjian Federasi Tahun 1948 juga telah dijadikan rujukan oleh Komisi Reid. Antara perkara-perkara yang terpenting yang dimaktubkan dalam Konstitusi 1957 itu ialah:

1. Soal hak istimewa orang Melayu, khasnya yang berkaitan dengan tanah cadangan Melayu (Malay reserve);
2. Jaminan kepada kedudukan Raja-raja Melayu dan perwujudan institusi Yang Dipertuan Agung. Institusi ini berperan sebagai pemelihara hak-hak istimewa orang Melayu.
3. Islam sebagai agama resmi Federasi tetapi penganutan agama-agama lain bisa dipraktikkan dalam keadaan yang damai dan harmonis di mana saja dalam Federasi;
4. Bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan bahasa resmi mulai tahun 1967;
5. Kuota khas untuk orang Melayu dalam dinas pemerintah, pemberian beasiswa pemerintah, dan distribusi lisensi, dan surat-surat izin.

Sebagai imbalannya, warganegara non-Melayu diberikan konsesi dari segi pemberian hak kewarganegaraan yang akan membolehkan mereka menjadi warganegara lewat *jus soli* atau lewat proses undang-undang dengan memenuhi syarat-syarat mastautin, bahasa dan sumpah setia. Sebagai warganegara mereka bisa mempraktikkan kehidupan berpolitik – hak yang tidak pernah diberikan pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Buat pertama kalinya mereka juga bisa memasuki dinas pemerintah untuk memegang jabatan-jabatan administratif walaupun peluang ini dibataskan pada kuota 4 : 1 seperti yang diaplikasikan untuk Melayu ketimbang non-Melayu. Mereka juga secara bebas bisa mengamalkan budaya dan adat mereka.

Persetujuan terhadap soal-soal konstitusional ini dicapai lewat politik 'tawar-menawar'; dan metode '*consociational*' inilah yang bertahan sehingga kini sebagai landasan dalam proses pembinaan Malaysia sebagai negara bangsa. Isu-isu yang dianggap sensitif kepada mana-mana suku kaum dibincangkan terlebih dahulu secara tertutup antara elit partai politik; jalan penyelesaiannya yang ditemukan selepas perbincangan merupakan *inter-ethnic adjustment* dan keputusannya hanya diberitahukan kepada publik setelah persetujuan dicapai.

Sejarah pembinaan nasion Malaysia masih berusia muda. Pada awalnya, ciri utama yang membentuk nasionalisme pada zaman sebelum Malaysia didirikan, adalah sifat etnisitasnya atau lahirnya *ethnonationalism* di kalangan orang Cina dan Melayu. Sampai ke zaman Malaya memperoleh kemerdekaannya, *state-building* yang banyak diperbantu oleh British, pun tidak meletakkan asasnya kepada nasionalisme Malaya – tetapi sebaliknya, ia lebih didorong oleh cita-cita pragmatis yang membolehkan kerjasama antara elit dari kumpulan-kumpulan etnis yang bebeda untuk berkooperasi membebaskan Malaya dari penjajahan Inggeris. Dalam pada itu tidak pula bisa dilupakan faktor tekanan yang diberikan oleh Partai Komunis Malaya. Lewat gerakan perang gerilyanya, PKM (sekalipun nasion yang diimajinasikannya tidak dirasakan bersama, bahkan ditolak oleh orang Melayu) telah mempercepatkan British mengatur ikhtiar untuk menyerahkan kemerdekaan kepada Malaya.

Apabila Federasi Malaysia dibentuk dalam tahun 1963, kerangka yang ada pada Persekutuan Tanah Melayu pun dijadikan contoh (*precedent*) buat mempersiapkan Konstitusi Malaysia. Bahkan tujuan Malaysia didirikan pun, bagi orang Melayu, sebagiannya adalah didorong oleh hasrat mahu menyelesaikan masalah etnisitas yang mencirikan politik bernegara sejak 1957. Tetapi politik antara kumpulan-kumpulan etnis masih tetap bersifat kontes interrasial yang mencirikan sejarah pembentukan negara bangsa Malaysia. Keharmonian, keamanan, dan kesejahteraan yang dialami oleh rakyat Malaysia sampai kini, walau bagaimanapun, bisa dicapai justru karena prinsip tawar-menawar itu dijadikan landasan bernegosiasi di antara suku-suku bangsa dan komunitas yang menjurus kepada *power-sharing* (istilah Melayunya: perkongsian kuasa) antara mereka. Kelanjutan pendekatan politik konsosiasi inilah yang, hingga ke hari ini, menjadi pegangan elit politik Malaysia, baik yang dari partai-partai yang membentuk pemerintahan koalisi, mahupun yang dari partai oposisi.

Nota

[1] Makalah yang dibentangkan di Seminar Internasional anjuran ASPENSI (Asosiasi Pendidikan Sejarah, Indonesia), Bandung, 2 Nov. 2009. Justeru kerana penyampaiannya dalam bahasa Indonesia maka untuk bab ini bahasa asal yang digunakan telah dikekalkan.

[2] Lihat Benedict Anderson, *Imagined Commmunities. Refelctions on the Origin and Spread of Nationalism*, Revised Edition, Verso, London-New York, 1991 (eleventh impression, 2002), hal. 44 – 46.

[3] Nasionalisme sosial ditakrifkan sebagai ikatan sosial dan budaya lebih dari keturunan Misalnya, kebersamaan komunitas dan budaya menjadi ikatan bagi memberikan rasa setia dan sayang kepada nasion. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat James G. Kellas, *The Politics of Nationalism and Ethnicity*, MacMillann, London, 1991, hal. 51-52.

[4] Pada hari ini isu untuk melaksanakan sebuah sistem persekolahan nasional yang tunggal, yang memakai bahasa pengantar yang sama masih dipertengkarkan oleh partai-partai politik di Malaysia yang didukung oleh kelompok etnis yang berbeda-beda.

[5] Menurut Ibrahim Yaakub, Sutan Dejnain sendiri yang mengusulkan nama Kesatuan Melayu Muda.

[6] Untuk maklumat lanjut mengenai gerakan Kuomintang di Malaya, lihat C. F. Yong & R.B. McKenna, *The Kuomintang Movement in British Malaya 1912 – 1949*, Singapore University Press, 1990, *passim*.

[7] Unit uang yang pernah dipakai di Tiongkok.

[8] Di Singapura Konghucuisme telah mencetuskan nasionalisme Cina bagi seluruh Asia Tenggara. Pertubuhan pertamanya, iaitu sebuah persatuan agama yang bernama Khong Kauw Hwe, telah didirikan pada tahun 1898 atas usaha Dr. Lim Boen Keng dan Song Ong Siang. Lihat Lea E. Williams, *Overseas Chinese Nationalism. The Genesis of the Pan-Chinese Movement in Indonesia*, The Free Press, Glencoe, Illinois, 1960, hal. 54 – 56.

[9] Tung Meng Hui didirikan di Singapura oleh Dr. Lim Boen Keng pada tahun 1905. Ibid., hal. 56.

[10] PKM didirikan menurut langkah yang diambil oleh Mao Ze Dong yang telah mendirikan Partai Komunis Cina pada tahun 1921.

[11] Lihat T.N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge University Press, 2001 (paperback edition), , hal. 33.

[12] Dari tahun 1921 sampai tahun 1931 persentase penduduk Cina juga telah meningkat dari 22 persen menjadi 31 persen.

[13] Nama bagi negara bagian di Semenanjung Malaya yang diperintah British tetapi kedaulatan Raja Melayu diakui.

[14] Negeri-Negeri Selat diperintah secara langsung oleh British dan kepala administrasinya ialah Residen British. Rakyat Negeri Selat dianggap sebagai rakyat British.

[15] Tan Malaka, *Massa Actie*, Poestaka Moerba, Djakarta, 1947, (cetakan ulang dari naskah yang diterbitkan di Singapura dalam tahun 1926), hal. 66 -67.

[16] Lihat Ibrahim Hj. Yaacob, *Melihat Tanah Air*, Percetakan Timur, Kuantan, 1975 (cetakan ulang naskah huruf Arab, 1941), hal. 20.

[17] KRIS didirikan di Singapura pada sekitar Mei 1945 setelah Ibrahim dimaklumkan oleh pegawai Jepang, Yoichi Itagaki, yang berprofesi sebagai dosen di Universitas Hitotsubasyi (mengkhusus dalam bidang hal-ehwal Melayu) bahwa Kepala Staf Tentara Jepang telah

bersetuju Ibrahim mengatur persiapan untuk kemerdekaan Malaya.Cheah Boon Kheng, 'The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1945: Ibrahim Hj. Yaacob and the Struggle for Indonesia Raya', *Indonesia*, 28 (October) 1979, hal. 110-111.

[18] PKM mengambil inisiatif ini karena pada ketika tentara British masih belum mendarat di Malaya, pasukan gerilya komunis Cina telah mengambil aksi sepihak menghukum individu-individu Melayu yang berkolaborasi dengtan pemerintah militer Jepang. Sebagai akibat dari tindakan balas dendam ini orang Melayu di beberapa daerah telah menjalankan pogrom terhadap orang Cina. Peperangan rasial ini sangat mengkhawatirkan PKM dan justru karena itulah inisiatif diambil buat mendirikan PKMM atau Malay Nationalist Party itu.

[19] PKM telah mendermakan sekitar 100,000 Ringgit untuk tujuan itu. Lihat CO 537/4742 Federation of Malaya Political Report for January 1949. Tetapi satu sumber lain pula menyatakan pemberian dari PKM itu ialah antara 50,000 dan 60,000 Ringgit. Lihat Political Intelligence Journal, serial 13/48, hal. 477 dalam CO 537/3752.

[20] Hasrat mendirikan UMNO sebenarnya telahpun diungkapkan pada masa Kongres Melayu yang diadakan di Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada 1 – 4 Maret 1946. Lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal. 89.

[21] Sama halnya nama "Indonesia" dipakai untuk rupabangsa atau identitas nasional negara Indonesia. Tentang konsep 'Melayu' lihat Burhanudin Elhulaimy, *Asas Falsafah kebangsaan Melayu*, Tekad, Djakarta, 1963, *passim*.

[22] Atau 'Indo' jika di Indonesia.

[23] AMCJA yang asalnya bernama Pan Malayan Council of Joint Action didirikan pada 22 Desember 1946 dan dianggotai oleh organisasi kiri seperti Malayan Democratic Union, Malayan Communist Party, Federasi Sarekat Buruh Singapura, organisasi-organisasi dagang Tionghoa yang konsrvatif dan organisasi Tamil, termasuk partai Malayan Indian Congress. Penubuhan AMCJA ini berasaskan tiga prinsip, iaitu: i) bahwa Singapura harus diakui sebagai sebagian dari Malaya; ii) bahwa sebuah pemerintahan sendiri (*self-government*) harus diwujudkan; dan iii) bahwa hak kewarganegaraan yang sama bagi semua orang yang menanggap Malaya sebagai negara tetapnya harus diberikan.

[24] Seperti yang ditulis pada tahun 1945 oleh salah seorang pemimpin Cina yang terkenal, iaitu Tan Cheng Lock, yang kemudiannya menjadi Presiden Malayan Chinese Association, "Kaum non-Melayu yang tinggal di Malaya mempunyai sama hak untuk dianggap sebagai bumiputera, sama seperti orang Melayu dan orang-orang Malaysia [maksudnya Indonesia] yang tinggal [di Malaya] yang bersama-samanya membentuk kurang dari 50 persen dari seluruh populasi, dan mereka [golongan non-Melayu] pun wajar diberikan bagian yang sama dan mencukupi dalam pemrerintahan dan administrasi negara. Lihat Tan Cheng Lock, *Malayan Problems. From a Chinese Point of View*, Tannsco, Singapore, 1947, hal. 54.

[25] Kata 'Darurat' digunakan sebagai referensi kepada perang gerilya yang dijalankan oleh Partai Komunis Malaya dari tahun 1948 hingga 1960.Pada tahun 1947, keanggotaan PKM terdiri atas 11,000 orang Cina, 760 India dan sekitar 40 orang Melayu dan Indonesia. T. N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, hal. 144.

[26] Kepada setengah-setengah pihak 'Darurat' di dalam Federasi Malaya adalah sebetulnya masalah Cina. Penyelesaiannya hanya bisa dibuat lewat kerjasama penduduk Cina. Ada pandangan yang mengatakan bahwa untuk mendapatkan kerjasama orang Cina, komunitas itu harus diberikan kepercayaan dan kegairahan untuk berperan dengan lebih besar dalam Darurat iaitu dengan memberikan kepada mereka *privilege* (hak istimewa) yang akan membuat mereka merasakan kewajaran mengapa mereka

harus mempertahankannya iaitu dengan membuat mereka merasakan bahwa Malaya adalah negeri yang harus diberikan tumpuan kasih sayang mereka. Pandangan lain pula mengatakan bahwa justru sifat orang Cina yang sukar dibujuk maka hanya dengan cara paksa saja, iaitu dengan menggunakan segala kekuatan tentara, baru gerakan komunis yang mereka terajui bisa dipatahkan. Liahat Foreign Service Despatch, AMCONSUL, Kuala Lumpur, December 21, 1951.

[27] Persoalan memberikan fasilitas kepada orang Cina menjadi warganegara agar sebuah identitas Malaya bisa dilahirkan telah menyebabkan Dato' Onn berbalah dengan Menteri-Menteri Besar di negeri-negeri (negara bagian) Melayu. Perbantahan ini telahpun berlaku sejak bulan Nopember 1949 lagi.

[28] Komite ini yang dalam bahasa Inggerisnya bernama *Communities Liaison Committee*, didirikan pada bulan Januari 1949 atas inisiatif Komisaris Jenderal Malcolm MacDonald dengan keanggotaan 5 orang Melayu, dan 4 orang Tionghoa. Mulai Augustus ia dianggotai oleh 6 orang Melayu, 6 Tionghoa, dan seorang dari komunitas India, Eurasia, Srilanka, dan Europa. Walaupun pada mulanya komite ini bertindak sebagai forum yang mendiskusikan isu-isu yang berunusr konflik antara komunitas, tetapi lama kelamaan ia berfungsi sebagai badan yang membicarakan soal-soal politik, seperti kewarganegaraan, dasar pendidikan, perlaksanaan pemilihan perwakilan di dewan federasi dan majelis setempat serta mengemukakan saranan-saranan mengenainya.

[29] Tunku Abdul Rahman Putra, *Political Awakening*, Pelanduk Publications (1986), 2007, hal. 17–18.

[30] Kewarganegaraan lewat naturalisasi berarti seseorang yang telah mencapai usia 18 tahun bisa memohon untuk menjadi warganegara jika: i) telah berdiam di Fedeasi selama tidak kurang dari delapan daripasda dua belas tahun berturut-turut ii) mempunyai perwatakan yang baik; iii) dan bersumpah akan memberikan kesetiaan kepada Malaya dan iv) bisa bercakap dalam bahasa Melayu yang mudah.

[31] Menurut Ordonansi ini ada dua cara memperolehi kewarganegaraan Federasi. Pertama, ialah sebagai pemegang kerakyatan United Kingdom dan jajahan-jajahannya, dan dilahirkan di Negeri Selat (i.e. Pulau Pinang atau Melaka) ; kedua, seseorang bisa menjadi warganegara jika dia merupakan rakyat salah sebuah negera bagian yang diperintah oleh Raja Melayu.

[32] James Ongkili, *Nation-Building in Malaysia 1946-1974*, Oxford University Press, 1985, hal. 89.

[33] Ibid., hal. 101, nk.53.

[34] Oleh karena angka total penduduk ialah 5,705,952, maka ini berarti hanya sekitar 1,281,300 orang yang tidak termasuk dalam mana-mana kategori di atas. Tetapi bilangan mereka yang lahir di luar Malaya adalah 911,300 orang. Ibid., hal.90.

[35] Partai ini walau bagaimanpun hanya diterima untuk pendaftarn oleh *Registrar of Societies* (pendaftar serikat) pada 2 Nopember 1950 setelah investigasi yang rapi dilakukan untuk menentukan *bona fide*nya.

[36] Foreign Service Despatch No. 102, AMCONSUL, Kuala Lumpur

[37] Tunku Abdul Rahman Putra, *Political Awakening*, hal. 34.

[38] UMNO telah mengadakan pertemuan meja bundar bersama MCA untuk membincangkan pembentukan Perikatan sebanyak tiga kali. Kali pertama ialah pada 3 Februari 1952 di Kuala Lumpur. Ini dikuti dengan rapat UMNO-MCA pada 21Maret 1953 di Singapura; kali ketiga rapat diadakan di Johor Bahru pada 15 Maret 1953.

[39] Ketika mengetuai delegasi ke London, Tunku Abdul Rahman pada mulanya tidak menerima kerjasama dari Sekretaris Jajahan, Oliver Lyttleton; tetapi Tunku mendapat sokongan moral dari ramai anggota parlimen Britain mengenai tuntutannya untuk mendapatkan reform konsitusional di Malaya.

[40] Tuntutan partai Perikatan itu berasaskan beberapa perkara: i) Anggota yang terpilih mestilah tidak kurang dari 75 persen dari jumlah yang akan dipilih; ii) pejabat-pejabat pemerintah mestilah diberi izin berpartisipasi dalam politik; iii) semua orang yang lahir di dalam Federasi Malaya yang telah berdiam di Malaya selama lima tahun berturut-turut hendaklah dizinkan membuang suara; mereka yang lahir di Malaya tetapi bekerja di Singapura hendaklah diizinkan mengundi sekiranya mereka telah tinggal di Malaya selama tidak kurang dari tujuh tahun sebelum pemilihan umum; iv) pemilihan umum perlulah diadakan tidak lambat dari Nopember 1954; pemilihan mestilah berdasarkan undi mayoritas; anggota yang terpilih mestilah bisa di angkat menjadi Menteri dalam Kabinet Federasi. Lihat Tunku Abdul Rahman, *Political Awakening*, hal. 43.

[41] Partai Negara yang didirikan oleh Dato' Onn berpendirian 'Malaya untuk orang Melayu'.

[42] Ini menjadikan gabungan aliansi itu dikenali dengan nama Perikatan UMNO-MCA-MIC iaitu sejak waktu itu hinggalah ke tahun 1972 apabila partai Barisan Nasional menggantikan Perikatan.

[43] Namun begitu, ketika pemilihan umum tahun 1959 diadakan bilangan pengundi Cina telah meningkat ke angka 36 persen, dan India 7 persen; sedangkan undi Melayu merosot ke 57 persen. James Ongkili, *Nation-building in Malaysia*, hal. 129.

[44] Anggota-anggota yang lain terdiri dari Sir William McKell, seorang mantan Gubernur-Jenderal Australia, yang pernah menjadi Menteri Kehakiman, Hakim B. Malik, mantan Hakim Besar di Mahkamah Tinggi Allahabad, India, yang punya pengalaman luas dalam penafsiran undang-undang konstitusional, Hakim Abdul Hamid, seorang hakim Mahkamah Tinggi yang berpengalaman dari Pakistan Barat yang berpengalaman dalam membentuk Konstitusi Pakistan, dan Sir Ivor Jennings, bekas King's Counsel (Penasehat Raja) yang pernah memegang jabatan wakil rektor Universitas Cambridge. Jennings merupakan pakar *par excellence* (luar biasa) dalam Komisi itu dan telah banyak menghasilkan karya-karya penting mengenai hal-hal konstitusional. Mengenai metode membuat keputusan dan resolusi yang dihasilkan oleh Komisi Reid itu, lihat Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2002, hal. 109-110.

Glosari

Arogan	angkuh
Beasiswa	biasiswa
Fundamental	bersifat dasar atau pokok
Kamar dagang	dewan perniagaan
Kebijakan	dasar
Kebudayaan Hoabinh	artifak batu yang tersebar pada zaman akhir Paleolitik dan zaman Mesolitik sekitar milenium ke-10 dan ke-3 Sebelum Masihi di wilayah Vietnam, Laos, Thailand, Selatan China, Malaysia, dan Indonesia (khasnya Sumatera)
Kepedulian	sikap ambil peduli
Ketimbang vis-a-vis;	berbanding dengan
Komisaris	pesuruhjaya
Konstituante	kawasan pilihan raya, kawasan pengundian
Kota praja	pemerintahan munisipal
Memprakarsai	memulakan, mengambil inisiatif
Menggegerkan	menyebabkan heboh, menggemparkan
Mengejawantahkan	mewujudkan, memanifestasikan
Menyingkir	menyisih atau menepi
Miliun	juta
Milenium	tempoh masa seribu tahun
Ordonansi	ordinan, perintah, statut
Politik	konsosiasi sistem politik yang terbentuk atas kerjasama antara parti-parti yang berbeza haluan untuk tujuan berkongsi kuasa
Rekan	rakan
Rencana	rancangan
Sensus	banci, penghitungan jumlah sesuatu

Bibliografi

Abdul Malik Hanafiah. 1975. 'Sejarah Perjuangan Kesatuan Melayu Muda 1937-1945', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abdul Rahman Putra, Tunku. 1986. *Political Awakening*. (2007 cetakakan ulang). Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Abdul Wahab bin Jamaludin. 1977. 'Sejarah Pertumbuhan Partai-Partai Politik Kiri Melayu di Negeri Perak, 1945-1950', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Abdullah C. D. 2005. *Memoir Abdullah C. D. (Bahagian Pertama) Zaman Pergerakan Sehingga 1948*. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development.

Abdullah Hussain.1989. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Talib Ahmad. 2003. *The Malay Muslims, Islam and The Rising Sun: 1941-1945*. Kuala Lumpur: MBRAS.

Ahmad Boestamam. 1972. *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Kejora.

Ahmad Fauzi Basri et al. 1991. *Bumi Dipijak Milik Orang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmat Adam. 1995. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____. 1996. 'The Origins of the Name "Indonesia" and the Idea of Self-Government: Sources from The Indonesian Press", dalam Putu Davis (ed.), *Constructing a NationalPast: National History and Historiography in Brunei, Indonesia, Thailand, Singapore, the Philippines, and Vietnam.* Brunei: Universiti Brunei Darussalam, h. 219

_____. 1997. 'Budaya Popular dan Sepunya dalam Konteks Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan', Yaakub Hj. Johari et al., *Agenda Pembinaan Negara-Bangsa Malaysia dalam Era Kebangsaan*. Kota Kinabalu: Konrad Adenauer Foundation dan Sabah Institute of Development Studies.

_____. 2000. 'The Genesis of Socio-Political Consciousness in Sabah', Franz Knipping and Sud Conchirdsin (eds.), *Europe-Southeast Asia in the Contemporary World: Mutual Images and Reflections 1940s-1960s*. Baden-Baden: Namos Verlagsgesellschaft.

_____. 2009. *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letter (1780 - 1824). A Descriptive Account with Notes and Translation*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Al-Ikhwan, 16 Februrai 1931.

Aliran. 1982. 'What is National Culture?', Aliran, *Five Controversies: A Compilation*. Penang: Aliran Kesedaran Negara.

Amyot, Jacques. 1968. *The Chinese and National Integration in Southeast Asia*, Institute of Southeast Asian Studies, Faculty of Political Science, Chulalongkorn University, Bangkok.

Anderson, Benedict. 2002. *Imagined Communities. Reflections on the Origin and Spread of Nationalism* (edisi yang direvisi), (cetakan ke-11, 1991) London-New York: Verso.

Anderson, John. 1971. *Mission to the East Coast of Suamtra in 1923*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Ariffin Omar .1993. *Bangsa Melayu: Malay Concepts of Democracy and Community 1945 -1950*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Asia Raya, 8 September 1944.

Awang Had Salleh.1974. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British (dengan rujukan khas kepada Sultan Idris Training College)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ban Ah Kam. 2005. *The People's Constitutional Proposals for Malaya 1947*. Pusat Kajian Bahan Sejarah Kontemporari Tempatan, Kajang. (Disalin daripada naskhah asli dan dicetak semula dari Pejabat Rekod Kolonial di London).

Barnard, Timothy (ed.). 2004. *Contesting Malayness Malay Identity Across Boundaries*, Singapore: Singapore University Press.

Bastin, John. 2002. 'John Leyden and the Malay Annals', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society,* vol. lxxv, Part 2.

Belwood, Peter. 1997. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago* (revised edition). Honolulu: University of Hawaii Press.

Blackburn, Simon. 1996. *Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford: Oxford University Press.

Blagden, C.O. 1899. (cetak semula 1965). 'The name "Malayu"', *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, no. 32, June 1899, Kraus Reprint Ltd, Vaduz.

Blench, Roger. 2006. 'Why are Aslian-speakers Austronesian in culture?'. Paper presented at the Preparatory meeting for the International Conference on Austronesian Linguistics-3, Ecole-Francais d'Extreme Orient, Siem Reap, 28 – 29 June.

Blust, Robert. 1988. 'Malay Historical Linguistics: A Progress Report', *Rekonstruksi dan Caabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bonney, R. 1971. *Kedah 1771 - 1821, The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Burhanuddin Elhulaimy. 1963. *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*. Djakarta: Penerbit "Tekad".

Byungkok Soh. 2005. '*Semangat Kemelayuan* Ideology and Nation-Building in Malaya, 1920-1948'.

Chandra Muzaffar. 1979. *Protector?* Kuala Lumpur: Aliran.

Cheah Boon Kheng. 1979. 'The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1945: Ibrahim Hj. Yaacob and the Struggle for Indonesia Raya', *Indonesia*, 28 (October).

_____. 1979. *The Masked Comrades*. Singapore: Times Books International.

_____. 1983. *Red Star Over Malaya, Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press.

Chin Peng. 2003. *My Side of History*. Singapore: Media Masters.
Clutterback, Richard. 1973. *Riot and Revolution in Singapore and Malaya, 1945-1963*. London: Faber & Faber Ltd.
CO 537 Colonies, General: Supplementary, Orignal Correspondence.
CO 537/3751, Malayan Security Service Political Intelligence Journal, Jan.-April 1948.
CO537/3752 Political Intelligence Journal, serial 13/48.
CO537/4742 Federation of Malaya Political report, Januari 1949.
Coedes, George. 1968. *The Indianized States in Southeast Asia*. Honolulu: University Press of Hawaii.
Cohn, Bernard S. 1996. *Colonialism and its forms of knowledge: the British rule in India*. New Jersey: Princeton Unversity Press.
Cole, Fay-Cooper. 1945. *The Peoples of Malaysia*. New York: D. van Nostrand Co. Inc.,
Collins, James T. 1998. *Malay World Language, a short history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Colonial Office Records, di Public Record Office, London:
Crawfurd, John. 1967. (second impression). *History of the Indian Archipelago*, vol. 1, London: Frank Cass and Co. Ltd.
_____. 1971. (reprint). *A Descriptive Dictionary of the India Islands and Adjacent Territories*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
Cullamar, Evelyn Tan. 1998. 'Migration Across the Sulawesi Sea', *Proceedings of the Symposium on Human Flow and the Creation of New Cultures in Southeast Asia*. Tokyo: Institute for the Study of Languages and Cultures of Asia and Africa.
Daniel, G. P. 1995. *Dr. Ling Liong Sik and the Politics of Ethnic Chinese Unity*. Shah Alam: Federal Publications Sdn. Bhd.
Das, K. 1987. *Malay Dominance? The Abdullah Rubric*. Kuala Lumpur: K. Das Ink.
de Cruz, Gerald. 1993. *Rojak Rebel Memoirs of a Singapore Maverick*. Singapore: Times Books International.
Federation of Malaya (1951). *Report of the Committee on Malay Education*, Printed at the Government Press by G. A. Smith, Acting Government Printer.
_____. *Report of the Proceedings of the Legislative Council, Kuala Lumpur Wednesday and Thursday 19th and 20th September, 1951 at 10am.*, Government Printing Press, Kuala Lumpur.
Federation of Malaya Political Report no. 3, for January 1949.
Fernandes, Callistus. 1999. 'Colonial Knowledge and the Invention of Malay Identity in Colonial Malaya: A Restrospect'. *Akademika*, Bil. 55, Julai.
FIR no. 51 - 55 dan 61 (1947).
Foreign Service Depatch, AMCONSUL [American Consulate], Kuala Lumpur, December 1951.
Furnivall, J. S. 1956. *Colonial Policy and Practice*. New York: New York University Press.
Gordon, Shirle. 1967. 'Social Implications of Communalism'. *INTISARI*, vol. III, no. 2.
Gosling, L. A. Peter. t.t.. 'Changing Chinese Identities in Southeast Asia: An Introductory Review', Gosling, L.A. Peter & Linda Y.C. Lim (eds.), *The Chinese in Southeast Asia, vol. 2. Identity, Culture and Politics*. Singapore: Maruzen, Asia.
Guillot, Claude & Ludvik Kalus. 2007. *Batu Nisan Hamzah Fansuri*. Jakarta: Departemen Kebudayaan dan Pariwisata École française d'Extrême-Orient Forum Jakarta-Paris.
Gullick, J. M. 1969. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London: The Athlone Press, University of London.
Hall, D.G.E. 1968. *A History of Southeast Asia*, 3rd edition. London: Macmillan & Co. Ltd.
Hamilton, Alexander. 1970. *A New Account of the East Indies* (edited by Sir William Foster), vols. I-II, N.Israel/Amsterdam/Da Capo Press/New York.

Hanihara, Tsunehiko. 1992. "Dental and Cranial affinities among populations of East Asia and the Pacific: the basic populations in East Asia", IV, *American Journal of Physical Anthropology*. vol. 88 (2).

_____. 1993. "Population prehistory of East Asia and Pacific as viewed from craniofacial morphology: the basic populations in East Asia". VII *American Journal of Physical Anthropology*. vol. 91.

_____. 1994. "Craniofacial continuity and discontnuity of Far Easterners in the late Pleistocene and Holocene". *Jurnal of Human Evolution*, vol. 27.

_____. 1992b. "Negritos, Australian aborigines and the "Proto-Sundadont" dental patterns: the basic populations in East Asia", V. *American Journal of Physical Anthropology*, vol. 88.

Hanrahan, Gene Z. 1971. *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Harper, T.N. 2001. *The End of Empire and the Making of Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.

Harrison, Tom. 1972. "The Advent of Islam in West Borneo", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, volume xlv, part 1.

Hitchcock, Michael and Victor T. King. 1997. *Images of Malay-Indonesian Identity*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Hobsbawn, Eric. 1990. *Nations and Nationalism since 1870. Programme, Myth, Reality*. Cambridge: Cambridge Unversity Press.

Hose, Charles. 1988. *Natural Man: a record from Borneo*. Singapore: Oxford Unversity Press.

Hua Wu Yin [nama samaran].1983. *Class & Communalism in Malaya. Politics in a Dependent Capitalist State*. London: Zed Books Ltd., in conjunction with Marram Books.

Ibrahim Hj. Yaacob. [I. K. Agastja].195. *Sedjarah dan Perdjuangan di Malaya*. Jogja: Partij 'Nasional'.

_____. 1951. *Nusa dan Bangsa Melayu*. Djakarta: N.V. Alma'arif.

_____. 1957. *Sekitar Malaya Merdeka*. Djakarta: Kesatuan Malaya Merdeka, Bhg. Penerangan.

_____. 1975. *Melihat Tanah Air*. (cetakan ulang naskah huruf Arab, 1941). Kuantan: Percetakan Timur.

Ibrahim Mahmood. 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Idrus Hakimy Dt. Rajo Panghulu. 1978. *1000 Pepatah-Petitih, mamang, Bidal, Pantun, Gurindam*. Bandung: Penerbit P.T. Remaja Rosdakarya.

Insun Sony Mustapha. 1999. *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Hussein. 1990. *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Iwaichi, Fujiwara, F. Kikan. 1983. *Japanese Army Intelligence Operations in Southeast Asia During World War II* (Trans. Yoji Akashi). Kuala Lumpur: Heinnemann Asia.

Jones, S. W. 1953. *Public Administration in Malaya*. London & New York: Royal Institute of International Affairs.

Kellas, G. 1991. *The Politics of Nationalism and Ethnicity*. London: MacMillan.

Kessler, Clive S. 1989. "Archaism and Modernity: Contemporary Malay Political Culture", Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Khan, Joel S. 2004. 'The Premise of Difference: Race, culture, nation and cosmopolitan practice in (pen)insular Southeast Asia', revised text of lecture delivered at Anteneo de Manila University, 9 February.

Kho Thong Soon. 1994. 'Perkembangan Politik Orang Cina Tanah Melayu Antara Tahun 1948 – 1957', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan, Bangi.

Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945 – 1957*. Petaling Jaya: Institute for Social Analysis.

Kok Wee Kiat et al. 1990. *The Malaysian Challenges in the 1990's – Strategies and Development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Kratoska, Paul H. 1998. *The Japanese Occupation of Malaya*. London: Allen & Unwin.

Kua Kia Soong (ed.).1985. *National Culture and Democracy*. Petaling Jaya: Kersani Penerbit-Penerbit Sdn. Bhd.

Kuhn, Philip. 1997. 'The Homeland: Thinking About the History of Chinese Overseas', The Fifty-eighth George Ernest Morrison Lecture in Ethnology.

Lau, Albert. 1991. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. Singapore: Oxford University Press.

Lechner, Frank. 2005. 'Re-placing National Culture: Globalization and the Collective Identity in the Netherlands', ICIS Conference on Re-placing Cultures, 28 June.

Ling Liong Sik et al. 1988. *The Future of Malaysian Chinese*. Kuala Lumpur: Malaysian Chinese Association.

Macdonald, D. c. 1840. *Captain Macdonald's NARRATIVE of his Early Life and Services embracing an unbroken period of Twenty-Years. Extracted from his Journals & other Official Documents* (3rd Edition), Printed by Thomas Willey, Oxford Passage, Cheltenham.

Majlis, 1932, 1934, 1939.

McIntire, Angus. 1973. 'The 'greater Indonesia' idea of nationalism in Malaya and Indonesia', *Modern Asian Studies*, vol. 7, part 1, January.

Means, Gordon P. 1976. (2nd edition). *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton.

Milne, R. S., & Diane K. Mauzy. 1999. *Malaysian Politics under Mahathir*. London & New York: Routledge.

Milner, A. C. 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture anon the Eve of Colonial Rule*. Yucson: University of Arizona Press.

Mohammad Hatta. 1970. *Sekitar Proklamasi 17 Augustus 1945*. Jakarta: Tintamas.

_____. 1979. *Memoir*. Jakarta: Tintamas.

Muhammad Yamin. 1955. *Sumpah Indonesia Raja yaitu Uraian Tentang Rumusan dan Wudjud Sumpah Pemuda tanggal 28 Oktober 1928 untuk Membentuk Indonesia Merdeka*. Bukit Tinggi-Djakarta-Medan: N.V. Nusantara.

_____. 1957. *Sapta Darma* (cetakan ke-2). Bukit Tinggi-Djakarta-Medan: N.V. Nusantara.

Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol (1934 - 1959)*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ongkili, James. 1985. *Nation-building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford Unversity Press.

Oong Hak Ching.1993. 'British Policy and Chinese Politics in Malaya, 1942 - 1955', Ph.D. Thesis, University of Hull.

Oppenheimer, Stephen. 1999. *Eden in the East: the drwoned continent of Southeast Asia*. London: Phoenix.

Oxenham, Marc & Nancy Tayles (eds.). 2006. *Bioarchaeology of Southeast Asia*. Cambridge: Cambridge University Press.

Parti Gerakan Rakyat Malaysia. 1983. *Memorandum Mengenai Kebudayaan Parti Gerakan Rakyat Malaysia*. Penang: Parti Gerakan Rakyat Malaysia.

Pengarang Tak Diketahui. 1990. *Kurik Kundi Merah Saga, Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perikatan Pemuda Melayu di Luar Tanah Air (Penyusun). 1957. *Anak Melayu di Indonesia*. Djakarta: N.V. Gunung Agung.

Persatoean Indonesia, no. 8, 1 November 1928.

Poeze, Harry A. 1988. *Tan Malaka: Pergulatan Menuju Republik*, Jilid 1. Jakarta: PT Pustaka Utama Grafiti.

Poeze, Harry A. 1999. *Tan Malaka: Pergulatan Menuju Republik 1925-1945*. Jakarta: Yayasan Adikarya IKAPI dengan kerjasama The Ford Foundation.

Raffles, Lady Sophia. 1991. (reprint). *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles*. Singapore: Oxford University Press, Singapore.

Raffles, Thomas. 1818. "On the Malayu Nation, with a Translation of its Maritime Institutions", *Asiatick Researches, Or Transactions of the Society Instituted in Bengal for Inquiring into the History and Antiquities, Sciences and Literature, of Asia*, vol. 12. London: John Murray.

Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Ja'afar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1994. *Ahmad Boestamam, Satu Biografi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1996. *Burhanuddin al-Helmy, Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 2004. *Gerakan Radikalisme di Malaysia* (1938-1965). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Reid, Anthony. 2004. 'Understanding *Melayu* (Malay) as a Source of Diverse Modern Identities' dalam Timothy P. Barnard (ed.), *Contesting Malayness Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Press.

Riggs, Fred W. 1997. 'The Para-Modern Context of Ethnic Nationalism',

Roff, W. R. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.

_____. 1970. 'Indonesian and Malay Students in Cairo in the 1920's', *Indonesia*, vol. 9 (April).

Rusli Amran. 1981. *Sumatra Barat Hingga Plakat Panjang*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.

Rustam A. Sani. 1975. 'The Origins of the Malay Left - an analysis of the social roots', M.A. Dissertation, University of Kent at Canterbury.

_____. 2005. 'Class and Communal Lines. The Unsolved National Questions', kertas yang dibentangkan di Seminar "Socialism 2005: Malaysia", 9 – 11 September.

_____. 2006. 'Merdeka! But are we a nation yet?' *Aliran Monthly*. September 15.

Salazar, Zeus A. 1998. *The Malayan Connection Ang Pilipinas sa Dunia Melayu*. Palimbangan ng Lahi, Lunsod Quezon.

Shaharil Talib. 2001. 'Colonial Knowledge and Malaysia [sic] Society: Reappropriating the Epistemological Space', Edi Sediyawati dan Susanto Zuhdi (ed.), *Arung Samudra. Persembahan Memperingati Sembilan Windu A. B. Lapian*, Pusat Penelitian Kemasyarakatan dan Budaya Lembaga Penelitian Universitas Indonesia Bekerja Sama dengan Yayasan Adikarya IKAPI, Depok.

Shaharuddin Maaruf. 1984. *The Concept of Hero in Malay Society*. Singapore: Eastern Universities Press Sdn. Bhd.

Shamsul A. B. 1997.'The Economic Dimension of Malay Nationalism – The Socio-Historical Roots of the New Economic Policy and Its Contemporary Implications – ' dalam *The Developing Economies*, XXXV – 3 (September).

_____. 2004. 'A History of Identity, an Identity of a History: The Idea and Practice of 'Malayness' in Malaysia Reconsidered' dalam Timothy P. Barnard (ed.), *Contesting Malayness Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Press.

_____. 2006. 'The Identity of Malaysian Historiography. A Brief Refelection of an Anthropologist'. Teks Ucapan Dasar sempena Persidangan Kebangsaan Mengenai Sejarah Sarawak dan Sabah, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu (17 – 18 Mei).

Shellabear .1975. (penyelenggara). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sheppard, Tan Sri Dato' Dr. Mubin (ed.) .1992. *The MBRAS Book of Over 1,600 Malay Proverbs with Explanations in English*. Kuala Lumpur: MBRAS.

Shinozaki, Mamoru. 1975. *Syonan --- My Story, The Japanese Occupation of Singapore*. Singapore: Asia Pacific Press.

Silcock, T.H. and Ungku Aziz. 1950. 'Nationalism in Malaya', *International Secretariat Papers, Part 2*, Lucknow Conference, vol. 5.

Smith, R. B. and A. J. Stockwell (eds.). 1988. *British Policy and The Transfer of Power in Asia: Documentary Perspectives*. London: School of Oriental and African Studies, University of London.

Soeling Hindia, no. 1, 28 Februari 1926.

Stockwell, A. J. (ed.) 1995. *Malaya, Part I The Malayan Union Experiment 1942-1948* (British Documents on the End of Empire Project) London: HMSO.

_____(ed.). 1995. *Malaya, Part II The Communist Insurrection 1948-1953* (British Documents on the End of Empire Project). London: HMSO.

_____. 1979. *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942 – 1948*. Kuala Lumpur: MBRAS.

Suara Rakyat (versi Inggeris) Vol. 1, no. 4, December 1945

Suryadinata, Leo. 1997. *Ethnic Chinese as Southeast Asians*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Tan Cheng Lock. 1947. *Malayan Problems From a Chinese Point of View*. Singapore: Tannsco. G. H. Kiat & Co. Ltd.

Tan Malaka, t.t. [1947?]. *Dari Pendjara Ke Pendjara*, Djilid 2. Djakarta: Pustaka Murba.

_____. 1947. *Massa Actie*, Djakarta; Poestaka Moerba (cetak ulang dari naskhah yang diterbitkan di Singapura dalam tahun 1926).

Tan Malaka. 1991. *From Jail to Jail*, vols. I, II & III (edited & translated by Helen Jarvis). Athens, Ohio: Ohio University.

Tenas Effendy.1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

The Sun, Kuala Lumpur, August 23, 2007.

Thomaz, Luis Filipe, F. Rees. 2000. *Early Portuguese Malacca*. Macau: Macau Territorial Commission for the Commemorations of the Portuguese Discoveries.

Tibbets, G. R. 1979. *A Study of the Arabic Texts Containing Material on Southeast Asia*, E. J. Brill /Leiden & London (for the Royal Asiatic Society).

Tregonning, K. G. 1979. 'Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist', *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. x, no. 1, March.

Tunggul Alam, Wawan. 2003. *Demi Bangsaku: Pertentangan Bung Karno vs Bung Hatta*. Jakarta: Penerbit Gramedia Pustaka Utama.

Turnbull, C.M. 1980. *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*. Singapore: Graham Brash.

_____. 1987. 'The Post-War Decade in Malaya', *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*. Kuala Lumpur: MBRAS.

Vickers, Adrian. 2004. 'Malay Identity': Modernity, Invented Tradition and Forms of Knowledge' dalam Timothy P. Barnard, *Contesting Malayness Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Pess.

Wade, Geoff . 2005. *Southeast Asia in the Ming Shi-lu: an open access resource*, Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore, Singapore. (http://epress.nus.edu.sg/msl/)

Wan Abdul Kadir Yusoff dan Zainal Abidin Borhan (ed.) 1985. *Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Wang Gungwu. 1963. 'The Melayu in Hai Kuo Wen-Chien Lu', Wang Gungwu (2001), *Only Connect! Sino-Malay Encounters*. Singapore: Times Academic Press.

_____. 1968. 'Traditional Leadership in a New Nation, The Chinese in Malaya and Singapore' dalam Wang Gungwu (1992). *Community and Nation, China, Southeast Asia and Australia*. NSW: Allen & Unwin, St. Leonards.

_____. 2000. 'Memories of War: World War II in Asia', in Lim Pui Huen, P. and Diana Wong, *War and Memory in Malaysia and Singapore*. Singapore: I.S.E.A.S.

Williams, Lea E., 1960. *Overseas Chinese Nationalism. The Genesis of the Pan-Chinese Movement in Indonesia*. Illinois: The Free Press, Glencoe.

Wolters, W. O. 1967. *Early Indonesian Commerce: a study of the origins of Srivijaya*. Ithaca: Cornell University Press.

Yong, C. F. & R.B. McKenna, 1990. *The Kuomintang Movement in British Malaya 1912 – 1949*. Singapore: Singapore University Press.

Zaide, Gregorio F. 1957. *Philippine Political and Cultural History*, vol. 1. Manila: Philippine Education Company.

Zainal Abidin Ahmad (Za'aba). *Ilmu Mengarang Melayu* (edisi ejaan Rumi baharu, 2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuraina Majid (ed.).1994. *The Excavation of Gua Gunung Runtuh and the discovery of the Perak Man in Malaysia*. Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquities Malaysia.

Indeks

Abdul Karim Rashid 72
Abdullah C.D. 109
Abdullah Munsyi 24
Abdul Rahim Kajai 127, 137
Abu Bakar Ahmad 82, 95
Abu Bakar al-Bakir 38
Aceh 11, 15, 24, 32-35, 39
adat Melayu 28, 42
Adityawarman 29
Ahmad Boestamam 64, 65, 70, 71, 75, 76, 109, 115, 118, 119, 121, 124, 171
akhbar dan majalah Melayu 128
Akta Pendidikan 1961 141
Alamat Langkapuri 9
alam Melayu 1, 31, 151, 153
Al-Imam 36, 39, 137
Alimin 71, 83
All-Malaya Chinese Schools Management Committee 151
All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA) 113, 171
A. M. Azahari 104
Ambon 6, 9, 72
AMCJA-PUTERA 38, 115-118
Ampong Kerahu 99, 107
Andaman 2, 9
Angkatan Baru Sandakan 99
Angkatan Gaya Baru 99
Angkatan Pemuda Insaf (API) 82, 110
Angkatan Wanita Sedar (AWAS) 82
Arshad Asha'ari 109
Australoid 1-4
Australo-Melanesia 3, 4, 8
Austro-Asiatik 4
Austro-Melanesian 1, 4
Austronesia 1-9

Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia (BPUPKI) 76
Baharuddin Tahir 109
bahasa kebangsaan 30, 50, 130, 135, 139, 140, 154
bahasa Melayu 4-7, 9-11, 13, 15, 16, 19, 20-22, 24, 28-30, 42, 50, 53, 65, 75, 81, 82, 87, 97, 98, 102, 114-116, 122, 130, 131, 135, 136, 138, 140, 146-150, 157, 161, 173, 177, 178, 183
Bajau Laut 8
Balagnini 8
Bali 1, 9, 99, 107
Bangka 5, 6
Banjar 11
Banjarmasin 20, 33
banjir besar 6
Barisan Pemuda (atau BARIP) 96
Batak 1, 46, 73
batu bersurat Kuala Berang 31
berpendidikan Melayu 57, 71, 72, 81, 84
Betara Majapahit 23, 24
Betawi 20, 21, 58, 62
Bisaya 8, 9, 10
Boedisoetjitro 68, 69
Bongawan 96
Borneo 2, 4-9, 13, 20, 53, 60, 62, 74, 76, 77, 79, 94, 95, 97, 100-102, 104, 106, 128, 171
Brunei 1, 8, 10, 20, 32, 42, 67, 95, 96, 99, 101, 104-106

budaya politik Melayu 34, 41, 44, 45, 46, 49
Bugis 1, 9, 10, 11, 24, 34, 73, 99
Bukit Siguntang 22, 23
bumiputera Sabah 101, 105

cadangan Perlembagaan Persekutuan 116, 117
Champa 5, 20, 31, 42, 136
China 2, 6, 7, 9, 31, 32, 43, 70, 86, 118, 120, 129, 143, 167, 168, 169
China selatan 2
Cina Negeri Selat 121, 125, 129
citra Melayu 39
colonial knowledge 17, 18
Communities Liaison Committee (CLC) 132
Council of Joint Action (CJA) 111

Dahari Ali 64, 86
Darah Keturunan Arab 127
Darah Keturunan Keling 127
Darurat 38, 124, 132, 133, 137, 174, 178, 182
Dasar Ekonomi Baru 49, 134, 141, 161
Dasar Kebudayaan Kebangsaan 140-142, 152, 162
Dasar Pelajaran Razak 131
Dato' Abdul Razak 91, 131
Dato' Onn Jaafar 38, 90, 106, 110, 131, 146, 165, 174
Dato Panglima Bukit Gantang 50
Datuk Asri Muda 38
Datuk Seri Pekrama Raja 19
Datu Mustapha 104
Dayak 2, 4, 7
Demang Lebar Daun 22, 23, 29, 44
Dewan Perhimpunan Malaya 145, 156
Dewan Perniagaan Cina Se Malaya 114
diaspora Melayu 21
Diosdado Macapagal 73
Donald Stephens 101-104, 107
Dong Jiao Zhong 160
Dr. Burhanuddin al-Helmy 38, 64, 65, 78, 82, 86, 90, 115, 122
Dr. Lim Chong Eu 151
Dr. Ling Liong Sik 142
Dr. Mahathir Mohamad 153, 154
D.R. Seenivasagam 151
dunia Melayu 21, 25, 30, 31, 38, 74, 127
Dusun 1, 2, 10, 96, 101-105, 153, 154, 158

E. E. C. Thuraisingham 130
enakmen Islam 1904 36
Eunos bin Abdullah 128

Filipina 1-5, 7-9, 58, 60, 61, 69, 72-75, 85, 86, 88, 94, 106, 122, 136, 163
Fred Sinidol 101, 102

Garieb Raof 83, 91
gerakan islah 36, 37, 49
gerakan kebangsaan Melayu 56, 57, 97
Gerald de Cruz 116, 119, 121, 123
G. S. Sundang 104
gua Niah 4, 7
Gugusan Kepulauan Melayu 1, 7
Gyu-Gun 76

Haji Abdul Karim Amrullah 36
Haji Abdullah Ahmad 36
Hang Tuah 16, 24-26, 29, 53
Hassan Manan 68, 72, 75, 80, 90
Hikayat Hang Tuah 16, 24-26, 29, 53
hikayat Melayu 21-23, 28
Hindu-Buddha 3
Hiroshima dan Nagasaki 94
Hizbul Muslimin 38
Huaren 140
Huguan Siou 103

Ibanic 2, 4
Ibrahim Haji Yaacob 66
Ibrahim Kandu 19
Idaan 10
Idahan 31, 93, 106
identiti kemelayuan 11
identiti keMelayuan 134
identiti Melayu 11, 14, 17, 18, 23, 127
Ifugao 9
Iljas Ja'kub 74, 87
ilmu pengetahuan kolonial 18
Ilocano 9
Independence of Malaya Party (IMP) 134, 175
Indian Chamber of Commerce Singapore 112
Indo-China 6, 9
Indo-Malaysia 1
Indo-Malaysian Archipelago 12
Indonesia Raya 58-60, 64-67, 69, 70, 71, 73, 75, 78, 80, 84, 88, 96, 109, 112, 115, 119, 138, 167, 170, 182
Indo-Parsi 22, 30, 31
institusi 37, 43-46, 51, 52, 53, 100, 101, 179
Iranun 8, 10
Ishak Haji Muhammad 65, 73, 76, 90, 171
Islam 3, 8, 10, 11, 13, 16, 17, 20, 25, 30-38, 42, 46, 49, 50, 51, 53, 61, 62, 65-68, 72, 74, 85, 87, 90, 91, 93, 96, 99, 100, 101, 104-107, 119, 121, 136, 138, 140, 156, 163-168, 178, 179

Jah-hut 3
Jakun 3, 9
Jambi 5, 12, 15, 22, 24, 26, 29, 42, 53, 136
Jatidiri Melayu 25
Jawa 1, 4, 6, 7, 9-11, 15, 17, 20-22, 24, 28, 29, 31, 35, 43, 56, 57, 58, 61-64, 66, 67, 72-74, 76, 88, 89, 97, 136, 168, 170
Jawatankuasa Barnes 130, 147

Jawatankuasa Fenn-Wu 130, 148
Jawatankuasa Perundingan 114, 115
Jawi Peranakan 127, 137
Jesselton 96, 98-100, 102, 106, 107
John Eber 116, 119
Johor 6, 20, 24, 28, 33-35, 37, 39, 43, 49, 50, 76, 90, 91, 95, 108, 119, 121, 135-137, 172, 183
Johor-Riau 6, 24, 34, 39, 136
Johor-Riau-Lingga 24, 34, 39
Joseph Manjaji 102
Joseph Tinoi 102
J. Thivy 111
jus soli 118, 122, 133, 165, 174, 180

Kadazan 10, 13, 98, 101-105, 107, 142, 154, 158
Kadazandusun 101-104
Kadazan Youth Association 103
Kalimantan 5, 8, 21, 24, 35, 69, 89, 90, 95, 97
Kambuja 42, 43
kapitalisme 163
kaum muda 36, 49, 58
Kayan 2
K. Bali 99, 107
kebudayaan Hoabinh 2
kecapi mulut 2
Kelantan 20, 34, 46, 49, 88, 99
kelas menengah Melayu 49
Kemboja 20
kemelayuan 11, 16-18, 22, 126, 128, 131, 140, 173
Kemelesetan ekonomi 129
kepemimpinan Melayu 14, 51, 132, 135
kepulauan Asia Tenggara 1-3, 7-9, 11, 12, 27
kepulauan Indonesia 2, 69, 73
kepulauan Riau 5, 16, 21
kerajaan 8, 12, 15, 17, 19, 22, 24, 27, 29, 30-34, 36, 39, 42, 44, 45, 48, 49, 52, 53, 80, 95, 97, 98, 100, 103, 106, 110-118, 121-124, 126, 131-133, 138, 141, 143, 145, 147, 150, 151, 154, 160, 161, 164, 172, 178
kerajaan "Demokratik Rakyat Malaya" 80
Kesatuan Melayu Muda 37, 56, 57, 62, 63, 65, 68, 70, 71, 72, 85, 89, 90, 91, 129, 144, 167, 170, 181
Kesatuan Rakyat Istimewa [Indonesia] Semenanjung (KRIS) 77, 170
Khairat Jumaat Muslim 99
Kinarut 96
Komintern 61, 85
Kongres Kebudayaan Cina 152
Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 152, 155
Kongres Kebudayaan Melayu 159
Kongres Melayu Seluruh Malaya 50
Kongres Persatuan Perjuangan 62, 80
Kongres PKMM yang pertama 110
Korinci 11
Kota Belud 96, 98, 100
Kota Tampan 4
Kudat 96, 98, 102, 104, 105

Lahad Datu 31, 93
Laporan Barnes 130, 147, 148, 149, 150
Laporan Pelajaran Razak 150, 151
Lembah Bujang 31
Lenggong 4
Leong Yew Koh 151
Letnen Kolonel Abdullah Ibrahim 77
Lim Ching Yan 143
Lim Hong Bee 119
Lingga 21, 22, 24, 34, 39, 136
Lombok 4
Luzon 3, 6, 8, 9, 20, 21

Ma'ahad al-Ihya asSyarif 37
Madai 31, 93
madrasah 36, 37, 40
Madura 9
Maharaja Yong-le 32
Majapahit 23, 24, 29, 72
Majlis Agama Tertinggi Se Malaya (MATA) 38
Maktab Perguruan Sultan Idris 37, 96
Malaya 11, 17, 18, 19, 25, 27, 28, 30, 35-38, 40, 49, 50, 54, 56, 57, 59, 61-67, 69, 70, 72-85, 87-92, 94, 95, 100, 104, 106-125, 129-134, 136-140, 143-151, 156, 157, 159, 161, 165-184
Malayan Chinese Association 83, 132, 149, 174, 182
Malayan Chinese League 117
Malayan Democratic Union 111, 124, 182
Malayan Indian Congress 83, 111, 177, 182
Malayan People's Anti-Japanese Army 76, 80, 108, 144, 170
Malayan Union 30, 40, 49, 50, 73, 82, 94, 109, 110, 111, 112, 120, 121, 131, 138, 156, 172, 173
Malayic 2, 4, 5, 6, 7, 9
Malayic-Dayak 2, 4
Malayness 14, 16, 17, 19, 22, 26, 27, 126, 128, 131, 134, 136
Malayo-Polinesia 4, 5, 7
Malaysia 1-4, 13, 14, 17, 18, 25, 27, 30, 31, 35, 38, 41, 42, 46, 49, 50, 51, 65, 67, 69, 73, 84-86, 93, 94, 101, 104-108, 119, 126, 127, 134-137, 139, 140-143, 152-157, 160-167, 173, 174, 179, 180-184
Malaysian Unity Plan 141, 142
Malayu 12, 19, 21, 26, 42, 127
Malcolm MacDonald 118, 132, 137, 183
Mamak 11, 128
Mandailing 11, 24
Manila 13, 21, 61, 138
masyarakat majmuk 50, 127, 133, 136, 139, 152, 154, 164

Megat Iskandar Syah 32
Melaka 15, 16, 17, 19-25, 28, 29, 31-34, 39, 42, 43, 49, 53, 65, 66, 70, 80, 85, 93, 113, 117, 119, 123, 128, 129, 136, 151, 159, 169, 183
Melanesia 2-4, 7, 8
Melayu Brunei 10, 96, 99, 101, 105
Melayu-Deutro 9
Melayu-Jawa 20
Melayu-Proto 2-9
Melayu Raya 56, 58, 64, 65, 69, 71, 73, 75, 76, 78, 80-84, 124, 129, 132, 144, 167
Melayu Sri Lanka 9
Minangkabau 9, 11, 23, 24, 29, 35-37, 60, 64, 108, 124, 167
Mindanao 3, 8, 20, 73
Mohammad Hatta 78, 89
Mohd. Suffian Hashim 145
Mokhtaruddin Lasso 64, 65, 82, 108, 109, 171
Moloyu 12, 15
Moluku 6, 8
Mongoloid 1-5
Mongoloid klasik 3
Mon-Khmer 2, 4
Muara Takus 42
Muchtar Luthfi 74, 86, 87
multilingualism dan *multiculturalism* 160
Mustapha Hussain 63, 66, 68, 72, 75, 77, 79, 86-90, 121

nasionalisme Cina 130, 168, 181
nasionalisme Melayu 48, 50, 64, 110, 117, 124, 126, 130, 131, 134, 135, 143, 144, 148, 160, 166, 169, 170, 172
Natuna 6
Negeri-negeri Melayu Bersekutu 137, 145, 172
Negrito 2-4, 8, 9
Negros 3
North Borneo News and Sabah Times 102
Nusantara 1, 5, 12, 21, 24, 30, 35, 67, 89, 90, 144

Onan Haji Siraj 76, 78
Ong Kee Hui 104
Orang Asli 2, 3, 7-9, 12
Orang Kanak 9
Orang Laut 8, 9, 42
Orang Sama 8
Orang Samal 10
Orang Selat 42, 43
Orang Seletar 3, 9
Orang Sungei 10
Orang Wajak 4
Ordinan Pendidikan 1952 149

Paduka Raja 19, 43
Pahang 3, 20, 33-35, 39, 48, 71, 76, 80, 90, 91
Palawan 3
Palembang 5, 12, 15, 22-24, 33, 42, 44
Pampangan 9
Panay 3, 8, 20
pan-Islam 36, 61, 91
Pan-Malayan Council of Joint Action (PMCJA) 112
Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU) 112
Partai Indonesia Raya 65
Partai Kebangsaan Melayu Malaya 37, 82, 109, 132, 138, 167, 170
Partai Komunis Indonesia 58, 60-63, 66, 72, 85
Partai Nasional Indonesia 56, 65, 75
Parti Gerakan Rakyat Malaysia 142, 156
Parti Islam Se Tanah Melayu 38, 50
Parti Kebangsaan Melayu Labuan 82
Parti Kebangsaan Melayu Malaya 50, 57, 62, 64, 65, 83, 95, 109, 146
Parti Komunis Malaya 63, 64, 72, 82, 83, 91, 108, 109, 111, 120, 124, 129, 132, 138
Parti Kuomintang 129
Parti Rakyat Brunei 104
Pasai 31-33
Patani 20, 33, 35, 43, 84, 95
pelantar Sunda 9
Pemberontakan 1926/27 anjuran Partai Komunis Indonesia 62
pemberontakan Mat Salleh 93
pemerintahan Bintang Tiga 108
pendidikan Cina 51, 129-131, 149, 154, 158, 162
pengaruh Indonesia 56
Perhimpunan Indonesia 58, 65
Perikatan Pemuda Melayu di Luar Tanah Air 83, 91
perikatan UMNO-MCA 50, 146
perpaduan Melayu 49
Persatuan Belia Kadazan 103, 107
Persatuan Belia Melayu, Kuala Lumpur 68
Persatuan Islam di Tawau 99
Persatuan Kadazan 102-104
Persatuan Melayu Tawau 99, 107
Persatuan Sahabat Pena 98
Persekutuan Malaysia 30, 42, 84, 94, 104, 119, 140
Persidangan Pemuda Seluruh Malaya 78
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu 50, 82, 110, 171
Philip Hoalim Sr 119, 121
pilihanraya 1955 150
politik feudal Melayu 34
politik kiri 63, 109
politik perkauman 11
populasi Malaya 169
Pusat Tenaga Rakyat 38, 40, 65, 82, 112, 171
Putatan 96, 100
PUTERA-AMCJA 82, 113-117, 125, 132, 133, 138, 171, 173

Puteri Tanjung Buih 23

raja-raja Melayu 21, 28, 30, 34-36, 38, 45, 49, 50, 82, 110, 111, 136, 138, 146, 172, 177
Rashid Maidin 83, 109
Rawa 8, 11
Republik Indonesia 57, 62, 77, 79, 82, 83, 89, 90, 92, 94, 106
Richard Yap 103
rumpun Melayu 1, 3, 5, 8, 9, 10, 11, 20, 22, 23, 25, 37, 42, 53, 60, 62, 69, 73, 74, 81, 124, 127, 153

Sabah 2, 8, 10, 11, 27, 31, 53, 82, 84, 90, 93-107, 153-155, 158, 165
Samal Laut 8
San-fo-ch'i 15
Sang Nila Utama 23
Sang Supraba 23, 29, 44
Sanskrit 15
Sarawak 2, 4, 7, 27, 97, 104, 106
Sarawak United People's Party 104
Sejarah Melayu 16, 19, 21-23, 25, 28, 29, 31-33, 41, 43, 44, 53, 54, 136
Sekolah Pertanian Serdang 72
Selatan Thailand 107
selengut 2
Semai 3
Semang 3, 4, 8
Semenanjung Malaysia 2-4, 30, 143, 160
Semenanjung Tanah Melayu 2, 3, 7, 24, 36, 41, 56, 60, 63, 67, 73, 74, 83, 87, 99, 105, 108, 124, 140, 155
Seri Teri Buana 23
Seruan Azhar 37, 73, 74, 86
seruling hidung 2
Shih-li-fo-shih 15
Singapore Malay Union (SMU) 128
Singapura 1, 23, 24, 34-36, 40, 58, 60, 61, 63, 64, 66, 68, 69, 72, 73, 76-78, 80, 82, 84-86, 89, 90, 94, 95, 97, 99, 100, 104, 107, 111, 112, 114-117, 121-124, 128, 129, 132, 136, 138, 144, 145, 149, 159, 167, 169, 171, 173, 174, 181-184
Sino-Kadazan 10, 13, 103, 154
sistem nilai 38, 53, 139, 163
Society of Kadazans 102, 103
Sri Bhoja 15
Sri Maharaja 32
Sri Vishaya 8
Sriwijaya 8, 12, 15, 42, 136
Stamford Raffles 16, 20, 127, 136
Straits Chinese British Association 112
Sufi 31, 32
Sukadana 20
Sukarno 24, 56, 60, 75, 77-79, 81, 83, 84, 88, 89, 94, 119, 171
Sulalatu's-Salatin 29, 31
Sulawesi 6, 7, 8, 13, 21, 58, 72, 76, 89, 97
Sultan Alauddin Riayat Syah II 33
Sultan Idris Training College (SITC) 71
Sultan Iskandar Muda 33
Sultan Mahmud Syah 33, 34, 49
Sultan Mansur Syah 32
Sultan Muhammad Syah 32
Suluk 10
Sumpah Pemuda 56, 65, 67, 75, 90
Sunda Kelapa 20, 21
Sunda shelf 6
Sutan Djenain 63-65, 68, 72, 76, 82, 83, 91, 167
Syarbaza 15
Syarbuza 15
Syarikat Berpiagam Borneo Utara 94
Syeikh Ahmad Khatib 35
Syeikh Tahir Jalaluddin 35
Syiah 31
Syribuza 15

Tadau Kaamatan 103
Tagalog 9
Taiwan 2, 5, 6, 7, 163, 168
Tambelan 6
Tanah Melayu 2, 3, 7, 16, 17, 18, 24-26, 30, 36-38, 40, 41, 45, 48, 50, 56, 57, 60, 61, 63, 67, 71, 73, 74, 76, 83, 87, 94, 99, 104-108, 117, 122, 124, 128, 129, 131, 132, 137, 140, 142-147, 149, 155-157, 159, 160, 161, 169, 170, 171, 173, 176, 178-180
Tan Cheng Lock 90, 111, 113-119, 121-124, 132, 133, 143, 145, 151, 176, 178, 182
Tan Malaka 24, 58, 59, 60, 61, 62, 64-75, 81-86, 90, 91, 167, 170, 181
Tan Siew Sin 130
tarekat 34, 35
Tawau 96, 98-100, 107
Temuan 3, 9
Tenggara 1-4, 6-12, 27, 30, 31, 38, 41, 53, 61, 79, 85, 92, 94, 95, 97, 100, 104, 138, 168, 171, 181
Tengku Mahmood Mahyiddeen 145
Tengku Noordin 82, 95, 96, 106
teras kebudayaan kebangsaan 159, 160
Thailand 3, 5, 61, 67, 85, 107, 154, 158
Tidong 10
Timbalan 6
Tinggian 9
tongkungon 2
tube-zither 2
Tunku Abdul Rahman Putra 83, 91, 104, 107, 150, 158, 178, 183

'Undang-Undang Melayu' 19, 136
United Chinese School Committees Association of Malaysia 152
United Chinese School Teachers Association 148
United National Kadazan Organisation 104

United Sabah National Organization 105
Universiti Nanyang 149
Ustaz Abu Bakar al-Bakir 38

Vietnam 2, 5, 67, 94
Vincent Ligunjang 103

Wajah Selong 9
Wan Empuk 23, 29
Wan Malini 23, 29
Wan Sundari 23
Wenceslao Q. Vinzons 73
William Marsden 16, 27

Yoichi Itagaki 76, 181

zaman air batu 4, 11
zaman Pleistocene 2, 4